

R)

HAK-HAK DAN PERLINDUNGAN KE ATAS AHLI DI DALAM HAL-HAL MESYUARAT SYARIKAT

NOR HAYATI BINTI ABDUL SAMAT

TELAH DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA UNDANG-UNDANG
SECARA KURSUS DAN DISERTASI

Perpustakaan Universiti Malaya



A511810427

FAKULTI UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2004

PENGHARGAAN

Pertama-tamanya dipanjangkan kesyukuran kepada Yang Maha Esa kerana tanpa izinNya disertasi ini tidak mungkin dapat disempurnakan.

Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada Prof. Dato' P. Balan atas tunjuk ajar, dorongan, kesabaran dan ilmu yang diberikan dan dicurahkan di sepanjang penulisan disertasi ini.

Penghargaan juga diberikan kepada semua pegawai dan kakitangan Pejabat Suruhanjaya Syarikat Malaysia Cawangan Ipoh, Perak atas kerjasama yang diberikan.

Seterusnya kepada Puan Norzita bt. Rabaai dari NZ Management Services Sdn. Bhd., Encik Izman Kamal Ismail, Setiausaha Syarikat, Syarikat Majuperak Berhad, Encik Idris Salleh, Cik Noorashida dan Cik Goh atas segala ilmu, kepercayaan, kerjasama dan dorongan.

Tidak lupa juga kepada semua pegawai dan kakitangan Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya serta pegawai dan kakitangan Perpustakaan Undang-Undang Universiti Malaya dan Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa.

Penghargaan juga ditujukan kepada Cik Norizan binti Salleh selaku pembaca pruf kerana sanggup bertungkus-lumus untuk menyemak keseluruhan penulisan ini dalam jangka waktu yang singkat.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada majikan yang begitu bertolak-ansur dalam memberikan masa yang cukup untuk menyempurnakan pengajian dan Encik Alex dari Persatuan Orang-orang Buta Malaysia kerana semangat yang diberikan.

Akhir sekali kepada ibu, ayah dan seluruh kaum keluarga, seluruh rakan-rakan, Syahrul, Izat, Sarirah, Khadijah, Kak Noraza, Yuhanif, Eiza, Reina dan Sri Nara, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kerana sentiasa berada di sisi.

Nor Hayati bt. Abdul Samat
Ipoh, Perak
Januari 2004

ABSTRAK

Kurangnya minat di kalangan ahli untuk menghadiri mesyuarat syarikat bukanlah satu isu baru. Ahli yang pasif di dalam mesyuarat adalah satu senario biasa. Undang-undang adalah jelas nengenai kepentingan mesyuarat ahli dan peranan ahli di dalam mesyuarat. Walaupun undang-undang telah menyediakan hak-hak dan perlindungan ke atas ahli, dalam kebanyakan kes ahli sendiri yang gagal memanfaatkannya. Di sebalik kealpaan ini, satu kajian tentang bagaimana ahli-ahli dilindungi di dalam mesyuarat adalah penting kerana terdapat ahli minoriti yang mungkin didiskriminasikan atau ditindas oleh pihak majoriti. Adalah penting bagi ahli-ahli terutamanya pihak minoriti untuk memahami sepenuhnya hak-hak dan perlindungan yang diberikan oleh undang-undang kepada mereka.

Disertasi ini akan membantu ahli-ahli syarikat dan bakal pelabur-pelabur untuk lebih memahami hak-hak yang berkaitan dengan mesyuarat syarikat sepertimana yang diperuntukkan oleh *Common Law* dan Akta Syarikat 1965.

Disertasi ini akan membincangkan hak-hak dan perlindungan ke atas ahli sebelum, semasa dan selepas mesyuarat.

Disertasi ini juga akan membincangkan mengenai hak-hak ahli untuk membawa tindakan sekiranya berlaku sebarang ketidakadilan di dalam proses pemanggilan dan pengendalian mesyuarat syarikat.

Disertasi ini juga akan cuba menyemak sama ada terdapat kelemahan di dalam undang-undang yang terpakai ketika ini dalam memberikan hak-hak dan perlindungan ke atas ahli di dalam hal-hal mesyuarat syarikat.

ABSTRACT

Lack of interest among members to attend company meetings is not a new issue. Members acting passively in a meeting are a common scenario. The law is clear on the importance of a members' meeting and role of members in it. Although the law provides them with rights and protection, in most cases they fail to make use of them. Despite this apathy, a study on how members are protected at company meetings is important. This is because there are minority shareholders who may be discriminated against or oppressed by majority. It is important for members, in particular the minority, to fully understand their rights and the protection given to them by law.

This dissertation will assist existing company members and future investors to know more on their rights in company meetings as provided by the Common Law and the Companies Act 1965.

This dissertation will discuss the rights and protection before, during and after the meeting.

This dissertation will also discuss members' rights to bring an action in case injustice is done to them during the convening and conducting process of meetings.

This dissertation will also try to examine if there is any insufficiency in the existing law in providing rights and protection to members in relation to company meetings.

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	ii
Abstrak	iv
Abstract	v
Isi Kandungan	vi
Jadual Statut-Statut	xii
Jadual Kes-Kes	xii

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Objektif Kajian	3
1.2 Metodologi Kajian	4
1.3 Skop Kajian	5
1.4 Permasalahan Kajian	7

BAB 2 HAK MEMANGGIL, MENGHADIRI DAN MENERIMA NOTIS MESYUARAT

2.0 Pendahuluan	8
2.1 Hak Ahli Untuk Memanggil Mesyuarat	9
2.1.1 Mesyuarat Agung Tahunan	9
2.1.1(a) Seksyen 143 (4)(b)	11
2.1.2 Mesyuarat Agung Luar Biasa	14
2.1.2(a) Seksyen 144	16
2.1.2(a)(i) Hak ahli untuk membuat rekusisi	16
2.1.2 (a)(ii) Pemanggilan mesyuarat oleh ahli	21
2.1.2(b) Seksyen 145 (1)	23
2.2 Pemanggilan Mesyuarat Oleh Mahkamah	25
2.3 Notis Memanggil Mesyuarat	28
2.3.1 Orang Yang Berhak Menerima Notis	29
2.3.1(a) Ahli syarikat	30

2.3.1(b) Pihak ketiga	33
2.3.1(c) Pemegang syer keutamaan	34
2.3.2 Ketinggalan Dalam Memberikan Notis	36
2.3.3 Isi Kandungan Notis	38
2.3.3(a) Tempat, masa dan tarikh mesyuarat	39
2.3.3(b) Penyataan objektif mesyuarat	40
2.3.4 Kecacatan Pada Notis	45
2.3.5 Cara Penyampaian dan Tempoh Notis	46
2.4 Kesimpulan	51

BAB 3 HAK MENGUNDI

3.0 Pendahuluan	55
3.1 Asas Perlaksanaan Hak Mengundi	56
3.1.1 Siapa Yang Berhak Untuk Mengundi	57
3.1.2 Penggantungan Hak Mengundi	60
3.1.2(a) Di bawah peruntukan artikel persatuan	60
3.1.2(b) Semasa peperangan	61
3.1.3 Kewajipan Ahli Semasa Mengundi	63
3.2 Had Ke Atas Kebebasan Mengundi	66
3.2.1 Fraud Terhadap Minoriti	67
3.2.1(a) Merampas harta atau kepentingan syarikat	70
3.2.1(b) Merampas harta atau syer ahli	71
3.2.1(c) Melepaskan pengarah daripada liabiliti	73
3.2.2 Perjanjian Pemegang Syer	76
3.3 Metod Pengundian	79
3.3.1 Pengundian Dengan Cara Mengangkat Tangan	80
3.3.2 Pungutan Suara	82
3.3.2(a) Hak untuk meminta pungutan suara	83
3.3.2(b) Keputusan pungutan suara	85

3.4	Undi Pemutus	87
3.5	Kesimpulan	88
BAB 4	HAK UNTUK MELANTIK PROKSI DAN KUASA PROKSI	
4.0	Pendahuluan	92
4.1	Perlantikan Proksi	93
4.1.1	Siapakah Yang Layak Dilantik Sebagai Proksi	94
4.1.2	Borang Proksi	102
4.1.2(a)	Salah aturan pada borang proksi	106
4.2	Kuasa Proksi	111
4.3	Pembatalan Proksi	114
4.4	Wakil Korporat	116
4.5	Kesimpulan	118
BAB 5	HAK BERKAITAN DENGAN PEKELILING, BERUCAP DAN RESOLUSI MESYUARAT	
5.0	Pendahuluan	121
5.1	Pekeliling	122
5.1.1	Kelayakan Ahli Untuk Membuat Tuntutan	124
5.1.2	Syarat-syarat Lain	126
5.2	Hak Ahli Membuat Usul Dan Berucap Di Dalam Mesyuarat	129
5.3	Resolusi Yang Sah	132
5.4	Jenis-jenis Resolusi	136
5.4.1	Resolusi Biasa	136
5.4.2	Resolusi Khas	139
5.5	Resolusi Dan Keputusan Ahli Tanpa Mesyuarat	144

5.5.1	Resolusi Pekeliling	144
5.5.2	Keputusan Ahli Di Bawah Prinsip <i>Duomatic</i>	148
5.5.2(a)	Perkembangan konsep	149
5.5.2(b)	Syarat pemakaian Prinsip <i>Duomatic</i>	151
5.6	Minit Mesyuarat	154
5.7	Kesimpulan	156
BAB 6	HAK AHLI MINORITI UNTUK MEMBAWA TINDAKAN BERKAITAN DENGAN MESYUARAT	
6.0	Pendahuluan	160
6.1	Rukun <i>Foss lwn. Harbottle</i>	162
6.1.1	Rukun Plantif Yang Wajar	162
6.1.2	Rukun Pengurusan Dalaman	163
6.1.3	Kebaikan Dan Keburukan Rukun <i>Foss lwn. Harbottle</i>	164
6.1.4	Kekecualian Kepada Rukun <i>Foss lwn. Harbottle</i>	166
6.1.4(a)	Tindakan <i>Ultra Vires</i>	167
6.1.4(b)	Fraud Terhadap Minoriti	169
6.1.4(c)	Majoriti Khas	173
6.1.4(d)	Hak Persendirian	174
6.1.4(e)	Apabila Keadilan Kes Memerlukan	177
6.1.5	Perlukah Ada Modifikasi?	179
6.2	Tindakan Persendirian Ahli	182
6.3	Tindakan Terbitan	184
6.3.1	Prosiding Membawa Tindakan Terbitan	185
6.3.2	<i>Locus Standi</i> Sebagai Isu Permulaan	186
6.3.3	“Tangan Bersih”	189
6.3.4	Kos	191
6.4	Hak Di Bawah Statut	193
6.4.1	Seksyen 181	193

6.4.1(a) Alasan-alasan Tuntutan	194
6.4.1(b) Seksyen 181 Dan Hal-hal Mesyuarat Syarikat	197
 6.4.2 Penggulungan Syarikat	 200
6.4.2(a) Seksyen 218 1(f)	201
6.4.2(b) Seksyen 218 (1)(i)	202
 6.5 Kesimpulan	 204

BAB 7 KESIMPULAN

7.1 Hak Dan Perlindungan Ahli Di Dalam Hal-hal Mesyuarat Syarikat Serta Kepentingannya	207
7.2 Kelemahan Hak Dan Perlindungan	213
7.3 Operasi Seksyen 355	219
7.4 Hak Ahli Untuk Membawa Tindakan Berkaitan Dengan Mesyuarat	223
7.5 Kelemahan Hak Membawa Tindakan	226

BIBLIOGRAFI

230

JADUAL STATUT-STATUT

Australia

Corporations Act 2001

Companies Act 1961 (New South Wales)

Companies (Victoria) Code

England

Akta Syarikat 1929 (UK)

Akta Syarikat 1948 (UK)

Trading With Enemies Act 1939 (UK)

Malaysia

Akta Kebankrapan 1967

Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991

Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Pindaan 1972)

Akta Syarikat 1965

Akta Tafsiran 1948 dan 1967

Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980

Peraturan-peraturan Penyenaraian BSKL

Syarat-syarat Penyenaraian BSKL

Singapura

Akta Syarikat (Cap. 185)

Akta Syarikat (Pindaan) 1993

SENARAI KES-KES

A.N.Z. Nominees Limited lwn. Allied Resources Corporation Limited & Ors. (1984)
2 ACLC 783

Abdul Rahim bin Aki lwn. Krubong Industrial Park (Melaka) Sdn. Bhd. & Ors.
[1995] 3 MLJ 417

Alexander lwn Simpson (1890) 43 Ch.D. 139

Alor Janggus Soon Seng Trading Sdn. Bhd. & Ors. lwn. Sey Hoe Sdn. Bhd. & Ors.
[1995] 1 MLJ 241

Attorney General for Canada lwn. Standard Trust Company of New York [1917]
AC 498

Baillie lwn. Oriental Telephone and Electric Co. Ltd. [1915] 1 Ch. 503

Beattie lwn. E. & F. Beattie Ltd. [1938] Ch. 708

Betts & Co. Ltd. lwn. Macnaghten (1) [1910] 1 Ch. 430

Biala Pty. Ltd. & Anor lwn. Mallina Holdings Ltd. & Ors. (1993) 11 ACSR 785

Bin Hee Heng lwn. Management Corporation Strata Title No. 647 [1991] 3 MLJ 69

Branford lwn Branford [1970] Ch 212

Brown lwn. British Abrasive Wheel Co. Ltd. [1919] 1 Ch. 290

Burland lwn. Earle [1902] AC 83

Bushell lwn. Faith [1970] AC 1099

Byng lwn. London Life Association Ltd. & Anor [1990] 1 Ch. 170.

Chan Thiam Teng lwn. Ban Swee Heng Sdn. Bhd. [1992] 2 MLJ 583

Chio Tan Seng & Ors. lwn. Chong Chai Huat & Ors. [1997] 4 CLJ Supp. 116

Choppington Collieries Ltd. lwn. Johnson [1944] 1 All ER 762

Cook lwn. GS Deeks & Ors. [1916] 1 AC 554

Cousins lwn. International Brick Co. Ltd. [1931] 2 Ch. 90

Credit Development Pte. Ltd. lwn. IMO Pte. Ltd. [1993] 2 SLR 370

Daniels lwn. Daniels [1978] Ch. 406

Dato' Hamzah Abdul Majid & Anor lwn. Wembley Industries Holdings Bhd. [1998] 4 CLJ Supp. 471

Devereaux Holdings Pty. Ltd. lwn. Pelsart Resources NL & Anor [1986] 4 ACLC 12

Drown lwn. Gaumont-British Picture Corp Ltd. [1937] Ch. 405

East lwn. Bennett Brothers Ltd. [1911] 1 Ch. 163

Ebrahimi lwn. Westbourne Galleries Ltd. & Ors. [1973] AC 360

Edwards lwn. Halliwell [1950] 2 All ER 1064

Eley lwn. Positive Government Security Life Assurance Co. Ltd. (1876) 1 Ex D 88

Ernest lwn. Loma Gold Mines Ltd. [1896] 2 Ch. 572

Eromanga Hydrocarbons NL lwn. Australis Mining NL & Ors., (1988) 14 ACLR 486

Estmanco (Kilner House) Ltd. lwn. Greater London Council [1982] 1 WLR 2

Foo Yin Shung & Ors. lwn. Foo Nyit Tse & Brothers Sdn. Bhd. [1989] 2 MLJ 369

Foss lwn. Harbottle (1843) 2 Hane 461

Gibson lwn. Barton [1875] LR 10 Q.B. 329

Gray lwn. Lewis [1873] 8 Ch. App. 1035

Greenwell lwn. Porter [1902] 1 Ch. 530

Guan Seng Co. Sdn. Bhd. & Ors. lwn. Tan Hock Chan & Ors. (1990) MSCLC 90,551

Harben lwn. Phillips (1883) 23 Ch.D 14

Hawkesbury Development Co. Ltd. lwn. Landmarks Finance Pty. Ltd. (1969) 2 NSMLR 782

Henderson lwn. Bank of Australasia [1890] 45 Ch. 330

Herman lwn. Simon & Ors. (1990) 4 ACSR 81

Hickman lwn. Kent of Romney Marsh Sheep-Breeders' [1915] 1 Ch. 881

Huang Ee Hoe & Ors. lwn. Thong Thai King & Ors. [1991] 2 MLJ 51

- Humes Ltd. lwn. Unity APA Ltd. & Anor* [1987] 5 ACLC 15
- Hup Seng Co. Ltd. lwn. Chin Yin & Ors.* [1962] 28 MLJ 371
- Hurley & Anor lwn. BGH Nominees Pty. Ltd. & Ors.* (1982) 1 ACLC 387
- In re A Co.* [1983] Ch. 178
- In re Anglo-International Bank Limited* [1943] 1 Ch. 233
- In re Cowley & Co.* (1889) 42 Ch.D 209
- In re Duomatic Ltd.* [1969] 2 Ch. 365
- In re El Sombrero Ltd.* [1958] Ch.D 900
- In re English, Scotish and Australian Chartered Bank* [1903] 3 Ch. 385
- In re Express Engineering Works Ltd.* [1920] 1 Ch. 466
- In re George Newman & Co.* [1895] 1 Ch. 674
- In Re Hartley Baird Ltd.* [1955] Ch. 143
- In re Hector Whaling Limited* [1936] 1 Ch. 208
- In re Horbury Bridge coal, Iron & Waggon Co.* (1879) 11 Ch.D 109
- In re Imperial Bank of China, India & Japan* [1866] 1 Ch. App. 339
- In Re London Flats Ltd.* [1969] 1 WLR 711
- In re London Hamburg Continental Exchange Bank* (1867) 2 Ch. App. 427
- In re Noel Tedman Holdings Pty. Ltd.* [1967] QDR 561
- In re W.R Willcocks & Co. Ltd.* [1974] 1 Ch. 163
- In re West Canadian Colleries* [1962] 1 Ch. 370
- Indrani a/p C Rajaratnam & Ors. lwn. Fairview Schools Bhd.* [1997] 5 MLJ 267
- Isaacs lwn. Chapman* [1915] 32 TLR 183
- Isle of Wight Railway Co. lwn. Tahourdin* [1884] 25 Ch.D 320
- Jaya Medical Consultants Sdn. Bhd. lwn. Island & Peninsular Bhd. & Ors.* [1994] 1 MLJ 520
- Kaye lwn. Croydon Tramways* [1898] 1 Ch. 371

- Langton* lwn. *Forsayth Minneral Exploration NL* (1975) 1 ACLR 227
- Lee Eng Hock* lwn. *Malay-Siamese Prospecting Company Limited* [[1935] MLJ 63
- Lim Eng Rubber Factory (M) Sdn. Bhd.* lwn. *Lim Beng Yew & 4 Ors.* [1994] (3) AMR 45,2370
- Lim Hean Pin* lwn. *Thean Seng Co. Sdn. Bhd.* [1992] 2 MLJ 10
- Loch* lwn. *John Blackwood Ltd.* [1924] AC 783
- Low Son Siang* lwn. *Lee Kim Yong* [1999] 1 CLJ 529
- MacDougall* lwn. *Gardiner* (1875) 1 Ch.D 13
- Mozley* lwn. *Alston* (1847) 1 Ph. 789
- Musselwhite* lwn. *C.H. Musselwhite & Son Ltd.* [1962] 1 Ch. 964
- National Roads & Motorists' Association* lwn. *Parker* [1986] 4 ACLC 609
- Nell* lwn. *Longbottom* [1894] 1 Q.B. 767
- Northern Countries Securities Ltd.* lwn. *Jackson & Steeple Ltd.* [1974] 2 All ER 625
- North-West Transportation Co. Ltd.* lwn. *Henry Beatty* [1887] 12 App. Cas. 589
- Nurcombe* lwn. *Nurcombe* [1985] 1 WLR 370
- Oliver* lwn. *Dalgleish* [1963] 3 All ER 330
- Parker & Cooper Ltd.* lwn. *Reading* [1926] Ch. 975
- Pavlides* lwn. *Jensen* [1956] 1 Ch. 565
- Pender* lwn. *Lushington* (1877) 6 Ch.D 70
- Peter's American Delicacy Co. Ltd.* lwn. *Heath* (1939) 61 CLR 457
- Prudential Assurance Co. Ltd.* lwn. *Newman Industries Ltd. (No. 2)* [1982] Ch. 204
- Puddephatt* lwn. *Leith* [1916] 1 Ch. 200
- Quartz Hill Consolidated Gold Mining Co.* lwn. *Beall* [1882] 20 Ch.D 501
- R* lwn. *Wimbledon Local Board* [1882] 8 Q.B.D. 459
- Re a Co. (No. 0789 of 1987) ex parte Shooter* (1990) BCLC 384
- Re ABC Plastik Pty. Ltd.* (1976) 1 ACLR 446

Re Chi Ling & Sons Ltd. [1968] 1 MLJ 97

Re Compaction Systems Pty. Ltd. [1976] 2 NSWLR 477

Re Cumberland Holdings Ltd. (1976) 1 ACLR 361

Re Jermyn Street Turkish Bank Ltd. [1971] 3 All ER 184

Re Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn. Bhd. [[1978] 2 MLJ 227

Re LY Swee Co. Sdn. Bhd. [1970] 2 MLJ 107

Re M. Dalley Pty. Ltd. (1968) 1 ACLR 489

Re NBN Ltd. [1982] 1 ACLC 31

Re Semantan Estate (1952) Ltd. (1962) MLJ 285

Re Testro Bros Consolidated Ltd. [1965] VR 18

Re Totex-Adon Pty. Ltd. and the Companies Act [1980] 1 NSWLR 605

Regal (Hastings) Ltd. lwn. Gulliver & Ors. [1942] 1 All ER 378; [1967] 2 AC 134

Robson lwn. Premier Oil And Pipe Line Company Limited [1915] 2 Ch. 124

Rolled Steel Products (Holdings) Ltd. lwn. British Steel Corporation [1986] 1 Ch. 246

Roxy Electrix Industries (Malaysia) Bhd. lwn. Syarikat Nominee Bumiputra Sdn. Bhd. & Ors. [1989] 1 MSCLC 90,326

Russell lwn. Northern Bank Development Corporation Ltd. [1992] BCCLC 431; [1992] 3 All ER 161 House of Lords

Salmon lwn. Quin & Axtens Ltd. [1909] 1 Ch. 311; [1909] AC 442 House of Lords

Salomon lwn. Salomon & Co. Ltd. [1897] AC 22

Scotish Co-operative Wholesale Society Ltd. lwn. Meyer [1959] AC 324

Scott lwn. Frank F. Scott (London) Ltd. [1940] 1 Ch. 794

Shears & Anor lwn. Phosphate Co-operative Co of Aust. Ltd. (1988) 14 ACLR 747

Sidebottom lwn. Kershaw Leese & Ors. [1920] 1 Ch. 154

Simpson lwn. Westminster Palace Hotel Co. (1860) 8 HL Cas 712

Smith lwn. Croft (No. 2) [1988] Ch. 114

Smyth lwn. Darley (1849) 2 H.L. Cas 789

Stanham lwn. The National Trust of Australia (New South Wales) (1989) 15 ACLR 87

Tan Guan Eng lwn. BH Low Holdings Sdn. Bhd. & Ors. [1992] 1 MLJ 105

Tan Guan Eng & Anor lwn. Ng Kweng Hee [1992] 1 MLJ 487

Tan Keh Ho lwn. Telipok Lumber Industries Sdn. Bhd. & Ors. [1994] 2 CLJ 294

The Directors, & C, of The Ashbury Railway Carriage & Iron Co. lwn. Hector (1875) LR 7 HL 653

Tiessen lwn. Henderson [1899] 1 Ch. 861

Ting Chong Maa lwn. Chor Sek Choon [1989] 1 MLJ 477

Tong Keng Meng lwn. Inno-Pacific Holdings Limited & Anor [2001] 4 SLR 485

Wallersteiner lwn. Moir (No. 2) [1975] 2 WLR 389

Wayde & Anor lwn. New South Wales Rugby League Ltd. (1985) 3 ACLC 799

Wong Kim Fatt lwn. Leong & Co. Sdn. Bhd. & Anor [1976] 1 MLJ 140

Woodford lwn. Smith [1970] 1 WLR 806

Young lwn. Ladies' Imperial Club Ltd. [1920] 2 K.B. 523

BAB 1

PENGENALAN

Secara umumnya sesebuah syarikat adalah dianggap sebagai kepunyaan pemegang syerinya. Mereka juga disebut sebagai “ahli syarikat”.¹ Walau bagaimanapun ini tidak bermaksud bahawa segala aset dan liabiliti syarikat adalah di bawah milikan ahli-ahlinya. Ini adalah berdasarkan prinsip bahawa syarikat adalah satu entiti perundangan yang berasingan daripada ahlinya. “Milikan” di sini lebih berupa kepentingan yang mana bagi memeliharanya, Akta Syarikat 1965 mahupun artikel-artikel sesebuah syarikat menetapkan beberapa hak dan perlindungan ke atas kepentingan tersebut. Salah satu hak dan perlindungan yang dijamin perundangan itu ialah hak dan perlindungan yang berkaitan dengan hal-hal mesyuarat syarikat² atau lebih tepat lagi mesyuarat agung syarikat.

Mesyuarat agung adalah pertemuan ahli-ahlil syarikat untuk membincangkan dan meluluskan sesuatu urusan. Mesyuarat agung ialah salah satu daripada dua organ terpenting dalam perjalanan sesebuah syarikat. Satu lagi organ syarikat ialah lembaga pengarah. Secara teorinya mesyuarat ahli adalah organ terpenting di antara keduanya.³ Akan tetapi dari segi praktikalnya sebahagian besar daripada keputusan berkaitan dengan operasi syarikat adalah di bawah penguasaan lembaga pengarah. Malah di dalam amalan kesetiausahaannya syarikat sendiri, kuasa

¹ Seorang ahli tidak semestinya seorang pemegang syer dan begitulah sebaliknya. “Ahli syarikat” adalah pemegang syer yang namanya terkandung di dalam daftar ahli. Bagi maksud disertasi ini, kecuali dinyatakan sebaliknya, termasuk pemegang syer ataupun ahli membawa maksud pemegang syer yang namanya tercatat di dalam daftar ahli.

² Kecuali dinyatakan sebaliknya, istilah “mesyuarat syarikat” bagi maksud penulisan ini membawa maksud mesyuarat ahli-ahlil syarikat yang dipanggil mesyuarat agung syarikat di dalam istilah perundangan

³ Arjunan, Krishnan dan Low Chee Keong, Lipton & Herzberg's Understanding Company Law In Malaysia, (1995), hlm. 275.

adalah lebih menonjol dan seringkali kelihatannya fungsi mesyuarat agung hilang kepentingannya. Fenomena ini mungkin disebabkan oleh kuasa pengurusan syarikat yang begitu luas diberikan kepada lembaga pengarah. Ini menyebabkan lembaga pengarah lebih memainkan peranan yang penting dalam perjalanan sesebuah syarikat.

Walaupun begitu mesyuarat agung masih lagi satu mekanisme paling berkesan untuk ahli-ahli syarikat mengimbangi kuasa lembaga pengarah.⁴ Ini adalah kerana Akta Syarikat 1965 masih mengekalkan beberapa urusan-urusan penting di bawah kelulusan ahli terutamanya urusan-urusan yang melibatkan dasar asas syarikat. Malah kuasa untuk melantik dan memecat pengarah juga adalah di tangan ahli-ahli syarikat. Ini menjadikan mesyuarat agung masih mempunyai pengaruh yang besar dalam perjalanan sesebuah syarikat.⁵ Oleh yang demikian hak untuk hadir dan mengundi di dalam mesyuarat agung ini adalah amat utama dan menjamin agar kepentingan ahli-ahli akan terpelihara.

Malangnya kebanyakan ahli syarikat mengambil sikap menyerah bulat-bulat nasib mereka kepada lembaga pengarah, lantaran kebanyakan pengarah adalah juga merupakan pemegang syer terbesar syarikat. Mereka mungkin berpendapat bahawa lembaga pengarah atau pemegang syer majoriti lebih mengetahui apa yang terbaik untuk syarikat. Bagi mereka yang tinggal di luar bandar pula mungkin berpendapat adalah tidak praktikal untuk “berjalan jauh” hanya untuk pelaburan yang tidak

⁴ Gower, LCB (*et al.*), Gower's Principles of Modern Company Law, (Ed. 4, 1979), hlm. 527; Menurut Gower mesyuarat agung adalah kawalan terakhir untuk sesebuah syarikat.

⁵ Welling, Bruce, Corporate Law In Canada, (Ed. 2, 1991), hlm. 457, akan tetapi menurut beliau teori ini hanya praktikal di dalam syarikat-syarikat kecil sahaja dan tidak kepada syarikat-syarikat awam yang bersaiz besar. Ini mungkin berlaku kerana ahli bagi syarikat kecil lebih merasakan diri mereka sebahagian daripada syarikat sementara ahli syarikat awam lebih merasakan diri mereka hanyalah sebagai pelabur dan tidak ada kena-mengena dengan pengurusan syarikat.

seberapa. Kealpaan ini mungkin berlaku kerana kurangnya pengetahuan mengenai hak dan perlindungan ke atas ahli syarikat dari perspektif undang-undang. Kebanyakan mereka tidak tahu apakah hak mereka di dalam mesyuarat, bagaimanakah untuk melaksanakannya, apakah itu proksi, resolusi dan macam-macam lagi yang mungkin bagi mereka memeningkan kepala.

Adakah kita sebenarnya kurang bahan penerangan mengenai hak ahli? Mungkinkah masyarakat kita terlalu ghairah untuk menjadi sebahagian daripada “dunia korporat” sebagai lambang status sehingga mengambil mudah perkara-perkara yang lebih utama? Persoalan-persoalan inilah yang mencetuskan idea untuk penulisan ini yang akan cuba memperjelaskan hak dan perlindungan ke atas ahli-ahli syarikat di dalam mekanisme *check and balance* ini. Di samping itu juga, penulis akan cuba mengkaji sama ada peruntukan yang sedia ada telah memadai bagi melindungi hak ahli di dalam hal-hal mesyuarat syarikat dan implikasi penetapan beberapa perkara berkaitan dengan mesyuarat di bawah kuasa peruntukan artikel-artikel syarikat.

1.1 Objektif Kajian

Secara keseluruhannya disertasi ini adalah bertujuan untuk menambah khazanah penulisan perundangan di dalam bahasa kebangsaan kita iaitu Bahasa Melayu. Dengan disertasi ini adalah menjadi harapan penulis bahawa ia dapat menjadi rujukan ilmiah di dalam Bahasa Melayu yang masih berkurangan.

Walau bagaimanapun tujuan utama penulisan disertasi ini adalah untuk mengenalpasti dan membincangkan hak-hak ahli syarikat di dalam mesyuarat agung mengikut urutan prosedur iaitu sebelum, semasa dan selepas mesyuarat. Penulisan ini juga akan mengenangkan dan membincangkan amalan yang semakin popular terutamanya di kalangan syarikat sendirian berhad iaitu resolusi tanpa mesyuarat formal. Akhirnya, penulisan ini juga akan mengenalpasti mengenai perlindungan ahli minoriti daripada aplikasi rukun majoriti. Di sepanjang perbincangan, penulis juga akan cuba mengenalpasti sebarang kelemahan yang ada pada perundangan yang sedia ada yang boleh menjadi penghalang kepada ahli untuk menguatkuasakan hak mereka.

1.2 Metodologi Kajian

Metodologi penyelidikan kajian ini adalah berdasarkan penyelidikan perpustakaan di Universiti Malaya. Bahan-bahan diperolehi daripada buku-buku teks, kes-kes tempatan dan antarabangsa, artikel-artikel dan kertas-kertas seminar. Selain daripada itu, bahan-bahan juga diperolehi daripada laman-laman web yang berkaitan.

Oleh kerana sumber kes-kes tempatan yang berkaitan dengan penyelidikan ini amat terhad, banyak kes-kes luar negara terutamanya England dan Australia digunakan. Walau bagaimanapun skop kajian masih berasaskan kedudukan perundangan di Malaysia. Selain daripada itu, penyelidikan juga berdasarkan observasi penulis dalam amalan kesetiausahaannya syarikat. Ini termasuklah pengalaman dan kehadiran penulis di dalam beberapa mesyuarat syarikat.

1.3 Skop Kajian

Disertasi ini akan membincangkan hak-hak dan perlindungan ke atas ahli di dalam hal-hal mesyuarat syarikat. Oleh yang demikian, hanya topik-topik terpilih dan berkaitan sahaja akan diketengahkan. Topik-topik lain yang tidak relevan, walaupun penting di dalam perbincangan mesyuarat syarikat tidak akan dibincangkan. Topik-topik seperti korum dan agenda hanya akan disentuh secara am sahaja. Keseluruhan kajian akan memberi tumpuan kepada peruntukan-peruntukan di bawah Akta Syarikat 1965. Oleh yang demikian, semua seksyen yang disebut di sepanjang perbincangan adalah merujuk kepada Akta Syarikat 1965 kecuali dinyatakan sebaliknya.

Penulisan ini dibahagikan kepada beberapa bab yang mana susunannya adalah seperti berikut:

Bab 1 : Pengenalan

Bab ini akan memperkenalkan kajian, objektif, metodologi, permasalahan kajian dan sebagainya.

Bab 2 : Hak Memanggil, Menghadiri Dan Menerima Notis Mesyuarat

Bab ini membincangkan kehadiran ahli-ahli syarikat di mesyuarat, keadaan-keadaan di mana ahli syarikat berhak untuk memanggil mesyuarat secara sendiri dan melalui mahkamah dan rukun-rukun yang terpakai bagi notis memanggil mesyuarat.

Bab 3 : Hak Mengundi

Bab ini membincangkan mengenai asas kewujudan hak yang mutlak ini, kawalan ke atas perlaksanaannya dan metod perlaksanaannya, hak ahli untuk meminta pungutan suara dan kewujudan undi kedua atau undi pemutus.

Bab 4 : Hak Untuk Melantik Proksi Dan Kuasa Proksi

Bab ini membincangkan apakah yang dimaksudkan dengan proksi, siapakah yang layak menjadi proksi, perlantikannya, kuasa proksi dan pembatalan kuasa proksi. Ia juga akan menyentuh tentang wakil korporat.

Bab 5 : Hak Berkaitan Dengan Pekeliling, Berucap dan Resolusi Mesyuarat

Bab ini membincangkan mengenai hak ahli syarikat untuk mengedarkan pekeliling berserta dengan syarat-syaratnya. Ia juga akan menyentuh mengenai skop hak untuk berucap. Bab ini juga mengengahkan jenis-jenis resolusi dan kriteria-kriteria resolusi yang mengikat di samping pemakaian prinsip *Duomatic* sebagai salah satu cara mendapatkan keputusan ahli.

Bab 6 : Hak Ahli Minoriti Untuk Membawa Tindakan Berkaitan Dengan Mesyuarat

Bab ini membincangkan mengenai hak ahli untuk dilindungi daripada operasi rukun majoriti. Ia mengengahkan hak ahli minoriti untuk membawa tindakan sama ada di bawah *Common Law* maupun peruntukan statut serta permasalahannya.

Bab 7 : Kesimpulan

Bab ini akan merumuskan semua perbincangan terdahulu dan dalam beberapa hal mengenangkan saranan-saranan yang difikirkan sesuai.

1.4 Permasalahan Kajian

Masalah utama yang dihadapi oleh penulis ialah menterjemahkan bahan-bahan rujukan ke dalam Bahasa Malaysia. Adalah menjadi hasrat penulis untuk menyediakan satu bahan perundangan yang paling mudah dan senang difahami oleh semua golongan masyarakat, tanpa menjelaskan nilai ilmiahnya. Proses penterjemahan bahan dan penyusunan bahasa bagi mencapai matlamat tersebut adalah amat rumit dan memakan masa. Di samping itu juga hal-hal yang berkaitan dengan mesyuarat syarikat amat luas sehingga menyukarkan penulis untuk menentukan bahagian manakah yang betul-betul relevan untuk tajuk penyelidikan dan sejauh manakah perbincangan harus ditekankan.

Walau bagaimanapun, masalah tersebut telah diatasi dengan bantuan dan tunjuk ajar penyelia disertasi ini. Melalui perbincangan dengan beliau dan beberapa kenalan yang terlibat di dalam amalan kesetiausahaansyarikat, kritikan-kritikan ke atas beberapa aspek perundangan dapat dilunaskan.

BAB 2

HAK MEMANGGIL, MENGHADIRI DAN MENERIMA NOTIS MESYUARAT

2.0 Pendahuluan

Salah satu keistimewaan yang dijamin oleh Akta Syarikat 1965 di bawah seksyen 148 (1) dan artikel-artikel persatuan syarikat ialah hak untuk menghadiri mesyuarat agung syarikat. Mesyuarat agung yang dimaksudkan ialah Mesyuarat Agung Tahunan (selepas ini disebut sebagai MAT) dan Mesyuarat Agung Luar Biasa (selepas ini disebut sebagai MALB). Mesyuarat-mesyuarat ini adalah platform bagi ahli untuk mengetahui mengenai hal ehwal syarikat.

Walaupun notis memanggil mesyuarat dikeluarkan dengan tandatangan setiausaha syarikat, hakikatnya setiausaha hanya menjalankan arahan lembaga pengarah. Frasa “Dengan Perintah Lembaga”, yang terkandung di dalam setiap notis memanggil mesyuarat, membuktikan fakta tersebut. Kuasa pengarah untuk memanggil mesyuarat lebih bersifat tugas dan bukanlah kuasa yang eksklusif. Kegagalan atau keengganan pihak pengurusan untuk memanggil mesyuarat, memberikan hak kepada ahli dan mahkamah, untuk mengambil alih kuasa tersebut. Bab ini akan membincangkan hak-hak tersebut. Bab ini juga akan membincangkan mengenai notis, sebagai metod pemanggilan mesyuarat, yang mana ahli adalah pihak yang paling berhak untuk menerimanya.

2.1 Hak Ahli Untuk Memanggil Mesyuarat

Baik MAT mahupun MALB, kedua-dua mesyuarat ini mempunyai fungsinya yang tersendiri. Kedua-duanya juga mempunyai ciri-ciri yang berbeza berdasarkan peruntukan di bawah Akta Syarikat 1965 ataupun artikel-artikel persatuan syarikat. Walaupun berbeza tetapi kedua-duanya mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk memberi peluang kepada ahli sebagai pihak yang paling berkepentingan di dalam syarikat, untuk mengambil bahagian secara aktif dalam penentuan keputusan sesebuah syarikat. Berdasarkan objektif inilah ahli diberi hak untuk memanggil mesyuarat agung dalam keadaan tertentu walaupun pada dasarnya proses pemanggilan mesyuarat adalah di bawah kuasa pengarah syarikat.

2.1.1 Mesyuarat Agung Tahunan

Secara amnya, satu mesyuarat syarikat itu dianggap sebagai MAT jika ia nyatakan di dalam notis memanggil mesyuarat sebagai MAT.¹ Secara khususnya, MAT adalah satu mesyuarat ahli yang diadakan pada setiap tahun. Mesyuarat ini sangat penting untuk melindungi kepentingan dan hak ahli terutamanya pihak minoriti kerana dengan menghadiri mesyuarat ini ahli berpeluang untuk menyuarakan pendapat, cadangan atau bantahan mereka. Tidak dinafikan bahawa hak-hak ini boleh juga dilaksanakan di dalam MALB. Akan tetapi, MALB dipanggil atas budi bicara pengarah dan untuk memanggilnya sendiri, kebanyakan ahli minoriti tidak dapat memenuhi kelayakan yang ditetapkan oleh undang-undang untuk tujuan tersebut. Berbanding dengan MALB, MAT adalah satu keperluan statut. Walaupun

¹ Kang Shew Meng, Directors' & Shareholders' Guide on Annual General Meeting, (2000), hlm. 15.

Akta Syarikat 1965 mahupun Jadual ke 4 tidak menyebut secara langsung tentang kewajipan untuk memanggil MAT tetapi pengarah perlu memastikan syarikat mematuhi keperluan undang-undang. Ini adalah kerana di bawah seksyen 143 (4)(a), kegagalan syarikat untuk memanggil dan mengadakan MAT akan menyebabkan pengarah disabitkan bersalah terhadap Akta.

Oleh yang demikian MAT sangat tinggi maknanya untuk ahli kerana pengarah wajib memanggil MAT.² MAT juga memberi peluang kepada ahli untuk meminta penjelasan daripada lembaga pengarah mengenai tindakan dan ketinggalan mereka. Ia juga memberi peluang kepada ahli-ahli untuk meneliti akaun syarikat dan laporan juruaudit dan membuat pertanyaan mengenainya. Selain daripada itu, ahli-ahli juga berpeluang untuk membuat keputusan sama ada untuk atau tidak menyokong perlantikan pengarah dan juruaudit syarikat yang baru.

Jaminan kewajipan mengadakan MAT ini terkandung dengan jelas di bawah seksyen 143 (1). Seksyen ini menetapkan satu garis panduan yang menetapkan tiga syarat pemanggilan dan pengendalian sesuatu MAT. Syarat-syarat tersebut ialah seperti berikut:-

- a. MAT hendaklah diadakan pada setiap “tahun kalendar”; dan
- b. Jarak di antara satu MAT dengan MAT yang berikutnya tidak melebihi 15 bulan;
- c. MAT pertama bagi sesebuah syarikat hendaklah diadakan, tidak lewat dari 18 bulan dari tarikh syarikat itu diperbadankan dan dengan itu syarikat adalah dikecualikan dari syarat pertama di atas. Oleh itu MAT tidak perlu diadakan

² Gower, LC.B. (*et al.*), Gower's Principles of Modern Company Law, (Ed. 4, 1979), hlm. 528.

pada tahun syarikat diperbadankan atau tahun berikutnya selagi tidak melewati tempoh 18 bulan.

“Tahun kalendar” bagi maksud seksyen ini, membawa erti satu tempoh bermula dari 1hb. Januari³ dan berakhir pada 31hb. Disember.⁴ Dengan kata yang mudah, MAT mesti diadakan pada setiap tahun. Walaupun pada 31hb. Disember tempoh 15 bulan masih belum luput, MAT tetap mesti dijalankan untuk “tahun kalendar” tersebut. Seksyen 143 (2) menyatakan bahawa keperluan pematuhan kepada syarat-syarat di atas adalah mandatori kecuali dengan kebenaran Pendaftar Syarikat. Kegagalan mengadakan MAT akan menyebabkan syarikat dan setiap pegawainya⁵ melakukan kesalahan terhadap Akta dan boleh didenda sehingga RM5,000/- dan Penalti Ingkar⁶ sehingga RM100/-. Denda yang dikenakan kerana ingkar tidak mengecualikan syarikat dari mengadakan MAT yang tetap wajib diadakan.

2.1.1(a) Seksyen 143 (4)(b)

Peruntukan ini melindungi ahli terutamanya pihak minoriti dengan memberikan mereka hak untuk memohon kepada mahkamah supaya mengeluarkan arahan untuk MAT dipanggil. Seksyen 143 (4)(b) menyatakan bahawa:-

“Jika keingkaran dilakukan di dalam mengadakan MAT:-

- (b) Mahkamah boleh atas permintaan mana-mana ahli memerintahkan agar mesyuarat agung dipanggil.”

³ Tafsiran ini dapat juga dilihat di dalam Akta Tafsiran 1948 dan 1967, seksyen 3.

⁴ Gibson lwn. Barton (1875) LR 10 Q.B. 329.

⁵ “pegawai” menurut seksyen 4 Akta Syarikat 1965 termasuklah pengarah, setiausaha syarikat dan pengurus.

⁶ “Penalti Ingkar” bermaksud penalti tambahan yang dikenakan kerana meneruskan kesalahan selepas disabitkan. Ia dikenakan atas kadar mengikut bilangan hari yang ingkar.

Menurut Walter Woon di dalam bukunya *Company Law*, hak ahli untuk membuat permohonan di bawah seksyen ini adalah hak mutlak.⁷ Tidak seperti peruntukan-peruntukan lain, seksyen 143 (4)(b) menggunakan perkataan “mananya ahli”. Ini memberikan hak kepada kesemua ahli syarikat untuk membuat permohonan tanpa perlu mempunyai jumlah pegangan syer yang tertentu.

Elemen utama yang perlu dibuktikan oleh ahli semasa membuat permohonan di bawah seksyen ini adalah berlakunya “keingkaran” oleh pengarah atau lembaga pengarah di dalam mengadakan MAT. Di dalam kes *Re NBN Ltd.*,⁸ permohonan telah dibuat kepada mahkamah untuk mengarahkan syarikat untuk mengadakan MAT di bawah seksyen 136 (4)(b) Akta Syarikat 1961 (New South Wales), (peruntukan yang *pari materia* dengan seksyen 143 (4)(b)). Walau bagaimanapun pada masa permohonan dibuat, tempoh akhir untuk mengadakan MAT bagi tahun tersebut masih belum berakhir. Permohonan dibuat atas rasa kebimbangan ahli bahawa syarikat tidak akan dapat mengadakan MAT dalam jangka masa yang ditetapkan kerana akaun syarikat masih belum disediakan. Mahkamah di dalam kes ini telah menolak permohonan tersebut kerana elemen “keingkaran” di dalam seksyen 136 (4), telah gagal dibuktikan. Fakta bahawa syarikat telah membuat permohonan lanjutan masa kepada Suruhanjaya Hal Ehwal Korporat (bagi maksud Akta Syarikat 1965, Pendaftar Syarikat), di bawah seksyen kecil (2), tidak boleh diketepikan. Sekiranya Suruhanjaya tersebut meluluskan permohonan lanjutan masa, MAT masih boleh diadakan pada tahun berikutnya. Kuasa mahkamah untuk mengarahkan MAT dipanggil, hanya boleh dijalankan setelah berlakunya “keingkaran” dan tidak sebelumnya. Ini adalah kerana sekiranya mahkamah

⁷ Woon, Walter, *Company Law*, (Ed. 2, 1997), hlm. 190.

⁸ (1982) 1 ACLC 31.

mempunyai kuasa untuk mengarahkan MAT dipanggil, sebelum berlaku “keingkaran”, ianya akan menafikan kuasa Suruhanjaya di bawah seksyen kecil (2).

Persoalan yang mungkin timbul di sini ialah, apakah kesannya seksyen 143 (4)(b) tersebut yang menyebut bahawa “Mahkamah boleh”, (*the court may ...*). Perkataan “boleh” di sini menimbulkan tanda tanya sama ada kuasa mahkamah di bawah seksyen ini adalah merupakan kuasa budi bicara. Maksud sebenar perkataan “boleh” di dalam peruntukan ini tidaklah dapat dipastikan dengan jelas. Ada kemungkinan perkataan tersebut digunakan bagi menunjukkan bahawa mahkamah mempunyai kuasa untuk atau tidak mengarahkan MAT dipanggil, bergantung kepada pembuktian oleh pemohon kepada mahkamah bahawa MAT perlu dipanggil. Loh Siew Cheang di dalam bukunya bertajuk *Corporate Powers, Accountability* menyatakan bahawa kuasa mahkamah tersebut bukanlah kuasa budi bicara. Beliau memberikan dua alasan terhadap pendapat tersebut.⁹ Pertamanya, oleh kerana mengadakan MAT adalah merupakan satu keperluan statutori, keengganan mahkamah untuk mengeluarkan perintah adalah sama seperti memaafkan satu keingkaran statutori. Kedua, di bawah seksyen 143 (2), syarikat boleh memohon kepada Pendaftar Syarikat untuk memberikan lanjutan masa bagi mengadakan MAT. Sekiranya lanjutan masa tidak dibenarkan, keengganan mahkamah mengeluarkan perintah secara tidak langsung menafikan keperluan untuk membuat permohonan lanjutan masa sebelum tamat tempoh untuk mengadakan MAT.

⁹ Loh Siew Cheang, *Corporate Powers, Accountability*, (Ed. 2, 2002), hlm. 1031.

Walau apapun maksud sebenar perkataan “boleh” tersebut, apa yang pasti, ahli yang ingin membuat permohonan di bawah seksyen 143 (4)(b) ini, perlu membuktikan bahawa keingkaran telahpun berlaku. Mereka perlulah memastikan bahawa syarikat telah gagal mengadakan MAT di dalam tempoh yang ditetapkan. Syarikat juga telah gagal mengambil sebarang usaha untuk memohon lanjutan masa untuk mengadakan MAT. Sekiranya permohonan telah dibuat dan ditolak oleh Pendaftar, syarikat masih meneruskan keingkaran untuk mengadakan MAT. Pembuktian semua fakta ini sangatlah penting kerana kegagalan ahli untuk membuktikannya boleh menyebabkan pembaziran kos membawa tindakan mahkamah di pihak pemohon. Oleh yang demikian, ahli syarikat terutamanya pihak minoriti perlu memanfaatkan sepenuhnya seksyen 143 (4)(b) untuk melindungi hak mereka untuk menghadiri MAT.

2.1.2 Mesyuarat Agung Luar Biasa

Di dalam tempoh di antara satu MAT dengan MAT yang berikutnya, kadangkala syarikat mempunyai urusan yang memerlukan kelulusan ahli dengan segera. Oleh itu satu mesyuarat agung, yang dipanggil Mesyuarat Agung Luar Biasa akan diadakan. Akta Syarikat 1965 tidak memberikan takrifan yang khusus mengenai MALB ini. Walau bagaimanapun artikel 43 Jadual ke 4 menyatakan bahawa semua mesyuarat agung, selain daripada MAT adalah MALB. Disebut “Luar Biasa” mungkin kerana urusan-urusan yang ditransaksikan di dalamnya bukanlah urusan biasa MAT.

Tidak ada had yang dikenakan ke atas bilangan MALB yang boleh dipanggil dalam tempoh setahun. Akan tetapi kekerapan mengadakan MALB, mungkin akan memberikan gambaran negatif terhadap kecekapan pengurusan syarikat dalam merangka hala tuju syarikat dalam tempoh tersebut. Sekiranya Jadual ke 4 diterima pakai, artikel 44 menyebut bahawa pengarah mempunyai kuasa untuk memanggil MALB sekiranya difikirkan perlu. Biasanya MALB akan dipanggil apabila sesuatu perkara itu memerlukan resolusi ahli dengan segera. Keperluannya begitu mendesak, sehingga tidak dapat menunggu MAT untuk diadakan. Contohnya di dalam kes di mana juruaudit meletakkan jawatan sebelum tamat tempoh. Memandangkan peranan juruaudit syarikat amat penting dalam memeriksa penyata kewangan syarikat, kekosongan jawatan juruaudit amat dipandang serius. Menurut seksyen 172 (15), pengarah hendaklah memanggil mesyuarat agung secepat mungkin, selepas menerima notis niat untuk meletakkan jawatan.

Artikel 44 seterusnya menyebut bahawa MALB juga akan dipanggil apabila mendapat rekusisi daripada ahli. Hak ahli untuk membuat rekusisi ini adalah satu hak statutori yang diberi di bawah seksyen 144 (1). Kegagalan lembaga pengarah untuk menjalankan tugas memanggil MALB memberi ruang kepada ahli untuk campurtangan. Hak ahli untuk memanggil MALB terkandung di dalam dua peruntukan Akta Syarikat 1965, iaitu:-

- a. Seksyen 144
- b. Seksyen 145 (1)

2.1.2(a) Seksyen 144

Seksyen ini sangat penting bagi perlindungan semua ahli termasuklah ahli minoriti kerana ia memberi peluang kepada mereka untuk meminta pengarah-pengarah memanggil MALB jika mereka memenuhi kelayakan yang ditetapkan oleh Akta Syarikat 1965. Ia juga membolehkan mereka memanggil mesyuarat jika pengarah menolak permintaan mereka tersebut. Apa yang penting sekali, ahli yang layak tidak perlu membayai perbelanjaan untuk mengadakan mesyuarat itu. Menurut seksyen 144 (4), segala perbelanjaan munasabah yang ditanggung oleh ahli hendaklah dibayar oleh syarikat.

2.1.2(a)(i) *Hak ahli untuk membuat rekusisi*

Hak ahli untuk meminta pengarah memanggil MALB disebut di dalam seksyen 144 (1). Walau bagaimanapun ahli-ahli perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh seksyen ini. Seksyen 144 (1) menyebut bahawa pengarah-pengarah mesti memanggil MALB seberapa segera yang praktikal, tetapi tidak lebih daripada dua (2) bulan, selepas syarikat menerima rekusisi ahli tanpa mengira apa juga peruntukan artikel-artikel syarikat. Terdapat dua syarat yang perlu dipenuhi oleh ahli sebelum boleh memaksa pengarah syarikat memanggil MALB. Syarat pertama ialah, rekusisi yang disimpan (*deposited*) oleh ahli mestilah satu rekusisi yang sah. Syarat kedua ialah rekusisi tersebut dibuat oleh ahli yang layak untuk berbuat demikian.

Rekusisi yang dimaksudkan oleh seksyen ini ialah notis bertulis kepada pengarah yang memerlukan supaya satu mesyuarat itu dipanggil.¹⁰ Seksyen 144 (2) menggariskan tiga (3) elemen yang perlu ada di dalam sesuatu rekusisi yang dimaksudkan oleh seksyen 144 (1) iaitu:-

- a. rekusisi tersebut mestilah menyatakan objek mesyuarat;
- b. rekusisi tersebut mestilah ditandatangani oleh penyimpan (*depositor*) rekusisi; dan
- c. rekusisi tersebut mestilah disimpan di pejabat berdaftar syarikat.

Elemen pertama yang perlu dipenuhi oleh sesuatu rekusisi tersebut ialah ia mestilah menyatakan tujuan mesyuarat perlu dipanggil. Ia boleh disertakan dengan beberapa dokumen jika perlu, bagi menerangkan maksud ahli. Penyataan objek ini tidaklah perlu dinyatakan dengan begitu rumit. Mahkamah mengambil pandangan yang lebih liberal mengenai perkara ini. Selagi rekusisi tersebut menyatakan objek yang sah untuk dicapai, keperluan seksyen ini telah dianggap sebagai dipenuhi. Ini adalah penting kerana, jika objek yang disebut di dalam rekusisi itu merupakan satu urusan yang walau dengan apa cara sekalipun tidak dapat dijalankan dengan sah, pengarah mempunyai justifikasi untuk tidak memanggil mesyuarat.¹¹

Di dalam kes *National Roads & Motorists' Association lwn. Parker*,¹² artikel-artikel syarikat memperuntukkan bahawa rekusisi yang disimpan bukan sahaja perlu menyatakan objek tetapi juga perlu menyatakan resolusi yang ingin diluluskan. Hakim McLlland menetapkan bahawa walaupun rekusisi tidak menyatakan resolusi yang ingin diluluskan dan peruntukan artikel-artikel syarikat

¹⁰ Woon, Walter, Undang-Undang Syarikat, (Terjemahan Aishah Hj. Bidin), (2000), hlm. 158.

¹¹ *Isle of Wight Railway Co. lwn. Tahourdin* (1884) 25 Ch.D 320, per Hakim Fry LJ, hlm. 334.

¹² (1986) 4 ACLC 609.

telah tidak dipatuhi ia tidak bermakna bahawa rekusisi tersebut “tidak baik” bagi maksud seksyen 144 (2). Seksyen tersebut hanya mengkehendaki rekusisi menyatakan objek mesyuarat. Dengan kata lain, peruntukan artikel-artikel syarikat tidak boleh mengatasi peruntukan statut dengan menetapkan syarat yang membebankan.¹³

Rekusisi tersebut juga mestilah dibuat atas objek yang *bona fide*. Ianya bukanlah bertujuan untuk mengganggu syarikat. Menurut Hakim Beach di dalam kes *Humes Ltd. lwn. Unity APA Ltd. & Anor*,¹⁴ rekusisi ahli hanya boleh dikatakan sebagai *mala fide* sekiranya ia mempunyai tujuan yang lain selain daripada mendapatkan kelulusan untuk resolusi yang dinyatakan di dalam rekusisi tersebut. Di dalam kes ini, *Unity* telah menyimpan rekusisi bertujuan meminta pemanggilan mesyuarat agung *Humes* mengikut seksyen 241 *Companies (Victoria) Code* di Australia yang sama dengan seksyen 144. Rekusisi tersebut menyatakan objek mesyuarat untuk memecat pengarah *Humes* yang sedia ada. Usul tersebut telah gagal mendapatkan kelulusan sebelum itu di dalam MAT syarikat dan rekusisi tersebut berkemungkinan besar akan sekali lagi gagal untuk mendapat sokongan jika MALB dipanggil. Mahkamah berpendapat bahawa *Unity* sebagai ahli syarikat berhak untuk meneruskan rekusisinya itu. Mahkamah sebolehnya tidak akan campurtangan dalam hak statutori ahli minoriti untuk memanggil mesyuarat agung. Mahkamah tidak akan mengambil kira bahawa rekusisi itu akan berjaya atau tidak di dalam mesyuarat. Fakta bahawa ia akan membebangkan kerja pengarah dan syarikat adalah tidak mencukupi untuk membuktikan bahawa ia telah dibuat secara *mala fide*.

¹³ *Id.*, hlm. 614.

¹⁴ (1987) 5 ACLC 15.

Sesuatu rekusisi itu juga mestilah di dalam bidang kuasa ahli syarikat untuk meluluskannya. Sekiranya rekusisi tersebut bukan di dalam bidang kuasa mesyuarat agung untuk memutuskannya, pengarah syarikat berhak untuk menolak permintaan ahli tersebut. Kuasa yang dinyatakan di dalam perlembagaan syarikat sebagai kuasa pengarah tidak boleh dikuatkuasakan oleh mesyuarat agung. Malahan kuasa yang telah dikuatkuasakan oleh pengarah tidak boleh dikawal atau diganggu oleh resolusi ahli di dalam sesuatu mesyuarat agung.¹⁵

Elemen kedua yang membentuk rekusisi yang sah menurut seksyen 144 (2) ialah, rekusisi tersebut perlulah ditandatangani oleh penyimpan rekusisi. Jika terdapat dokumen-dokumen tambahan yang disertakan bersama dengan rekusisi itu, kesemua dokumen tersebut perlu juga ditandatangani. Di dalam kes *Roxy Electric Industries (Malaysia) Bhd. lwn. Syarikat Nominee Bumiputra Sdn. Bhd. & Ors.*,¹⁶ persoalan yang timbul ialah sama ada rekusisi yang dikemukakan oleh defendant pertama dan kedua, (kedua-duanya syarikat) dianggap sebagai rekusisi yang sah. Ini adalah kerana cop meterai kedua-dua defendant tidak dimeterai ke dalam rekusisi tersebut. Setelah meneliti fakta, Hakim Zakaria Yatim memutuskan bahawa rekusisi tersebut adalah satu rekusisi yang sah. Defendant telah membuktikan bahawa penandatangan rekusisi tersebut adalah pegawai yang diberi kuasa yang sah untuk menguatkuasakan dokumen tersebut. Berhubung dengan isu cop meterai, beliau berpendapat bahawa seksyen 144 (2) hanya memerlukan tandatangan sahaja. Rekusisi tidak perlu mengandungi cop meterai syarikat. Di samping itu, artikel-artikel persatuan syarikat plantif juga tidak menyatakan keperluan kepada cop

¹⁵ *National Roads & Motorists' Association lwn. Parker, op.cit. per Hakim McLelland*, hlm. 613.; sila lihat juga Jadual ke 4, artikel 73.

¹⁶ (1989) 1 MSCLC 90,326.

meterai bagi maksud tersebut.¹⁷ Oleh yang demikian dapatlah disimpulkan bahawa rekusisi yang sah hanya memerlukan tandatangan ahli atau wakil yang diberi kuasa oleh ahli (di dalam kes-kes yang melibatkan ahli institusi) sahaja. Cop meterai sesebuah perbadanan atau syarikat itu hanya dikehendaki jika artikel persatuan syarikat di mana ia menjadi ahli menyatakan akan keperluannya.

Elemen terakhir yang membentuk satu rekusisi yang sah bagi maksud seksyen 144 (1) seperti mana yang dinyatakan oleh seksyen 144 (2) ialah rekusisi tersebut mestilah disimpan di pejabat berdaftar syarikat. Pejabat berdaftar ialah alamat pejabat di dalam Malaysia yang didaftarkan di Pejabat Pendaftar Syarikat melalui Borang 44 sebagai alamat rasmi sesebuah syarikat.¹⁸ Pejabat berdaftar ini perlu dibuka kepada awam bagi tempoh yang tertentu seperti yang ditetapkan oleh Akta Syarikat 1965.¹⁹ Di tempat tersebutlah semua komunikasi, dokumen mahupun notis perlu dihantar, termasuklah rekusisi di bawah seksyen 144 (1). Sesuatu rekusisi ahli itu boleh dihantar secara sendiri ke pejabat berdaftar. Penghantaran rekusisi secara pos ke pejabat berdaftar juga adalah memadai bagi memenuhi keperluan seksyen 144 (2).²⁰

Rekusisi juga mestilah dibuat oleh ahli yang berkelayakan sahaja. Sesuatu rekusisi itu mestilah merupakan niat ahli yang memegang tidak kurang daripada 10% modal berbayar syarikat dan mempunyai kuasa mengundi. Bagi syarikat yang tidak

¹⁷ *Id.*, hlm. 90,328.

¹⁸ Seksyen 120 (1).

¹⁹ Tidak kurang tiga jam semasa perniagaan biasa pada setiap hari kecuali Sabtu, Hari Minggu, dan hari cuti am.; Seksyen 119 (1):Bagi syarikat asing, tidak kurang daripada lima jam di antara pukul sembilan pagi dan lima petang, kecuali hari Sabtu, hari minggu dan hari cuti am; Seksyen 333 (1).

²⁰ *Hup Seng Co. Ltd. lwn. Chin Yin & Ors.* (1962) 28 MLJ 371.

mempunyai modal syer, penyimpan rekusisi tersebut mestilah ahli yang mewakili tidak kurang daripada 10% daripada jumlah keseluruhan hak mengundi.

Penetapan hak di bawah seksyen 144 (1) ini sememangnya memberi pengiktirafan kepada suara ahli untuk mengusulkan apa yang mereka fikir baik untuk syarikat. Ia juga memberi pengiktirafan hak kepada ahli minoriti untuk mengusulkan sesuatu, dengan hanya mengenakan syarat pegangan 10% sahaja. Walau bagaimanapun, jaminan hak minoriti ini mungkin hanya akan berkesan di dalam kes syarikat sendirian berhad sahaja. Bagi syarikat-syarikat yang bersaiz besar terutamanya syarikat awam yang mempunyai modal melebihi angka juta, memenuhi syarat 10% tersebut mungkin agak sukar bagi golongan minoriti. Faktor ahli yang berbeza latar belakang, datang dari tempat yang berbeza, dan kebanyakannya bertemu hanya pada hari mesyuarat, menyukarkan ahli-ahli minoriti untuk mencapai kata sepakat. Ini menyebabkan hak tersebut hampir mustahil untuk dimanfaatkan oleh pihak minoriti. Dengan itu hak di bawah seksyen 144 (1) hanya akan dapat dimanfaatkan oleh golongan majoriti sahaja.

2.1.2(a)(ii) Pemanggilan mesyuarat oleh ahli

Seperti yang disebut terdahulu, apabila segala syarat yang ditetapkan oleh seksyen 144 (1) dipenuhi, pengarah-pengarah mestilah memanggil MALB seberapa segera yang praktikal yang tidak lewat dari dua bulan dari tarikh rekusisi tersebut disimpan. Walau bagaimanapun, sekiranya pengarah gagal memanggil mesyuarat tersebut selepas 21 hari rekusisi disimpan, seksyen 144 (3) menyatakan bahawa ahli tidak perlu menunggu pengarah lagi. Seksyen ini menyatakan bahawa penuntut atau mana-

mana di antara mereka yang mewakili lebih daripada setengah hak mengundi semua mereka, boleh dengan sendiri memanggil mesyuarat. Pemanggilan mesyuarat agung oleh ahli hendaklah dibuat dengan cara yang seberapa mungkin menyamai cara pemanggilan mesyuarat yang dibuat oleh pengarah. Namun begitu mesyuarat yang dipanggil hendaklah diadakan dalam masa tiga bulan dari tarikh penyerahan rekusisi.

Pemberian hak memanggil mesyuarat oleh ahli di bawah seksyen 144 (3) tidak bermakna bahawa tugas pengarah di bawah seksyen 144 (1) berakhir pada hari ke 21 selepas rekusisi disimpan. Sekiranya ahli tidak memanggil mesyuarat mengikut hak yang diberikan, pengarah perlu memanggil mesyuarat. Tidak seperti seksyen 144 (3) yang menghadkan hak ahli untuk memanggil MALB dalam tempoh 3 bulan, tugas pengarah di bawah seksyen 144 (1) sebaliknya cuma memberikan satu tempoh 2 bulan yang tidak mandatori. MALB boleh dipanggil selepas tempoh 2 bulan jika mendapat kebenaran mahkamah. Tempoh 2 bulan tersebut adalah lebih merupakan bantuan kepada ahli yang membuat rekusisi supaya pengarah memanggil MALB secepat yang mungkin. Tanpa tempoh 2 bulan tersebut, adalah dibimbangkan pengarah akan bertindak sewenang-wenangnya untuk menentukan bilakah mereka akan memanggil MALB dan mungkin apabila tiba tarikh mesyuarat tersebut, sebarang resolusi tidak membawa erti lagi.

Prinsip inilah yang ditegaskan oleh Hakim Abdul Azizi Mohamad di dalam kes *Dato' Hamzah Abdul Majid & Anor lwn. Wembley Industries Holdings Bhd.*,²¹ di mana satu MALB atas rekusisi ahli telah dipanggil selepas tempoh 2 bulan. Pada masa yang sama penyimpan rekusisi telah tidak menggunakan haknya di bawah

²¹ [1998] 4 CLJ Supp. 471.

seksyen 144 (3). Plantif yang merupakan salah seorang pengarah syarikat tersebut telah dipecat dari jawatannya di dalam mesyuarat yang lewat dipanggil itu. Plantif telah mencabar kesahan prosiding mesyuarat tersebut dan mendakwa beliau masih pengarah syarikat yang sah. Menurut mahkamah di dalam kes ini, seksyen 144 (3) adalah satu remedi bagi ahli, sekiranya pengarah gagal melepaskan tanggungjawab mereka dalam masa 21 hari. Walau bagaimanapun, sekiranya ahli tidak menggunakan peruntukan seksyen ini, pengarah masih mempunyai masa untuk memanggil MALB. Sekiranya mereka masih gagal memanggil mesyuarat dalam tempoh 2 bulan, mereka tetap bertanggungjawab untuk memanggil mesyuarat tersebut. Akibat kegagalan memanggil mesyuarat dalam tempoh 2 bulan tersebut, mereka akan berhadapan dengan penalti am di bawah seksyen 369. Kelewatan memanggil MALB tidak sama sekali menjelaskan kesahan prosiding mesyuarat. Oleh yang demikian, permohonan plantif telah ditolak.

2.1.2(b) Seksyen 145 (1)

Seksyen 145 (1) memperuntukkan bahawa:-

“Dua atau lebih ahli-ahli memegang tidak kurang dari satu per sepuluh dari modal syer terbitan atau, jika syarikat tidak mempunyai modal syer, tidak kurang lima peratus dari bilangan ahli-ahli syarikat atau bilangan yang kurang seperti yang diperuntukkan oleh artikel-artikel boleh memanggil mesyuarat syarikat”

Berbanding dengan seksyen 144 (3), seksyen 145 (1) memberikan kuasa yang lebih besar kepada ahli untuk memanggil mesyuarat. Di bawah seksyen 145 (1), badan perundangan nampaknya memberikan ahli mekanisme bebas untuk

memanggil mesyuarat tanpa perlu melalui pengarah syarikat. Tidak seperti seksyen 144 (3), seksyen ini tidak menyebut secara spesifik jenis mesyuarat yang berhak dipanggil. Ini memberikan ahli alternatif kepada seksyen 143 (4)(b) untuk memanggil MAT di samping memanggil MALB.

Kelayakan ahli untuk menguatkuasakan kedua-dua peruntukan ini juga adalah berbeza. Seksyen 144 (3) memerlukan penyimpan rekusisi yang memegang tidak kurang daripada 10% dari jumlah modal berbayar syarikat. Sedangkan seksyen 145 (1) meletakkan syarat ahli yang memegang tidak kurang daripada 10% dari syer terbitan syarikat. Selain daripada itu, pemanggilan MALB di bawah seksyen 144 (3) tertakluk kepada had masa tertentu. Manakala, pemanggilan mesyuarat oleh ahli di bawah seksyen 145 (1) tertakluk kepada rukun asas pemanggilan mesyuarat di bawah seksyen 145 (2).

Namun begitu seksyen 145 (1) tetap mempunyai kesulitan tersendiri sekiranya ahli berhasrat untuk memanggil mesyuarat di bawah peruntukan ini. Penetapan kelayakan 10% pegangan syer, walaupun ke atas syer terbitan, tetap merupakan kelayakan yang agak tinggi, dan tidak akan menguntungkan pihak minoriti. Di samping itu, tidak seperti pemanggilan mesyuarat di bawah seksyen 144 (3) yang mana sebarang kos yang munasabah akan ditanggung oleh syarikat, kos pemanggilan mesyuarat di bawah seksyen 145 (1) harus ditanggung oleh ahli itu sendiri.²² Kos pemanggilan mesyuarat terutamanya bagi syarikat yang mempunyai ahli yang mencapai ke angka ratusan orang bukanlah kos yang murah. Kedua-dua kesulitan ini sekali lagi menyaksikan bahawa hanya ahli tertentu sahaja yang dapat

²² Aiman Nariman Mohd. Sulaiman, Directors' Duties and Corporate Governance, (2001) hlm. 57, menurut beliau faktor kos menjadikan seksyen 145 bukanlah satu alternatif yang popular kepada mesyuarat yang dipanggil oleh pengarah.

memanfaatkan hak memanggil mesyuarat yang diperuntukkan oleh Akta Syarikat 1965.

2.2 Pemanggilan Mesyuarat Oleh Mahkamah

Ada masanya mesyuarat agung gagal dipanggil atas sebab kecuaian pengarah. Ada kalanya mesyuarat tidak dapat dipanggil mengikut tatacara tertentu yang ditetapkan oleh Akta Syarikat 1965 ataupun artikel-artikel persatuan syarikat. Ada masanya mesyuarat boleh dipanggil tetapi tidak praktikal untuk dilaksanakan mengikut tatacara yang ditetapkan. Ahli terutamanya pihak majoriti boleh menghamparkan sebarang usaha memanggil mesyuarat dengan tidak menghadirkan diri dan menyebabkan korum tidak dapat dicapai. Di dalam situasi buntu ini, mahkamah adalah tempat yang paling baik untuk menyelesaikannya. Kuasa mahkamah untuk memanggil mesyuarat di dalam situasi sebegini terkandung di dalam seksyen 150 Akta Syarikat 1965. Dengan pemberian kuasa kepada mahkamah untuk memanggil mesyuarat dapat memastikan hak ahli untuk menghadiri mesyuarat lebih terjamin.

Walaupun terdapat beberapa peruntukan lain yang memberi perlindungan kepada hak ahli terutamanya dalam menghadiri mesyuarat seksyen 150 mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Tidak seperti seksyen 144 (3) dan seksyen 145, seksyen ini tidak mengenakan syarat kepada ahli dalam meminta bantuan mahkamah. Perkataan “mana-mana ahli” dengan jelas menunjukkan bahawa semua ahli mempunyai hak yang sama dalam mendapat perlindungan mahkamah. Ini adalah satu contoh perlindungan ke atas hak golongan minoriti. Dengan tidak meletakkan

apa-apa syarat pegangan syer, seksyen ini memberikan golongan minoriti *locus standi* yang kukuh dan mudah untuk membuat permohonan di mahkamah.

Kuasa mahkamah di bawah seksyen ini juga tidak terikat kepada pemanggilan mesyuarat tertentu sahaja. Selain daripada ahli dan pengarah yang boleh membuat permohonan kepada mahkamah, pemanggilan mesyuarat boleh dibuat atas usaha mahkamah sendiri. Di bawah seksyen ini mahkamah boleh mengeluarkan perintah agar mesyuarat dipanggil, dengan apa carapun yang sesuai. Mahkamah juga boleh mengeluarkan apa-apa arahan sampingan, yang difikirkan patut bagi maksud tersebut.

Seksyen ini juga dimulakan dengan ungkapan “jika untuk apa-apa sebab”. Ini memberikan skop yang luas untuk pemakajannya. Apa-apa juga sebab yang menjadikan mesyuarat tidak praktikal untuk dipanggil atau dijalankan dengan tatacara yang ditetapkan boleh menjadi alasan untuk menggunakan peruntukan ini. Persoalannya, keadaan yang bagaimakah yang tergolong di dalam takrifan “tidak praktikal” tersebut? Ungkapan “tidak praktikal” tidak bermaksud “mustahil”.²³ Ini bermakna mesyuarat boleh dipanggil atau dijalankan. Apa yang diperlukan oleh seksyen ini ialah, menilai keadaan di dalam sesuatu kes dan menentukan sama ada adalah praktikal untuk mesyuarat di dalam kes tersebut dipanggil atau dijalankan mengikut tatacara yang telah ditetapkan.

²³ *In re El Sombrero Ltd.* [1958] 1 Ch.D 900, hlm. 904.

Adalah tidak praktikal untuk memanggil mesyuarat dalam tatacara biasa apabila orang yang berhak untuk dipanggil tersebut sudah tidak wujud lagi. Di dalam kes *Re Noel Tedman Holdings Pty. Ltd.*,²⁴ kedua-dua ahli syarikat yang juga merupakan pengarah telah meninggal dunia dalam satu kemalangan. Oleh kerana tidak ada ahli ataupun pengarah yang lain, mesyuarat tidak dapat dipanggil dengan cara yang biasa. Atas permohonan waris kedua-dua si mati, Mahkamah Agung Queensland telah menggunakan kuasanya di bawah peruntukan yang sama dengan seksyen 150. Bagi membolehkan perlantikan pengarah baru dan pemindahan syer dibuat, waris-waris si mati telah dibenarkan untuk menghadiri mesyuarat syarikat dan dianggap sebagai korum yang sah.

“Tidak praktikal” juga boleh berlaku di dalam kes di mana ahli-ahli yang dipanggil ke mesyuarat, enggan menghadirkan diri. Ketidakhadiran tersebut boleh menyebabkan korum tidak dapat dibentuk dan akhirnya syarikat boleh menjadi lumpuh kerana mesyuarat tidak dapat dijalankan. Plantif dan defendant di dalam kes *Low Son Siang lwn. Lee Kim Yong*²⁵ adalah pemegang-pemegang syer syarikat. Satu MALB telah dipanggil untuk menjalankan siasatan terhadap defendant atas sebab pecah amanah. Mesyuarat tersebut juga, jika sabit kesalahannya akan mengetepikan defendant sebagai pengarah. Pada hari yang ditetapkan mesyuarat telah gagal diadakan. Ini adalah kerana, defendant tidak hadir dan ini menyebabkan korum yang sah tidak dapat dibentuk.

²⁴ (1967) QDR 561.

²⁵ [1999] 1 CLJ 529; lihat juga *Re Totex-Adon Pty. Ltd. and the Companies Act (1980)* 1 NSWLR 605.

Hakim Abdul Malik Ishak di dalam penghakimannya menyebut bahawa beban pembuktian bahawa mesyuarat adalah tidak praktikal dipanggil dan dijalankan dalam aturcara biasanya adalah di tangan plantif. Memandangkan korum yang diperlukan untuk mesyuarat adalah dua orang maka kedua-duanya mesti hadir. Ini adalah kerana hanya mereka berdua sahaja pemegang syer syarikat tersebut. Keengganan defendan untuk hadir menyebabkan mesyuarat adalah tidak praktikal untuk dipanggil atau dijalankan dalam aturcara biasa. Oleh yang demikian, mahkamah telah memutuskan untuk menerima permohonan plantif. Dengan itu mesyuarat boleh diteruskan walaupun dengan kehadiran seorang ahli sahaja.

2.3 Notis Memanggil Mesyuarat

Notis memanggil mesyuarat ialah pemberitahuan niat untuk memanggil mesyuarat dan menjemput penerima notis untuk hadir bagi menjayakan urusan-urusan yang ingin disempurnakan. Notis adalah satu instrumen yang penting kerana bidang kuasa mesyuarat syarikat untuk meluluskan sesuatu resolusi adalah bergantung kepada isi kandungannya. Keperluan kepada notis adalah bertujuan untuk memberitahu ahli apa yang akan dijalankan di dalam mesyuarat dan membolehkan ahli membuat keputusan sama ada untuk hadir atau tidak.²⁶ Notis terbahagi kepada dua jenis iaitu notis khas dan notis biasa.

²⁶ *Tiessen lwn. Henderson* [1899] 1 Ch. 861; *Baillie lwn. Oriental Telephone and Electric Co. Ltd.* [1915] 1 Ch. 503.

Notis khas ialah notis yang diberikan oleh ahli kepada syarikat menyatakan niat untuk mengusulkan sesuatu. Notis ini hendaklah dihantar kepada syarikat tidak kurang daripada 28 hari sebelum mesyuarat diadakan. Perkara ini dinyatakan di dalam seksyen 153. Notis khas ini diperlukan di dalam dua keadaan iaitu:-

- a. pemecatan juruaudit menurut seksyen 172 (4);
- b. pemecatan pengarah bagi syarikat awam menurut seksyen 128 (2) dan perlantikan pengarah baru bagi menggantikan pengarah yang dipecat menurut seksyen 128 (2).

Manakala notis biasa pula ialah notis yang dikeluarkan oleh syarikat kepada ahli. Notis ini dikeluarkan bagi menyatakan niat untuk mengusulkan sesuatu resolusi untuk kelulusan ahli. Usul tersebut mungkin datangnya dari lembaga pengarah. Ianya juga mungkin lahir dari hasrat ahli melalui notis khas ataupun rekusisi ahli yang dikemukakan kepada syarikat. Proses pengeluaran notis adalah terikat kepada aturan dan tatacara yang ditetapkan oleh artikel-artikel syarikat dan beberapa peruntukan undang-undang.

2.3.1 Orang Yang Berhak Menerima Notis

Penghantaran notis hanya dibuat kepada orang yang berhak menerimanya iaitu orang yang berhak untuk menghadiri mesyuarat. Ianya juga bergantung kepada jenis mesyuarat. Secara dasarnya golongan yang berhak untuk menerima notis terbahagi kepada dua kumpulan iaitu ahli syarikat dan pihak ketiga. Walau bagaimanapun bagi maksud perbincangan ini penulis akan juga menyentuh mengenai hak pemegang syer keutamaan untuk menerima notis.

2.3.1(a) Ahli Syarikat

Seksyen 145 (4) memperuntukkan bahawa notis mesyuarat hendaklah diserahkan kepada ahli syarikat yang mempunyai hak untuk menghadiri dan mengundi di mesyuarat tersebut. Artikel 111 (a) Jadual ke 4 (sekiranya diterima pakai) juga menetapkan bahawa ahli adalah berhak untuk menerima notis mesyuarat. Persoalannya, siapakah yang dimaksudkan dengan “ahli syarikat”?

Istilah “pemegang syer” biasanya digunakan dengan maksud yang sama dengan “ahli”.²⁷ Walau bagaimanapun pada hakikatnya seorang ahli tidak semestinya seorang pemegang syer dan begitulah sebaliknya. Seseorang itu adalah ahli sesebuah syarikat di dalam salah satu daripada dua keadaan. Pertama apabila seseorang itu menjadi penandatangan kepada memorandum dan artikel-artikel persatuan syarikat semasa pemerbadanan syarikat. Kedua apabila seseorang itu bersetuju untuk menjadi ahli dan didaftarkan di dalam daftar ahli syarikat.

Seksyen 16 (6) Akta Syarikat 1965 menetapkan bahawa semua penandatangan memorandum dan artikel-artikel persatuan hendaklah dianggap sebagai telah bersetuju untuk menjadi ahli syarikat. Semasa menguatkuasakan dokumen tersebut, mereka hendaklah dengan tulisan tangannya sendiri menyatakan jumlah syer yang tidak kurang daripada satu, sebagai tanda bersetuju untuk mengambilnya.²⁸ Seksyen 16 (6) seterusnya menyebut bahawa sebaik sahaja syarikat diperbadankan nama-nama mereka, beserta dengan nama pemegang syer yang lain (jika ada), hendaklah dimasukkan ke dalam daftar ahli. Keahlian penandatangan ini

²⁷ Woon, Walter, (Terjemahan Aishah Hj Bidin), *op. cit.*, hlm. 126.

²⁸ Seksyen 18 (2).

berkuatkuasa serta-merta, walaupun syarikat gagal membuat untukan syer kepada mereka ataupun gagal mendaftarkan nama mereka di dalam daftar ahli syarikat.²⁹

Situasi kedua boleh berlaku di dalam keadaan di mana syarikat membuat untukan syer baru atau berlaku pindahmilik syer dari pemegang syer syarikat yang sedia ada. Bagi untukan syer baru, niat seseorang itu untuk menjadi ahli syarikat ditentukan berdasarkan surat permohonan beliau untuk mendapatkan syer tersebut. Bagi kes pindahmilikan syer, perbuatan penerima pindahan (*transferee*), menyempurnakan borang pindahmilik di dalam Borang 32A, dianggap sebagai persetujuannya untuk menjadi ahli. Selain daripada elemen “persetujuan”, pendaftaran nama seseorang itu di dalam daftar ahli syarikat juga penting untuk membuktikan keahlian mereka. Sekiranya seseorang itu memegang syer tanpa didaftarkan namanya di dalam daftar ahli, beliau hanya akan dianggap sebagai tuan punya benifisial sahaja. Mereka tidak akan dapat menggunakan hak ahli dengan sepenuhnya.³⁰ Mereka juga tidak akan bertanggungan atas tugas dan tanggungjawab sebagai ahli.³¹ Walau bagaimanapun ia tidak bermakna syarikat boleh menafikan hak seseorang pemegang syer sebagai ahli dengan tidak memasukkan namanya ke dalam daftar ahli. Di bawah seksyen 105 (1) syarikat diberi tempoh sebulan untuk menghantar notis keengganannya mereka untuk mendaftarkan sebarang pemindahan syer. Notis tersebut hendaklah dihantar kepada pemindah (*transferor*) dan penerima pindahan (*transferee*). Selain daripada itu, ahli juga berhak untuk memohon kepada mahkamah di bawah seksyen 162 (1) untuk membuat pembetulan kepada daftar ahli atas kesilapan atau ketinggalan dalam mendaftarkan nama seseorang ke dalam daftar ahli.

²⁹ *In re London Hamburg and Continental Exchange Bank* (1867) 2 Ch. App. 427.

³⁰ Pennington, Robert, R., Pennington's Company Law, (Ed. 8, 2001), hlm. 389.

³¹ Woon, Walter, *op. cit.* no. 2, hlm. 141

Bagi syarikat yang mempunyai modal syer, sijil syer yang mempunyai cop meterai di atasnya, adalah bukti *prima facie* bahawa pemegangnya adalah ahli yang berhak ke atas jumlah syer yang dinyatakan di atas sijil tersebut.³² Bagi syarikat awam yang disenaraikan di BSKL, nama *depositor* kepada sesuatu sekuriti yang tertera di dalam rekod Depositori Pusat, hendaklah dianggap sebagai ahli yang namanya telah dimasukkan ke dalam daftar ahli (bagi maksud Akta Syarikat 1965). Prinsip ini disebut di dalam seksyen 35 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991.

Sekiranya berlaku kematian di kalangan ahli atau ahli menjadi bankrap, artikel 111 (b) sekiranya diterima pakai menyatakan bahawa notis hendaklah diberikan kepada mereka yang berhak ke atas syer si mati atau si bankrap tersebut. Tanggungjawab memberi notis ini berkuatkuasa sebaik sahaja syarikat mempunyai pengetahuan tentang kematian ahlinya atau apabila ahlinya menjadi bankrap. Fakta bahawa syarikat tidak menerima notis pemberitahuan secara rasmi tentang kematian atau kebankrapan tersebut adalah tidak penting. Ini adalah kerana proses untuk mendapatkan dokumen-dokumen berkaitan biasanya akan memakan masa.

Di dalam kes kematian, pentadbir harta pesaka yang dilantik di bawah Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Pindaan 1972) mempunyai hak pegangan ke atas syer si mati. Oleh itu beliau berhak untuk menerima notis. Sekiranya, syer si mati dipegang secara bersama (*joint holder*), artikel 24 jika diterima pakai memperuntukkan bahawa ahli yang masih hidup berhak ke atas syer tersebut dan berhak untuk menerima notis. Di dalam kes di mana ahli menjadi bankrap, tidaklah

³² Seksyen 100.

diragukan bahawa Pegawai Pemegang Harta adalah pihak yang berhak ke atas syer tersebut dan berhak untuk diberi notis. Ini adalah kerana, dengan kuatkuasa Akta Kebankrapan 1967 semua harta si bankrap akan diambil alih oleh Pegawai Pemegang Harta.

Artikel 109 pula menetapkan bahawa bagi pemegang syer bersama, adalah memadai jika notis diberi kepada pemegang syer yang namanya pertama disebut di dalam daftar ahli. Bagi pemegang syer yang telah meninggal dunia, notis hendaklah dihantar ke alamat terbaru wakil atau waris si mati. Bagi pemegang syer yang jatuh bankrap, notis hendaklah dihantar ke alamat terbaru Pegawai Pemegang Harta. Sekiranya alamat terbaru tidak dibekalkan, notis hendaklah dihantar ke alamat pemegang syer, seolah-olah beliau masih hidup ataupun tidak bankrap.

2.3.1(b) Pihak Ketiga

Selain daripada ahli atau wakil-wakilnya, terdapat juga pihak ketiga yang berhak untuk menerima notis berdasarkan beberapa peruntukan perundangan. Seksyen 172 (4) Akta Syarikat 1965 memberikan hak kepada juruaudit syarikat pada masa tersebut untuk menerima notis mesyuarat. Seterusnya seksyen 28 (3) menyatakan bahawa di dalam kes-kes di mana satu resolusi khas ingin diluluskan bagi pindaan, penambahan atau peninggalan ke atas mana-mana klausa objek atau kuasa syarikat, beberapa pihak lain juga perlu diberi notis. Mereka ialah pemegang amanah kepada pemegang debentur atau jika tidak mempunyai pemegang amanah, kepada pemegang debentur yang mana namanya adalah di dalam pengetahuan syarikat.

2.3.1(c) Pemegang Syer Keutamaan

Pada amnya pemegang syer keutamaan tidak berhak untuk menghadiri mesyuarat agung syarikat. Ini jelas dinyatakan di dalam definisi syer keutamaan itu sendiri sepermula yang ditakrifkan oleh seksyen 4 Akta Syarikat 1965. Hak mereka untuk menghadiri dan mengundi adalah terbatas kepada mesyuarat kelas sahaja. Seksyen 65 (1) Akta Syarikat 1965 memberikan hak kepada pemegang syer keutamaan untuk memohon kepada mahkamah supaya mesyuarat yang berasingan akan dipanggil apabila berlaku pemelbagaian atau pembatalan hak-hak kelas syer tersebut.³³

Namun demikian, mereka diberi hak untuk menghadiri dan mengundi di dalam mesyuarat agung dalam beberapa perkara. Seksyen 148 (2) menyatakan bahawa mana-mana syer keutamaan yang diterbitkan selepas berkuatkuasanya Akta Syarikat 1965, hendaklah mempunyai hak untuk menghadiri dan mengundi di mesyuarat agung syarikat, dalam tiga keadaan iaitu:-

- a. apabila berlaku tunggakan dalam pembayaran dividen mereka;
- b. apabila resolusi yang hendak diluluskan adalah resolusi yang akan mempelbagaikan hak kelas syer tersebut;
- c. apabila penggulungan syarikat

Dengan wujudnya tiga keadaan yang memberi hak kepada pemegang syer keutamaan untuk hadir dan mengundi ini, maka dalam ketiga-tiga situasi tersebut, pemegang syer keutamaan berhak untuk menerima notis memanggil mesyuarat.

³³ Sekiranya Jadual ke 4 diterima pakai, sila lihat artikel 5.

Selain daripada itu, rujukan perlu dibuat kepada seksyen 137. Seksyen ini melibatkan pembayaran kepada pengarah kerana bersara atau kehilangan jawatan. Seksyen ini menyatakan bahawa pembayaran ini hendaklah didedahkan kepada ahli-ahli dan diluluskan oleh ahli-ahli dalam satu mesyuarat agung syarikat. Perkataan “didedahkan kepada ahli-ahli” (*disclose to the members*) menunjukkan bahawa fakta pembayaran tersebut mestilah didedahkan juga kepada pemegang syer keutamaan sungguhpun mereka tidak mempunyai hak untuk mengundi.

D dalam kes *In re Duomatic Ltd.*,³⁴ sebuah syarikat mempunyai modal syer yang terdiri daripada syer biasa dan syer keutamaan tanpa hak mengundi. Sejumlah bayaran telah dibuat kepada salah seorang pengarah sebagai bayaran pampasan kerana meletakkan jawatan. Persoalan timbul tentang kesahan pembayaran tersebut apabila penyelesai telah dilantik kerana bayaran telah dibuat tanpa didedahkan kepada pemegang syer keutamaan sepermula yang diperlukan oleh seksyen 191 Akta Syarikat 1948 (UK), (peruntukan yang *pari materia* dengan seksyen 137 Akta Syarikat 1965). Ketinggalan dalam mendedahkan fakta tersebut dibuat atas alasan bahawa pemegang syer keutamaan tidak berhak untuk mengundi dan menghadiri mesyuarat. Walau bagaimanapun Hakim Buckley berpendapat sebaliknya. Menurut beliau, walaupun mereka tidak berhak untuk menerima notis, menghadiri dan mengundi di mesyuarat mereka mungkin mahu pandangan mereka diketahui oleh ahli yang akan hadir dan mengundi. Oleh yang demikian notis sepatutnya diberikan kepada mereka juga untuk memberitahu tentang pembayaran tersebut yang

³⁴ [1969] 2 Ch. 365.

mempunyai kesan kepada hal ehwal syarikat.³⁵ Oleh itu pembayaran tersebut telah diisyiharkan sebagai *ultra vires*.

2.3.2 Ketinggalan Dalam Memberikan Notis

Kadang-kadang ahli mendakwa bahawa mereka tidak diberi notis memanggil mesyuarat. Notis tidak diterima biasanya disebabkan oleh tiga keadaan iaitu:-

- a. ketinggalan yang tidak disengajakan; atau
- b. notis telah dihantar tetapi tidak diterima; atau
- c. notis telah tidak disampaikan dengan sengaja

Di bawah *Common Law*, ketinggalan dalam memberikan notis kepada ahli adalah ketinggalan yang serius. Di dalam kes *Smyth lwn. Darley*³⁶ ketinggalan untuk memanggil seorang ahli badan pemilihan telah menyebabkan mesyuarat badan tersebut tidak sah. Ketinggalan tersebut merupakan satu kecacatan yang *fatal*. Menyentuh mengenai sebarang ketinggalan yang mungkin berlaku, Lord Campbell di dalam penghakimannya menyebut bahawa sebagai seorang ahli badan khas, mereka berhak untuk dipanggil secara khas dan sebarang ketinggalan untuk berbuat demikian menjadikan perhimpunan itu sebagai bukan badan pemilihan yang baik kecuali kesemuanya (ahli) hadir secara kebetulan atau mereka yang tidak dipanggil itu, berada di luar jarak penyampaian iaitu luar negara.³⁷ Kegagalan untuk menyampaikan notis adalah *prima facie* menyebabkan prosiding mesyuarat sebagai

³⁵ *Id.*, hlm. 374.

³⁶ (1849) 2 H.L. Cas 789.

³⁷ *Id.*, hlm. 803.

tidak sah. Alasan bahawa ahli yang tidak diberi notis itu tidak akan hadir walaupun notis diberikan kepadanya tidak akan diterima.³⁸

Seksyen 145 (5) Akta Syarikat 1965 sebaliknya membuat modifikasi dengan memberi sedikit kelonggaran ke atas prinsip *Common Law* tersebut. Di bawah seksyen ini ketinggalan yang tidak disengajakan untuk memberikan notis mesyuarat kepada ahli, tidak akan mentaksahkan prosiding mesyuarat. Begitu juga dengan notis mesyuarat yang telah dihantar tetapi tidak diterima oleh ahli. Di dalam kes *In re West Canadian Collieries Ltd.*,³⁹ kesilapan teknikal telah menyebabkan sembilan orang pemegang syer tidak menerima notis mesyuarat. Ini berlaku apabila nama-nama mereka tidak dicetak oleh mesin *Adressograph* yang digunakan oleh syarikat bagi mencetak alamat pemegang syer. Mahkamah di dalam kes ini merumuskan bahawa ketinggalan tersebut adalah satu ketinggalan yang tidak disengajakan. Oleh itu, fakta bahawa sembilan orang pemegang syer tidak menerima notis diputuskan sebagai tidak mentaksahkan prosiding mesyuarat yang telah dijalankan.

Di dalam kes *Musselwhite & Another lwn C.H. Musselwhite & Son Ltd.*⁴⁰ keputusan mahkamah adalah berbeza atas fakta yang berbeza. Plantif di dalam kes ini telah menjual syernya dengan pembayaran secara ansuran. Semasa mesyuarat dipanggil ansuran tersebut masih belum selesai. Nama plantif masih tertera sebagai pemegang syer di dalam daftar ahli syarikat, walaupun plantif telahpun menguatkuasakan dokumen pindahmilik. Notis mesyuarat telah tidak diberi kepada plantif atas alasan bahawa plantif telahpun menguatkuasakan dokumen pindahmilik syer. Mahkamah walau bagaimanapun berpendapat sebaliknya. Ketinggalan dalam

³⁸ *Young lwn. Ladies' Imperial Club Ltd.* [1920] 2 K.B. 523.

³⁹ [1962] 1 Ch. 370.

⁴⁰ [1962] 1 Ch. 964.

memberikan notis kepada plantif bukanlah sesuatu yang tidak disengajakan tetapi lebih merupakan satu “kesilapan”. Oleh yang demikian prosiding mesyuarat tersebut telah diisyiharkan sebagai tidak sah.

Sungguhpun seksyen 145 (5) melindungi syarikat, ia tidak bermaksud ianya menjelaskan hak ahli terutamanya pihak minoriti. Jika pihak minoriti tidak diberi notis dengan sengaja atau dengan cara lalai, maka mesyuarat yang diadakan adalah tidak sah. Adalah disarankan bahawa kes-kes seperti *In re West Canadian Colleries* hanya akan benar-benar melindungi syarikat jika ketinggalan untuk memberi notis adalah ketinggalan yang tidak disengajakan. Jikalau syarikat tersebut telah melakukan kelalaian ia tidak akan dilindungi.

2.3.3 Isi Kandungan Notis

Di bawah seksyen 145 (2), pemanggilan mesyuarat hendaklah dibuat di dalam notis bertulis. Notis hendaklah menyatakan tempat, masa dan tarikh mesyuarat. Di samping itu, ia hendaklah menyatakan urusan yang hendak dijalankan pada hari tersebut.⁴¹ Walaupun pada dasarnya mahkamah tidak akan campurtangan di dalam penetapan hal-hal tersebut, Akta Syarikat 1965 telah memberikan garis panduan yang harus dipatuhi. Garis panduan ini walaupun tidak diberikan secara langsung, ianya berupaya untuk menentukan kesahan resolusi yang diluluskan di dalam mesyuarat. Ianya perlu diberi perhatian serius kerana mesyuarat hanya boleh meluluskan usul yang terkandung di dalam notis sahaja.⁴²

⁴¹ Jadual ke 4, sekiranya diterima pakai, artikel 45.

⁴² Stanham lwn. *The National Trust of Australia (New South Wales)* (1989) 15 ACLR 87.

2.3.3(a) Tempat, masa dan tarikh mesyuarat

Seksyen 145A memperuntukkan bahawa mesyuarat yang diadakan menurut peruntukan Bahagian 3 Akta Syarikat 1965, hendaklah diadakan di negeri di mana terletaknya pejabat berdaftar syarikat. Akta Syarikat 1965 tidak pula meletakkan ciri-ciri khusus yang perlu dipatuhi. Oleh yang demikian kelonggaran masih diberikan kepada pemanggil mesyuarat untuk memilih tempat yang sesuai.

Akan tetapi ini tidak bermakna bahawa mesyuarat boleh diadakan di mananya dan bila-bila masa sahaja. Tempat untuk mengadakan mesyuarat hendaklah tempat yang senang untuk dikunjungi. Ianya hendaklah tempat yang mempunyai kemudahan perhubungan dan mudah diakseskan oleh orang awam. Tempat yang dipilih seharusnya tempat yang selesa, sesuai dengan tujuan dan bilangan ahli yang akan hadir. Dengan teknologi moden kini mesyuarat boleh dibuat dalam dua bilik yang berasingan tetapi mempunyai akses antara satu sama lain. Perkara ini dapat direalisasikan dengan bantuan alat pandang dengar (*audio visual*). Dengan cara tersebut ahli-ahli yang berada di kedua-dua bilik akan dapat melihat dan mendengar antara satu sama lain.⁴³ Semua ini mungkin tidak dinyatakan secara statutori tetapi ianya penting untuk diambil kira. Begitu juga dengan penetapan masa. Mesyuarat seharusnya diadakan pada masa yang munasabah dan diterima akal. Sungguhpun ianya tidak mempunyai kuasa statut, ia amat berguna bagi melindungi hak ahli terutamanya pihak minoriti daripada sebarang usaha untuk menghalang mereka dari menghadiri dan mengundi di mesyuarat syarikat.

⁴³ *Byng lwn. London Life Association Ltd & Anor.* [1990] 1 Ch. 170

Pada dasarnya sama seperti tempat dan masa, pemanggil mesyuarat mempunyai kuasa budi bicara untuk menetapkan tarikh mesyuarat. Namun begitu, perlulah diambil ingatan bahawa Akta Syarikat 1965 secara tidak langsung telah membuat sekatan ke atas pemilihan tarikh mesyuarat. Kegagalan untuk mengambil perhatian kepada peruntukan-peruntukan tertentu boleh memberi kesan kepada syarikat dan prosiding mesyuarat. Peruntukan seperti seksyen 143 (1) yang menetapkan tempoh di mana mesyuarat harus dipanggil (bagi maksud seksyen ini MAT) secara tidak langsung telah menghadkan pilihan tarikh untuk mengadakan mesyuarat. Selain dari itu, jenis resolusi yang akan diluluskan juga perlu diberikan perhatian. Ini adalah kerana bagi setiap jenis resolusi tempoh notis adalah berbeza. Kegagalan untuk menetapkan tarikh mesyuarat yang tepat boleh merumitkan prosiding.

2.3.3(b) Penyataan Objektif Mesyuarat

Selain daripada masa, tempat dan tarikh, notis mestilah menyatakan tujuan mesyuarat ingin diadakan. Ini amat penting kerana dengan adanya penyataan tujuan tersebut ahli akan dapat membuat pertimbangan sama ada untuk menghadiri mesyuarat tersebut atau tidak. Mahkamah memandang serius fakta bahawa setelah membaca notis yang tidak sempurna itu, ahli mengambil keputusan untuk tidak hadir ke mesyuarat.⁴⁴ Secara keseluruhannya, prinsip yang mengikat penyediaan notis ialah sesebuah notis hendaklah memberi amaran yang munasabah tentang apa yang akan diuruskan di dalam mesyuarat yang akan diadakan.

⁴⁴ Tiessen lwn. Henderson op. cit., per Hakim Kekewich, hlm. 870.

Apa yang dianggap sebagai “amaran yang munasabah” di sisi undang-undang adalah merupakan persoalan fakta. Ianya bergantung kepada situasi di dalam setiap kes dan berbeza dari satu kes ke kes yang lain. Walau bagaimanapun terdapat beberapa faktor yang mana walaupun ianya tidak digariskan secara spesifik merupakan penentu kepada persoalan ini. Satu notis itu hendaklah menyampaikan maksudnya dengan jelas sehingga “orang yang berlaripun dapat membaca dan memahami maksud yang ingin disampaikan”⁴⁵. Faktor yang paling utama dalam menentukan sama ada notis itu jelas atau tidak ialah penggunaan bahasa. Walaupun notis merupakan satu dokumen rasmi perniagaan, bahasa yang digunakan tidak harus kompleks. Notis memanggil MAT hendaklah dengan bahasa yang mudah menyatakan bahawa satu MAT akan diadakan.

Notis yang menggunakan bahasa yang rumit bukanlah notis yang baik⁴⁶ dan boleh dipertikaikan kerana maksud sebenar tidak dapat disampaikan. Penggunaan bahasa yang berbelit-belit juga akan mengelirukan penerima notis. Penyediaan notis hendaklah sentiasa mengambil kira kesannya terhadap penerima iaitu ahli syarikat. Mereka ini hendaklah dinilai sebagai “pemegang syer biasa” atau “pelabur biasa” dan bukannya peguam⁴⁷ yang mampu memahami bahasa dan terma yang teknikal.

Selain daripada bahasa, pendedahan yang dibuat juga hendaklah tidak mengelirukan. Notis hendaklah menerangkan tujuan secara munasabah. Ini tidak bermakna bahawa maklumat terperinci diperlukan tetapi cukup sekadar mengandungi penerangan yang jelas dan adil tentang urusniaga yang akan

⁴⁵ Alexander lwn Simpson (1890) 43 Ch.D. 139.

⁴⁶ Kaye lwn. Croydon Tramways Co. [1898] 1 Ch.358.

⁴⁷ Devereaux Holdings Pty. Ltd. lwn. Pelsart Resources NL & Anor (1986) 4 ACLC 12, per Hakim Young, hlm. 14.

dijalankan.⁴⁸ Notis dianggap sebagai gagal memberikan amaran yang munasabah jika gagal mendedahkan bahawa pengarah mempunyai kepentingan di dalam resolusi yang akan diluluskan.⁴⁹

Seseorang pengarah itu (sebagai pemanggil mesyuarat), mempunyai kewajipan fidusiari di bawah ekuiti untuk membekalkan maklumat yang penuh dan benar, terutamanya apabila pengarah berkepentingan ke atas kelulusan resolusi. Menurut Yang Arif Hakim Cozens Hardy MR di dalam kes *Baillie lwn. Oriental Telephone and Electric Co. Ltd.*,⁵⁰ sekiranya pengarah inginkan keputusan daripada ahli, ianya mestilah berdasarkan maklumat yang jujur dan lengkap secara munasabah.⁵¹

Di dalam kes ini pengarah Syarikat O adalah pengarah yang sama bagi Syarikat X, iaitu anak syarikat milik penuh Syarikat O. Pada tahun 1907 mereka dalam menjalankan kuasa mengundi Syarikat O mendapatkan kelulusan pindaan artikel persatuan Syarikat X untuk tujuan pembayaran saraan pengarah. Atas nasihat juruaudit syarikat, satu MALB Syarikat O telah dipanggil bagi mengesahkan pindaan tersebut. Notis beserta dengan pekeliling yang menyatakan tujuan mesyuarat diadakan telah diedarkan. Walau bagaimanapun notis dan pekeliling tersebut tidak menyebut mengenai jumlah bayaran yang terlibat yang merupakan satu jumlah yang besar. Di dalam MALB tersebut, plantif beserta dengan dua orang lagi (seorang daripadanya telah terlebih dahulu menyatakan bantahan tentang notis yang tidak cukup) telah membuat bantahan, dan meminta maklumat yang penuh. Pengerusi

⁴⁸ *Loc. cit.*

⁴⁹ *Tiessen lwn. Henderson, op.cit.*

⁵⁰ [1915] 1 Ch. 503.

⁵¹ *Id.*, hlm. 514.

mesyuarat tidak memberikan maklumat seperti yang diminta sebaliknya beliau memberitahu bahawa beliau mempunyai cukup proksi untuk menyokongnya. Resolusi pengesahan pindaan artikel persatuan Syarikat X telah diluluskan. Plantif bagi pihak dirinya dan pemegang-pemegang syer yang lain, telah memohon kepada mahkamah untuk mengisyiharkan bahawa resolusi yang diluluskan tidak mengikat atas alasan bahawa notis memanggil mesyuarat di mana ianya diluluskan tidak memadai. Beliau juga memohon injunksi bagi menyekat pengarah dan syarikat daripada menguatkuaskan resolusi tersebut. Permohonan plantif telah dibuang atas alasan plantif tidak mempunyai hak untuk membawa tindakan dan beliau merayu. Di dalam rayuan mahkamah telah memutuskan bahawa perayu berhak untuk membawa tindakan. Notis di dalam kes ini tidak memberikan pendedahan yang adil dan jujur kepada pemegang-pemegang syer atas apa yang mereka undi. Notis tersebut bukan sahaja tidak jujur tetapi juga tidak sempurna,⁵² telus dan dalam apa cara sekalipun tidak memuaskan. Mahkamah dengan itu memutuskan bahawa resolusi tersebut adalah tidak sah dan tidak mengikat syarikat.

Sejauh mana keperluan pendedahan tersebut adalah bergantung kepada jenis resolusi yang akan diluluskan. Bagi resolusi khas, seksyen 152 menyebut bahawa notis hendaklah menyatakan niat untuk meluluskan resolusi tersebut sebagai resolusi khas dan usul yang ingin diluluskan tersebut hendaklah dinyatakan secara umum. Perkara ini juga disentuh di dalam artikel 45 Jadual ke 4.

⁵² *Id.*, per Hakim Swineen Eady, hlm. 518.

Di dalam kes *Hup Seng Co. Ltd. lwn. Chin Yin & Ors.*,⁵³ semua resolusi yang diluluskan di dalam satu MALB telah diisyiharkan sebagai terbatal atas alasan bahawa notis memanggil mesyuarat tersebut adalah tidak memadai. MALB tersebut diadakan mengikut artikel 60 (2), artikel persatuan syarikat iaitu mesyuarat dipanggil oleh ahli setelah pengarah gagal memanggil mesyuarat apabila menerima rekusisi daripada ahli. Notis memanggil mesyuarat menyebut seperti berikut:-

“Perkara yang akan dibincangkan dan diputuskan di dalam mesyuarat ialah seperimana yang dikemukakan di dalam notis rekusisi”

Malangnya salinan notis rekusisi yang dimaksudkan di atas tidak disertakan bersama dengan notis memanggil mesyuarat.

Berdasarkan fakta kes, tidaklah dapat dinafikan bahawa segala usaha telah dibuat untuk menyampaikan notis. Walau bagaimanapun menurut Hakim Suffian (sebagaimana beliau ketika itu), notis tersebut mempunyai satu kecacatan yang *fatal*.⁵⁴ Ia tidak menyatakan secara umum usul yang akan diluluskan di dalam mesyuarat tersebut. Penyataan objek di dalam notis memanggil mesyuarat tersebut tidak dapat menerangkan urusan sebenar yang ingin dijalankan. Tanpa menyertakan salinan notis rekusisi yang dimaksudkan, ahli yang membacanya tidak akan memahami dan mendapat amaran yang munasabah mengenai apa yang akan dijalankan di dalam mesyuarat tersebut. Tambahan pula tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa semua ahli mengetahui isi kandungan rekusisi tersebut. Oleh

⁵³ *Supra* Nota Kaki 20.

⁵⁴ *Id.*, hlm. 373.

yang demikian, mesyuarat tersebut telah diisyiharkan sebagai terbatal dan tidak mempunyai sebarang kesan.

2.3.4 Kecacatan Pada Notis

Notis yang cacat ialah satu notis yang telah menyebabkan atau akan menyebabkan ketidakadilan yang besar kepada ahli yang berhak menerima notis tersebut.⁵⁵ Kecacatan tersebut boleh jadi disebabkan oleh tempoh notis yang pendek, isi kandungan yang tidak memadai ataupun proses penghantaran notis yang dibuat di luar aturan. Notis boleh jadi cacat sekiranya tidak menyertakan deraf resolusi MALB seperti yang diperlukan oleh artikel-artikel persatuan.⁵⁶

Di bawah *Common Law*, prosiding di dalam mesyuarat boleh terbatal disebabkan kecacatan pada notis memanggil mesyuarat.⁵⁷ Sebaliknya Akta Syarikat 1965 di bawah seksyen 355 memberikan sedikit kelonggaran terhadap sebarang kecacatan, luar aturan atau kekurangan pada prosiding mesyuarat. Di bawah seksyen ini mahkamah boleh mengeluarkan pengisytiharan bahawa sesuatu mesyuarat itu sebagai sah dan mengetepikan fakta bahawa terdapat kecacatan, kekurangan ataupun luar aturan pada notis memanggil mesyuarat. Akan tetapi keseluruhan seksyen ini adalah bertujuan untuk membolehkan mahkamah campurtangan di dalam kes-kes di mana hak ahli ataupun pemutang syarikat tergugat akibat kecacatan, kekurangan atau luar aturan pada prosiding mesyuarat.⁵⁸

⁵⁵ Yap, Priscillia, P.Y., Company Meetings, Law and Practice In Malaysia (2001), hlm. 78.

⁵⁶ *Hup Seng Co. Ltd. Lwn. Yin & Ors.*, *op. cit.*

⁵⁷ *In re Express Engineering Works Ltd.* [1920] 1 Ch. 466.

⁵⁸ Arjunan, Krishnan & Low Chee Keong, Lipton & Herzberg's Understanding Company Law in Malaysia, (Edisi Pelajar, 1995), hlm. 283.

Sungguhpun seksyen ini memberi peluang kepada pihak majoriti dan syarikat untuk melepaskan diri daripada sebarang ketinggalan atau salah aturan dalam menjalankan mesyuarat agung, mahkamah tidak akan membenarkan seksyen tersebut digunakan untuk menindas atau membatalkan hak minoriti. Seksyen 355 ini juga tidak boleh digunakan untuk mengesahkan sebarang luar aturan yang berbentuk penafian hak ahli di dalam mesyuarat, contohnya hak mengundi.⁵⁹

2.3.5 Cara Penyampaian dan Tempoh Notis

Seksyen 145 (4) menyebut bahawa sejauh mana artikel syarikat tidak memperuntukkan sebaliknya tentang cara penyampaian notis, notis hendaklah diserahkan dengan cara yang ditetapkan oleh Jadual ke 4 (Jadual A). Ini bermakna setiap syarikat boleh menentukan cara penyampaian notis mereka sendiri dengan membuat peruntukan yang jelas di dalam artikel syarikat mereka. Persoalannya, wajarkah satu perkara yang penting seperti cara menyampaikan notis, tidak ditetapkan dengan penuh oleh Akta Syarikat 1965 tetapi sebaliknya ditetapkan oleh artikel-artikel persatuan syarikat? Ini adalah kerana kebebasan yang diberikan tersebut akan memberi ruang terbuka kepada syarikat untuk memilih cara penyampaian notis. Syarikat boleh memasukkan peruntukan-peruntukan yang mungkin memudahkan urusan mereka tetapi mungkin tidak memberi keuntungan kepada pihak minoriti.

⁵⁹ *Lim Hean Pin lwn. Thean Seng Co. Sdn. Bhd.* [1992] 2 MLJ 10. Di dalam kes ini mahkamah berpendapat bahawa seksyen 355 tidak dapat memaafkan kesilapan pengerusi mesyuarat kerana menafikan hak proksi yang dilantik dengan sempurna untuk mengundi.

Jika Jadual ke 4 diterima pakai, rujukan perlu dibuat kepada artikel 108. Menurut artikel ini, notis memanggil mesyuarat boleh disampaikan dengan dua cara iaitu dengan cara serahan persendirian (serahan kediri) ataupun dengan pos. Penyerahan notis ini hendaklah dibuat ke alamat berdaftar si penerima. Sekiranya beliau tidak mempunyai alamat berdaftar di Malaysia, penyerahan hendaklah dibuat ke mana-mana alamat di dalam Malaysia yang diberikan kepada syarikat. Harus ditekankan di sini bahawa jika notis dihantar melalui pos, penerima dianggap telah menerima notis tersebut keesokan harinya.

Tempoh notis secara keseluruhannya bergantung kepada jenis resolusi yang akan diluluskan. Menurut seksyen 145 (2), pemanggilan mesyuarat agung termasuklah mesyuarat kelas syer hendaklah dipanggil dengan notis 14 hari. Prinsip ini walau bagaimanapun tidak terpakai kepada mesyuarat yang akan meluluskan resolusi khas. Pengecualian ini dinyatakan dengan jelas di dalam seksyen 152. Menurut seksyen 152, mesyuarat yang akan meluluskan resolusi khas memerlukan notis 21 hari.

Pengiraan tempoh 14 – 21 hari tersebut adalah bergantung kepada peruntukan di dalam artikel-artikel persatuan syarikat. Jadual ke 4 tidak memberikan gambaran yang jelas mengenai perkara tersebut. Artikel 45 menyatakan bahawa, hari penyampaian atau hari dianggap sebagai disampaikan, tidak termasuk dalam pengiraan. Sekiranya artikel-artikel syarikat tidak menyatakan berkenaan pengiraan tersebut, maka pengiraan hari hendaklah dianggap sebagai 14 – 21 “hari genap” (*clear days*). “Hari genap” di sini membawa maksud hari penyampaian dan hari

mesyuarat, tidak termasuk di dalam pengiraan.⁶⁰ Oleh itu, sekiranya MAT ingin diadakan pada 21hb. Januari, notis hendaklah ditarikhkan dan disampaikan selewat-lewatnya pada 6hb. Januari.

Pemakaian prinsip “hari genap” ditegaskan di dalam kes *In re Hector Whaling Limited*.⁶¹ Di dalam kes ini Hakim Bennett mentakrifkan frasa “dua puluh satu hari notis” seperti di dalam seksyen 177 (2) Akta Syarikat 1929 (UK) adalah tidak termasuk hari penyampaian dan hari mesyuarat. Satu lagi prinsip yang amat penting diputuskan di dalam kes ini ialah penyekatan ke atas kuasa syarikat untuk memasukkan sebarang peruntukan yang memendekkan tempoh tersebut ke dalam artikel-artikelnya. Hakim Bennett di dalam penghakimannya menegaskan seperti berikut:-

“... dan saya tidak dapat melihat sebarang sebab yang mana saya boleh memutuskan dengan sempurna bahawa sesebuah syarikat itu boleh dengan artikel persatuannya memotong panjang masa yang telah disebutkan oleh Parlimen mesti berakhir antara tarikh di mana notis diserahkan dan tarikh di mana mesyuarat diadakan⁶²,”

Keputusan mahkamah di dalam kes ini secara nyata memberi perlindungan kepada ahli terutamanya minoriti terhadap sebarang cubaan syarikat untuk memasukkan sebarang peruntukan di dalam artikel yang boleh membawa kepada pengiraan yang lebih pendek.

⁶⁰ Akta Tafsiran 1948 dan 1967, seksyen 54.

⁶¹ [1936] 1 Ch. 208.

⁶² *Id.*, hlm. 210

Bagi serahan notis mesyuarat secara pos pula, artikel 108 Jadual ke 4 sekiranya diterima pakai menyatakan bahawa penyerahan notis hendaklah dianggap berkesan atau telah berkesan sehari selepas tarikh notis tersebut diserahkan. Penyerahan notis juga hanya akan berkesan sekiranya segala langkah telah diambil dengan sempurna untuk tujuan mengepos surat dan segala bayaran yang diperlukan bagi maksud tersebut telah dijelaskan. Walaupun rukun ini memberi perlindungan kepada ahli persoalannya ialah apakah perkhidmatan pos yang ada pada masa ini, dapat menjamin kelancaran penghantaran notis? Tidak dinafikan bahawa perkhidmatan pos di negara ini amat memuaskan tetapi dengan kadar surat yang semakin meningkat adalah diharapkan agar kecemerlangan perkhidmatan pos tidak akan terjejas.

Di samping itu pihak pengurusan juga menjadi penyumbang kepada masalah kelewatan ahli menerima notis mesyuarat. Sesetengah pengurusan syarikat mengambil mudah dalam urusan penghantaran notis. Mereka selalunya menunggu di saat akhir baharulah notis dihantar. Mungkin masalah ini tidak berlaku di kalangan syarikat-syarikat awam terutamanya yang disenaraikan, tetapi wujud di kalangan syarikat sendirian berhad. Masalah ini timbul kebiasaannya disebabkan kelemahan di dalam sistem akaun syarikat. Ini menyebabkan akaun-akaun beraudit mereka hanya akan siap pada saat-saat terakhir. Walaupun tempoh notis dipenuhi tetapi notis-notis yang dihantar di saat-saat akhir akan menyebabkan ahli mempunyai masa yang terhad untuk mempertimbangkan sama ada mereka perlu hadir atau tidak ke mesyuarat.

Walaupun tempoh notis telah ditetapkan oleh undang-undang, ia tidak bermakna mesyuarat menjadi tidak sah jika notis lebih pendek diberi. Seksyen 145 (3)(a) menyatakan bahawa bagi MAT, notis pendek boleh diberi sekiranya mendapat persetujuan dari semua ahli yang berhak hadir dan mengundi di dalam MAT tersebut. Bagi jenis mesyuarat yang lain dan juga mesyuarat yang akan meluluskan resolusi khas, persetujuan hendaklah diperolehi dari majoriti ahli yang memegang tidak kurang daripada 95% daripada syer yang mempunyai hak untuk hadir dan mengundi. Bagi syarikat-syarikat yang tidak mempunyai modal syer, notis pendek mestilah mendapat persetujuan daripada tidak kurang dari 95% daripada ahli yang berhak untuk mengundi.⁶³ Peruntukan-peruntukan ini walaupun memberikan syarikat alasan untuk dimaafkan atas kelalaian mereka mematuhi tempoh masa yang ditetapkan tetapi ia tidak menjelaskan perlindungan ke atas pemegang syer minoriti. Ini adalah kerana di dalam kes MAT persetujuan semua ahli yang berhak hadir mesti diperolehi. Di dalam kes mesyuarat lain atau mesyuarat yang akan meluluskan resolusi khas, majoriti yang boleh mengetepikan notis pendek adalah majoriti yang sangat besar. Dengan ketetapan ini lembaga pengarah mestilah mempunyai alasan yang benar-benar kukuh untuk meyakinkan ahli supaya menerima notis pendek tersebut. Oleh yang demikian, peruntukan-peruntukan ini sebenarnya melindungi semua ahli termasuklah pihak minoriti dari sebarang kecuaian lembaga pengarah dalam memberikan notis memanggil mesyuarat.

⁶³ Seksyen 145 (3)(b), dan Seksyen 152 (2).

2.4 Kesimpulan

Tidaklah dapat dinafikan bahawa Akta Syarikat 1965 dan undang-undang kes telah cuba seberapa daya untuk memberi perlindungan terhadap ahli terutamanya pihak minoriti di dalam hal menghadiri, memanggil dan menerima notis mesyuarat. Namun begitu, masih terdapat beberapa kelemahan yang patut dititikberatkan. Terdapat tiga masalah utama yang dapat disimpulkan oleh penulis yang boleh menghalang matlamat undang-undang untuk melindungi ahli.

Sememangnya perundangan syarikat memberikan hak kepada ahli untuk memanggil mesyuarat sama ada melalui rekusisi (sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 144) ataupun secara bersendirian di bawah seksyen 145 (1). Dengan pemberian hak tersebut, ahli diberi hak untuk terlibat secara aktif dalam menentukan hala tuju syarikat. Walau bagaimanapun syarat kelayakan yang dikenakan bagi menikmati hak tersebut agak tinggi. Pegangan 10% di dalam modal berbayar ataupun modal terbitan adalah syarat yang agak berat untuk dipenuhi. Kesulitan tersebut dapat dilihat dengan jelas di dalam syarikat-syarikat awam yang mempunyai modal dan berkeahlilan tinggi. Keadaan ini sebenarnya, secara tidak langsung akan menyebabkan hanya golongan majoriti sahaja yang dapat menikmati kemudahan yang diberi.

Mungkin kita perlu mengambil teladan dari perundangan syarikat yang lebih maju seperti di Australia. *Corporations Act 2001* menerusi seksyen 249D, 249E dan 249F mengenakan syarat yang lebih rendah. Seksyen 249D (1) menyatakan bahawa sesuatu rekusisi itu hendaklah dibuat oleh tidak kurang daripada 100 orang ahli yang

berhak untuk mengundi pada mesyuarat agung tersebut. Sememangnya ia menyelesaikan masalah bagi syarikat awam, tetapi bagaimana pula sekiranya ahli syarikat hanyalah 50 orang sahaja? Menyedari hakikat ini, seksyen 249D (1)(b) memperuntukkan bahawa ahli yang memegang 5% daripada jumlah hak mengundi yang boleh digunakan pada mesyuarat agung tersebut, berhak untuk membuat tuntutan. Syarat 5% ini juga terpakai bagi seksyen 249F (peruntukan yang sama dengan seksyen 145 (1), Akta Syarikat 1965). Mungkin sudah tiba masanya syarat kelayakan pegangan syer yang dikenakan di bawah seksyen 144 dan 145 dikaji semula untuk memberikan peluang yang lebih besar kepada ahli-ahli terutamanya ahli minoriti untuk memanfaatkan hak yang diberikan untuk memanggil mesyuarat.

Seksyen 150 pula memberikan kuasa kepada mahkamah untuk memanggil mesyuarat apabila cara biasa pemanggilan mesyuarat adalah tidak praktikal. Kuasa mahkamah tersebut dapat dilaksanakan apabila ahli membuat permohonan. Peruntukan ini sememangnya membantu ahli dalam memastikan hak mereka untuk menghadiri mesyuarat terjamin. Tambahan pula, tidak ada sebarang syarat pegangan syer yang dikenakan untuk membuat permohonan. Walaupun begitu, masih terdapat masalah yang timbul. Masalah utamanya ialah kos. Kos untuk membawa tindakan ke mahkamah bukanlah kos yang rendah. Bayaran guaman sahaja akan menelan belanja yang tinggi. Walaupun mahkamah boleh kemudiannya membuat sebarang perintah mengenai kos tetapi berapa ramaikah ahli yang sanggup mendahulukan wang mereka? Dengan tahap kesedaran ahli di Malaysia ini mengenai betapa pentingnya menghadiri mesyuarat, ahli akan merasakan tidak berbaloi untuk membawa tindakan. Tambahan pula jika syarikat tidak membuat keuntungan dan ahli tidak menerima sebarang pembayaran dividen. Sememangnya masalah kos ini tidak

mempunyai penyelesaian. Maka terpaksa ahli terutamanya pihak minoriti menunggu belas ihsan ahli yang sanggup berkorban belanja.

Mesyuarat adalah urusan dalaman syarikat. Oleh itu segala tatacara sesebuah mesyuarat akan dikawal oleh peruntukan-peruntukan di dalam artikel-artikel persatuan syarikat termasuklah cara penyampaian notis. Persoalannya ialah apakah wajar satu perkara yang begitu penting seperti ini, diserahkan kepada artikel-artikel syarikat? Ini amat tidak sihat kerana ia memberi ruang kepada pengurusan syarikat dan pihak majoriti mengambil mudah dalam hal penyampaian notis. Mereka bebas menentukan cara penyampaian yang memudahkan diri mereka ataupun cara yang hanya mereka mempunyai kemudahannya, contohnya melalui faks, e-mail ataupun lain-lain metod canggih yang tidak mampu dimiliki oleh sesetengah ahli. Pada masa yang sama syarikat juga tidak harus disekat dalam menggunakan segala kemudahan teknologi yang sedia ada. Oleh yang demikian penulis berpendapat bahawa penyampaian notis secara serahan sendiri atau secara pos ini diwajibkan kepada semua syarikat tanpa menjaskan hak syarikat untuk menggunakan sebarang metod tambahan yang lain.

Walau apapun kekurangan di dalam perundangan yang sedia ada, ianya tidak patut dijadikan alasan untuk mensia-siakan hak yang diberi. Secara keseluruhannya Akta Syarikat 1965 dan undang-undang kes telah memberi perlindungan yang munasabah kepada ahli dan juga pihak minoriti. Jika adapun sedikit kekurangan, ianya bukanlah sesuatu yang tidak dapat diperbaiki. Ini adalah kerana secara keseluruhannya konsep pemeliharaan hak tersebut telah ada, cuma mungkin memerlukan modifikasi di sana sini. Akhirnya ahli terutamanya pihak minoriti

sendiri yang perlu dipersalahkan. Ini adalah kerana pada kebiasaannya mereka malas untuk menghadiri mesyuarat walaupun telah diberikan notis yang sempurna. Sikap mereka sendiri yang menyebabkan mereka kehilangan hak untuk bersuara dan meminta penjelasan daripada pengurusan syarikat atas apa juga tindakan dan ketinggalan pengurusan syarikat.

BAB 3

HAK MENGUNDI

3.0 Pendahuluan

Di dalam bab yang lalu, penulis telah membincangkan mengenai hak ahli untuk menghadiri, memanggil dan menerima notis mesyuarat. Hak-hak ini bolehlah dianggap sebagai hak-hak awal, sebelum mesyuarat diadakan. Pelunasan hak ahli walau bagaimanapun tidak terhenti di situ sahaja. Hak ahli di dalam hal-hal mesyuarat syarikat seperti yang dijamin oleh seksyen 148(1), melangkau ke hari mesyuarat diadakan.

Mengikut peruntukan seksyen 148 (1) ini, pada hari yang ditetapkan di dalam notis memanggil mesyuarat, ahli berhak untuk menguatkuasakan hak yang paling penting, iaitu hak untuk bersuara dan hak untuk mengundi. Apabila sesuatu usul itu dibentangkan oleh pengurusan syarikat, semua ahli adalah bebas untuk menyuarakan pendapat mereka. Penerangan lanjut dari pihak pengurusan boleh diminta dan usul tersebut berhak untuk dibahaskan secara intensif oleh para ahli sebelum membuat keputusan. Di akhir perbahasan ahli-ahli yang hadir akan membuat keputusan sama ada untuk menerima usul atau sebaliknya. Di sinilah letaknya kepentingan hak ahli yang seterusnya, iaitu hak untuk mengundi.

Bab ini akan cuba mengupas kepentingan hak mengundi ini dan pandangan undang-undang mengenai perlaksanaannya. Kita juga akan melihat bagaimakah proses pengundian harus dilakukan menurut perundangan syarikat. Ini adalah penting kerana secara realiti amalan, mesyuarat syarikat mungkin dikendalikan dengan berbagai gaya dan cara.

3.1 Asas Perlaksanaan Hak Mengundi

Sesuatu usul yang dikemukakan oleh lembaga pengarah akan hanya tinggal sebagai usul di atas kertas sekiranya tidak mendapat kelulusan mesyuarat. Usul tersebut akan menjadi resolusi yang mengikat sekiranya mendapat undi sokongan majoriti ahli yang hadir. Hak ahli untuk mengundi mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Selain daripada kepentingan perlaksanaan hak tersebut, mengundi adalah merupakan hak mutlak ahli. Sungguhpun mahkamah mempunyai kuasa yang luas di bawah seksyen 355 untuk memaafkan sebarang kecacatan, luar aturan ataupun ketinggalan dalam mesyuarat tetapi seksyen ini tidak boleh menafikan hak ahli untuk mengundi sama ada secara sendiri atau melalui proksi. Di dalam kes *Lim Hean Pin lwn. Thean Seng Co. Sdn. Bhd.*¹ pengerusi mesyuarat dengan tidak sah telah tidak membentarkan seorang proksi yang dilantik dengan sempurna, mengundi dalam satu pungutan suara. Mahkamah telah memutuskan bahawa keingkaran pengerusi tersebut adalah satu keingkaran yang serius dan tidak boleh dimaafkan.

¹ [1992] 2 MLJ 10.

3.1.1 Siapa Yang Berhak Untuk Mengundi

Persoalan mengenai siapa yang berhak untuk mengundi adalah tertakluk kepada artikel-artikel persatuan syarikat. Secara amnya semua ahli yang berhak untuk menerima notis mesyuarat adalah berhak untuk mengundi di dalam mesyuarat tersebut. Hak ahli untuk mengundi juga termaktub dengan jelas di dalam Akta Syarikat 1965.² Prinsip amnya ialah setiap ahli di dalam syarikat yang mempunyai modal syer mempunyai satu undi bagi setiap syer yang dipegangnya. Ahli di dalam syarikat yang tidak mempunyai modal syer pula mempunyai satu undi bagi keahlian mereka.³

Takrifan “ahli” perlu difahami dengan jelas. Menurut Hakim Jessel MR di dalam kes *Pender lwn. Lushington*,⁴ “ahli” seperti yang dimaksudkan oleh Akta Syarikat 1965 adalah *prima facie* bermaksud pemegang syer berdaftar.⁵ Sesiapa sahaja yang namanya tertera di dalam daftar ahli syarikat adalah ahli syarikat dan dengan itu berhak untuk menguatkuasakan hak untuk mengundi. Di dalam kes di mana syer dipegang secara bersama, hak mengundi juga dikongsi bersama. Oleh yang demikian, pada kebiasaan artikel-artikel syarikat akan memperuntukkan bahawa undi pemegang syer yang paling kanan hendaklah diterima dan mengikat ahli yang lain.⁶ Ianya walau bagaimanapun, tertakluk kepada fakta bahawa tidak ada sebarang bantahan yang dikemukakan oleh ahli yang memegang syer tersebut bersamanya. Penentuan ahli yang paling kanan biasanya dibuat berdasarkan susunan

² Seksyen 148 (1).

³ Seksyen 147 (1)(d).

⁴ (1877) 6 ChD 70.

⁵ *Id.*, hlm. 77; *Supra* Bab 2.3.1(a).

⁶ Jadual ke 4, artikel 55.

nama di dalam daftar ahli.⁷ Nama yang paling atas selalunya dianggap nama pemegang syer bersama yang paling kanan.

Dengan kata yang mudah, hanya nama yang terdapat di dalam daftar ahli sahaja yang berhak untuk hadir, menerima notis dan mengundi di dalam mesyuarat syarikat. Persoalan mengenai motif sebenar pemilikan syer yang memberi hak untuk mengundi tersebut adalah tidak relevan sama sekali. Fakta bahawa syer tersebut sebenarnya dipegang sebagai amanah tidak akan memberi kesan. Tambahan pula notis pegangan amanah tidak akan mengikat syarikat. Inilah persoalan yang diperdebatkan di dalam kes *Pender lwn. Lushington*.⁸ Di dalam satu MALB, sejumlah undi telah diketepikan oleh pengerusi mesyuarat. Keputusan beliau dibuat atas alasan bahawa undi yang ditolak tersebut adalah dari syer yang dipindahmilik untuk tujuan amanah bagi kepentingan seorang ahli syarikat. Pindahmilik tersebut membolehkan ahli tersebut menambah kuasa kawalan ke atas pengundian. Hakim Jessel MR menjelaskan bahawa tugas mahkamah adalah menentukan siapakah yang berhak untuk mengundi (iaitu ahli yang namanya terdapat di dalam daftar syarikat).⁹ Fakta lain adalah tidak penting. Mahkamah juga memutuskan bahawa seseorang pengerusi mesyuarat tidak berhak untuk mempersoalkan siapa sebenarnya yang mempunyai kepentingan benefisial ke atas syer tersebut. Oleh yang demikian beliau sepatutnya menerima undi tersebut.

⁷ Xuereb, Peter G, The Rights of Shareholders, (1989), hlm. 81.

⁸ *Supra* Nota Kaki 4.

⁹ *Supra* Nota Kaki 4, hlm. 76.

Bagi syer-syer keutamaan ia boleh diterbitkan dengan hak untuk mengundi. Syer-syer jenis ini lebih dikenali sebagai syer ekuiti.¹⁰ Bagi syer-syer keutamaan yang diterbitkan tanpa hak mengundi, hak mengundi akan wujud di dalam hal-hal seperti berikut¹¹:-

- a. apabila berlaku tunggakan terhadap pembayaran dividen keutamaan atau dividen tersebut telah tidak dibayar untuk tempoh 12 bulan selepas tamat tarikh dividen dikeluarkan. Tempoh yang lebih pendek boleh terpakai sekiranya diperuntukkan oleh artikel-artikel persatuan; atau
- b. apabila resolusi yang akan diputuskan itu akan mengubah hak kelas syer tersebut; atau
- c. apabila resolusi penggulungan syarikat akan diputuskan.

Secara jelasnya ditegaskan di sini bahawa daftar ahli adalah rekod penting bagi menentukan hak untuk mengundi. Wasi, pentadbir pusaka atau pegawai pemegang harta (di dalam kes kematian atau kebankrapan ahli) tidak berhak untuk mengundi selagi nama mereka tidak dicatatkan di dalam daftar ahli. Walau bagaimanapun, mereka berhak untuk meminta agar nama mereka dimasukkan oleh syarikat ke dalam daftar ahli.¹² Begitulah juga halnya dengan kes pindahmilikan syer. Sekiranya nama penerima pindahmilikan belum dimasukkan ke dalam daftar ahli mungkin atas sebab pembayaran yang belum langsai, walaupun telah ada niat dan usaha untuk pemindahan hak, beliau tetap tidak berhak untuk mengundi.¹³ Benifisiari bagi sebuah amanah tidak dianggap sebagai ahli. Oleh itu, syarikat bertanggungjawab untuk

¹⁰ Bagi maksud takrifan seksyen 4, syer-syer ini tidak dianggap sebagai syer keutamaan.

¹¹ Seksyen 148 (2).

¹² Seksyen 162; *Scott lwn. Frank F. Scott (London) Ltd.* [1940] 1 Ch. 794.

¹³ *Musselwhite lwn. C.H. Musselwhite, & Son Ltd.* [1962] 1 Ch. 964.

menerima undi dari pemegang amanah biarpun ianya mungkin melanggar perjanjian amanah yang dimasukinya.

3.1.2 Penggantungan Hak Mengundi

Hak mengundi adalah hak yang dijamin oleh undang-undang. Ia tidak boleh dirampas atau ditarik balik oleh mana-mana pihakpun. Walaupun hak tersebut tidak boleh dirampas tetapi ia boleh digantung dalam dua keadaan iaitu:-

- a. Di bawah peruntukan artikel persatuan syarikat;
- b. Semasa peperangan

3.1.2(a) Di bawah peruntukan artikel persatuan

Sekiranya Jadual ke 4 diterima pakai sebagai artikel persatuan syarikat, terdapat dua peruntukan di mana hak ahli untuk mengundi di mesyuarat agung syarikat boleh digantung. Ianya adalah seperti berikut:-

- a. Pertamanya, menurut artikel 57 hanya ahli yang telah membayar semua panggilan ke atas syer yang dipegangnya atau apa-apa jumlah yang kena dibayar olehnya berhak untuk mengundi. Kegagalan ahli untuk menjelaskan semua bayaran yang perlu akan menyebabkan haknya untuk mengundi digantung sehingga jumlah tersebut dilangsaikan.¹⁴

¹⁴ Lihat juga seksyen 148 (1).

b. Keduanya, hak mengundi oleh ahli bagi kelas syer keutamaan boleh digantung sementara waktu atas syarat-syarat tertentu. Seksyen 148 (2) memberi kuasa kepada syarikat untuk memasukkan peruntukan di dalam artikelnya tentang penggantungan hak pemegang syer keutamaan untuk mengundi dengan sebab-sebab tertentu.

3.1.2(b) Semasa Peperangan

Di Malaysia larangan berurusniaga dengan musuh semasa peperangan ini agak kabur. Ini adalah kerana tiada peruntukan yang khusus mengenai perkara tersebut. Walau bagaimanapun, penggantungan hak untuk mengundi semasa peperangan mungkin boleh kita sandarkan kepada pemakaian *Common Law* dan prinsip polisi awam. Di England halangan ini diperuntukkan dengan spesifik oleh *Trading With Enemies Act 1939 (UK)*.

Secara amnya prinsip ini menyatakan bahawa semasa peperangan hak untuk mengundi bagi ahli-ahli yang beralamat di negara musuh adalah digantung. Persoalan yang timbul di sini ialah siapakah yang dimaksudkan “musuh” tersebut. “Musuh” di sini membawa maksud negara dengan mana negara kita berperang. Contohnya, semasa Perang Dunia Ke2 ahli-ahli perniagaan Jerman, yang mempunyai syer dalam syarikat di England, telah digantung haknya untuk mengundi. “Musuh” di bawah takrifan *Common Law* termasuklah rakyat yang tinggal di kawasan yang dikuasai musuh.¹⁵ Penempatan sementara ketenteraan untuk tujuan peperangan sahaja belum cukup untuk menyabitkan bahawa sesuatu kawasan

¹⁵ *In re Anglo-International Bank Limited* [1943] 1 Ch. 233.

itu dikuasai oleh musuh.¹⁶ Sesuatu kawasan itu adalah dianggap sebagai dikuasai musuh apabila hak sivil penduduknya berada di dalam kawalan pihak musuh.¹⁷

Pengantungan hak mengundi ini sememangnya mempunyai alasan munasabah. Menjadi satu kesalahan baik di sisi *Common Law* ataupun polisi awam untuk mempunyai sebarang bentuk hubungan dengan pihak musuh. Semasa peperangan hubungan dari segi diplomatik, perdagangan mahupun komunikasi akan terputus. Jikapun tidak terdapat sebarang sekatan di bawah *Common Law*, notis memanggil mesyuarat tidak mungkin dapat dihantar semasa peperangan.

Satu lagi persoalan yang menarik untuk diketengahkan ialah, apakah ahli dari kalangan “musuh” boleh diwakili oleh proksi. Fakta yang mudah dan jelas dapat dilihat di dalam kes *Robson lwn. Premier Oil And Pipe Line Company Limited*.¹⁸ Sebuah bank Jerman yang beribu pejabat di Berlin dan mempunyai cawangannya di England adalah pemegang syer bagi syarikat defendant. Disebabkan Jerman dan England pada ketika itu di dalam krisis peperangan, proksi dari kalangan rakyat England telah dilantik bagi mewakili pemegang syer “musuh” tersebut di dalam satu mesyuarat syarikat.

Perlantikan proksi tersebut dibuat atas cop meterai cawangan syarikat tersebut di London. Borang proksi telah ditandatangani oleh dua orang pengurus cawangan, seorang adalah rakyat Jerman dan seorang lagi adalah rakyat Rusia. Undi dari proksi tersebut telah ditolak atas alasan bahawa hak mengundi pihak “musuh” adalah digantung. Mahkamah berpendapat bahawa penolakan undi tersebut adalah

¹⁶ *Id. per Lord Greene MR*, hlm. 240.

¹⁷ *Op. cit.*, hlm. 242.

¹⁸ [1915] 2 Ch. 124.

berasas walaupun proksi yang mengundi adalah dari kalangan rakyat England. Ini adalah kerana perlantikan rakyat sesebuah negara sebagai proksi bagi pihak “musuh” adalah dianggap sebagai satu “perhubungan dengan musuh” dan ianya adalah sesuatu yang dilarang semasa peperangan.¹⁹ Secara kesimpulannya dapatlah dinyatakan bahawa penggantungan hak mengundi seorang ahli dari kalangan “musuh” adalah secara mutlak.

3.1.3 Kewajipan Ahli Semasa Mengundi

Hak mengundi bagi ahli adalah hak dari segi harta²⁰ atas syer-syer yang dipegang olehnya.²¹ Secara amnya di bawah undang-undang, seseorang yang mempunyai hak ke atas harta mempunyai hak untuk melaksanakan hak mereka dengan apa cara sekalipun.²² Seorang ahli yang mengundi di mesyuarat syarikat tidak dibelenggu dengan kewajipan fidusiari. Tidak seperti pengarah yang mengundi di mesyuarat lembaga pengarah, ahli tidak perlu pada amnya memikirkan kesan undi mereka kepada ahli yang lain. Di dalam kes di mana seorang ahli itu pada masa yang sama merupakan pengarah syarikat walaupun beliau mempunyai tanggungjawab fidusiari terhadap syarikat sebagai pengarah tetapi apabila beliau melaksanakan haknya sebagai ahli, beliau tidak terikat untuk mengekalkan tugas fidusiari pengarahnya.²³

¹⁹ *Id.* hlm. 136 – 137.

²⁰ Woon, Walter, Undang-Undang Syarikat, (Terjemahan Aishah Hj. Bidin), (2000), hlm. 136.

²¹ Yap, Priscillia P. Y., Company Meetings, Law and Practice In Malaysia, (2001), hlm 110.

²² Pender lwn. Lushington, *Supra* Nota Kaki 4, hlm.75.

²³ *Northern Countries Securities Ltd.* lwn. *Jackson & Steeple Ltd.* [1974] 2 All ER 625 per Hakim Walton hlm. 637 – 638.

Seorang ahli tidak perlu mengambil kira pandangan ahli yang lain tentang kepentingan syarikat secara keseluruhan semasa mengundi. Dia berhak untuk mengundi dengan cara yang difikirkan sesuai untuk kepentingan dirinya sendiri. Mahkamah tidak akan campurtangan walau apapun motif di sebalik keputusannya itu. Sepertimana yang disebut oleh Hakim Jessel MR di dalam kes *Pender lwn. Lushington*:²⁴

“Jika saya boleh menyatakan tidak ada kewajipan ke atas pemegang syer sesebuah syarikat untuk memberi undinya berdasarkan pandangan apa yang orang lain anggap sebagai kepentingan syarikat secara menyeluruh. Beliau mempunyai hak jika difikirkan sesuai untuk memberikan undinya berdasarkan motif atau dorongan atas apa yang dianggap sebagai kepentingan dirinya secara individu”

Seorang ahli bukanlah pemegang amanah kepada ahli yang lain. Oleh yang demikian setiap ahli tidak mempunyai sebarang tugas fidusiari semasa mengundi.²⁵

Kebebasan untuk mengundi ini tidak akan tercabar walaupun beliau mempunyai kepentingan di dalam resolusi yang akan diputuskan. Prinsip ini dinyatakan oleh Sir Richard Baggallay di dalam kes *North-West Transportation Co. Ltd. lwn. Henry Beatty*²⁶ seperti berikut:-²⁷

“....dan setiap pemegang syer mempunyai hak untuk mengundi terhadap apapun persoalan biarpun dia mempunyai kepentingan dalam perkara yang mendapat bantahan tersebut atau berbeza daripada kepentingan am atau kepentingan tertentu syarikat”

²⁴ *Supra Nota Kaki 4*, hlm. 75-76.

²⁵ *Peter's American Delicacy Co. Ltd. lwn. Heath* (1939) 61 CLR 457 per Hakim Dixon, hlm. 504; *Northern Countries Securities Co. Ltd. lwn. Jackson Loc. cit. no. 23.*

²⁶ [1888] 12 App. Cas. 589.

²⁷ *Id.*, hlm. 593.

Di dalam kes ini salah seorang pengarah syarikat yang juga merupakan pemegang syer terbesar syarikat telah menjual kapal api miliknya kepada syarikat. Dalam usaha untuk mengesahkan transaksi tersebut seorang ahli telah membuat bantahan. Transaksi tersebut telah disahkan menerusi resolusi yang disokong oleh undi pengarah tersebut, Beatty dan tiga orang yang lain. Ahli yang tidak berpuas hati itu, telah cuba mendapatkan relif dari mahkamah bagi mengetepikan resolusi tersebut.

Permohonan telah dibuat atas alasan bahawa resolusi itu telah diluluskan dengan pengaruh undi Beatty yang mempunyai kepentingan atas kelulusan resolusi tersebut. Walau bagaimanapun mahkamah telah mengekalkan resolusi tersebut. Majlis Privy berpendapat bahawa fakta bahawa Beatty mempunyai kepentingan di dalam resolusi tersebut adalah tidak penting dan relevan. Mahkamah tidak dapat menyekat beliau dari menjalankan haknya sebagai ahli untuk mengundi.

Kesimpulannya, hak ahli untuk mengundi adalah hak budi bicara. Perlaksanaannya bersifat mutlak dan bebas dari sebarang sekatan. Prinsip ini sememangnya memberi kebebasan kepada ahli untuk memikirkan yang terbaik untuk kepentingan diri sendiri. Ia selari dengan sifat semulajadi manusia yang akan mengutamakan kepentingan diri sendiri apabila melibatkan persoalan mengenai harta.

Walaupun begitu pada masa yang sama ia juga membuka jalan bahaya terutamanya apabila kita memperkatakan tentang kepentingan golongan minoriti. Dengan kebebasan tanpa batasan yang diberikan, ahli majoriti bebas merencanakan

apa sahaja untuk kepentingan mereka. Tambahan pula mereka biasanya akan berada di dalam kumpulan pengurusan syarikat iaitu lembaga pengarah. Sebagai pemegang kawalan ke atas mesyuarat dengan mudah mereka akan mendapat majoriti undi sokongan tanpa perlu memikirkan kepentingan ahli-ahli lain. Di dalam kes-kes di mana salah laku telah dilakukan oleh pengarah juga, sekali lagi ahli-ahli minoriti akan diketepikan kepentingannya kerana dengan mudah salah laku tersebut dapat diratifikasi oleh pihak majoriti.

3.2 Had Ke Atas Kebebasan Mengundi

“Jelasnya perlu ada beberapa had kepada kuasa majoriti untuk meluluskan resolusi yang mana mereka percaya ianya untuk kepentingan syarikat dan kekal kebal daripada campurtangan mahkamah. Ia mungkin adalah untuk kepentingan syarikat untuk melucutkan minoriti daripada beberapa hak mereka atau beberapa harta mereka tetapi saya tidak berfikiran bahawa ini memberikan majoriti satu hak yang tidak terbatas untuk bertindak walau bagaimana tidak adilpun ianya atau sebanyak mana akan membahayakan pemegang-pemegang syer yang mana hak mereka dari kelas yang berbeza dengan majoriti”

Sir Robert Megarry VC²⁸

Adalah menjadi prinsip *Common Law* bahawa tidak ada istilah mengenai kuasa mutlak. Falsafah di sebalik had ke atas hak untuk mengundi golongan majoriti ini adalah berdasarkan bahawa setiap ahli sama ada mereka berada di kelompok majoriti maupun di pihak minoriti, mempunyai hak yang sama pengiktirafannya pada kacamata undang-undang. Adalah tidak adil untuk membiarkan pihak yang

²⁸ *Estmanco (Kilner House) Ltd. v. Greater London Council* [1982] 1 WLR 2, hlm. 11 – 12.

mempunyai kawalan ke atas undi syarikat bertindak sesuka hati mereka dan mengetepikan kepentingan pihak yang tidak mempunyai kawalan.

Untuk melindungi minoriti daripada pengundian yang tidak adil, mahkamah Inggeris telah mencipta konsep yang dikenali sebagai fraud terhadap minoriti (*fraud on minority*). Di bawah konsep ini, sungguhpun ahli syarikat tidak mempunyai tugas fidusiari semasa mengundi di dalam mesyuarat agung, ianya tidak bermakna pengundian boleh dilaksanakan sehingga menyebabkan ketidakadilan atau kecederaan ke atas syarikat atau ahli yang lain. Konsep ini amat besar kepentingannya terutamanya apabila memperkatakan mengenai perlindungan ke atas ahli minoriti, tambahan pula ia merupakan pengecualian paling utama ke atas rukun *Foss lwn. Harbottle* yang memberi kelebihan kepada golongan majoriti.²⁹

Di samping itu kebebasan ahli untuk mengundi boleh juga disekat dengan adanya sejenis perjanjian pengundian. Di bawah amalan ini, ahli yang terbabit sebagai pihak di dalam perjanjian tersebut perlulah menghadkan kuasa budi bicara mereka semasa mengundi supaya memenuhi terma perjanjian yang telah dipersetujui.

3.2.1 Fraud Terhadap Minoriti

Pemakaian konsep fraud terhadap minoriti ini amat meluas. Oleh yang demikian maksud yang tepat bagi ungkapan fraud terhadap minoriti ini bukanlah sesuatu yang

²⁹ Konsep rukun *Foss lwn. Harbottle* akan dibincangkan di dalam Bab 6.

mudah untuk ditentukan. Menurut Gower³⁰ apa yang jelas kedua-dua perkataan “fraud” mahupun “minoriti” digunakan secara berasingan. Perkataan “fraud” di dalam konsep ini bukan sahaja merangkumi maksudnya di dalam *Common Law* tetapi juga merangkumi maksud yang sama dengan “fraud ke atas kuasa” atau salahguna kuasa di dalam ekuiti.³¹ Perkataan “minoriti” pula, tidak semestinya bermaksud sekumpulan ahli yang undinya diketepikan tetapi juga mungkin di dalam kes tertentu membawa maksud kelas ahli yang tertentu. Perkataan “minoriti” juga tidak semestinya bermaksud ahli yang mengalami kecederaan tetapi mungkin juga syarikat.

Secara jujurnya penulis berpendapat adalah sukar untuk menkategorikan sesuatu fakta itu sebagai termasuk di dalam fraud terhadap minoriti. Tambahan pula mendefinisikan perkataan “fraud” itu sendiri adalah sesuatu yang amat sukar.³² Banyak pendekatan yang dibuat oleh penulis-penulis akademik mahupun para hakim bagi mencipta satu formula yang paling tepat bagi menghuraikan kekusutan ini. Di Malaysia analisa Yang Arif Hakim Gopal Sri Ram di dalam kes *Abdul Rahim bin Aki lwn. Krubong Industrial Park (Melaka) Sdn. Bhd. & Ors.*³³ merupakan penerangan yang paling jelas setakat ini, yang dinyatakan seperti berikut:-³⁴

“Walaupun maksud sebenar fraud ini tidak jelas dalam erti kata seorang itu masih belum dapat menentukan garis sempadannya (frasa tersebut) dengan tepat, penilaian ke atas autoriti-autoriti membuatkan kami untuk menyimpulkan cadangan-cadangan di bawah diterima tanpa keraguan:-

- (1) Ungkapan “fraud terhadap minoriti” adalah satu *term of art*

³⁰ Gower, LCB, *Gower's Principles of Modern Company Law*, (Ed. 5, 1992), hlm. 953.

³¹ *Estmanco (Kilner House)Ltd. lwn. Greater London Council, op. cit.*, hlm. 12.

³² Pendapat ini dikongsi bersama Loh Siew Cheang, *Corporate Powers, Controls, Remedies and Decision-Making*, (1996), hlm. 98.

³³ [1995] 3 MLJ 417.

³⁴ *Id.*, hlm.431.

dan tidak sama sekali mempunyai kaitan dengan fraud atau penipuan sebenar di bawah *Common Law*;

- (2) Kurang kejujuran termasuk di dalam ruang lingkup ungkapan tersebut. Walau bagaimanapun pemegang syer minoriti, tidak perlu membuktikan ketidak jujuran sebelum boleh menuntut relif di bawah doktrin ini; dan
- (3) Adalah memadai bagi seorang plantif di dalam satu tindakan yang didasarkan kepada doktrin ini untuk menunjukkan bahawa mereka yang menikmati kawalan majoriti menyalah gunakan kuasa yang ada pada mereka dalam erti kata mereka menggunakanya atau enggan menggunakanya untuk motif atau tujuan yang serong atau koleteral dan tidak untuk tujuan sebenar yang mana kuasa tersebut diamanahkan kepada mereka sama ada oleh memorandum dan artikel persatuan atau oleh statut atau oleh undang-undang umum”

Kesimpulannya dapatlah dianggap bahawa fraud terhadap minoriti bagi maksud perbincangan ini adalah penggunaan kuasa mengundi oleh pihak majoriti secara tidak wajar.

Penulis-penulis akademik berpendapat bahawa kuasa mengundi majoriti tidak boleh digunakan sehingga mengakibatkan berlaku tiga keadaan iaitu mengambil harta atau kepentingan syarikat, melucutkan hak, kelebihan atau harta ahli dan ketiganya, perlepasan pengarah daripada liabiliti mereka jika mereka telah mengambil harta syarikat atau harta ahli. Penetapan tiga kategori ini bukan bermakna konsep fraud terhadap minoriti ini hanya terhad kepada tiga keadaan ini sahaja. Seperti yang disebut terdahulu fraud tidak dapat didefinisikan dengan kata-kata yang tetap dan jelas. Ianya bukanlah satu konsep yang sempit. Sekiranya sesuatu kes itu tidak tergolong di dalam mana-mana kategori tersebut ia tidak bermakna fraud terhadap minoriti tidak berlaku. Penetapan tiga keadaan ini adalah

sekadar untuk kemudahan perbincangan. Berlaku atau tidaknya fraud terhadap minoriti di dalam sesuatu kes adalah bergantung kepada fakta kes tersebut.

3.2.1(a) Merampas Harta Atau Kepentingan Syarikat

Kategori pertama ini amat jelas sifatnya untuk tergolong sebagai tindakan fraud terhadap minoriti. Ini disebutkan dengan jelas oleh Lord Davey di dalam kes *Burland lwn. Earle*.³⁵ Menurut beliau fraud melibatkan semua kes-kes di mana pelaku salah berusaha secara langsung atau tidak untuk mengambil atau merampas wang, harta atau kepentingan syarikat untuk diri mereka sendiri.³⁶

Di dalam kes *Cook lwn. GS Deeks & Ors.*³⁷ tiga pengarah sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan kontraktor pembinaan jalan keretapi telah menggunakan kedudukan mereka dan reputasi syarikat untuk mendapatkan satu kontrak. Kontrak yang diperolehi itu bukanlah untuk syarikat tetapi untuk mereka sendiri. Setelah kontrak tersebut berjaya diperolehi fakta tersebut telah dimaklumkan kepada perayu yang mana beliau telah membantah. Memandangkan perayu membantah, satu mesyuarat agung telah dipanggil. Satu resolusi telah diluluskan dengan undi tiga per empat, mengisyiharkan syarikat tidak berminat dan berkepentingan ke atas kontrak tersebut. Perayu telah membawa tindakan dan mendakwa pengarah-pengarah tersebut telah melakukan pecah amanah. Mahkamah telah memutuskan bahawa kontrak tersebut dari segi ekuiti adalah kepunyaan syarikat. Oleh yang demikian pengarah tidak boleh secara sah menggunakan kuasa undi mereka untuk mengambil hak syarikat tersebut.

³⁵ [1902] AC 83.

³⁶ *Id.*, hlm. 93.

³⁷ [1916] 1 AC 554.

Di dalam kes *Regal (Hastings) Ltd. lwn. Gulliver & Ors.*,³⁸ pengarah syarikat Regal telah mendapat keuntungan daripada penjualan syer di dalam syarikat bersekutu. Mereka memperolehi syer tersebut melalui kedudukan mereka sebagai pengarah Regal. Tujuan pembelian syer tersebut adalah semata untuk membantu syarikat dalam satu urusniaga yang memerlukan modal berbayar syarikat yang tinggi dan syarikat Regal tidak mampu untuk memohon beli kesemua syer yang diperlukan. Tuntutan telah dibuat oleh pengurusan baru syarikat yang menyatakan bahawa pengarah telah melakukan fraud. Mahkamah memutuskan bahawa pengarah telah melanggar kewajipan terhadap Regal dan perlu mengembalikan apa-apa amaun keuntungan yang diperolehi. Walau bagaimanapun Lord Russell menyatakan bahawa pengarah sepatutnya boleh melindungi diri mereka dengan resolusi ahli Regal di mesyuarat agung.³⁹ Ratifikasi boleh dibawakan kerana mereka tidak merampas harta syarikat. Walaupun pengarah telah memecah kewajipan fidusiari mereka tetapi mereka tidak melakukan fraud terhadap minoriti kerana syarikat tidak berdaya untuk memperolehi harta tersebut. Kegagalan untuk membuat ratifikasi di dalam mesyuarat ahli menyebabkan mereka bertanggungan.

3.2.1(b) Merampas Harta Atau Syer Ahli

Di dalam kes *Brown lwn. British Abrasive Wheel Co. Ltd.*,⁴⁰ syarikat memerlukan tambahan modal. Pemegang syer yang memegang 98% jumlah keseluruhan syer bersedia untuk menambah modal dengan syarat mereka dibenarkan untuk mengambil alih baki syer yang dipegang oleh pihak minoriti. Pihak minoriti enggan menjual syer mereka. Oleh yang demikian satu resolusi telah diluluskan untuk

³⁸ [1942] 1 All ER 378.

³⁹ *Id.*, hlm. 398.

⁴⁰ [1919] 1 Ch. 290.

meminda artikel-artikel syarikat bagi memaksa pihak minoriti menjual syer mereka. Alasan yang diberikan ialah ianya untuk kepentingan syarikat secara keseluruhan kerana kegagalan membuat pindaan akan menggagalkan usaha untuk mendapatkan tambahan modal. Walau bagaimanapun Hakim Astbury berpendapat sebaliknya. Beliau berpendapat bahawa cadangan pindaan tersebut tidak mempunyai kaitan dengan tambahan modal. Ia juga tidak memberi sebarang jaminan bahawa tambahan modal tersebut akan dibuat. Pindaan artikel-artikel tersebut hanyalah semata-mata untuk kepentingan pihak majoriti.⁴¹

Di dalam kes *Sidebottom lwn. Kershaw Leese & Co. Ltd.*,⁴² keputusannya adalah berbeza. Kes ini melibatkan sebuah syarikat sendirian berhad yang mana pemegang syer minoritinya mempunyai kepentingan dalam persaingan syarikat. Sebagai bantahan atas fakta tersebut, syarikat meluluskan satu resolusi khas untuk membuat tambahan peruntukan di dalam artikel syarikat. Menurut peruntukan baru ini pengarah diberi kuasa untuk meminta pemegang syer yang berkepentingan dalam sebarang transaksi dan menjadi saingan syarikat, untuk menjual syer mereka pada harga yang berpatutan kepada pengarah. Resolusi ini telah dikekalkan atas alasan bahawa ianya diluluskan untuk kepentingan syarikat.

Di dalam kes *Wong Kim Fatt lwn. Leong & Co. Sdn. Bhd. & Anor*⁴³ pula, paksaan untuk memindahmilik syer minoriti telah dibenarkan. Akan tetapi keputusan ini didasarkan atas fakta yang sedikit berbeza. Di dalam kes ini artikel-artikel syarikat memperuntukkan bahawa pemegang syer yang memegang sejumlah angka majoriti tertentu boleh memaksa pemegang syer yang lain memindahmilik syer

⁴¹ *Id.*, hlm. 295-296.

⁴² [1920] 1 Ch. 154.

⁴³ [1976] 1 MLJ 140.

mereka kepadanya. Peruntukan inilah yang dikuatkuasakan oleh pihak majoriti. Mahkamah telah menerima hujah bahawa semua ahli adalah terikat dengan artikel-artikel persatuan syarikat. Semasa ahli bersetuju untuk menjadi ahli syarikat peruntukan tersebut telah sedia ada dan mereka faham akan akibatnya. Oleh itu tidak ada sebab untuk mengatakan berlakunya penindasan terhadap minoriti.

Kesimpulannya dapatlah dinyatakan bahawa peruntukan di dalam artikel yang memberi kuasa untuk merampas harta atau syer ahli hanya sah sekiranya ia telah sedia wujud semasa seseorang ahli itu bersetuju untuk menjadi ahli. Sebarang cubaan untuk membuat tambahan artikel yang memasukkan peruntukan sebegini nampaknya tidak akan dipersetujui oleh mahkamah. Namun begitu mahkamah memberi sedikit kelonggaran ke atas larangan tersebut apabila kepentingan syarikat menjadi matlamat utama. Persoalannya bagaimanakah kita dapat memastikan bahawa ahli semasa mengundi memberikan pertimbangan ke atas kepentingan syarikat? Persoalan mengenai “kepentingan syarikat” adalah terlalu subjektif dan amat rumit untuk dipastikan.

3.2.1(c) Melepaskan Pengarah Daripada Liabiliti

Di bawah seksyen 140 Akta Syarikat 1965 mana-mana peruntukan di dalam artikel-artikel syarikat atau dalam sebarang perjanjian dengan syarikat yang mengecualikan pengarah ataupun juruaudit syarikat dari sebarang liabiliti berkaitan dengan kecuaian, pecah tugas ataupun pecah amanah adalah tidak sah. Ini termasuklah mana-mana peruntukan yang menanggung rugi pengarah dalam perkara-perkara tersebut. Tanpa mengira peruntukan tersebut, syarikat boleh dengan peruntukan

artikel-artikel syarikat menanggung rugi pegawai-pegawai syarikat terhadap sebarang liabiliti yang ditanggungnya bagi maksud membela diri dalam mana-mana prosiding sivil ataupun jenayah. Prinsip ini terpakai dengan syarat, penghakiman diberi memihak kepadanya atau dia dibebaskan ataupun relif diberikan kepadanya oleh mahkamah.⁴⁴

Walaupun artikel-artikel tidak boleh melepaskan pengarah daripada sebarang liabiliti tetapi pengarah masih mempunyai peluang jika mendapat kemaafan ahli dalam resolusi di mesyuarat agung syarikat. Syarikat mempunyai kuasa untuk mengratifikasi sebarang kesilapan yang dilakukan oleh pengarah. Kecuaian pengarah juga adalah satu yang boleh diratifikasi. Di dalam kes *Pavlides lwn. Jensen*,⁴⁵ pemegang syer minoriti membawa tindakan ke mahkamah terhadap pengarah syarikat atas alasan kecuaian. Mereka mendakwa disebabkan kecuaian yang dilakukan oleh pengarah, aset syarikat telah dijual pada harga yang jauh lebih rendah daripada harga pasaran. Mahkamah ketika menolak permohonan plantif memutuskan bahawa penjualan aset yang dibuat oleh pengarah tersebut, bukanlah sesuatu yang di luar bidang kuasa syarikat dan *intra vires*. Tidak terdapat unsur fraud maupun pengambilan harta syarikat oleh pihak majoriti. Oleh yang demikian terpulang kepada syarikat untuk memutuskan dengan resolusi majoriti pada nilai berapakah penjualan tersebut perlu dibuat. Adalah juga terpulang kepada syarikat dengan undi majoriti untuk tidak membawa sebarang prosiding terhadap pengarah yang telah dengan cuai atau salah dalam membuat pertimbangan sehingga menyebabkan aset syarikat dijual dengan harga yang rendah.⁴⁶

⁴⁴ Seksyen 140 (2).

⁴⁵ [1956] 1 Ch. 565.

⁴⁶ *Id.*, hlm. 576.

Satu mesyuarat agung berupaya memaafkan sebarang salah laku pengarah-pengarahanya. Salah aturan yang dibuat oleh pengarah kerana mendapat keuntungan daripada kedudukannya sebagai pengarah boleh diratifikasi oleh mesyuarat agung, kecuali berlakunya fraud terhadap minoriti. Ini dapat dilihat menerusi dua kes iaitu *Regal (Hastings) Ltd. lwn. Gulliver*⁴⁷ dan *Cooks lwn. GS Deeks*.⁴⁸ Persoalan yang mungkin timbul adalah sekiranya pengarah di dalam kes *Regal* melakukan seperti yang disarankan oleh Lord Russell,⁴⁹ tidakkah ia akan menimbulkan fraud terhadap minoriti sepetimana yang berlaku di dalam kes *Cooks*? Walter Woon mencadangkan bahawa terdapat perbezaan fakta di dalam kedua-dua kes. Di dalam kes *Cooks*, pengarah telah mengaut keuntungan dengan menjelaskan syarikat. Sebaliknya di dalam kes *Regal*, keuntungan diperolehi dengan tidak menjelaskan syarikat. Syarikat tidak mampu untuk mendapatkan keuntungan tersebut secara bersendirian. Oleh yang demikian, tidak ada halangan di dalam ekuiti bagi ahli syarikat untuk memulihkan kesilapan tersebut.⁵⁰

Secara keseluruhannya hampir semua salah laku pengarah boleh diratifikasi dengan sokongan ahli di mesyuarat agung dengan syarat pendedahan sepenuhnya diberikan.⁵¹ Walau bagaimanapun ia tidak terpakai untuk sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang atau tidak sah.⁵² Satu persoalan yang mungkin timbul dari prinsip ini ialah adakah ianya adil kepada pihak minoriti? Ini

⁴⁷ *Supra Nota Kaki* 38.

⁴⁸ *Supra Nota Kaki* 37.

⁴⁹ Lord Russell telah menyebut bahawa pengarah di dalam kes ini boleh terlepas daripada liabiliti, sekiranya mereka membawa perkara tersebut ke mesyuarat agung untuk kelulusan ahli; *Regal (Hastings) Ltd. lwn. Gulliver*, *Supra Nota Kaki* 38.

⁵⁰ Woon, Walter, (Terjemahan Aishah Hj. Bidin) *op. cit.* no. 20, hlm. 281; Sealy, LS, Cases and Materials In Company Law, (Ed. 4, 1989), hlm 264 – 265.

⁵¹ *Bramford lwn Bramford* [1970] Ch 212.

⁵² Loh Siew Cheang, *op. cit.* no. 32, hlm. 116.

terutamanya dapat dilihat apabila pengarah merupakan juga ahli syarikat. Tambahan pula jika mereka lah pemegang kawalan undi.

Perlu ditegaskan di sini bahawa jika pihak majoriti dalam mesyuarat agung, menggunakan pengundian majoriti mereka untuk menindas pihak minoriti, seksyen 181 akan terpakai. Di bawah seksyen 181 (1)(b) resolusi yang mendiskriminasikan atau membangkitkan prasangka kepada minoriti adalah penindasan di bawah konteks seksyen 181.(Seksyen 181 akan dibincangkan di dalam Bab 6)

3.2.2 Perjanjian Pemegang Syer

Kaedah perjanjian pemegang syer adalah sedikit terkeluar daripada konsep asas kebebasan ahli untuk mengundi. Di bawah kaedah ini pemegang-pemegang syer bersetuju untuk mengundi dalam cara yang tertentu. Tidak banyak yang dapat diperkatakan tentang perjanjian pemegang syer ini. Ini adalah kerana, perkembangan pemakaianya di England mahupun Malaysia masih belum begitu meluas. Tidak seperti di Kanada dan Amerika yang mana perjanjian sebegini adalah perkara rutin dalam dunia korporat.⁵³ Walau bagaimanapun kaedah ini telah semakin mendapat tempat di negara ini dan juga di England terutamanya apabila ia melibatkan transaksi-transaksi istimewa seperti projek usaha sama.

⁵³ Sealy, LS, Shareholders' Agreement – An Endorsement And A Warning From The House of Lords (1992) Camb. LJ 437.

Perjanjian pemegang syer adalah diiktiraf oleh undang-undang dan mengikat pihak-pihak yang menandatangani perjanjian tersebut. Di dalam kes *Puddephatt lwn. Leith*⁵⁴, plantif telah mencagarkan syernya kepada defendant. Syer tersebut telah dipindahmilik kepada defendant. Pada masa yang sama, melalui satu surat defendant telah menyatakan persetujuan untuk mengundi mengikut kehendak plantif. Dalam keputusannya mahkamah memutuskan bahawa surat tersebut adalah satu perjanjian koleteral dan mengikat defendant. Oleh yang demikian mahkamah telah memberikan injunksi mandatori seperti yang dipohon.

Perlu diingatkan bahawa perjanjian pemegang syer bukanlah seperti memorandum dan artikel persatuan syarikat. Ia tidak tertakluk kepada pindaan dengan cara yang biasa. Oleh yang demikian menurut beberapa penulis⁵⁵ perjanjian sebegini amat berpengaruh dalam konteks perlindungan ke atas pemegang syer minoriti. Ini adalah kerana sebarang cubaan untuk meminda terma perjanjian memerlukan persetujuan kesemua pihak yang terlibat. Dengan kata lain, kehendak ahli minoriti tidak boleh diketepikan sama sekali dan ini merupakan satu bentuk halangan kepada sebarang cubaan oleh pihak majoriti untuk meminda terma perjanjian bagi memberi keuntungan kepada diri mereka. Walaupun begitu, pada pandangan penulis perjanjian ini ada kelemahannya. Ini adalah kerana perjanjian ini hanya akan melindungi ahli-ahli yang menjadi pihak di dalam perjanjian tersebut sahaja. Tidak seperti memorandum dan artikel syarikat yang mengikat semua ahli di sepanjang jangka hayat sesebuah syarikat, perjanjian pemegang syer tidak akan memberi sebarang perlindungan kepada sesiapa yang menjadi ahli kemudiannya tetapi tidak menjadi pihak di dalam perjanjian.

⁵⁴ [1916] 1 Ch. 200; sila lihat juga *Greenwell lwn. Porter* [1902] 1 Ch. 530.

⁵⁵ Sealy, LS, *Loc. cit.* no. 53 ; Pillai, Philip N., Sourcebook of Singapore and Malaysian Company Law (Ed. 2, 1986), hlm. 264.

Prinsip-prinsip yang terpakai bagi pemakaian perjanjian sebegini walaupun kelihatannya amat biasa dan mudah, tetapi ia mestilah diberi perhatian yang serius terutamanya oleh pendraf-pendraf perjanjian atau kontrak. Kesilapan dalam pemahaman prinsip-prinsip tersebut akan mengundang padah. Di dalam kes *Russell lwn. Northern Bank Development Corporation Ltd.*,⁵⁶ kesilapan pendraf perjanjian dengan memasukkan syarikat sebagai pihak dalam perjanjian hampir membawa akibat yang mengelirukan dan mengejutkan. Perjanjian tersebut sebenarnya bertujuan untuk melindungi pihak minoriti iaitu untuk menghalang ahli dari meluluskan resolusi penambahan modal syarikat tanpa persetujuan semua ahli. Sebaliknya disebabkan kesilapan pendraf perjanjian, mengakibatkan syarikat diletakkan dalam keadaan bersetuju untuk tidak membuat sebarang tambahan modal tanpa persetujuan semua pihak dalam perjanjian. Ini amat bertentangan dengan kuasa syarikat untuk membuat tambahan modal sebagaimana yang diberikan oleh statut. Ini mengakibatkan majoriti hakim di perbicaraan awal memutuskan bahawa perjanjian tersebut sebagai tidak sah. Keputusan ini amat mengejutkan dan mengelirukan dari segi status sebenar perjanjian pemegang syer.

Mujur House of Lords di dalam rayuan kes ini⁵⁷ telah menjelaskan kekaburuan yang timbul. House of Lords telah meletakkan garis perbezaan antara dua keadaan. Pertamanya, akujanji syarikat yang menyekat kuasa statutori untuk meminda artikel-artikelnya atau menambah modalnya. Keduanya, persetujuan pemegang-pemegang syer syarikat pada masa tersebut berkaitan dengan bagaimana mereka harus menjalankan hak mengundi mereka sekiranya pindaan artikel atau penambahan modal syarikat dicadangkan. Situasi pertama adalah terbatal dan tidak sah kerana ia

⁵⁶ [1992] BCLC 431.

⁵⁷ [1992] 3 All ER 161.

menyekat kuasa statutori syarikat. Sebaliknya di dalam situasi kedua selagi ia tidak bertujuan untuk mengikat pemegang syer yang tidak terbabit dalam perjanjian tersebut, ianya adalah sesuatu yang sah. Dengan itu House of Lords telah membenarkan rayuan setakat mana ianya tergolong di dalam kategori kedua sahaja.

Sukar untuk kita menemui kes di mana mahkamah bersedia untuk memberikan keputusan yang sebegini. Menurut Sealy⁵⁸ plantif amat bertuah kerana mahkamah bersedia membenarkan perjanjian tersebut setakat mana ianya sah. Kelonggaran seperti ini amat jarang dapat dilihat dan mungkin tidak akan berulang lagi. Oleh yang demikian, bagi pendraf-pendraf perjanjian, keputusan kes ini perlu diambil perhatian yang serius.

3.3 Metod Pengundian

Sejauh mana artikel persatuan syarikat tidak mempunyai peruntukan lain, seksyen 147 (1) menyebut mengenai dua metod untuk mengundi iaitu secara mengangkat tangan dan pungutan suara. Sekiranya Jadual ke 4 diterima pakai oleh syarikat, artikel 51 juga menyebut dua metod pengundian yang sama. Walaupun ianya nyata bahawa artikel persatuan boleh menetapkan metod lain yang difikirkan sesuai tetapi dua metod ini adalah cara biasa bagi syarikat menjalankan pengundian.

⁵⁸ Sealy, L.S., *Supra* Nota Kaki 53.

3.3.1 Pengundian Dengan Cara Mengangkat Tangan

Pengundian cara ini adalah satu metod pengundian di bawah *Common Law*. Metod ini menyaksikan bahawa seorang ahli mempunyai satu undi tanpa mengira jumlah syer yang dipegang olehnya di dalam syarikat.⁵⁹ Di bawah metod ini jumlah undi kebiasaannya dikira berdasarkan jumlah bilangan tangan yang diangkat.⁶⁰ Metod ini telah diterima pakai di bawah perundangan syarikat. Ini terbukti dengan kewujudan peruntukan artikel 51 Jadual ke 4. Di bawah peruntukan ini pengundian hendaklah dijalankan secara mengangkat tangan kecuali pengundian secara pungutan suara diminta.

Walaupun metod ini amat mudah dan terpakai secara meluas, ia menyaksikan bahawa ahli mestilah hadir sendiri untuk mengundi. Ini adalah kerana di bawah metod ini proksi tidak mempunyai kuasa untuk mengundi kecuali artikel syarikat membuat peruntukan sebaliknya.⁶¹ Tambahan pula artikel 54 Jadual ke 4 sekiranya diterima pakai tidak memberikan hak kepada proksi untuk mengundi secara mengangkat tangan. Keputusan undian secara mengangkat tangan boleh diumumkan dalam cara berikut:-

- a. Pengerusi mengumumkan jumlah yang menyokong dan jumlah yang menentang; atau

⁵⁹ *In re Horbury Bridge Coal, Iron & Waggon Co.* (1879) 11 ChD 109.

⁶⁰ Menurut Hakim Yong Pung How di dalam kes *Bin Hee Heng lwn. Management Corporation Strata Title No. 647* [1991] 3 MLJ 69, hlm. 75, terma “mengangkat tangan” bagi maksud metod pengundian ini tidak terhad kepada maksud literalnya sahaja. Ianya merangkumi maksud yang luas iaitu apa yang ditunjukkan atau didemonstrasikan oleh mesyuarat sama ada mereka menyokong sesuatu usul atau tidak. Di dalam kes ini pengundian yang direkodkan sebagai “*voice vote*” di dalam buku minit telah diterima sebagai pengundian yang sah.

⁶¹ Seksyen 147 (1) (c)(i) dan seksyen 149 (1)(a).

- b. Pengerusi mengumumkan bahawa sesuatu pihak itu adalah dalam keadaan majoriti.

Kecuali undian secara pungutan suara diminta keputusan yang diumumkan oleh pengerusi mesyuarat adalah bukti konklusif hasil pengundian. Beliau perlu menyatakan jumlah sebenar undi yang menyokong atau menentang.⁶² Ini adalah kerana keputusan undian secara mengangkat tangan akan menjadi tidak sah sekiranya ada permintaan untuk mengundi secara pungutan suara.⁶³

Pengundian secara mengangkat tangan adalah lebih mudah. Metod ini amat praktikal bagi memutuskan isu-isu yang tidak kontroversi. Tambahan pula ia lebih menjimatkan masa. Akan tetapi ia mungkin tidak berapa disenangi oleh sesetengah ahli terutamanya pemegang syer majoriti. Rasionalnya dijelaskan oleh Hakim Jessel MR di dalam kes *In re Horbury Bridge Coal, Iron & Waggon Co.*.⁶⁴

“.... undi di dalam semua mesyuarat adalah diambil secara mengangkat tangan. Pastinya ia tidak akan sentiasa dapat memberikan kepuasan – seseorang yang hadir dengan jumlah syer besar boleh menjadi pemegang syer yang kecil. Sementara itu, pemegang syer yang hadir dengan syer yang sedikit boleh menjadi kuasa yang besar...”⁶⁵

Semua ini terjadi kerana setiap ahli mempunyai jumlah undi yang sama rata tanpa mengira jumlah syer yang dipegang. Bagi pemegang syer majoriti, ini mungkin dianggap satu kerugian dan ketidakadilan. Atas sebab tersebut, ditambah pula dengan larangan proksi untuk mengundi menyebabkan undian secara mengangkat

⁶² Seksyen 152 (3), (ianya berkaitan dengan kelulusan resolusi khas); Jadual ke 4, artikel 51.

⁶³ Kang Shew Meng, Directors' & Shareholders' Guide On Annual General Meeting, (2000), hlm. 31.

⁶⁴ *Supra Nota Kaki 59.*

⁶⁵ *Supra Nota Kaki 59*, hlm. 115

tangan tidak memberikan gambaran sebenar pendapat mesyuarat.⁶⁶ Oleh yang demikian perundangan syarikat telah memberi satu lagi metod alternatif iaitu dengan cara pungutan suara.

3.3.2 Pungutan Suara

Undian secara pungutan suara mungkin boleh dianggap sebagai satu metod undian yang dibuat secara bertulis. Ini adalah kerana pada kebiasaannya di bawah metod ini, ahli yang berhak untuk mengundi diminta untuk menandatangani slip undian yang menyatakan undian mereka terhadap sesuatu usul iaitu sama ada menyokong atau menentang.⁶⁷ Undian secara pungutan suara ini boleh memberikan kuasa penuh undian kepada seseorang ahli. Ini adalah kerana tidak seperti undian secara mengangkat tangan, jumlah undi seseorang ahli adalah berdasarkan jumlah syer yang dipegang olehnya.⁶⁸ Tatacara bagaimana ia harus dijalankan adalah bergantung sepenuhnya kepada peruntukan di dalam artikel-artikel persatuan.

Metod ini juga menyaksikan bahawa seorang ahli boleh mengundi dengan sendiri atau melalui proksi.⁶⁹ Bagi syarikat-syarikat awam terutamanya syarikat-syarikat yang disenaraikan, borang proksi hendaklah dibuat dalam satu format di mana pemegang syer dapat menggambarkan bagaimana proksinya harus mengundi dalam sesuatu usul.⁷⁰ Borang proksi jenis ini lebih dikenali sebagai borang dua cara

⁶⁶ Gower, LCB, (*et al.*), Gower's Principles of Modern Company Law (Ed. 4, 1979), hlm.546.

⁶⁷ Yap, Priscillia, P.Y., *op. cit.* no. 21, hlm. 113.

⁶⁸ Seksyen 147 (1)(c)(ii).

⁶⁹ Seksyen 149 (1)(a).

⁷⁰ Peraturan-peraturan Penyenaraian BSKL, Peraturan 77.

(*two way form*). Keputusan undian secara pungutan suara dalam sesuatu usul akan mengatasi keputusan undian secara mengangkat tangan, bagi usul yang sama.⁷¹

3.3.2(a) Hak Untuk Meminta Pungutan Suara

Walaupun undian pada biasanya akan dijalankan dengan cara mengangkat tangan, *Common Law* memberikan hak kepada ahli untuk meminta pungutan suara diadakan.⁷² Hak untuk menuntut pungutan suara ini dimaktubkan oleh Akta Syarikat 1965 sendiri. Apa-apa peruntukan di dalam artikel-artikel persatuan adalah terbatal jika menafikan hak tersebut.⁷³ Mana-mana peruntukan di dalam artikel-artikel persatuan juga akan terbatal sekiranya mengenakan syarat bilangan ahli yang layak untuk menuntut pungutan suara melebihi 5 orang ahli yang berhak untuk mengundi atau lebih dari 10% dari jumlah hak mengundi atau jumlah modal berbayar syarikat, yang mempunyai hak mengundi kecuali di dalam hal pemilihan pengurus dan penangguhan mesyuarat.⁷⁴ Peruntukan statut ini dapat menghalang sebarang peruntukan artikel-artikel syarikat yang digubal untuk menggagalkan usaha untuk menggunakan kuasa mengundi secara sepenuhnya. Ia juga bertujuan untuk melindungi hak minoriti daripada sebarang peruntukan artikel-artikel persatuan yang boleh menyulitkan golongan minoriti untuk meminta pungutan suara.

Jadual ke 4 sekiranya diterima pakai mengenakan syarat yang lebih ringan bagi membolehkan ahli meminta pungutan suara. Artikel 51 menetapkan bahawa pungutan suara boleh dituntut oleh:-

⁷¹ Jadual ke 4, artikel 52 jika diterima pakai menyebut bahawa resolusi yang diputuskan dengan pungutan suara hendaklah menjadi resolusi mesyuarat di mana pungutan suara tersebut diminta.

⁷² R lwn. *Wimbledon Local Board* [1882] 8 Q.B.D. 459.

⁷³ Seksyen 146 (1)(a).

⁷⁴ Seksyen 146 (1)(b).

- i. pengerusi mesyuarat;
- ii. sekurang-kurangnya 3 orang ahli yang hadir secara sendiri atau dengan proksi;
- iii. mana-mana ahli atau ahli-ahli yang hadir sendiri atau dengan proksi yang memiliki tidak kurang daripada 10% daripada jumlah hak untuk mengundi;
- iv. mana-mana ahli atau ahli-ahli, yang hadir sendiri, atau dengan proksi, yang memiliki, tidak kurang daripada 10% dari jumlah keseluruhan modal berbayar, yang mempunyai hak untuk mengundi.

Keperluan ini juga terpakai di dalam kes-kes resolusi khas.⁷⁵

Artikel 51 juga menetapkan bahawa tuntutan untuk pungutan suara hendaklah dibuat sebelum atau semasa pengisytiharan keputusan undian secara mengangkat tangan dibuat. Bila dan bagaimana ianya harus dilaksanakan adalah atas keputusan pengerusi mesyuarat. Undian pungutan suara boleh dijalankan pada sesuatu jangkamasa dan ia boleh ditangguhkan ke satu masa⁷⁶ selagi tidak bercanggah dengan peruntukan artikel-artikel persatuan syarikat. Di dalam kes di mana artikel persatuan mendiamkan diri, pengerusi berhak untuk menetapkannya. Pungutan suara bagi usul pemilihan pengerusi dan penangguhan mesyuarat, semestinya dibuat serta-merta. Bagi usul lain, pungutan suara boleh ditangguhkan ke waktu dan hari yang lain, yang tidak lewat dari 30 hari.⁷⁷ Penangguhan tersebut tidak menghalang agenda mesyuarat yang lain untuk diteruskan. Di dalam kes-kes di mana pungutan suara ditangguhkan ke masa yang lain, ahli boleh mengundi pada

⁷⁵ Seksyen 152 (4).

⁷⁶ Jadual ke 4, artikel 52.

⁷⁷ Gower, LCB., *op. cit.* no. 30, hlm. 524.

penangguhan tersebut walaupun dia tidak menghadiri mesyuarat yang asal di mana pungutan suara diminta. Tidak ada rukun yang mewajibkan ahli untuk hadir di sepanjang mesyuarat dan penangguhannya.⁷⁸

3.3.2(b) Keputusan Pungutan Suara

Pada masa dan waktu yang ditetapkan oleh pengurus untuk pungutan suara tiba, slip undian akan diedarkan kepada semua ahli. Walaupun pungutan suara boleh diadakan pada satu hari yang lain jika dibenarkan oleh artikel syarikat, kebiasaannya jika ada tuntutan untuk pungutan suara, ianya akan diadakan pada hari mesyuarat tersebut juga. Amalan biasanya, usul yang akan diundi secara pungutan suara ditangguhkan sehingga semua usul lain selesai diundi. Pada kebiasaannya juga, slip undian akan diedarkan kepada semua ahli ketika pendaftaran kedatangan dibuat. Dengan cara ini, sekiranya ada permintaan untuk pungutan suara, slip undian telah sedia di tangan ahli. Cara ini adalah cara lazim bagi kebanyakan syarikat terutamanya yang mempunyai ahli yang menjangkau ke angka ratusan orang.

Slip undian pada kebiasaannya akan mempunyai butiran seperti pernyataan undi menyokong atau menentang, jumlah syer yang dipegang olehnya dan tandatangan.⁷⁹ Slip ini juga akan meminta ahli mencatatkan nombor akaun mereka sepetimana yang dinyatakan di dalam notis memanggil mesyuarat.⁸⁰ Ianya amat penting bagi maksud semakan semasa kiraan undi dibuat. Ini akan memastikan bahawa jumlah syer yang ditulis oleh ahli adalah sama seperti rekod di dalam daftar

⁷⁸ Gower, LCB, (*et al.*), *op. cit.* no. 65, hlm. 548.

⁷⁹ Lawton, Philip & Eric R. Rigby, Meetings: The Law And Practice (Ed. 5, 1992), hlm. 223.

⁸⁰ No. akaun ahli yang dimaksudkan di sini adalah no. keahlian seseorang ahli, seperti yang direkodkan di dalam daftar ahli.

ahli. Slip ini akan dikutip dan direkodkan di dalam rekod undian. Satu lagi cara pungutan suara boleh dijalankan ialah dengan menyediakan tempat pengundian. Di tempat pengundian tersebut disediakan dua senarai undian iaitu senarai menyokong dan menentang. Di setiap senarai akan dibahagi kepada beberapa ruang untuk jumlah syer yang dipegang, dan tandatangan ahli.⁸¹ Dua cara yang dinyatakan oleh penulis adalah antara cara-cara pungutan suara boleh dijalankan. Bagaimana pungutan suara boleh dibuat bagi setiap syarikat adalah bergantung kepada artikel-artikel syarikat itu sendiri ataupun budi bicara pengerusi mesyuarat.

Seksyen 147 (2) memperuntukkan bahawa di bawah pungutan suara seorang ahli tidak perlu menggunakan semua undinya. Ia juga tidak perlu menggunakan semua undinya pada satu cara yang sama. Apabila pungutan suara dibuat pengerusi boleh melantik seorang atau lebih pemeriksa bagi memeriksa dan mengawalselia pengiraan undi. Keputusan pungutan suara hendaklah menjadi resolusi mesyuarat di mana pungutan suara itu diadakan.⁸² Apabila satu pungutan suara telah diminta secara sempurna, resolusi tidak akan dianggap sebagai telah diluluskan sehinggalah keputusan pungutan suara diumumkan. Bagi pungutan suara yang dibuat secara serta-merta tetapi keputusannya ditangguhkan kemudian, mesyuarat tidak dianggap sebagai ditangguhkan. Mesyuarat dianggap sebagai diteruskan sehinggalah keputusan pungutan suara diumumkan.

⁸¹ Loc. cit.. Cara pungutan suara seperti ini amat jarang dapat dilihat. Kebanyakan syarikat lebih gemar menggunakan slip undian.

⁸² Jadual ke 4, artikel 52.

3.4 Undi Pemutus

Undi pemutus adalah undi kedua yang diberikan kepada pengurus mesyuarat. Hak kepada undi pemutus ini tidak terdapat di bawah *Common Law*.⁸³ Kewujudan undi kedua atau undi pemutus ini diperkenalkan oleh statut-statut Inggeris.⁸⁴ Dengan sebab itu sekiranya syarikat berhasrat untuk memberikan hak tersebut ianya hendaklah dinyatakan di dalam artikel-artikel persatuan syarikat. Artikel 53 Jadual ke 4 menyatakan bahawa undi pemutus ini hendaklah digunakan apabila pengundian menemui jalan buntu disebabkan undi menyokong dan menentang oleh ahli yang sama rata. Hak kepada undi pemutus ini terpakai kepada kedua-dua metod pengundian iaitu mengangkat tangan dan pungutan suara. Kewujudan undi pemutus ini amat penting bagi mengelakkan syarikat daripada gagal membuat sebarang keputusan. Kegagalan syarikat dalam mencapai kata sepakat adalah satu masalah yang serius dan boleh membawa kepada “hukuman mati” ke atas syarikat tersebut.⁸⁵

Undi pemutus ini adalah khusus untuk pengurus mesyuarat sahaja. Ianya adalah satu hak yang berasingan daripada haknya sebagai ahli. Hak ini adalah kuasa budi bicaranya sendiri. Cara bagaimana beliau akan melaksanakannya adalah atas keputusannya sendiri. Tidak ada kes yang jelas menyatakan bahawa pengurus mempunyai tanggungjawab fidusiari terhadap syarikat ketika memberi undi pemutus.

⁸³ Gower, LCB, *Supra* Nota Kaki 30.

⁸⁴ *Nell lwn. Longbottom* [1894] 1 Q.B. 767 per Hakim Cave, hlm 771

⁸⁵ *In re W.R Willcocks & Co. Ltd.* [1974] 1 Ch. 163. Di dalam kes ini, dua orang pemegang syer yang mempunyai pandangan berbeza, gagal membuat sebarang persetujuan. Hakim Plowman di hlm. 167 memutuskan bahawa, disebabkan tiada siapapun berhak ke atas undi pemutus, maka perintah penggulungan syarikat tidak dapat dilakukan lagi.

Perlu diingatkan bahawa pengerusi lembaga pengarah pada kebiasaannya akan mempengarusikan mesyuarat agung syarikat. Kebiasaannya juga pengerusi lembaga pengarah adalah pemegang syer terbesar syarikat. Secara logiknya beliau pasti akan mengundi bagi pihak menyokong jika usul tersebut adalah usul yang dikemukakan oleh lembaga pengarah yang dipengarusikan olehnya sendiri. Beliau juga sebagai manusia biasa pastinya akan memberikan kepentingan dirinya sendiri sebagai pertimbangan utama dalam mengundi.

Tanpa prinsip perundangan yang jelas, hak untuk undi pemutus ini boleh membuka jalan kepada salahguna kuasa dan boleh membuka ruang kepada pengabaian kepada hak ahli-ahli yang lain. Mungkin juga boleh dikatakan bahawa pengerusi mempunyai tugas fidusiari terhadap syarikat ketika memberi undi pemutus. Ini adalah berdasarkan prinsip bahawa undi pemutus bukanlah hak seorang ahli. Ianya khusus diberikan kepada pengerusi mesyuarat. Sebagai pengerusi mesyuarat yang juga pengarah syarikat, beliau mempunyai tanggungjawab tersebut. Sekiranya fakta ini benar maka beliau perlu bertindak secara *bona fide* demi kepentingan syarikat.

3.5 Kesimpulan

Kedua-dua *Common Law* dan Akta Syarikat 1965 di bawah peruntukan seksyen 148 (1) menjamin hak ahli untuk mengundi. Hak ini begitu mutlak dan menurut keputusan kes *Lim Hean Pin* ianya tidak boleh dinafikan walaupun mahkamah di bawah seksyen 355 mempunyai kuasa untuk membuat sebarang ratifikasi atas

sebarang luar aturan yang dilakukan. Seorang ahli itu berhak untuk mengundi dengan cara yang difikirkan baik untuk kepentingan dirinya sendiri. Keputusan kes *Pender lwn. Lushington* telah menetapkan bahawa semasa mengundi seseorang ahli tidak bertanggungan untuk memikirkan atau mengambil kira apa jua pandangan ahli yang lain. Kebebasan yang mutlak ini walaupun baik tetapi mempunyai kelemahan tersendiri terutamanya apabila melibatkan perlindungan terhadap ahli minoriti. Kebebasan mengundi ini memberikan kuasa yang begitu luas kepada golongan majoriti untuk meluluskan apa sahaja yang memberi faedah kepada mereka tanpa perlu memikirkan kesannya kepada syarikat secara keseluruhan.

Bagi mengatasi masalah ini maka terciptalah konsep fraud terhadap minoriti. Di bawah konsep ini seseorang ahli bebas untuk mengundi selagi ianya tidak menyebabkan berlakunya fraud terhadap minoriti. Walau bagaimanapun konsep fraud terhadap minoriti ini sangat luas skopnya dan amat sukar untuk ditakrifkan dengan tepat. Sepertimana yang disebut oleh Yang Arif Hakim Gopal Sri Ram, ianya adalah satu *term of art*. Ia bukan sahaja merangkumi maknanya di bawah *Common Law* tetapi juga di bawah ekuiti. Kewujudan konsep ini sememangnya memberi perlindungan kepada golongan ahli minoriti. Akan tetapi pada masa yang sama ia menimbulkan kekaburuan dan kesulitan dalam pembuktian berlakunya fraud terhadap minoriti kerana kesukaran untuk mencari maksud sebenar konsep ini.

Satu lagi cara untuk mengawal kebebasan mengundi seseorang ahli ialah dengan pemakaian amalan perjanjian pemegang syer. Walaupun metod ini masih belum begitu popular di negara ini tetapi ada baiknya pemegang-pemegang syer mempertimbangkannya. Di bawah perjanjian pemegang syer, setiap ahli yang

bersetuju untuk terikat dengan terma-terma di dalam perjanjian tersebut adalah terikat untuk mematuhi perjanjian tersebut. Sebarang cadangan untuk meminda mana-mana terma di dalamnya memerlukan persetujuan sebulat suara pihak-pihak yang terlibat. Oleh yang demikian tidak ada ahli yang akan diketepikan. Walau bagaimanapun skop pemakaianya adalah terhad kepada mereka yang menandatangani perjanjian sahaja tidak seperti memorandum dan artikel syarikat yang mengikat semua ahli. Di samping itu juga, untuk membuat perjanjian pemegang syer yang baik memerlukan kos yang agak tinggi. Ini adalah kerana perjanjian pemegang syer harus dirangka oleh orang yang benar-benar pakar di dalam perundangan syarikat. Akan tetapi kos seharusnya tidak dijadikan alasan utama untuk menolak amalan perjanjian pemegang syer ini. Ini adalah kerana kos boleh dikongsi bersama dengan semua pihak yang terlibat dalam perjanjian tersebut.

Pengundian ahli akan diadakan secara mengangkat tangan, pungutan suara atau apa-apa cara yang dibenarkan oleh artikel-artikel persatuan syarikat. Sesuatu usul tersebut dianggap telah diluluskan sekiranya ia disokong secara sebulat suara atau dengan undi majoriti bergantung kepada jenis resolusi. Masalah akan timbul jika undi yang menyokong dan undi yang menentang mempunyai jumlah yang sama. *Common Law* tidak memberikan jalan penyelesaian kepada masalah ini. Walau bagaimanapun statut-statut Inggeris telah mencipta undi kedua yang diberikan kepada pengerusi mesyuarat yang dikenali sebagai undi pemutus.

Pemberian undi kedua ini mestilah dinyatakan di dalam artikel-artikel persatuan syarikat. Ia dapat mengelakkan syarikat daripada gagal mendapatkan sebarang keputusan ahli. Persoalannya ialah apakah pengerusi mempunyai sebarang

tanggungjawab semasa memberi undi pemutus tersebut? Pengerusi mungkin mempunyai tugas fidusiari untuk memberi pertimbangan kepada syarikat secara keseluruhan semasa memberi undi pemutus. Ianya berdasarkan fakta bahawa undi pemutus ini bukanlah merupakan satu hak seorang ahli sebaliknya hak yang diberi secara eksklusif kepada pengerusi mesyuarat. Walau bagaimanapun tanpa ketetapan yang jelas daripada sebarang penghakiman kes, ia hanyalah satu andaian sahaja dan masih boleh dipertikaikan.

terpaksa melepaskan haknya untuk menghadiri dan mengundi di mesyuarat yang tidak dapat dihadirinya.

Pada tahun 1947 keadaan ini telah berubah dengan wujudnya peruntukan seksyen 5 Akta Syarikat 1947 (UK). Peruntukan ini telah dimaktubkan di dalam seksyen 136 Akta Syarikat 1948 (UK). Di bawah peruntukan baru ini ahli telah diberi hak untuk melantik proksi untuk hadir dan mengundi di dalam mesyuarat. Prinsip ini telah diterima pakai di Malaysia di bawah seksyen 149 Akta Syarikat 1965. Pemberitahuan yang munasabah mengenai hak ahli untuk melantik proksi mestilah dibuat di dalam notis memanggil mesyuarat.²

Persoalannya apakah yang dimaksudkan dengan proksi? Siapakah yang layak untuk dilantik sebagai proksi? Apakah kuasa proksi? Setakat manakah kuasa proksi tersebut? Semua persoalan ini akan cuba diuraikan di dalam bab ini.

4.1 Perlantikan Proksi

Halsbury's Laws of England mendefinisikan proksi seperti berikut:-

"Proksi ialah kuasa yang diberi oleh seseorang ("prinsipal") kepada seorang yang lain ("pemegang proksi") untuk menghadiri mesyuarat dan berucap dan mengundi sebagai wakilnya"³

² Seksyen 149 (2).

³ *Halsbury's Law of England* Vol. 3(2) (Edisi 4, Terbitan Semula), para 266.

Proksi ialah orang yang dilantik oleh ahli untuk menghadiri dan mengundi di dalam mesyuarat bagi pihak dan untuk kepentingan pelantiknya. Beberapa penulis berpendapat bahawa perkataan “proksi” boleh juga bermaksud instrumen yang dikuatkuasakan oleh ahli bagi maksud perlantikan tersebut iaitu borang proksi.⁴ Walau bagaimanapun bagi maksud penulisan ini penulis lebih cenderung menerima pakai takrifan pertama iaitu proksi bermaksud orang yang dilantik oleh ahli sebagai wakil. Manakala borang proksi adalah tidak lebih dari dokumen yang mengesahkan adanya lantikan tersebut.

Menurut Yang Arif Hakim Lindley LJ di dalam kes *In re English, Scottish and Australian Chartered Bank*,⁵ proksi adalah seorang ejen yang telah dilantik dengan sempurna. Oleh yang demikian adalah penting untuk memastikan perlantikan proksi sah menurut undang-undang. Secara keseluruhan penulis berpendapat bahawa kesahan sesuatu perlantikan proksi adalah bergantung kepada dua elemen iaitu:-

- a. proksi yang dilantik adalah dari kalangan orang yang layak untuk dilantik; dan
- b. penyempurnaan instrumen perlantikan iaitu borang proksi

4.1.1 Siapakah Yang Layak Dilantik Sebagai Proksi

Penentuan kepada siapakah yang layak untuk dilantik sebagai proksi sememangnya amat penting. Pemahaman ke atas seksyen 149 (1) dan peruntukan-peruntukan artikel persatuan bukanlah sesuatu yang sukar. Walau bagaimanapun kecuaian untuk mematuhi aturan yang telah ditetapkan undang-undang boleh membawa akibat

⁴ Farrar, J.H. dan Brenda Hannigan, Farrar's Company Law, (Ed. 4, 1998), hlm. 315; Kang Shew Meng, Directors' & Shareholders' Guide on Annual General Meeting, (2000), hlm. 25.

⁵ [1903] 3 Ch. 385.

besar. Sesuatu resolusi boleh menjadi tidak sah jika ianya diluluskan oleh undi proksi yang tidak layak untuk dilantik.⁶

Seorang proksi boleh dilantik dari kalangan ahli. Dengan kata lain, seorang ahli boleh melantik ahli lain dalam syarikat yang sama untuk menjadi proksinya. Hak seorang ahli untuk melantik proksi dari kalangan ahli syarikat dinyatakan dengan jelas di bawah seksyen 149 (1). Kelayakan ahli untuk dilantik adalah mutlak dan tidak bersyarat. Adalah menjadi amalan biasa dan paling mudah bagi ahli melantik pengerusi mesyuarat sebagai proksi mereka.

Selain daripada ahli, proksi juga boleh dilantik dari kalangan bukan ahli. Persoalannya, siapakah di kalangan bukan ahli yang berkelayakan untuk dilantik sebagai proksi? Seksyen 149 (1) (b) menyebut seperti berikut:-

- 149 (1) Ahli syarikat yang berhak untuk menghadiri dan mengundi di mesyuarat syarikat atau di mesyuarat mana-mana kumpulan ahli-ahli, hendaklah berhak untuk melantik orang lain atau orang-orang lain, (sama ada ahli atau tidak) sebagai proksinya, melainkan artikel-artikel memperuntukkan sebaliknya:-
- (b) ahli hendaklah tidak berhak untuk melantik seseorang yang adalah bukan ahli sebagai proksinya, melainkan orang itu adalah peguam, juruaudit syarikat yang diluluskan atau orang yang diluluskan oleh Pendaftar dalam kes tertentu

⁶ *Tan Keh Ho lwn. Telipok Lumber Industries Sdn. Bhd. & 4 Ors.* [1994] 2 CLJ 294.

Daripada peruntukan di atas jelaslah bahawa melainkan diperuntukkan sebaliknya oleh artikel-artikel, golongan bukan ahli yang diakui kelayakannya oleh Akta Syarikat 1965 hanyalah mereka yang termasuk di dalam ketiga-tiga kategori di atas sahaja. Apa yang kurang jelas ialah, siapakah yang dimaksudkan sebagai “orang yang diluluskan oleh Pendaftar di dalam kes-kes tertentu”. Tidaklah dapat dipastikan dengan tepat akan maksudnya dan senario yang bagaimanakah yang tergolong di dalam “kes-kes tertentu” tersebut. Sehingga ada keputusan mahkamah yang khusus mengenainya, spekulasi mengenai maksud sebenarnya masih terbuka. Apa yang pasti kelulusan Pendaftar mestilah diperolehi terlebih dahulu dan ia bukanlah satu perkara yang mudah. Ini adalah kerana proses kelulusan akan memakan masa. Tambahan pula sehingga kini masih belum ada kepastian mengenai proses kelulusan Pendaftar berkaitan permohonan sebegini dan atas alasan apakah yang membolehkan sesuatu permohonan itu diluluskan oleh Pendaftar.

Peruntukan seksyen kecil (1)(b) ini agak unik. Ini adalah kerana hanya Akta Syarikat 1965 yang mempunyai peruntukan sebegini rupa. Perundangan syarikat di England mahupun jiran terdekat Singapura, tidak mempunyai peruntukan yang sama. Penetapan kategori bukan ahli ini ada rasionalnya. Kepentingan ahli akan lebih terjamin sekiranya peguam dan juruaudit syarikat dilantik sebagai proksi. Ini adalah kerana sebagai ahli badan profesional, mereka terikat kepada kod etika profesi masing-masing. Sandaran kepercayaan ahli adalah lebih terjamin. Walaupun begitu melantik ahli badan profesional sebagai proksi memerlukan kos yang agak tinggi. Ini adalah kerana yuran perkhidmatan ahli badan profesional biasanya agak tinggi setanding dengan kelayakan mereka. Ini menyebabkan ahli yang tidak dapat menghadirkan diri tidak berminat untuk melantik proksi. Jika ini berlaku niat baik

badan perundangan di sebalik penetapan kategori bukan ahli yang layak menjadi proksi ini, akan menjadi sia-sia sahaja. Ini adalah kerana, niat baik badan perundangan untuk menjamin kepentingan ahli tidak akan mencapai matlamatnya jika ahli tidak berminat untuk melaksanakan haknya untuk melantik proksi kerana tidak mampu dari segi kewangan.

Penetapan tiga kategori ini tidaklah bermakna hanya mereka sahaja yang boleh dilantik sebagai proksi. Peruntukan di dalam artikel persatuan syarikat boleh mengubah keadaan. Itulah yang ditegaskan oleh seksyen 149 (1) dengan menggunakan perkataan “kecuali”. Persoalannya, peruntukan yang bagaimanakah yang boleh mengatasi kuatkuasa seksyen 149 (1)(b) ini?

Di dalam kes *Tan Guan Eng lwn. BH Low Holdings Sdn. Bhd. & Ors.*,⁷ artikel 88 (1)(a) artikel persatuan sebuah syarikat menyatakan bahawa “seorang proksi boleh tetapi tidak perlu dari kalangan ahli”. Plantif telah melantik seorang proksi yang bukan dari kalangan ahli syarikat. Proksi tersebut juga bukanlah seorang peguam ataupun juruaudit syarikat. Beliau juga bukanlah orang yang diberi kelulusan oleh Pendaftar Syarikat. Isu yang timbul ialah kesahan perlantikan proksi tersebut. Plantif berhujah bahawa dengan adanya artikel 88 (1) ini, seksyen 149 (1)(b) tidak lagi terpakai. Oleh yang demikian fakta bahawa proksinya bukan dari kalangan tiga kumpulan bukan ahli yang disebut di bawah seksyen 149 (1)(b) tidak lagi relevan. Ini adalah kerana perlantikan proksinya dibuat di bawah artikel 88 (1) dan bukannya seksyen 149 (1)(b) dan artikel 88 tidak mengenakan apa-apa syarat.

⁷ [1992] 1 MLJ 105.

Walau bagaimanapun Hakim Wan Adnan berpendapat sebaliknya. Perlantikan proksi tersebut adalah diisyiharkan sebagai tidak sah. Di dalam penghakimannya beliau menghuraikan seperti berikut:-⁸

“Apakah sebenarnya perkara pokok yang dinyatakan oleh seksyen 149 (1)(b)? Pada pandangan saya perkara tersebut adalah kelayakan seseorang (bukan ahli syarikat), yang boleh dilantik sebagai proksi. Bagi mengecualikan operasi seksyen ini artikel mestilah membuat peruntukan yang sebaliknya. Saya dapati bahawa artikel 88 (1) tidak memperuntukkan bahawa proksi yang bukan ahli tidak perlu terdiri daripada tiga kategori yang disebut di bawah seksyen 149 (1)(b). Pada pandangan saya, seksyen 149 (1)(b) dengan ini adalah terpakai.”

Keputusan mahkamah tersebut tidaklah bermaksud bahawa seksyen 149 (1)(b) adalah satu ketetapan yang mandatori. Bukanlah maksud seksyen tersebut untuk membuat sekatan ke atas hak ahli untuk membuat pilihan. Seksyen ini sebaliknya digubal untuk menghalang sebarang usaha untuk menyekat ahli daripada melantik proksi di kalangan bukan ahli. Penetapan tiga kumpulan bukan ahli tersebut, lebih merupakan penetapan tahap minima hak yang patut dinikmati oleh seseorang ahli untuk melantik proksi di kalangan bukan ahli.

Contoh yang lebih jelas tentang operasi seksyen 149 (1) ini dapat dilihat di dalam kes *Lim Hean Pin lwn. Thean Seng Co. Sdn. Bhd. & Ors.*⁹ Persoalan mengenai proksi timbul apabila proksi plantif telah tidak dibenarkan menyertai Mesyuarat Agung Tahunan (selepas ini disebut sebagai MAT) syarikat. Artikel 51 artikel persatuan syarikat memperuntukkan bahawa proksi tidak boleh dilantik dari kalangan bukan ahli. Plantif telah melantik seorang peguambela dan peguamcara

⁸ *Id.*, hlm. 113.

⁹ [1992] 2 MLJ 10.

sebagai proksi beliau. Di dalam kes ini, mahkamah telah memutuskan bahawa hak seseorang ahli di dalam sesbuah syarikat untuk mengundi melalui proksi diberikan oleh seksyen 149 (1). Kesan kuatkuasa seksyen 149 (1) ini ialah pemberian hak untuk melantik proksi kepada ahli yang berhak mengundi di mesyuarat syarikat. Frasa “sama ada ahli, atau tidak” yang digunakan di dalam seksyen kecil itu jelas menunjukkan bahawa proksi boleh jadi seorang ahli atau sebaliknya. Oleh yang demikian, artikel 51 yang mengetepikan hak yang dijamin di bawah seksyen 149 (1) itu adalah terbatal dan tidak berkesan.

Apa yang dapat dirumuskan di sini ialah, hak untuk melantik proksi dari kalangan bukan ahli adalah satu hak statutori yang dijamin oleh seksyen 149 (1). Hak ini tidak boleh dinafikan walaupun dengan adanya peruntukan di dalam artikel persatuan syarikat. Seksyen 149 (1) hanya boleh diatasi oleh peruntukan artikel persatuan syarikat dalam penetapan siapakah yang dimaksudkan “bukan ahli” yang layak untuk dilantik sebagai proksi. Hak ahli untuk melantik proksi dari kalangan bukan ahli di bawah seksyen 149 (1)(b) adalah hak yang paling minima yang patut diberikan kepada setiap ahli. Sekiranya peruntukan artikel persatuan syarikat lebih memberi manfaat maka peruntukan artikel persatuan akan mengatasi seksyen 149 (1)(b) dan begitulah sebaliknya. Walau bagaimanapun peruntukan artikel persatuan mestilah dirangka dan dideraskan dengan jelas akan maksudnya. Peruntukan yang terlalu umum tidak akan memberi sebarang makna. Keputusan di dalam kes *Tan Guan Eng* mungkin akan berbeza sekiranya artikel 88 (1) di dalam artikel persatuan syarikat yang terlibat dirangka dengan jelas bagi menunjukkan maksud sebenarnya.

Persoalan yang perlu ditangani kini ialah bagaimanakah nasib ahli-ahli syarikat yang menerima pakai peruntukan artikel 59 Jadual ke 4 sebagai peruntukan artikel syarikat mereka? Sekiranya keputusan kes *Tan Guan Eng* ini adalah satu ketetapan yang diterima maka prinsip tersebut akan menjelaskan hak ahli untuk melantik proksi dari kalangan bukan ahli. Ini adalah kerana jika kita amati peruntukan yang terkandung di dalam artikel 88 (1)(a) yang menjadi pertikaian di dalam kes *Tan Guan Eng* ini, kita akan dapati bahawa peruntukan ini adalah adaptasi daripada artikel 59 Jadual ke 4. Amalannya di negara ini, Jadual ke 4 adalah diterima pakai oleh kebanyakan syarikat-syarikat. Jika ada kelainanpun hanyalah beberapa modifikasi yang dibuat ke atas beberapa peruntukan tertentu dan artikel 59 ini bukanlah antara peruntukan yang sering dipinda. Ini bermakna hak ahli di Malaysia untuk melantik proksi dari kalangan bukan ahli adalah disekat oleh seksyen 149 (1)(b).

Sekiranya andaian ini benar maka tidak hairanlah sekiranya ahli-ahli terutamanya ahli minoriti tidak menggunakan hak mereka untuk melantik proksi. Pada hakikatnya mereka tidak diberi pilihan. Memandangkan kos khidmat peguam atau juruaudit adalah tinggi, pilihan yang diberi kepada minoriti hanya melantik ahli lain. Kerumitan ini sebenarnya memberi kelebihan kepada pihak majoriti terutamanya bagi syarikat awam. Bilangan ahli yang ramai dan berasal dari tempat yang berbeza menyebabkan ahli tidak begitu mengenali antara satu sama lain. Jalan yang paling mudah ialah melantik pengurus mesyuarat sebagai proksi. Dengan cara ini pihak majoriti dapat mengukuhkan kawalan undi dan seterusnya memastikan sebarang usul mereka mendapat kelulusan. Sesetengah ahli terutamanya pihak minoriti pula langsung tidak membuat sebarang lantikan. Kedua-dua pilihan juga

akan hanya merugikan pihak minoriti. Sewajarnya badan perundangan mengambil perhatian mengenai perkara ini.

Memandangkan kebanyakan syarikat masih menerima pakai Jadual ke 4 sebagai artikel syarikat mereka, adalah dicadangkan supaya artikel 59 dipinda bagi menggalakkan ahli lebih mengambil bahagian secara pro aktif di dalam mesyuarat syarikat. Frasa “proksi boleh tetapi ia tidak perlu sebagai ahli kepada syarikat” mungkin boleh dipinda menjadi “tanpa mengira sebarang syarat kelayakan di bawah Akta, proksi boleh tetapi tidak perlu sebagai ahli kepada syarikat”. Dengan cara ini perlantikan proksi dari kalangan bukan ahli tidak tertakluk kepada kelayakan seksyen 149 (1)(b). Sekiranya syarikat mahukan syarat seksyen 149 (1)(b) berkuatkuasa maka syarikat perlu meyakinkan ahli tentang perlunya syarat tersebut untuk kepentingannya bagi mendapat undi ahli. Dengan cara ini ahli akan mendapat amaran yang secukupnya (*fair warning*) tentang pengenaan syarat ke atas hak mereka untuk melantik proksi dari kalangan bukan ahli.

Kecuali dinyatakan sebaliknya di dalam artikel persatuan syarikat, seseorang ahli tidak boleh melantik lebih daripada dua orang proksi untuk mewakilinya. Walaupun begitu perlantikan dua orang proksi ini tetap tidak sah sekiranya tidak dinyatakan pecahan pegangan syer ahli yang diwakili oleh setiap proksi. Penetapan aturan ini mempunyai kelebihan tersendiri, terutamanya kepada ahli. Sekiranya salah seorang daripada proksi tidak hadir, sekurang-kurangnya ahli mempunyai seorang lagi proksi yang boleh menjalankan haknya.

4.1.2 Borang Proksi

Telah disebutkan terdahulu bahawa notis memanggil mesyuarat mestilah menyatakan hak ahli untuk melantik proksi dan dalam amalan kebiasaan, borang proksi akan disertakan bersama-sama dengan notis. Borang proksi ialah instrumen yang mengesahkan adanya satu lantikan proksi. Seksyen 149 tidak menggariskan sebarang aturan mengenai bagaimanakah sepatutnya bentuk borang proksi ini. Segala aturan dan prosedur penyempurnaan borang proksi biasanya akan ditetapkan di dalam artikel-artikel syarikat. Tanpa peruntukan di dalam artikel, perlantikan bertulis daripada ahli adalah memadai.¹⁰ Sekiranya artikel syarikat menetapkan bentuk atau bagaimana sesuatu borang proksi itu harus disempurnakan, maka ianya mesti dipatuhi. Syarat-syarat yang ditetapkan oleh artikel syarikat dalam menguatkuasakan borang lantikan proksi bukan hanya berbentuk arahan tetapi adalah kemestian. Kuasa proksi untuk mengundi bagi pihak ahli adalah bergantung kepada kesahan kontrak antara mereka. Oleh yang demikian segala keperluan untuk mengesahkan kontrak tersebut perlu dipatuhi.¹¹

Borang proksi kebiasaannya dirangka dalam bentuk di mana ahli akan mengisi nama proksi yang ingin dilantiknya. Kadangkala pengarah akan “memancing” undi proksi dengan mengedarkan borang proksi dengan menawarkan diri mereka untuk dilantik oleh ahli sebagai proksi.¹² Kadangkala pelawaan tersebut disertakan dengan senarai calon yang boleh dilantik sebagai proksi. Pengerusi

¹⁰ Isaacs Iwn. Chapman [1915] 32 TLR 183.

¹¹ Harben Iwn. Phillips (1883) 23 Ch.D 14 per Hakim Cotton LJ, hlm. 32; Di dalam kes ini mahkamah telah memutuskan bahawa syarat penyaksian ke atas borang proksi sepertimana yang diperlukan oleh artikel 66, artikel persatuan syarikat adalah satu kemestian dan bukan hanya satu arahan. Oleh yang demikian mahkamah berpendapat bahawa undi proksi tersebut seharusnya ditolak oleh pengerusi mesyuarat.

¹² Woon, Walter, Undang-Undang Syarikat, (Terjemahan Aishah Hj. Bidin), (2000), hlm. 172.

mesyuarat adalah calon yang biasanya dinamakan oleh syarikat untuk tujuan tersebut. Seksyen 149 (3) menyebut bahawa seandainya pelawaan tersebut dibuat atas perbelanjaan syarikat, ia hendaklah dihantar kepada semua ahli yang berhak untuk hadir dan mengundi di mesyuarat. Sekiranya pelawaan tersebut dihantar kepada sebilangan ahli sahaja, mana-mana orang yang memberi kuasa atau membenarkan pelawaan tersebut dibuat adalah melakukan kesalahan terhadap Akta. Beliau boleh dikenakan penalti sehingga RM2,000/. Walau bagaimanapun menurut seksyen 149 (4), pelawaan kepada sesetengah ahli tertentu tidaklah menjadi kesalahan di bawah seksyen 149 (3) sekiranya ia dibuat atas permintaan ahli tertentu dengan syarat ia boleh juga diperolehi oleh ahli-ahli yang lain melalui permintaan bertulis. Tanpa sekatan di bawah peruntukan-peruntukan tersebut, pengarah bebas untuk membuat pelawaan hanya kepada sesiapa yang memihak kepada mereka. Penetapan di bawah seksyen 149 (3) dan (4) ini akan memberikan keadilan kepada semua ahli secara sama rata dan memberi amaran yang cukup kepada pengarah dalam usaha mereka untuk “memancing” undi.

Lanjutan dari seksyen 149 (3) dan (4) tersebut, ahli terus dilindungi haknya dari sebarang cubaan pengarah untuk meraih undi secara tidak adil dengan adanya seksyen 149 (5). Di bawah seksyen 149 (5) mana-mana orang yang membenarkan pelawaan dibuat boleh disabitkan atas kesalahan terhadap Akta sekiranya borang proksi yang dibekalkan tidak dalam bentuk di mana ahli boleh menentukan bagaimana proksinya harus mengundi. Contoh borang proksi bagi maksud tersebut dapat dilihat dalam artikel 60 Jadual ke 4. Borang tersebut mengandungi nyataan niat ahli sama ada untuk menyokong atau menentang sesuatu resolusi. Dengan cara ini proksi adalah terikat untuk menjalankan undian mengikut apa yang dinyatakan di

dalam borang lantikannya itu yang merupakan hasrat ahli yang melantik. Borang proksi jenis ini dikenali sebagai “borang dua cara” atau *two way form*. Penggunaan borang jenis ini diwajibkan terutama ke atas syarikat yang disenaraikan di BSKL sepetimana yang dinyatakan di bawah para 8.04 *Listing Requirements of Kuala Lumpur Stock Exchange*.

Borang proksi hendaklah ditandatangani oleh ahli yang melantik atau wakil ahli yang diberi kuasa sebagai mematuhi keperluan artikel 59 Jadual ke 4. Keperluan ini bolehlah dianggap sebagai keperluan yang paling utama. Tanpa tandatangan pelantik, kesahan lantikan seseorang proksi boleh dipertikaikan. Borang kosong yang diisi oleh ahli tetap dianggap sebagai surat lantikan yang baik, jika ia ditandatangani oleh ahli tersebut. Butiran lain boleh diisi kemudian oleh proksi sebelum dikemukakan kepada syarikat.¹³

Borang yang telah lengkap diisi dan ditandatangani oleh ahli hendaklah diserah-simpan di pejabat berdaftar syarikat dalam masa yang ditetapkan oleh artikel persatuan syarikat. Artikel 61 Jadual ke 4 sekiranya diterima pakai menyatakan bahawa serah simpan borang hendaklah dibuat 48 jam sebelum mesyuarat diadakan. Di dalam urusan untuk pungutan suara, borang proksi perlu diserah simpan 24 jam sebelum mesyuarat.

Tempoh 48 jam ini merupakan tempoh maksima yang boleh ditetapkan oleh artikel persatuan mana-mana syarikat sebagai tarikh terakhir penyerahan borang proksi. Ini adalah kerana menurut seksyen 146 (1)(c), sebarang peruntukan artikel

¹³ *Low Son Siang Iwn. Lee Kim Yong* [1999] 1 CLJ 529.

persatuan yang menetapkan tempoh lebih dari 48 jam adalah terbatal. Ketetapan ini melindungi ahli syarikat dari sebarang cubaan oleh pengarah atau syarikat untuk menafikan hak ahli untuk melantik proksi dengan membuat peruntukan yang mensyaratkan borang proksi dihantar lebih awal dari sepatutnya. Ia juga dapat memberi masa yang cukup kepada ahli untuk membuat keputusan sama ada untuk menghadiri mesyuarat secara sendiri atau melalui proksi. Jika artikel tidak membuat sebarang peruntukan mengenainya, borang proksi bolehlah dikemukakan pada hari mesyuarat itu sendiri.¹⁴

Kebelakangan ini terdapat perbincangan yang mengenengahkan isu sama ada perlantikan proksi boleh dibuat secara elektronik¹⁵ bersesuaian dengan arus pembangunan teknologi komunikasi. Terdapat pandangan yang begitu pro akan isu ini yang menyatakan bahawa perlantikan proksi tidak terikat dengan keperluan kepada dokumen bertulis. Ini adalah kerana undang-undang tidak pernah meletakkan syaratnya bahawa perlantikan proksi mestilah secara bertulis.¹⁶ Pendapat ini pada luarnya kelihatan agak ekstrimis kerana telah menjadi satu kebiasaan amalan bahawa lantikan proksi dibuat dalam borang bertulis. Walau bagaimanapun pendapat ini ada rasionalnya. Seksyen 149 Akta Syarikat 1965 sendiri tidak menyatakan secara khusus bahawa perlantikan seorang proksi mestilah dalam bentuk dokumen bertulis. Keperluan kepada dokumen bertulis hanyalah terdapat di dalam peruntukan Jadual ke 4 dan perlu diingatkan bahawa syarikat tidak wajib menerima pakai Jadual ke 4. Inilah ruang yang seharusnya disedari oleh setiausaha syarikat dalam

¹⁴ Loh Siew Cheang, Corporate Power; Controls, Remedies and Decision-Making (1996), hlm. 533.

¹⁵ Isu ini telah menjadi salah satu cadangan di dalam dokumen konsultasi Jabatan Perdagangan dan Industri di Britain bertajuk Company General Meeting and Shareholder Communications <<http://www.dti.gov.uk/review/hlm/>>, dipetik dari Edgton, Verdun, Appointment of Proxies By Electronic Communication: Do companies have to wait for enabling legislation?, (2000) Co. Law 294

¹⁶ Edgton, Verdun, *Id.*, hlm. 299.

mengadaptasi teknologi dalam pengurusan syarikat. Peruntukan yang membolehkan penggunaan komunikasi secara elektronik boleh dimuatkan dalam artikel syarikat mereka.

4.1.2(a) Salah aturan pada borang proksi

Pada pertengahan tahun 2002 yang lalu, dunia korporat Malaysia dihangatkan dengan isu pertikaian di antara Telekom Malaysia Berhad dan Technology Resources Industries Berhad, (TRI). Ianya antara lain berpunca daripada borang proksi Telekom yang diisyiharkan sebagai tidak sah oleh TRI. Akibatnya wakil Telekom telah tidak dibenarkan untuk menghadiri dan mengambil bahagian di dalam MAT TRI yang diadakan pada 26hb. Jun 2002.¹⁷ Isu ini sememangnya telah selesai tetapi pengajarannya perlu direnunggi bersama.

Pengerusi mesyuarat mempunyai kuasa untuk memutuskan sebarang bantahan yang timbul tentang kelayakan seseorang untuk mengundi. Artikel 58 Jadual ke 4 sekiranya diterima pakai memberi kuasa kepada pengerusi untuk menolak undi mana-mana proksi (mahupun ahli) atas alasan kelayakan untuk mengundi. Kecuali dicabar di mahkamah, keputusan tersebut adalah muktamad. Walau bagaimanapun pengerusi juga bertanggungjawab untuk bertindak bijak dan lebih praktikal dalam membuat keputusannya. Salah aturan pada instrumen lantikan sememangnya boleh menafikan kuasa seseorang proksi. Persoalannya salah aturan yang bagaimanakah patut dianggap sebagai mentaksahkan sesuatu lantikan?

¹⁷ TRI: Cubaan Telekom gagal, Utusan Malaysia, 27 Jun 2002.

Mahkamah adalah lebih liberal dan bertolak ansur dalam mengendalikan persoalan ini. Salah aturan yang bersifat ketinggalan atau kesilapan teknikal tidak akan memberi kesan kepada kelayakan proksi untuk mengundi. Ini adalah kerana hak statutori ahli untuk mengundi melalui proksi adalah lebih penting. Inilah kesimpulan yang dapat dibuat daripada keputusan mahkamah melalui kes *A.N.Z. Nominees Limited lwn. Allied Resources Corporation Limited & Ors.*¹⁸

Di dalam kes ini, borang proksi yang dikemukakan oleh plantif telah diisyiharkan sebagai tidak sah oleh pengurus mesyuarat. Keputusan tersebut dibuat atas alasan bahawa borang proksi telah tidak ditarikhkan. Plantif membawa tindakan mahkamah untuk mendapatkan pengisytiharan bahawa resolusi yang diputuskan di dalam mesyuarat tersebut sebagai tidak sah. Peguam bagi pihak plantif berhujah bahawa tarikh yang tidak dilengkapkan tersebut adalah salah aturan yang terlalu remeh dan tidak sepatutnya boleh mentaksahkan perlantikan proksi. Tambahnya lagi, adalah menjadi polisi *Companies (Victoria) Code* untuk memberikan hak mengundi melalui proksi. Hak tersebut tidak harus diambil daripada ahli dengan begitu mudah. Hakim O'Bryan yang bersetuju dengan hujah plantif di dalam penghakimannya menyatakan bahawa:-

“Pada pandangan saya, tidak berlaku ketidak patuhan terhadap artikel-artikel hanya kerana plantif gagal mengisi tarikh. Ketinggalan mengisi tarikh tersebut adalah remeh dan tidak penting dalam konteks ia tidak seharusnya dibenarkan untuk mengetepikan ahli syarikat. Hak statutori untuk mengundi dengan proksi adalah lebih penting dan ketinggalan yang tidak memudaratkan dan tidak mempunyai apa-apa kegunaan langsung pada hari mesyuarat, tidak seharusnya mengetepikan hak tersebut¹⁹,”

¹⁸ (1984) 2 ACLC 783.
¹⁹ *Id.*, hlm. 787.

Satu lagi contoh di mana kita dapat melihat bahawa mahkamah bersikap begitu praktikal di dalam mengendalikan salah aturan borang proksi ialah menerusi kes *Oliver lwn. Dalgleish*.²⁰ Di dalam kes ini satu Mesyuarat Agung Luar Biasa telah dipanggil bagi memutuskan usul untuk memecat dua pengarah sedia ada dan seterusnya melantik pengarah baru. Antara borang proksi yang diedarkan satunya telah dikuatkuasa dengan T sebagai proksi. Satu lagi menamakan B sebagai proksi. Namun begitu undi kedua-dua proksi ini telah ditolak atas alasan salah aturan pada borang proksi. Ini adalah kerana borang proksi yang melantik T menyatakan “mesyuarat agung tahunan” sedangkan mesyuarat yang akan diadakan adalah mesyuarat agung luar biasa. Sementara itu, borang proksi B pula menyebut “mesyuarat agung”. Peguam bagi pihak defendant mempertikaikan dan mendakwa bahawa kesilapan di dalam borang proksi tersebut adalah satu kesalahan yang *fatal*. Ini adalah kerana MAT mempunyai pengiktirafan tersendiri di sisi undang-undang dari segi jenis urusniaganya.

Dalam menentukan sama ada salah nyataan tersebut *fatal* atau sebaliknya, Hakim Buckley walau bagaimanapun mengambil pendekatan yang berbeza. Bagi mencapai keputusan, beliau menimbangkan fakta atas asas sama ada kesilapan tersebut telah menyebabkan salah fahaman atau kekeliruan atau tidak. Setelah menimbangkan fakta kes, beliau berpendapat bahawa tidak berlaku salah fahaman atau kekeliruan. Walaupun mesyuarat telah silap dinyatakan tetapi tidak ada mesyuarat lain yang telah atau akan diadakan pada tarikh yang terdekat. Sesiapa sahaja yang mengetahui fakta itu tidak akan terkeliru dengan kesilapan tersebut.²¹

²⁰ [1963] 3 All ER 330.

²¹ *Id.*, hlm. 334 – 335.

Beliau berpendapat bahawa pengerusi mesyuarat telah salah apabila menolak undi kedua-dua proksi itu.

Daripada keputusan kedua-dua kes di atas dapatlah kita simpulkan bahawa mahkamah amat bersikap bertolak ansur dalam menangani salah aturan di dalam instrumen lantikan proksi. Kesilapan-kesilapan teknikal yang tidak material atau boleh dipinda tanpa menjelaskan kuasa lantikan tidak akan dianggap sebagai alasan yang cukup untuk menafikan hak ahli mengundi melalui proksi. Dengan sikap mahkamah yang begini, pengerusi mesyuarat tidak boleh dengan sewenang-wenangnya menghalang ahli-ahli terutama yang tidak disukainya untuk mengundi melalui proksi. Hak ahli untuk mengundi melalui proksi ini tambah terjamin kerana sebarang penafian ke atas hak tersebut bukanlah sesuatu yang boleh disahkan oleh mahkamah di bawah seksyen 355.

Secara keseluruhannya hak ahli untuk menghadiri dan mengundi di dalam mesyuarat tidak akan diketepikan hanya semata-mata kerana kesilapan-kesilapan kecil di dalam borang proksi. Di dalam kes *Lee Eng Hock lwn. Malay-Siamese Prospecting Company Limited*,²² borang proksi plantif ketiga telah ditolak atas alasan tidak mengikut aturan. Artikel persatuan syarikat mengkehendaki borang proksi yang ditandatangani dan diakusaksi (“attested”). Borang proksi yang ditolak tersebut menamakan Arthur James King sebagai proksi. Borang yang sama juga menamakan Lee Eng Hock sebagai proksi gantian sekiranya Arthur King tidak menghadirkan diri. Borang tersebut telah ditandatangan dan diperakui oleh Lee Eng Hock sendiri. Di dalam hujahnya, peguam plantif bersetuju bahawa seorang proksi

²² [1935] MLJ 63.

tidak boleh mengakusaksi lantikannya sendiri. Walau bagaimanapun persoalan yang ditimbulkan ialah sama ada prinsip tersebut terpakai dalam kes di mana pengakusaksi tersebut hanyalah proksi gantian. Tambahan pula di dalam kes ini proksi utama iaitu Arthur James King hadir pada hari mesyuarat tersebut. Menurut peguam plantif dengan kehadiran proksi utama di mesyuarat menjadikan lantikan Lee Eng Hock tidak mempunyai kuasa. Oleh yang demikian perbuatan Lee Eng Hock mengakusaksi borang lantikan proksi tidak menjelaskan kesahan lantikan tersebut.

Hakim Howes di dalam penghakimannya menerangkan pendiriannya berkenaan maksud “diakusaksi” tersebut. Pada pendapatnya perkataan tersebut memberikan gambaran wujudnya seseorang yang bukan pihak-pihak dalam transaksi tersebut semasa pemegang syer menandatangani borang proksi. Beliau seterusnya menegaskan bahawa pihak kepada sesuatu dokumen, walaupun ia mungkin tidak akan menguatkuasakannya, tidak boleh memperakui kesahan dokumen tersebut sebagai saksi.²³

Jelaslah di sini pandangan mahkamah mengenai salah aturan pada borang proksi. Bagi mahkamah hak ahli untuk mengundi melalui proksi adalah hak yang utama. Sebarang salah aturan yang remeh tidak perlu dan tidak patut mengetepikan hak statutori tersebut. Kesilapan-kesilapan yang boleh diperbetulkan sepatutnya tidak dijadikan alasan untuk mengetepikan hak ahli. Hak ahli hanya boleh diketepikan sekiranya salah aturan telah dilakukan sehingga menjelaskan lantikan iaitu apabila keperluan-keperluan bagi mengesahkan lantikan tidak dipenuhi.

²³ *Id.*, hlm. 65.

4.2 Kuasa Proksi

Hubungan antara ahli dan proksinya adalah hubungan prinsipal dengan ejennya. Itulah yang dapat disimpulkan melalui penghakiman Yang Arif Lord Hanworth MR di dalam kes *Cousins lwn. International Brick Co. Ltd.*²⁴

“Apakah yang dimaksudkan dengan proksi? Seorang wakil kepada pemegang syer yang boleh digambarkan sebagai ejenna untuk melaksanakan apa yang telah diputuskan oleh pemegang syer sendiri”²⁵

Apabila seseorang proksi telah dilantik bagi mewakili seseorang ahli di dalam sesebuah mesyuarat, beliau mempunyai hak sama seperti seorang ahli. Proksi berhak untuk bersuara dan mengundi di dalam mesyuarat. Hak tersebut telah terjamin menerusi peruntukan seksyen 149 (1). Walau bagaimanapun hak yang dinikmati tersebut, disusuli dengan syarat. Seksyen 149 (1)(a) menetapkan bahawa proksi hanya boleh mengundi di dalam pungutan suara sahaja kecuali diperuntukan sebaliknya oleh artikel-artikel syarikat. Sekiranya syarikat menerima pakai Jadual ke 4, artikel 54 nampaknya tidak memberikan sebarang peruntukan yang boleh memberikan proksi hak untuk mengundi secara mengangkat tangan. Dalam konteks pungutan suara proksi bukan sahaja berhak untuk mengundi malahan berhak untuk meminta pungutan suara sama seperti seorang ahli. Permintaan untuk pungutan suara ini boleh diminta secara sendiri atau bersama. Hak untuk meminta pungutan suara tersebut hendaklah dianggap sebagai diberikan oleh instrumen lantikan proksi untuk mengundi di mesyuarat. Semua ini dengan jelas disebut di bawah seksyen 146 (2).

²⁴ [1931] 2 Ch. 90.
²⁵ *Id.*, hlm. 100.

Ini merupakan satu kelebihan kepada ahli yang tidak hadir dan diwakili proksi. Memandangkan proksi hanya boleh mengundi dalam pungutan suara sahaja, pemberian hak kepada proksi untuk meminta pungutan suara ini akan memastikan ahli tetap berpeluang untuk mengundi, walaupun tidak hadir.

Pengecualian proksi daripada menyertai undian secara mengangkat tangan ini mempunyai sebab yang tersendiri. Pengenepian proksi untuk mengundi secara mengangkat tangan dikatakan dapat membantu kecepatan pengendalian mesyuarat terutamanya di dalam syarikat yang mempunyai bilangan ahli yang ramai.²⁶ Pendapat inilah yang cuba diterangkan oleh Hakim Chitty di dalam kes *Ernest Iwn. Loma Gold Mines Ltd.*²⁷ Kerumitan tersebut tidaklah dapat dinafikan tetapi wajarkah hak ahli untuk mengundi melalui proksi diketepikan hanya kerana pengurusan gagal mencari metod yang efektif untuk menyelenggarakan keadaan? Mungkin telah tiba masanya sekatan tersebut dikaji semula oleh badan perundangan. Adalah menjadi pendapat penulis alasan bahawa jika proksi dibenarkan mengundi secara mengangkat tangan akan menimbulkan kesulitan, bukanlah sesuatu yang tidak dapat diatasi. Penggunaan borang proksi dua cara mungkin dapat mengatasi masalah pengiraan undi.

Seperti yang telah dinyatakan terdahulu, hubungan antara proksi dan pelantiknya adalah hubungan ejen dan prinsipalnya. Walau bagaimanapun tidak ada peruntukan di dalam Akta Syarikat 1965 yang menyebut tentang asas hubungan antara proksi dan pelantiknya. Kecuali terikat dengan sebarang tanggungjawab kontrak ataupun tanggungjawab ekuiti terhadap pelantiknya, seorang proksi berhak

²⁶ Loh Siew Cheang, *op. cit.* no. 14, hlm. 531.
²⁷ [1896] 2 Ch. 572.

menjalankan kuasa mengundi mengikut budi bicaranya. Malahan seorang proksi tidak perlu mengundi sama sekali.

Keputusan Mahkamah Tinggi Singapura di dalam kes *Tong Keng Meng lwn.*

*Inno-Pacific Holdings Ltd. & Anor*²⁸ menggariskan beberapa prinsip penting berkaitan dengan hubungan proksi dan pelantiknya. Apabila seorang ahli melantik proksi dan memberikan arahan yang nyata kepada proksi untuk mengundi, ahli mengambil risiko atas kebarangkalian proksi yang dilantik tidak mematuhi arahan tersebut. Sekiranya arahan tersebut dinyatakan di dalam borang proksi yang dikemukakan kepada syarikat, undi yang dibuat bertentangan dengan arahan yang dinyatakan di dalam borang proksi adalah undi yang rosak. Walau bagaimanapun sekiranya arahan tersebut hanya dinyatakan secara lisan dan tidak dinyatakan di dalam borang proksi, fakta bahawa undi telah dibuat bertentangan dengan arahan ahli tidak akan memberi kesan kepada kesahan undi tersebut.²⁹ Keputusan kes ini memberi penekanan tentang pentingnya arahan kepada proksi dinyatakan dengan jelas di dalam instrumen lantikannya. Ini dapat memastikan bahawa suara sebenar ahli dapat didengar di mesyuarat agung. Ia juga dapat menghindarkan sebarang kemungkinan penyelewengan kuasa oleh proksi.

Seorang proksi adalah bertanggungan untuk patuh kepada arahan daripada ahli. Contohnya apabila instrumen lantikan proksi dibuat dalam bentuk borang dua cara. Proksi hendaklah mengundi mengikut cara sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam borang proksi. Walau bagaimanapun syarikat tidak akan terikat dengan kontrak antara kedua pihak tersebut. Fakta bahawa proksi telah mengundi

²⁸ [2001] 4 SLR 485.

²⁹ Aiman Nariman Mohd. Sulaiman, *How Should The Proxy Vote? On Instruction From Member?* (Sept. – Oktober, 2002) *the Company Secretary*, 5.

bertentangan dengan arahan pelantiknya, tidak akan mentaksahkan sesuatu resolusi. Kegagalan mematuhi arahan adalah isu antara proksi dan ahli yang melantiknya.

Perlu diingatkan di sini bahawa perlantikan proksi tidak akan menghapuskan hak ahli untuk menghadiri dan mengundi di mesyuarat. Yang Arif Lord Hanworth MR di dalam kes *Cousins lwn. International Brick Company Limited* menyebut seperti berikut:-³⁰

“Tanpa peruntukan nyata yang mengambil hak peribadi pemegang syer untuk mengundi selepas beliau menguatkuaskan sistem proksi, hak peribadi tersebut kekal dan pemegang syer boleh menghadiri dan mengundi sendiri mengikut kehendaknya, dan proksi tidak boleh menghalangnya”

4.3 Pembatalan Proksi

Kuasa seorang proksi boleh dibatalkan kecuali dijadikan sebaliknya untuk satu balasan yang berharga. Pembatalan proksi walau bagaimanapun mestilah mengikut aturan yang ditetapkan oleh artikel persatuan syarikat. Hubungan antara proksi dengan pelantiknya ialah hubungan antara ejen dan prinsipalnya. Sebagaimana di dalam prinsip ejensi, kuasa untuk membatalkan proksi wujud bersama dengan kewujudan kuasa proksi untuk mengundi kecuali disekat oleh artikel persatuan syarikat.³¹ Kuasa proksi boleh dibatalkan oleh pelantiknya pada bila-bila masa.

³⁰ *Op. cit.* no. 24, hlm. 101.

³¹ Pillai, Philip N, Sourcebook of Singapore and Malaysian Company Law (Ed. 2, 1986), hlm. 254.

Walaupun begitu apabila proksi telahpun mengundi, undinya itu adalah mengikat ahli yang melantiknya.³²

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, perlantikan proksi tidak akan menghalang ahli dari menghadiri dan mengundi di mesyuarat. Ahli yang hadir dan mengundi dengan sendiri akan menamatkan kuasa proksi untuk mengundi. Contoh yang terbaik bagi menjelaskan prinsip ini dapat dilihat menerusi kes *Cousins Iwn. International Brick Company Limited*.³³ Di dalam kes ini plantif telah mengundi sendiri di samping mengundi bagi pihak beberapa ahli yang lain sebagai proksi. Walau bagaimanapun undi bagi tiga orang ahli yang diwakilinya telah ditolak apabila ahli-ahli tersebut telah hadir dan mengundi sendiri di dalam mesyuarat itu. Isu pertikaian timbul apabila seorang daripada ahli tersebut tidak mengemukakan notis bertulis pembatalan proksi sepertimana yang diperlukan oleh artikel 76 artikel persatuan syarikat terbabit.

Mahkamah telah membuat keputusan bahawa walaupun seorang proksi tidak dibatalkan dengan sempurna mengikut peruntukan artikel persatuan, pelantiknya berhak untuk menghadiri dan mengundi sendiri. Apabila beliau telah berbuat demikian, undi proksi adalah ditolak. Ini adalah kerana setiap proksi adalah tertakluk kepada satu syarat tersirat iaitu kuasa proksi untuk mengundi hanya boleh dilaksanakan sekiranya ahli tidak dapat atau merasakan sukar untuk menghadiri mesyuarat tersebut.³⁴ Walaupun kehadiran ahli tidak membatalkan surat lantikan proksi tetapi ianya secara tidak langsung membatalkan proksi itu sendiri. Tujuan ahli diberi hak untuk melantik proksi ialah bagi memudahkan ahli, sekiranya ahli tersebut

³² *Low Son Siang Iwn. Lee Kim Yong, Supra* Nota Kaki 13, hlm. 536.

³³ *Loc. cit.*

³⁴ *Id.*, hlm. 102.

tidak berkesempatan untuk hadir. Dengan cara itu, hak ahli akan tetap dapat dilaksanakan melalui proksi. Walau bagaimanapun sekiranya ahli selepas membuat lantikan hadir sendiri dan mengundi keperluan kepada proksi tersebut tidak wujud lagi.

Selain daripada itu proksi juga boleh dibatalkan dengan sebab kematian pelantiknya, pelantiknya menjadi tidak siuman atau berlaku pindahmilik syer yang memberikan hak mengundi tersebut. Walau bagaimanapun menurut artikel 62 Jadual ke 4 jika diterima pakai, fakta kematian pelantik, pelantik yang telah tidak siuman ataupun pindahmilik syer tersebut tidak akan mentaksahkan undi proksi sekiranya tidak ada notis bertulis dihantar kepada syarikat sebelum bermulanya mesyuarat. Dengan kata lain sekiranya tiada notis pemberitahuan bertulis dibuat pengerusi mesyuarat tidak boleh menolak undi proksi tersebut walaupun dia telah mempunyai pengetahuan tentang perkara tersebut.

4.4 Wakil Korporat

Ahli sesebuah syarikat boleh jadi mana-mana individu, perbadanan mahupun syarikat. Mana-mana orang yang dilantik oleh perbadanan ataupun syarikat di dalam sesebuah mesyuarat syarikat di mana ia memegang syer adalah proksi bagi badan tersebut. Di bawah seksyen 147 (3) sebuah perbadanan boleh melantik proksi yang dipanggil wakil korporat. Lantikan wakil korporat ini boleh dibuat dengan kelulusan resolusi pengarah syarikat atau badan yang mentadbir sesebuah perbadanan.

Lantikan dibuat bagi tujuan mewakili syarikat dalam mesyuarat tertentu sahaja. Cara ini juga boleh dibuat untuk semua jenis mesyuarat.

Lantikan wakil korporat mempunyai kelebihan tersendiri jika dibandingkan dengan proksi. Wakil korporat yang hadir ke mesyuarat bagi pihak syarikat atau mana-mana badan dianggap sebagai ahli yang hadir sendiri.³⁵ Tidak seperti proksi yang dikecualikan dari mengundi secara mengangkat tangan, wakil korporat mempunyai hak yang penuh untuk mengundi seperti ahli individu yang hadir sendiri. Ini disebut di dalam seksyen 147 (3) itu sendiri. Selain daripada itu Jadual ke 4 sekiranya diterima pakai di dalam artikel 54 menyebut bahawa semasa undian secara mengangkat tangan, ahli atau wakil mempunyai satu undi. Penggunaan perkataan “wakil” ini samalah seperti yang digunakan di dalam seksyen 147 (3) yang bermaksud wakil korporat. Inilah yang menjadikan kedudukan wakil korporat adalah lebih kukuh berbanding proksi.³⁶

Pengesahan lantikan wakil korporat tidak memerlukan pengisian borang proksi. Sijil yang mengandungi cop meterai syarikat atau badan pelantik adalah bukti *prima facie* adanya lantikan atau pembatalan menurut seksyen 147 (5). Tidak seperti borang proksi, sijil ini tidak tertakluk kepada had tempoh penyerahan. Sijil boleh diserahkan kepada syarikat pada hari mesyuarat sebelum ianya bermula.

³⁵ Seksyen 147 (4).

³⁶ Gower, LCB, (*et al.*) Gower's Principles of Modern Company Law, (Ed. 4, 1979), hlm. 541.

4.5 Kesimpulan

Seorang ahli boleh hadir sendiri ke mesyuarat atau melalui seorang proksi. Prinsip inilah yang diterima pakai di Malaysia menerusi kuatkuasa seksyen 149 (1) Akta Syarikat 1965. Seksyen itu juga menyebut bahawa proksi bukan sahaja boleh dilantik dari kalangan ahli tetapi juga dari kalangan bukan ahli. Proksi adalah ejen kepada seorang ahli. Oleh itu seorang proksi yang dilantik dengan sempurna mempunyai kuasa untuk melaksanakan hak ahli untuk mengundi dan berucap di dalam mesyuarat.

Pemberian hak kepada ahli untuk melantik proksi amat penting dalam dunia korporat masa kini. Ia membolehkan ahli mempunyai wakil di dalam mesyuarat yang tidak dapat dihadirinya. Tambahan pula pada masa kini ramai di kalangan pelabur mempunyai kepentingan pegangan syer di dalam lebih daripada sebuah syarikat. Perlantikan proksi akan dapat mengatasi masalah sekiranya terdapat dua atau lebih syarikat mengadakan mesyuarat pada masa yang sama. Walaupun proksi hanya dibenarkan untuk mengundi di dalam pungutan suara tetapi seksyen 146 (2) memberikan hak kepada proksi untuk meminta pungutan suara diadakan. Dengan hak yang diberikan itu proksi dapat memastikan bahawa undi ahli yang diwakilinya akan diambil kira. Secara keseluruhannya inilah prinsip-prinsip utama berkaitan dengan hak untuk melantik proksi.

Akan tetapi masih terdapat beberapa aspek perundangan yang boleh diperbaiki bagi membolehkan ahli sama ada ahli majoriti maupun minoriti menggunakan hak mereka itu. Penetapan tiga kategori bukan ahli yang layak untuk

dilantik sebagai proksi di bawah seksyen 149 (1)(b) mempunyai implikasi negatif yang tersendiri. Melantik peguam atau juruaudit syarikat sebagai wakil memerlukan kos yang agak tinggi dan ini menyebabkan hanya ahli-ahli tertentu sahaja yang mampu untuk melantik proksi. Keadaan ini tidak sama sekali membantu usaha untuk menggalakkan ahli hadir dan mengambil bahagian di dalam mesyuarat.

Hanya satu sahaja cara untuk mengatasi syarat yang dikenakan ini. Artikel-artikel syarikat mestilah dengan jelas menyatakan bahawa penetapan kategori bukan ahli di bawah seksyen 149 (1)(b) ini tidak terpakai. Kebanyakan syarikat di Malaysia menerima pakai artikel 59 Jadual ke 4 sebagai peruntukan yang mengikat perlantikan proksi di dalam artikel-artikel syarikat mereka. Masalah yang timbul ialah berdasarkan keputusan mahkamah di dalam kes *Tan Guan Eng*, artikel 59 tidak cukup untuk mengatasi penetapan kategori bukan ahli sebagai proksi yang dinyatakan di dalam Akta Syarikat 1965. Di sinilah setiausaha syarikat atau pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam penderafan artikel-artikel syarikat perlu jelas dengan kedudukan prinsip yang terpakai. Jika artikel 59 Jadual ke 4 diterima pakai sebagai salah satu peruntukan di dalam artikel syarikat, frasa “proksi boleh tetapi ia tidak perlu sebagai ahli syarikat” boleh digantikan dengan frasa “tanpa mengira sebarang syarat di dalam Akta, proksi boleh tetapi tidak perlu sebagai ahli kepada syarikat”. Dengan cara ini artikel 59 dapat mengatasi syarat yang dikenakan oleh seksyen 149 (1)(b).

Satu lagi faktor yang mungkin menyebabkan kurangnya minat di kalangan ahli untuk melantik proksi adalah kerana kuasa proksi yang agak terhad. Tidak seperti seorang wakil korporat, proksi hanya berhak mengundi di dalam pungutan

suara sahaja. Walaupun proksi mempunyai kuasa untuk meminta pungutan suara diadakan tetapi jika seorang ahli itu hanya memegang 2,000 atau 3,000 unit syer di dalam syarikat-syarikat bermodal besar, pungutan suara juga tidak dapat memberikan apa-apa faedah.

Alasan bahawa kesulitan akan timbul jika proksi dibenarkan mengundi dengan mengangkat tangan adalah alasan yang remeh. Masalah yang mungkin timbul bukanlah sesuatu yang tidak dapat diatasi. Mewajibkan penggunaan borang proksi dua cara bukan sahaja dapat mengatasi masalah malah mungkin dapat memudahkan lagi proses pengiraan undi. Di samping itu penggunaan borang proksi jenis ini dapat mengukuhkan lagi asas hubungan seorang proksi dan pelantiknya. Dengan menyatakan secara bertulis undinya, ahli tidak perlu lagi risau sekiranya proksi tidak mengikut arahan. Dengan kata lain undi yang diberi oleh proksi adalah suara sebenar seorang ahli.

BAB 5

HAK BERKAITAN DENGAN PEKELILING, BERUCAP DAN RESOLUSI MESYUARAT

5.0 Pendahuluan

Resolusi ialah keputusan rasmi sesebuah mesyuarat yang diperolehi dengan cara pengundian. Resolusi juga kadang kala digunakan untuk membawa maksud cadangan atau usul yang belum diluluskan oleh mesyuarat. Di sepanjang proses untuk memperolehi sesuatu resolusi banyak hak-hak ahli yang terlibat. Selain daripada hak-hak yang besar seperti mengundi terdapat juga hak-hak sampingan yang tidak kurang pentingnya. Walaupun hak untuk mendapatkan maklumat tambahan, hak untuk membuat usul dan hak untuk bersuara di dalam mesyuarat tidak sehebat hak mengundi tetapi ianya amat penting untuk ahli membuat keputusan. Ini adalah kerana hak-hak inilah yang dapat membantu ahli mendapatkan maklumat penuh mengenai sesuatu usul. Ia juga dapat menjamin bahawa setiap ahli mempunyai hak untuk menentukan perjalanan sesebuah syarikat.

Bab ini akan cuba mengupas hak-hak tersebut serta kepentingannya kepada ahli. Ia juga akan melihat sebarang masalah yang mungkin dihadapi. Di samping itu juga bab ini akan membincangkan mengenai resolusi, jenis-jenis resolusi dan impaknya kepada ahli. Seterusnya bab ini akan membincangkan mengenai keadaan-keadaan di mana ahli boleh mencapai keputusan yang mengikat tanpa perlu adanya mesyuarat.

5.1 Pekeliling

Notis memanggil mesyuarat ada kalanya disertai dengan pekeliling yang menerangkan dengan lebih jelas urusan yang akan dijalankan di dalam mesyuarat. Ianya adalah perkara biasa bagi pengarah untuk berbuat demikian. Dengan cara ini ahli akan mendapat lebih penerangan awal mengenai sesuatu perkara sebelum mesyuarat bermula. Di bawah *Common Law* ahli juga berhak untuk mengedarkan pekeliling mereka sendiri tentang resolusi yang akan diputuskan.¹ Walau bagaimanapun, cara ini amat merumitkan. Di dalam kes-kes di mana resolusi yang bakal dicadangkan oleh lembaga pengarah tidak disenangi oleh sesetengah ahli, maka “perang” pekelilingpun akan bermula. Walaupun mempunyai hak yang sama dan pengarah tidak mempunyai kawalan secara langsung ke atas undi ahli, pengarah tetap mempunyai kelebihan. Selain daripada mempunyai masa yang mencukupi untuk membuat persedian, pengarah juga mempunyai akses yang menyeluruh ke atas maklumat syarikat.

Bagi mengatasi masalah tersebut, wujudlah seksyen 151 Akta Syarikat 1965 sebagai alternatif. Peruntukan ini bolehlah dikira sebagai sandaran hak yang terbaik bagi maksud ini kerana hanya di dalam kes-kes terpencil sahaja kita dapat melihat artikel-artikel syarikat menyatakan hak tersebut. Seksyen 151, walaupun tidak memaktubkan bahawa ahli diberi hak untuk mengedarkan pekeliling tetapi ia memberi hak untuk ahli meminta syarikat mengedarkan pekeliling. Seksyen 151 (1) menyatakan bahawa ahli atau ahli-ahli yang berkelayakan berhak untuk membuat tuntutan supaya:-

¹ *Quartz Hill Consolidated Gold Mining Co. v. Beall* (1882) 20 Ch.D. 501.

- a. syarikat memberi notis tentang apa-apa resolusi yang boleh diusulkan secara sempurna dan yang ingin diusulkan pada mesyuarat tersebut kepada ahli-ahli yang berhak untuk menerima notis mesyuarat agung tahunan, (selepas ini disebut sebagai MAT);
- b. syarikat mengedarkan kepada ahli-ahli yang berhak untuk menerima notis bagi mana-mana mesyuarat agung, apa-apa pernyataan yang mengandungi tidak lebih daripada seribu perkataan tentang perkara yang dirujuk di dalam mana-mana cadangan resolusi atau urusan yang akan dikendalikan di dalam mesyuarat tersebut.

Persoalannya apakah hak yang dinyatakan ini terpakai kepada semua jenis mesyuarat agung atau hanya kepada MAT sahaja? Persoalan ini timbul kerana penggunaan perkataan “mesyuarat agung tahunan” di dalam seksyen 151 (1)(a) manakala seksyen 151 (1)(b) menggunakan frasa “mana-mana mesyuarat agung”. Berdasarkan bahasa di dalam maksud biasanya mungkin kita boleh membuat dua kesimpulan. Pertamanya, ahli mempunyai hak untuk mengemukakan resolusi hanya di dalam MAT sahaja. Keduanya, hak ahli untuk meminta agar pekeliling diedarkan adalah dalam semua jenis mesyuarat agung.² Ini adalah berdasarkan peruntukan seterusnya di bawah seksyen 151 (6). Peruntukan ini menyebut bahawa urusan yang boleh diuruskan di dalam MAT termasuklah yang mana notis diberi seperti yang disebut di bawah seksyen 151 ini.³ Walau bagaimanapun ada pendapat menyatakan bahawa frasa “pada mesyuarat tersebut” seperti mana yang terdapat di dalam seksyen

² Loh Siew Cheang, Corporate Powers Accountability, (Ed. 2, 2002), hlm. 1085.
³ *Ibid.*

151 (1)(a) membawa maksud mana-mana mesyuarat agung dan tidak hanya MAT sahaja.⁴

5.1.1 Kelayakan ahli untuk membuat tuntutan

Seksyen 151 (2) menetapkan syarat-syarat kelayakan ke atas ahli untuk membuat tuntutan iaitu:-

- a. ahli atau ahli-ahli yang membuat tuntutan hendaklah mewakili 1/20 atau 5% daripada jumlah undi ahli-ahli yang mempunyai hak untuk mengundi pada mesyuarat yang mana tuntutan itu berkaitan, pada tarikh tuntutan dibuat atau
- b. tuntutan dibuat oleh tidak kurang daripada seratus orang ahli yang memegang syer berbayar secara purata tidak kurang daripada RM500/- setiap seorang.

Penetapan syarat kelayakan ini berbanding dengan syarat-syarat lain yang diperuntukkan oleh Akta Syarikat 1965 adalah agak munasabah. Walaupun hak ahli untuk membuat tuntutan masih bersifat hak bersyarat tetapi ia tidaklah begitu membebankan. Lima peratus daripada jumlah undi atau seratus orang dengan syer berbayar secara purata RM500/- setiap seorang, boleh dianggap munasabah berbanding kelayakan 10% daripada modal berbayar, sepetimana syarat yang dikenakan ke atas hak ahli untuk membuat rekusisi pemanggilan mesyuarat agung luar biasa (selepas ini disebut sebagai MALB). Hak yang diberikan secara bersyarat ini ada rasionalnya. Jika kita amati peruntukan di bawah seksyen 151 (1), tanpa sebarang ihsan daripada syarikat, kos pengedaran pekeliling terpaksa ditanggung

⁴ Pendapat ini adalah berdasarkan takrifan yang sama bagi frasa yang sama yang terkandung di dalam seksyen 140, Akta Syarikat 1948 (UK); Buckley on Companies Act (Edisi 14), petikan Loh Siew Cheang,
Ibid.

oleh penuntut-penuntut. Tuntutan yang dibuat secara bersama membolehkan kos dapat dikongsi bersama. Dengan cara ini semua ahli dapat memanfaatkan hak ini. Walau bagaimanapun mengaplikasikan seksyen ini bukanlah semudah membacanya di atas kertas.

Penetapan kelayakan 5% atau 1/20 tersebut mungkin rendah bagi syarikat-syarikat sendirian berhad yang bersaiz kecil. Walau bagaimanapun ianya tidak semudah yang disebut bagi syarikat-syarikat besar seperti syarikat awam berhad. Syarat yang kedua pula jika ingin digunakan, walaupun hanya memerlukan seratus ahli tetapi perlu diingatkan bahawa pegangan syer mereka mestilah mempunyai bilangan purata RM500/. Ini bermakna jumlah pegangan syer berbayar kesemua seratus orang itu mestilah sekurang-kurangnya RM50,000/. Pastinya badan perundangan mempunyai sebab yang lebih konkret untuk meletakkan syarat tersebut.

Namun begitu jumlah purata sebanyak RM500/- tersebut masih agak tinggi berbanding syarat yang dikenakan oleh peruntukan *Corporations Act 2001* di Australia yang mempunyai kesan yang sama dengan seksyen 151 ini. Seksyen 249P *Corporations Act 2001* tersebut, mengenakan syarat yang lebih longgar iaitu 5% daripada jumlah undi yang boleh digunakan pada mesyuarat tersebut atau 100 orang ahli yang berhak untuk mengundi. Jika perundangan syarikat yang lebih maju seperti di Australia hanya mengenakan syarat yang rendah, mengapakah perundangan Malaysia yang masih dalam peringkat membangun tidak mengambil langkah yang sama? Tidak ada ruginya jika badan perundangan mempertimbangkan cadangan supaya syarat tersebut dikurangkan. Jika segala usaha telah dijalankan oleh badan perundangan untuk merangsang ahli untuk memanfaatkan hak mereka tetapi ahli

masih bersikap pasif, sekurang-kurangnya tidak ada pihak yang akan menuding jari dengan meletakkan kesalahan kepada badan perundangan.

5.1.2 Syarat-syarat lain

Selain daripada syarat-syarat kelayakan ahli yang disebutkan terdahulu, tanggungjawab syarikat untuk melayan tuntutan ahli di bawah seksyen 151 (1) ini juga tertakluk kepada syarat-syarat yang lain. Syarat yang penting bagi kedua-dua jenis tuntutan ini ialah tuntutan hendaklah ditandatangani oleh penuntut-penuntut. Selain daripada itu sejumlah wang yang munasabah untuk membiayai perbelanjaan syarikat bagi maksud ini hendaklah dikemukakan bersama.⁵ Inilah faktor utama yang menyebabkan seksyen 151 ini secara amalannya kurang memberikan makna dari segi perlindungan hak ahli. Tanpa ihsan daripada syarikat, ahli terpaksa menanggung kos pekeliling tersebut. Bayangkanlah kos yang terpaksa ditanggung sekiranya jumlah ahli syarikat secara keseluruhan mencecah ke angka ribu. Faktor ini sememangnya tidak menggalakkan ahli terutamanya pihak minoriti untuk memanfaatkan hak yang diberikan oleh seksyen 151 ini.

Selain daripada syarat asas tersebut, terdapat lagi syarat yang lebih khusus. Bagi tuntutan yang mengkehendaki notis resolusi, tuntutan tersebut hendaklah dikemukakan kepada syarikat enam minggu sebelum tarikh mesyuarat.⁶ Walau bagaimanapun sekiranya MAT dipanggil kurang daripada enam minggu dari tarikh pengemukaan tuntutan, walaupun tidak memenuhi syarat di bawah seksyen 151

⁵ Seksyen 151 (4).

⁶ Seksyen 151 (4)(a)(i).

(4)(a)(i), ianya hendaklah dianggap sebagai telah sempurna dikemukakan.⁷ Bagi tuntutan-tuntutan lain, ia hendaklah dikemukakan kepada syarikat tidak kurang dari seminggu dari hari mesyuarat.⁸

Cadangan resolusi yang dikemukakan oleh ahli di bawah seksyen 151 (1)(a) juga mestilah merupakan satu urusan yang mana mesyuarat agung mempunyai kuasa untuk meluluskannya. Ini adalah satu rukun yang paling asas, bukan sahaja bagi maksud seksyen 151 ini tetapi juga semua hak ahli yang ditetapkan oleh perundangan. Persoalannya, apakah yang dimaksudkan dengan frasa “resolusi yang boleh dijalankan secara sempurna” seperti yang dinyatakan di dalam seksyen 151 (1)(a)? Takrifan frasa ini dapat dilihat di dalam kes *Credit Development Pte. Ltd. lwn. IMO Pte. Ltd.*⁹ Di dalam penghakimannya, Hakim Lim Teong Qwee¹⁰ telah memetik satu hujah yang didasarkan daripada buku tulisan S.W. Magnus dan M Estrin bertajuk *Companies Law and Practice*. Menurut petikan buku tersebut, resolusi yang tidak sah dan tidak boleh dijalankan secara sempurna sekiranya:-¹¹

- a. ianya sesuatu yang *ultra vires*; atau
- b. ianya berkaitan dengan satu jenis resolusi tertentu dan resolusi tersebut tidak sepetimana yang disyaratkan; atau
- c. ianya bertentangan dengan polisi awam.

⁷ Seksyen 151 (6).

⁸ Seksyen 151 (4)(a)(ii).

⁹ [1993] 2 SLR 370.

¹⁰ *Id.*, hlm. 374.

¹¹ Magnus, S., W. dan M. Estrin, *Companies Law and Practice* (Ed. 5, 1978), hlm. 154.

Usul adalah dianggap sebagai *ultra vires* sekiranya urusan tersebut adalah di dalam bidang kuasa pengarah untuk meluluskannya.¹² Syarikat tidak akan terikat dengan tugas di bawah seksyen ini sekiranya usul ahli tersebut adalah satu urusan yang mesyuarat agung tidak mempunyai kuasa. Syarikat juga boleh membuat permohonan kepada mahkamah untuk mengecualikan diri daripada mengedarkan apa-apa pekeliling di bawah seksyen ini atas alasan hak yang diberikan di bawah seksyen ini telah disalah gunakan untuk memperolehi publisiti yang tidak perlu bagi perkara-perkara fitnah. Di dalam kes seperti ini, mahkamah boleh mengeluarkan perintah supaya kos yang ditanggung oleh syarikat untuk membuat permohonan dibayar sepenuhnya atau sebahagian daripadanya oleh ahli-ahli yang menuntut. Perintah ini boleh dibuat walaupun ahli-ahli yang menuntut tidak menjadi pihak di dalam prosiding tersebut.¹³

Secara teorinya seksyen 151 ini sememangnya memberi hak kepada ahli untuk mengedarkan pekeliling. Ia juga memberikan hak kepada ahli untuk menyatakan pandangan mereka tentang cadangan resolusi yang dikemukakan oleh pengarah. Dengan cara tidak langsung ahli mempunyai peluang untuk mempengaruhi ahli yang lain dan meraih undi sokongan daripada mereka. Sayangnya dari sudut praktikal ianya tidak semudah disangka. Hak yang diberikan di bawah seksyen ini adalah satu hak yang bersyarat. Kos dan had bilangan perkataan yang ditetapkan meletakkan ahli pada kedudukan yang tidak begitu memberangsangkan berbanding pengarah syarikat.¹⁴ Tambahan pula setakat ini masih belum ada keputusan kes yang dapat menegaskan bahawa syarikat boleh

¹² *Op. cit.*, hlm. 375.

¹³ Seksyen 151 (5).

¹⁴ Farrar John H dan Brenda Hannigan, Farrar's Company Law, (Ed. 4, 1998), hlm. 315.

diarahkan untuk membiayai segala perbelanjaan yang ditanggung oleh ahli untuk mengedarkan pekeliling tersebut.

Jalan yang lebih berkesan menurut Gower¹⁵ mungkin dengan mengetepikan seksyen 151 dan bertindak secara bersendirian. Dengan cara ini ahli yang berkaitan tidak perlu risau tentang syarat kelayakan bilangan ahli mahupun kelewatan pekeliling diedarkan. Ahli yang bertindak sendiri akan dapat memastikan pekeliling mengenai pendapat beliau sampai ke tangan ahli yang lain sebelum mereka menghantar borang proksi dalam kes-kes yang berkaitan. Tambahan pula beliau dapat memberikan penjelasan penuh mengapa tidak bersetuju dengan cadangan lembaga pengarah tanpa perlu meringkaskannya kepada 1,000 perkataan sahaja.

Walau bagaimanapun sekali lagi kos menjadi masalah yang utama. Bertindak sendiri bermakna secara mutlaknya ahli terpaksa menanggung segala kos. Ini bermakna hanya ahli-ahli tertentu sahaja yang mempunyai sumber kewangan yang mencukupi dapat melaksanakan hak tersebut.¹⁶ Nampaknya, sama ada dengan atau tanpa seksyen 151, pengarah akan sentiasa mempunyai kelebihan dan ahli pula lebih berada di pihak yang “kalah”.

5.2 Hak Ahli Membuat Usul Dan Berucap Di Dalam Mesyuarat

Pentingnya kehadiran ahli ke mesyuarat agung syarikat bukan hanya terletak kepada perlaksanaan hak untuk mengundi sahaja. Satu lagi hak ahli yang tidak kurang

¹⁵ Gower, LCB (*et al.*) Gower's Principles of Modern Company Law, (Ed. 4, 1979), hlm. 537 – 538.

¹⁶ Ahli-ahli yang berkemungkinan besar dapat membuat tindakan bersendirian adalah ahli-ahli institusi seperti syarikat, pertubuhan dan sebagainya.

pentingnya disebut di bawah seksyen 148 (1) ialah hak untuk berucap atau bersuara.

Hak ini juga dinikmati oleh proksi yang dilantik bagi mewakili ahli.¹⁷ Adalah menjadi pandangan penulis bahawa hak untuk berucap ini adalah hak ahli untuk terlibat secara aktif di dalam perbahasan sesuatu usul di dalam mesyuarat sebelum usul tersebut melalui proses pengundian. Sama ada menyokong atau menentang sesuatu usul, ahli bebas menyatakan pendapat dan komen mereka dan seterusnya mempengaruhi ahli yang lain untuk berkongsi pendapat dengan mereka. Kebebasan ahli menerusi hak berucap ini kadang kala boleh menimbulkan suasana tegang di dalam mesyuarat. Di sinilah pengerusi mesyuarat perlu menggunakan segala kebijaksanaannya dalam mengawal kelancaran sesebuah mesyuarat. Seorang pengerusi mesyuarat mestilah menjalankan kuasanya untuk tujuan di mana kuasa itu diberikan. Tujuan utama mesyuarat diadakan bukan sahaja bagi membolehkan ahli untuk mengundi tetapi juga untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul. Adalah menjadi tugas pengerusi di dalam apa juga pertimbangannya untuk memudahkan kehadiran ahli bagi melaksanakan hak-hak tersebut.¹⁸

Seorang ahli juga berhak untuk membuat pengusulan sama ada dalam bentuk usul baru ataupun pindaan kepada usul¹⁹ di dalam mesyuarat. Di sinilah pengerusi mesyuarat perlu memainkan peranan yang penting dalam hal sama ada membenarkan ianya dikemukakan atau tidak. Usul yang dicadangkan mestilah tidak terkeluar dari skop notis memanggil mesyuarat. Ianya juga mestilah satu urusan yang sah di sisi undang-undang dan artikel-artikel syarikat. Usul yang tidak memenuhi syarat-syarat ini boleh ditolak oleh pengerusi untuk dikemukakan di mesyuarat.

¹⁷ Seksyen 148 (1).

¹⁸ *Byng lwn. London Life Association Ltd.* [1990] 1 Ch. 170. Di dalam kes ini mahkamah telah memutuskan bahawa pengerusi mesyuarat telah gagal mengambil kira hak ahli untuk hadir, bersuara dan mengundi semasa menggunakan kuasa budi bicaranya untuk menangguhkan mesyuarat.

¹⁹ *Henderson lwn. Bank of Australasia* (1890) 45 Ch. 330 per Fry LJ, hlm. 348.

Kawalan terhadap pengusulan resolusi di dalam mesyuarat ini amat penting. Ini adalah kerana sebarang usul yang terkeluar daripada skop notis, jika dibenarkan oleh pengerusi untuk dikemukakan, akan menafikan hak ahli yang tidak hadir ke mesyuarat untuk mengetahui apa yang akan diputuskan di mesyuarat. Di dalam kes *Choppington Collieries Ltd. lwn. Johnson*,²⁰ mahkamah memutuskan bahawa pengerusi mesyuarat berhak untuk menolak usul lantikan beberapa pengarah baru jika ianya melebihi bilangan maksima pengarah yang dibenarkan oleh artikel-artikel syarikat.

Persoalan yang timbul ialah, apakah setiap usul yang dikemukakan mesti disokong oleh seorang ahli yang lain sebelum ia boleh dibentangkan di dalam mesyuarat? Tidak terdapat sebarang keperluan statutori yang mewajibkan sokongan tersebut. Walau bagaimanapun tanpa sokongan ke atas sesuatu usul, harapan untuk ianya diluluskan mungkin akan menjadi sukar.

Selain daripada memberikan pendapat dan membuat usul pada hari mesyuarat, hak untuk bersuara ini termasuklah ahli mengajukan soalan-soalan yang berkaitan dengan usul yang dibentangkan. Tidak terdapat garis panduan yang khusus mengenai bentuk soalan yang boleh dikemukakan. Di bawah *Common Law*, soalan mestilah berkisar kepada perkara yang dibincangkan. Dalam amalan biasa mesyuarat agung, satu slot masa akan diperuntukkan bagi sesi soal jawab. Walau bagaimanapun untuk mengelakkan soalan-soalan yang tidak berkaitan, Farrar²¹ mencadangkan supaya ahli memberi soalan sebelum mesyuarat bermula dan khusus kepada pengarah-pengarah tertentu. Cadangan ini memang ada kebaikannya. Walau

²⁰ [1944] 1 All ER 762.

²¹ Farrar, John H dan Brenda Hannigan, *op. cit.*, hlm. 310.

bagaimanapun pada pandangan penulis, jika ia diterima sebagai satu prosedur, ianya hendaklah tidak sama sekali menyekat ahli untuk membuat soalan sebelum sesuatu resolusi itu diluluskan. Hak ahli untuk bersuara ini amat penting kerana, walaupun dalam kebanyakan hal ahli minoriti tidak mempunyai kawalan ke atas keputusan mesyuarat, dengan jaminan hak untuk bersuara ini sekurang-kurangnya pihak minoriti mempunyai hak untuk menyuarakan pendapat mereka.

5.3 Resolusi Yang Sah

Resolusi yang diluluskan dengan sempurna akan mengikat syarikat.²² Sebagai salah satu organ di dalam sesebuah syarikat, resolusi yang diputuskan di dalam mesyuarat agung adalah salah satu penentu hala tuju syarikat. Tidak dinafikan bahawa lembaga pengarah mempunyai kuasa yang luas dalam mengatur pengurusan syarikat tetapi kuasa ini tidak akan terpakai di dalam urusan-urusan yang dinyatakan oleh Akta Syarikat 1965 ataupun artikel-artikel syarikat sebagai memerlukan kelulusan ahli. Jadual ke 4 sekiranya diterima pakai mengesahkan kedudukan ini di bawah artikel 73. Pengarah juga tidak mempunyai kuasa ke atas urusan-urusan yang mana telah diputuskan oleh mesyuarat agung yang terdahulu sebagai satu urusan yang terletak di bawah kuasa kelulusan ahli. Akan tetapi sebarang resolusi ahli tidak boleh diluluskan jika ia membawa kesan yang boleh mentaksahkan sebarang tindakan pengarah yang sah sebelum berkuatkuasanya kelulusan tersebut. Resolusi yang diluluskan juga tidak boleh dijadikan bukti dokumentari tentang kewujudan satu

²² Chan Thiam Teng Iwn. Ban Swee Heng Sdn. Bhd. [1992] 2 MLJ 583.

kontrak.²³ Penentuan kesahan sesuatu resolusi itu amatlah penting. Ini adalah kerana jika resolusi yang tidak sah bergabung dalam satu transaksi yang sama dengan resolusi yang sah, ia akan mengakibatkan keseluruhan transaksi menjadi tidak sah.²⁴

Kesahan sesuatu resolusi adalah bergantung kepada kesempurnaan prosiding pemanggilan dan pengendalian mesyuarat. Ianya bermula dengan penghantaran notis pemberitahuan pemanggilan mesyuarat. Notis memanggil mesyuarat mestilah notis yang sempurna.²⁵ Maklumat yang dinyatakan di dalam notis mestilah memadai. Ini adalah sangat penting kerana ahli perlu dilindungi dari sebarang keputusan yang mengikat, tanpa mengetahui duduk perkara yang sebenar. Di dalam kes *Hup Seng Co. Ltd. lwn. Chin Yin & Ors.*²⁶ notis memanggil mesyuarat hanya menyebut bahawa resolusi yang akan diluluskan adalah seperti yang terkandung di dalam notis rekusisi. Notis tersebut telah dihantar tanpa menyertakan salinan notis rekusisi yang dimaksudkan. Hakim Suffian (sepertimana beliau ketika itu) memutuskan bahawa notis tersebut adalah tidak memadai. Oleh yang demikian resolusi yang diluluskan adalah tidak sah. Walau bagaimanapun tidak semua kecacatan pada notis akan mentaksahkan mesyuarat dan resolusi yang diluluskan di dalamnya. Kecacatan tersebut mestilah menyebabkan ketidakadilan yang besar barulah mahkamah boleh mengisyiharkan prosiding mesyuarat sebagai tidak sah.²⁷

²³ *Lim Eng Rubber Factory (M) Sdn. Bhd. lwn. Lim Beng Yew & 4 Ors.* [1994] (3) AMR 45,2370.

²⁴ *In te Imperial Bank of China, India & Japan* [1866] 1 Ch. App. 339.

²⁵ *Supra* Bab 2.3.

²⁶ (1962) 28 MLJ 371.

²⁷ Dr. Wong Kim Fatt, Company Resolution (2001), hlm. 37.

Selain daripada itu, prosiding mesyuarat yang mengikut aturan juga akan menjamin kesahan sesuatu resolusi. Di dalam kes *Betts & Co. Ltd. lwn. Macnaghten (1)*,²⁸ telah diputuskan bahawa mahkamah mempunyai hak untuk merujuk kepada notis memanggil mesyuarat sebagai sebahagian daripada *res gestae* untuk melihat sama ada prosiding mesyuarat mengikut aturan atau tidak.²⁹ Selain daripada itu, keperluan kepada korum seperti yang ditetapkan oleh artikel syarikat juga mestilah dipatuhi. Ini adalah kerana tanpa korum sesuatu mesyuarat adalah terbatal dan resolusi yang diputuskan di dalamnya menjadi tidak sah. Persoalan yang mungkin timbul ialah sama ada keperluan kepada korum ini perlu dipenuhi sepanjang mesyuarat atau hanya bagi memulakan mesyuarat.

Tidak ada jawapan yang jelas di dalam kes-kes di mana artikel syarikat tidak membuat apa-apa peruntukan. Walau bagaimanapun sekiranya Jadual ke 4 diterima pakai, penggunaan perkataan “pada masa” di dalam artikel 47 adalah dipercayai bahawa ianya memadai bagi keperluan kepada korum dipenuhi untuk memulakan mesyuarat³⁰ dan lebih dari seorang ahli kekal di sepanjang mesyuarat.³¹ Ini adalah berdasarkan kepada maksud “mesyuarat” itu sendiri sama ada dari segi bahasa mahupun perundangan syarikat yang memerlukan lebih daripada seorang untuk menjayakannya. Walau bagaimanapun dalam keadaan-keadaan tertentu mesyuarat boleh diteruskan walaupun hanya dengan seorang ahli sahaja. Kesediaan mahkamah untuk mengiktiraf kesahan mesyuarat seorang ahli ini bergantung kepada fakta sesuatu kes itu sendiri.³²

²⁸ [1910] 1 Ch. 430.

²⁹ *Id.*, hlm. 435 per Hakim Eve.

³⁰ *In re Hartley Baird Ltd.* [1955] Ch. 143.

³¹ *In re London Flats Ltd.* [1969] 1 WLR 711.

³² *East lwn. Bennett Brothers Ltd.* [1911] 1 Ch. 163. Di dalam kes ini mesyuarat kelas syer yang dihadiri oleh satu-satunya pemegang syer kelas tersebut telah diiktiraf sebagai mesyuarat yang sah;

Penetapan konsep hubungan antara resolusi dan prosiding pemanggilan dan pengendalian mesyuarat sememangnya penting untuk perlindungan ahli terutamanya pihak ahli minoriti. Ini adalah kerana sekiranya resolusi kekal sah walaupun terdapat salah aturan pada sebarang prosiding mesyuarat, ia akan memberi ruang kepada syarikat dan pihak majoriti untuk bertindak sesuka hati. Manakala pihak minoriti pula, walaupun telah dinafikan hak mereka, terus menerima nasib malang kerana terikat dengan resolusi yang telah diluluskan. Selain daripada proses pemanggilan dan pengendalian mesyuarat, kesahan sesuatu resolusi juga bergantung kepada implikasi resolusi tersebut. Sesuatu resolusi itu tidak sah sekiranya ia mengakibatkan berlakunya “penindasan”, “tidak mengambil kira hak ahli yang lain terjejas”, “diskriminasi” atau “prejudis”. Di bawah seksyen 181 (seksyen 181 akan dibincangkan di dalam Bab 6), mana-mana ahli boleh membawa tindakan sekiranya resolusi yang akan diluluskan atau telah diluluskan menyebabkan berlakunya salah satu daripada perkara tersebut. Resolusi juga tidak boleh diluluskan untuk mengambil harta syarikat atau ahli atau merampas syer ahli atau memaafkan liabiliti pengarah. Resolusi-resolusi yang diluluskan bagi maksud-maksud tersebut adalah tidak sah di bawah konsep fraud terhadap minoriti.³³

Sila lihat juga *Tan Guan Eng lwn. BH Low Holdings Sdn. Bhd. & Ors.* [1992] 1 MLJ 105. Di dalam kes ini mahkamah berpendapat bahawa motif di sebalik tindakan pengurus meninggalkan mesyuarat adalah jelas. Beliau telah dapat menjangkakan sekiranya mesyuarat diteruskan keputusan pengundian tidak akan memihaknya. Oleh yang demikian mahkamah bersedia untuk mengiktiraf mesyuarat yang diteruskan dengan tinggal hanya seorang sahaja ahli dan keperluan korum telah tidak dipenuhi sebagai mesyuarat yang sah.

³³ *Supra* 3.2.1 untuk perbincangan lanjut mengenai fraud terhadap minoriti.

5.4 Jenis-Jenis Resolusi

Setiap usul dan urusan mesyuarat agung syarikat perlu diluluskan dengan jenis resolusi yang berbeza. Jenis resolusi yang harus diluluskan di dalam setiap urusan adalah bergantung kepada ketetapan sama ada di dalam Akta Syarikat 1965, Peraturan-peraturan Penyenaraian BSKL (di dalam kes-kes berkaitan) dan artikel-artikel syarikat. Kepentingan sesuatu resolusi adalah bergantung kepada jenis resolusi tersebut.³⁴ Secara keseluruhannya terdapat dua jenis resolusi iaitu resolusi biasa dan resolusi khas.

5.4.1 Resolusi Biasa

Semua resolusi yang diputuskan oleh mesyuarat agung adalah resolusi biasa kecuali Akta Syarikat 1965, Peraturan-peraturan Penyenaraian BSKL (jika berkaitan) mahupun artikel-artikel syarikat memerlukan resolusi khas diputuskan. Semua pernyataan “resolusi” adalah bermaksud resolusi biasa kecuali dengan jelas dinyatakan sebaliknya.³⁵ Resolusi biasa diperlukan bagi kelulusan perkara-perkara yang melibatkan aktiviti syarikat. Tidak ada takrifan yang diberikan oleh Akta Syarikat 1965 mengenai resolusi biasa ini. Walau bagaimanapun Lord Upjohn di dalam kes *Bushell lwn. Faith*³⁶ memberikan takrifan berikut:-

“Satu resolusi biasa, pertamanya diluluskan oleh majoriti tepat semasa mengangkat tangan oleh ahli yang berhak untuk mengundi dengan hadir sendiri atau melalui proksi dan dalam cara pengundian tersebut, setiap ahli mempunyai satu undi tanpa mengira pegangan syernya. Jika satu

³⁴ Lipton, P dan A. Herzberg, Understanding Company Law (Ed. 5, 1993), hlm. 427.

³⁵ Hanrahan, Pamela, (*et al.*) Commercial Applications of Company Law In Malaysia (2002), hlm. 188.

³⁶ [1970] AC 1099.

pungutan suara diminta untuk satu resolusi biasa majoriti tepat masih diperlukan”³⁷

Daripada penghakiman Lord Upjohn di atas dapatlah disimpulkan bahawa resolusi biasa ialah resolusi yang diputuskan dengan majoriti mudah. Majoriti mudah yang dimaksudkan di sini ialah resolusi tersebut hanya perlu melepas undian 50%. Oleh yang demikian, bagi meluluskan resolusi biasa sokongan daripada 51% daripada jumlah undi ahli di dalam mesyuarat boleh dianggap sebagai keputusan yang baik. Walaupun resolusi biasa hanya memerlukan majoriti mudah, artikel-artikel syarikat boleh mengkehendaki jumlah undi yang melebihi ketetapan ini.³⁸ Pada dasarnya tempoh notis bagi meluluskan resolusi biasa ialah 14 hari. Walau bagaimanapun tempoh yang lebih panjang boleh diperlukan sekiranya diperlukan oleh artikel-artikel syarikat.³⁹ Secara keseluruhannya inilah dua ciri yang terdapat bagi sesuatu resolusi biasa.

Terdapat dua kes istimewa di mana resolusi biasa memerlukan notis khas. Dua keadaan tersebut ialah:-

- a. pemecatan pengarah bagi syarikat awam sebelum tamat tempoh atau perlantikan pengarah bagi mengisi jawatan pengarah yang dipecat tersebut menurut seksyen 128 (1);
- b. pemecatan juruaudit syarikat sebelum tamat tempoh menurut seksyen 172

(4)

³⁷ *Id.*, hlm.1108.

³⁸ *Edwards Iwn. Halliwell* [1950] 2 All ER 1064.

³⁹ Seksyen 145 (2).

Peruntukan di bawah seksyen 128 (1) dan seksyen 172 (4) ini adalah hak dan perlindungan yang istimewa kepada ahli. Di bawah peruntukan tersebut ahli hanya perlu menguasai majoriti mudah lebih daripada 50%, bagi membolehkan mereka meluluskan resolusi yang begitu penting dalam pengurusan syarikat, iaitu memecat pengarah ataupun juruaudit. Hak-hak ahli untuk meluluskan pemecatan tersebut tidak boleh dihamparkan dengan membuat peruntukan memerlukan majoriti yang lebih besar di dalam artikel-artikel syarikat mahupun mana-mana kontrak yang berasingan.

Di dalam kedua-dua kes di atas, keperluan notis khas menurut seksyen 153 mestilah dipatuhi. Notis menyatakan niat ahli untuk mengusulkan dua urusan di atas hendaklah dikemukakan di pejabat berdaftar syarikat tidak kurang dari 28 hari dari tarikh mesyuarat yang mana ianya akan diusulkan. Setelah menerima notis niat tersebut, syarikat hendaklah memasukkannya di dalam notis memanggil mesyuarat sebagai agenda dan dihantar kepada ahli-ahlinya pada masa yang sama. Sekiranya tidak sempat untuk dimasukkan ke dalam notis memanggil mesyuarat, notis lewat yang tidak kurang daripada 14 hari dari tarikh mesyuarat hendaklah dihantar. Notis tersebut hendaklah diberi kepada ahli dengan cara yang sama ia memberi notis mesyuarat atau jika tidak praktikal, dengan apa carapun yang dibenarkan oleh artikel-artikel syarikat.

Pengarah-pengarah yang tidak suka atau tidak bersetuju dengan niat ahli untuk memecat mereka atau juruaudit, mungkin akan cuba menggagalkan usul ahli dengan memanggil mesyuarat dengan memberi notis yang awal dan dengan itu tidak memenuhi keperluan 28 hari. Dengan cara ini mereka mungkin berharap boleh

mengetepikannya. Walau bagaimanapun bahagian terakhir seksyen 153 menegaskan bahawa di dalam kes di mana mesyuarat telah dipanggil awal, notis yang tidak memenuhi syarat tempoh tersebut tetap dianggap sah. Dengan itu, hak ahli untuk mengusulkan pemecatan pengarah atau juruaudit tetap akan terpelihara.

Penetapan peraturan yang kompleks ini adalah untuk memberi masa amaran yang cukup kepada ahli, lembaga pengarah dan pihak yang menjadi pokok persoalan. Walau bagaimanapun penetapan peraturan yang kompleks ini lebih memberikan perlindungan kepada pengarah atau juruaudit yang diusulkan untuk dipecat tersebut. Pengarah atau juruaudit yang terbabit akan diberi peluang untuk membuat representasi secara bertulis dan representasi bertulis ini akan diedarkan kepada semua ahli. Pihak tersebut juga akan diberi hak untuk berucap di dalam mesyuarat bagi membela diri.

5.4.2 Resolusi Khas

Sesuatu urusan itu perlu diputuskan sebagai resolusi khas sekiranya dikehendaki oleh perundangan syarikat dan artikel-artikel syarikat. Biasanya resolusi khas diperlukan di dalam hal-hal yang lebih kritikal yang melibatkan dasar asas sesebuah syarikat, contohnya pindaan memorandum dan artikel-artikel syarikat.⁴⁰ Perkara-perkara yang penting sebegini tidak boleh diluluskan tanpa persetujuan majoriti ahli yang besar. Dengan cara ini ahli majoriti tidak akan dapat membuat sebarang pindaan kepada dokumen terpenting sesebuah syarikat dengan begitu mudah dan

⁴⁰ Seksyen 28 dan seksyen 31.

mengetepikan pendapat ahli minoriti. Tidak seperti resolusi biasa, takrifan resolusi khas diterangkan dengan jelas di bawah seksyen 152 (1). Seksyen ini memperuntukkan seperti berikut:-

“Satu resolusi hendaklah menjadi resolusi khas bila ia telah diluluskan oleh majoriti tidak kurang dari tiga per empat daripada ahli-ahli yang berhak untuk berbuat demikian mengundi secara sendiri, atau di mana proksi dibenarkan dengan proksi di mesyuarat agung yang mana notis tidak kurang daripada dua puluh satu hari yang menyatakan niat untuk meluluskan resolusi khas telah diberi”

Berdasarkan takrifan ini dapatlah dirumuskan bahawa resolusi khas mempunyai dua ciri iaitu:-

- a. Ia diluluskan oleh majoriti tidak kurang dari tiga per empat daripada ahli yang berhak untuk mengundi secara sendiri atau dengan proksi (sekiranya dibenarkan); dan
- b. Ianya diluluskan di dalam mesyuarat yang dipanggil oleh notis tidak kurang daripada dua puluh satu hari.

Pengiraan undi bagi ciri yang pertama dibuat dengan mengira undi menyokong dan menentang. Pengiraan $\frac{3}{4}$ atau 75% undi tersebut hendaklah didasarkan kepada jumlah ahli yang hadir dan mengundi pada hari tersebut. Ahli yang tidak hadir tidak perlu dikira kerana mereka sendiri tidak mahu menjalankan hak mereka. Menurut Walter Woon, ahli yang hadir pada hari mesyuarat tetapi mengambil sikap berkecuali juga, tidak akan dikira.⁴¹ Dengan kata lain, hanya ahli yang benar-benar mengundi sahaja akan dikira bagi maksud ini. Pengiraan ini termasuklah undi proksi

⁴¹ Woon, Walter, Undang-Undang Syarikat, (Terjemahan Aishah Hj. Bidin), (2000), hlm. 164.

ketika proksi dibenarkan untuk mengundi. Penetapan pengiraan undi hanya kepada ahli yang hadir dan benar-benar mengundi sahaja amat penting. Ini adalah kerana jika pengiraan majoriti $\frac{3}{4}$ diambil dari jumlah keseluruhan ahli sesebuah syarikat, ia akan memberikan masalah yang besar kepada syarikat-syarikat seperti Malayan Banking Berhad, Telekom Malaysia Berhad dan syarikat-syarikat gergasi yang lain. Ini adalah kerana syarikat-syarikat sebegini mempunyai bilangan ahli yang begitu besar tetapi kebiasaan mereka kehadiran ahli di mesyuarat agung sukar mencapai $\frac{3}{4}$ dari jumlah keseluruhan ahli mereka. Jika pengiraan majoriti didasarkan kepada jumlah ahli syarikat bermakna syarikat-syarikat ini tidak akan dapat meluluskan sebarang resolusi khas sama sekali.

Penetapan kepada keperluan majoriti yang lebih besar ini adalah munasabah memandangkan keseriusan urusannya. Penetapan majoriti besar ini juga dapat melindungi ahli terutamanya pihak minoriti. Ini adalah kerana pihak majoriti perlu meraih sokongan yang besar untuk meluluskannya. Dengan cara itu sebarang usul yang boleh menjelaskan hak ahli minoriti, mempunyai harapan yang lebih cerah untuk disekat.

Ciri kedua resolusi khas terletak pada notis memanggil mesyuaratnya. Notis memanggil mesyuarat yang akan meluluskan resolusi khas ini hendaklah tidak kurang daripada 21 hari. Notis tersebut hendaklah secara bertulis dan menyatakan niat untuk meluluskan resolusi khas. (Perbincangan yang lebih lanjut mengenai notis telah dibuat di dalam Bab 2). Walaupun notis 21 hari ini adalah ciri utama resolusi khas, masih terdapat ruang kelonggaran. Notis yang lebih pendek boleh diberi, dengan syarat ianya dipersetujui oleh ahli yang berhak untuk hadir dan mengundi di

mesyuarat. Ahli yang memberi persetujuan itu hendaklah memegang majoriti tidak kurang daripada 95% daripada jumlah syer yang mempunyai hak mengundi.⁴² Persoalannya, bagaimakah kiraan majoriti 95% ini harus dibuat? Seksyen 152 (2) tidak menyebut dengan jelas sama ada kiraan majoriti tersebut perlu di dasarkan kepada jumlah keseluruhan syer semua ahli atau hanya kepada ahli yang hadir di mesyuarat itu sahaja. Sekiranya jumlah majoriti perlu dikira dari jumlah keseluruhan nilai syer semua ahli, Akta Syarikat 1965 tidak pula menerangkan cara persetujuan perlu dikemukakan. Adalah menjadi pendapat penulis bahawa peruntukan seksyen 152 (2) ini perlu diperbaiki. Jumlah majoriti adalah lebih praktikal sekiranya dikira daripada jumlah syer ahli yang hadir ke mesyuarat sahaja. Ianya bukan sahaja melindungi ahli dari sebarang usaha sesetengah ahli yang sengaja ingin menimbulkan masalah tetapi juga memberi perlindungan kepada syarikat dalam keskes di mana kelulusan tersebut diperlukan dengan segera.

Adalah menjadi pendapat penulis bahawa penetapan syarat notis 21 hari ini adalah untuk melindungi ahli. Selaras dengan kepentingan urusan yang akan diluluskan dengan resolusi khas ini, penetapan notis yang lebih panjang daripada biasa sememangnya munasabah. Ia akan memberi masa yang lebih lama kepada ahli untuk mengkaji usul tersebut sebelum membuat keputusan di mesyuarat. Kelonggaran notis yang lebih pendek pula memerlukan majoriti yang agak besar. Ini akan mencegah daripada sebarang sikap cuai pengarah atau syarikat dalam memberikan notis. Majoriti yang agak besar ini juga akan menyebabkan syarikat perlu mempunyai alasan-alasan yang benar-benar munasabah bagi mendapatkan sokongan ahli untuk melepaskan hak mereka untuk mendapat notis yang sepatutnya.

⁴² Seksyen 152 (2).

Selain daripada itu, Akta Syarikat 1965 sendiri ada memberikan “perlindungan tambahan” di dalam kes-kes yang khusus. Kes-kes yang dimaksudkan ialah yang melibatkan resolusi bagi pindaan memorandum dan artikel-artikel persatuan syarikat.

Walaupun memorandum dan artikel syarikat merupakan kontrak antara syarikat dan ahlinya,⁴³ tidak ada ahli yang akan terikat kepada sebarang resolusi pindaan memorandum mahupun artikel syarikat sekiranya pindaan tersebut mengkehendaknya mengambil atau mohon beli bilangan syer yang lebih daripada bilangan yang dipegangnya ketika pindaan dibuat. Pindaan yang mengkehendaki ahli untuk mengambil liabiliti yang lebih juga tidak akan mengikat ahli. Kedua-dua pindaan ini, hanya akan mengikat sekiranya ahli bersetuju untuk terikat dengan pindaan tersebut secara bertulis, sebelum atau selepas pindaan dibuat.⁴⁴

Ahli juga berpeluang untuk membatalkan pindaan klausula objek, walaupun resolusi telah diluluskan dengan sempurna di dalam mesyuarat. Di bawah seksyen 28 (5), ahli yang memegang tidak kurang daripada sepuluh peratus daripada modal terbitan syarikat atau tidak kurang daripada lima peratus daripada jumlah ahli (bagi syarikat yang tidak mempunyai modal syer), boleh membuat permohonan ke mahkamah untuk pembatalan. Dalam mempertimbangkan permohonan, mahkamah akan mengambil kira hak-hak dan kepentingan ahli⁴⁵ serta kepentingan syarikat secara keseluruhan.⁴⁶ Mahkamah selepas membuat pertimbangan boleh membatalkan, mengsaikan sebahagian atau mengsaikan keseluruhan pindaan. Selagi tidak disahkan oleh mahkamah, resolusi pindaan tersebut tidak akan berkuatkuasa. Persoalannya apakah ahli mempunyai peluang yang cerah untuk

⁴³ Seksyen 33 (1).

⁴⁴ Seksyen 33 (3).

⁴⁵ Seksyen 28 (7).

⁴⁶ Woon, Walter, (Terjemahan Aishah Hj. Bidin), *op. cit.*, hlm. 112.

berjaya di dalam permohonannya? Ini adalah kerana pindaan ke atas memorandum adalah salah satu urusan dalaman syarikat dan mahkamah agak keberatan untuk campurtangan di dalam hal-hal sebegini kecuali di dalam keadaan-keadaan tertentu sahaja⁴⁷ dan pembuktian berlakunya keadaan-keadaan tersebut bukanlah sesuatu yang mudah.

5.5 Resolusi Dan Keputusan Ahli Tanpa Mesyuarat

Keputusan sesebuah syarikat biasanya diputuskan di dalam mesyuarat. Walau bagaimanapun ada kalanya keputusan ahli tanpa mesyuarat boleh menjadi alternatif kepada metod yang konservatif dalam mendapatkan keputusan ahli. Terdapat dua cara di mana keputusan tanpa mesyuarat ahli boleh mengikat syarikat iaitu dengan resolusi pekeliling dan pemakaian Prinsip *Duomatic*.

5.5.1 Resolusi Pekeliling

Keputusan sesebuah syarikat biasanya diputuskan di dalam mesyuarat. Walau bagaimanapun terdapat satu lagi cara di mana keputusan syarikat tidak perlu diperolehi menerusi metod ini iaitu dengan cara resolusi pekeliling. Resolusi pekeliling ialah resolusi yang diputuskan dengan cara di mana usul dinyatakan secara bertulis dan diedarkan kepada semua ahli. Sokongan ahli terhadap usul tersebut dinyatakan dengan penurunan tandatangan. Metod ini sangat popular dan praktikal bagi syarikat-syarikat sendirian berhad, syarikat yang berasaskan keluarga

⁴⁷ Keadaan-keadaan yang dimaksudkan termasuklah apabila ianya adalah sesuatu yang *ultra vires*, menyebabkan fraud terhadap minoriti dan lain-lain. Perkara ini akan dibincangkan di dalam Bab 6.

dan syarikat-syarikat yang mempunyai bilangan ahli yang kecil. Metod ini juga dikenali sebagai “mesyuarat kertas”.⁴⁸ Metod ini bukan sahaja terpakai kepada mesyuarat agung tetapi juga kepada mesyuarat pengarah.

Metod ini adalah diasaskan kepada konsep keputusan sebulat suara atau lebih dikenali sebagai Prinsip *Duomatic* yang didasarkan daripada keputusan mahkamah (akan dibincangkan di 5.5.2). Metod “mesyuarat kertas” bagi menggantikan mesyuarat sebenar ahli telah dimaktubkan pemakaianya di dalam seksyen 152A. Syarat paling penting ditetapkan oleh seksyen 152A ini ialah bahawa resolusi yang dikemukakan dan diedarkan itu mestilah ditandatangani oleh semua ahli yang berhak untuk hadir dan mengundi di mesyuarat agung. Ini bermakna ianya mestilah mendapat sokongan dari semua ahli. Inilah garis yang membezakan resolusi pekeliling ahli dan resolusi pekeliling pengarah di bawah artikel 90 Jadual ke 4.

Walaupun artikel 90 mempunyai syarat yang sama seperti seksyen 152A tetapi perlu diingatkan bahawa syarikat tidak wajib mengadaptasi Jadual ke 4 ke dalam artikel-artikel syarikat mereka. Oleh yang demikian, artikel 90 ini boleh diketepikan terus oleh syarikat atau jika diterima pakai boleh dipindah mana-mana yang difikirkan tidak sesuai. Di dalam amalan kesetiausahaannya syarikat sememangnya dapat dilihat banyak syarikat yang meminda artikel ini dengan meletakkan tandatangan majoriti ahli lembaga pengarah adalah memadai. Pemaktuban keperluan tandatangan semua ahli di bawah seksyen 152A ini, menjamin hak ahli agar dilindungi dan tidak boleh dipindah. Dengan adanya peruntukan seksyen 152A ini,

⁴⁸ Dr Wong Kim Fatt, *op. cit.* hlm. 17

pihak minoriti dilindungi kerana tanpa tandatangan salah seorang daripada mereka resolusi tersebut tidak dianggap sebagai diluluskan.

Resolusi pekeliling ini dianggap sebagai telah diluluskan pada tarikh tandatangan terakhir diturunkan.⁴⁹ Keperluan kepada tandatangan ini tidak bermakna tandatangan perlu diturunkan di dalam muka surat yang sama dengan penyataan resolusi. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat beberapa dokumen bagi tujuan resolusi tersebut, setiap dokumen perlu disahkan oleh setiausaha syarikat bagi mengesahkan ianya adalah kandungan sebenar.⁵⁰ Ketetapan ini adalah bagi melindungi ahli dari sebarang cubaan tipuan atau salah nyataan.

Terdapat isu yang dikemukakan oleh penulis-penulis berkaitan dengan pemakaian metod resolusi pekeliling ini.⁵¹ Persoalan yang ditimbulkan ialah sama ada metod ini terpakai kepada semua jenis resolusi tanpa mengira bahawa ianya dinyatakan oleh Akta tentang perlunya resolusi tersebut diluluskan di dalam mesyuarat.⁵² Persoalan juga telah ditimbulkan sama ada hanya ahli yang berhak mengundi sahaja yang perlu menandatangani resolusi pekeliling ini. Bagi perundangan syarikat di Malaysia, seksyen 153A Akta Syarikat 1965 telahpun memberikan jawapannya. Seksyen 152A (1) menyebut seperti berikut:-

“Walau apa pun yang berlawanan dalam Akta ini dan artikel-artikel syarikat, suatu resolusi yang telah ditanda tangani oleh atau bagi pihak semua orang pada masa itu berhak untuk menerima notis, dan untuk menghadiri dan mengundi di mesyuarat-mesyuarat agung sebuah syarikat hendaklah bagi maksud Akta ini dan artikel-artikel syarikat,

⁴⁹ Seksyen 152A (2).

⁵⁰ Seksyen 152A (3).

⁵¹ Gower, LCB (*et al.*), *op. cit.* no. 15, hlm. 550 – 551; Farrar, John H. dan Brenda Hannigan, *op. cit.* no. 14 hlm. 325.

⁵² Contohnya seksyen 62 (1) berkaitan pindaan modal syarikat.

dianggap sebagai satu resolusi yang telah diluluskan dengan sewajarnya di dalam mesyuarat agung syarikat, jika relevan sebagai satu resolusi khas yang telah diluluskan demikian”

Ungkapan “walau apa pun yang berlawanan dengan Akta ini dan artikel-artikel syarikat” dan ungkapan “jika relevan sebagai satu resolusi khas” di akhir peruntukan dengan jelas memberikan jawapan untuk persoalan yang pertama. Di bawah seksyen ini, metod “mesyuarat kertas” ini boleh digunakan untuk apa juga tujuan dan jenis resolusi. Persoalan yang mungkin boleh ditimbulkan ialah sama ada metod ini wajar untuk diperaktikkan bagi resolusi-resolusi khas contohnya seperti usul pindaan artikel syarikat. Ini adalah kerana pemakaian metod ini akan mengetepikan hak ahli untuk membahaskan usul itu. Selain daripada itu, apakah dengan pemakaian metod ini dapat memastikan bahawa ahli benar-benar faham tentang akibat kelulusan resolusi tersebut. Walau bagaimanapun pemakaian metod ini ada kebaikannya. Berbanding dengan mesyuarat sebenar yang mana resolusi khas hanya memerlukan majoriti $\frac{3}{4}$, “mesyuarat kertas” ini memerlukan persetujuan sebulat suara. Seandainya ahli ragu-ragu tentang akibat kelulusan resolusi tersebut, beliau hanya perlu tidak menurunkan tandatangan.

Persoalan kedua yang ingin diketengahkan di sini ialah, siapakah yang berhak untuk menandatangi resolusi tersebut? Tidak dinafikan seksyen 152A (1) dengan jelas menyebut bahawa resolusi perlu ditandatangani oleh “ahli yang berhak untuk menerima notis dan untuk menghadiri dan mengundi”. Kemosykilan yang timbul ialah bagaimanakah pula dengan ahli yang berhak menerima notis tetapi tidak berhak untuk mengundi di dalam kes-kes tertentu? Contohnya di bawah seksyen 137 di mana pemegang syer keutamaan berhak untuk dimaklumkan mengenai resolusi

untuk tujuan bayaran kepada pengarah kerana bersara atau kehilangan jawatan. Di dalam kes-kes sebegini, apakah notis pemberitahuan perlu diedarkan kepada mereka? Ini adalah kerana pada amalan kebiasaannya, notis tidak akan diedarkan kepada ahli untuk tujuan “mesyuarat kertas” ini. Sehingga ada jawapan yang benar-benar konkret, persoalan ini masih terbuka untuk diperbahaskan.

5.5.2 Keputusan Ahli Di Bawah Prinsip *Duomatic*

Keputusan sebulat suara ahli secara tidak rasmi ialah satu lagi cara bagaimana sesuatu keputusan ahli boleh mengikat syarikat tanpa memerlukan mesyuarat diadakan. Ianya adalah satu “rukun am yang jelas”.⁵³ Di bawah konsep ini sekiranya ahli-ahli syarikat telah bersetuju sebulat suara atas sesuatu perkara atau transaksi, mahkamah tidak akan campurtangan mengenainya, walaupun satu mesyuarat agung tidak dipanggil. Prinsip ini lebih dikenali sebagai “Prinsip *Duomatic*” bersempena dengan kes *In re Duomatic Ltd.*⁵⁴

Prinsip *Duomatic* ini amat penting dari segi pemakaianya. Ini adalah kerana ianya sangat praktikal terutamanya bagi syarikat yang kecil bilangan ahlinya ataupun syarikat yang berdasarkan keluarga. Ia lebih menjimatkan masa dan menjimatkan kos kerana tidak perlu memanggil mesyuarat. Walaupun dari satu segi beberapa hak ahli telah diambil tanpa mengadakan mesyuarat tetapi ia tidak bermakna ahli terutamanya pihak minoriti tidak dilindungi. Ini adalah kerana, semua ahli tanpa mengira pegangan syer perlu bersetuju. Konsep persetujuan bersama ini sama seperti yang terpakai kepada resolusi pekeliling di bawah seksyen 152A. Bezanya ialah

⁵³ *Rolled Steel Products (Holdings) Ltd. lwn. British Steel Corporation* [1986] 1 Ch. 246, per Hakim Slade, hlm. 296.

⁵⁴ [1969] 2 Ch. 365.

persetujuan di bawah resolusi pekeliling perlu ditunjukkan secara bertulis dengan menurunkan tandatangan.

5.5.2(a) Perkembangan Konsep

Perkembangan konsep ini bermula sebelum penghakiman Hakim Buckley di dalam kes *In re Duomatic Ltd.* lagi. Walau bagaimanapun ketika itu konsep ini tidak begitu kukuh dan kejayaan pemakaianya banyak bergantung kepada fakta kes. Di dalam kes *In re George Newman & Co.*⁵⁵ percubaan untuk mengaplikasikan konsep keputusan sebulat suara ini telah menemui kegagalan. Rata-ratanya penulis⁵⁶ berpendapat bahawa prinsip keputusan sebulat suara ini diasaskan daripada penghakiman Lord Davey di dalam kes *Salomon lwn. Salomon & Co. Ltd.*⁵⁷ House of Lords telah memutuskan bahawa obligasi untuk pendedahan telah dipenuhi sekiranya semua ahli sedar akan butiran transaksi tersebut. Lord Davey menyebut bahawa:-

“Saya berfikiran bahawa ianya adalah inferens yang tidak bersalahan dengan keadaan kes ini bahawa setiap ahli syarikat bersetuju dengan pembelian tersebut, dan syarikat adalah terikat dalam satu perkara yang *intra vires* dengan persetujuan sebulat suara ahli.”⁵⁸

Pemakaian konsep keputusan sebulat suara ini kemudiannya berkembang, walaupun ia lebih digunakan untuk tujuan memperbaiki sebarang kecacatan yang

⁵⁵ [1895] 1 Ch. 674.

⁵⁶ Loh Siew Cheang, Corporate Power, Controls, Remedies and Decision-Making, (1996), hlm. 506.

⁵⁷ [1897] AC 22.

⁵⁸ *Id.*, hlm. 57.

terdapat di dalam pengendalian mesyuarat.⁵⁹ Keputusan yang dibuat di dalam mesyuarat yang direkodkan sebagai mesyuarat pengarah boleh dianggap sebagai keputusan ahli yang mengikat syarikat sekiranya semua pengarah yang hadir merupakan juga semua ahli syarikat.⁶⁰ Apabila semua ahli hadir dalam sesbuah mesyuarat, mesyuarat tersebut boleh dianggap sebagai mesyuarat agung syarikat. Apa-apa resolusi yang diputuskan di dalamnya akan mengikat syarikat tanpa perlu mematuhi formaliti-formaliti lain dalam pemanggilan mesyuarat agung.

Prinsip ini diperkembangkan lagi oleh Hakim Astbury menerusi kes *Parker & Cooper Ltd. lwn. Reading*.⁶¹ Menurut beliau adalah tidak penting bagi persetujuan tersebut diperolehi sama ada secara serentak atau berasingan. Fakta bahawa persetujuan tersebut diperolehi di bilik yang sama atau tempat yang berasingan juga tidak material. Hakim Astbury di dalam penghakimannya menyatakan bahawa selagi keputusan sebulat suara tersebut adalah sesuatu yang *intra vires*, jujur dan untuk kepentingan syarikat, pengesahan keputusan sebulat suara ini tidak harus dikecewakan.⁶²

Di dalam kes *In re Duomatic Ltd.*,⁶³ konsep ini telah diperkembangkan sekali lagi. Di dalam kes ini, persetujuan ahli untuk meluluskan akaun di hadapan juruaudit syarikat tanpa mesyuarat, telah dicabar oleh penyelesai. Hakim Buckley mempunyai pandangan yang lebih luas. Beliau bersedia mengiktiraf fakta bahawa ahli-ahli syarikat telah menumpukan minda mereka untuk mempertimbangkan sesuatu dan

⁵⁹ *Attorney General for Canada lwn. Standard Trust Company of New York* [1917] AC 498.

⁶⁰ *In re Express Engineering Works Ltd.* [1920] 1 Ch. 466.

⁶¹ [1926] Ch. 975.

⁶² *Id.*, hlm. 984.

⁶³ *Supra* Nota Kaki 54..

bersetuju, adalah sama dengan resolusi yang diputuskan di dalam mesyuarat syarikat. Beliau seterusnya menyatakan seperti berikut:-

“Dalam kata lain, saya memutuskan atas asas yang mana bila ianya dapat ditunjukkan bahawa semua pemegang syer yang mempunyai hak untuk hadir dan mengundi dalam mesyuarat agung syarikat bersetuju kepada beberapa perkara yang mana mesyuarat agung syarikat mempunyai bidang kuasa untuk meluluskannya, persetujuan tersebut adalah sama mengikat sepermulaan satu resolusi di dalam mesyuarat agung”⁶⁴

Prinsip inilah yang terpakai sehingga hari ini. Di Australia walau bagaimanapun, prinsip ini dinyata semula. Di dalam kes *Herman Iwn. Simon & Ors.*⁶⁵ konsep persetujuan sebulat suara ini hanya boleh mengetepikan formaliti sahaja. Konsep ini tidak sama sekali boleh mengetepikan hak statutori ahli. Sebarang keputusan sebulat suara tidak akan dianggap sebagai resolusi yang sah dan mengikat sekiranya ia akan mengakibatkan penjejasan hak kelas syer.

5.5.2(b) Syarat pemakaian Prinsip *Duomatic*

Pemakaian konsep ini secara tidak langsung akan mengetepikan hak ahli untuk menghadiri mesyuarat. Walau bagaimanapun hak ahli minoriti tetap akan terjamin kerana pemakaian konsep ini memerlukan persetujuan semua ahli. Walaupun konsep ini amat memudahkan dan menjimatkan masa dan belanja tetapi keputusannya tidak akan dapat menyamai keputusan mesyuarat agung yang sebenar. Ini adalah kerana dengan menghadiri mesyuarat, ahli akan mendapat lebih maklumat sebelum membuat keputusan. Pada pandangan penulis, inilah kelemahan ketara bagi konsep

⁶⁴ *Id.*, hlm. 373.

⁶⁵ (1990) 4 ACSR 81.

ini. Apakah jaminan yang diberikan oleh perundangan bahawa maklumat yang diberikan kepada ahli mencukupi? Apakah kawalan yang disediakan bagi memastikan ketelusan maklumat seperti mana di dalam mesyuarat?

Berdasarkan penghakiman Hakim Buckley di dalam kes *In re Duomatic Ltd.* (seperti yang dipetik terdahulu) dapatlah disimpulkan bahawa persetujuan yang menjadi tunggak utama konsep ini adalah satu persetujuan yang hakiki. Persetujuan semua ahli mestilah benar-benar diperolehi dan bukannya teori atau andaian semata-mata. Hujah bahawa ahli akan bersetuju jika diminta berbuat demikian tidak memenuhi syarat prinsip ini.

Di dalam kes *Re ABC Plastik Pty. Ltd.*,⁶⁶ sepasang suami isteri adalah pengarah dan juga pemegang syer tunggal syarikat. Sejumlah wang telah dibayar oleh pihak ketiga kepada si suami. Wang tersebut pada haknya adalah kepunyaan syarikat. Semasa syarikat di dalam proses penyelesaian, pertikaian mengenai wang tersebut timbul. Si suami yang juga penentang (*respondent*) di dalam kes ini, telah meminta supaya wang tersebut dianggap sebagai pembayaran dividen kepadanya. Hujah beliau sekiranya ianya diisyiharkan sebagai dividen, isterinya akan mengesahkan resolusi tersebut. Beliau cuba menggunakan prinsip *Duomatic*. Walau bagaimanapun mahkamah berpendapat sebaliknya. Hakim Needham berpendapat bahawa sekiranya wang tersebut telah dibahagikan antara keduanya dan si isteri telah menghadiahkan bahagiannya kepada penentang, ianya mungkin boleh diterima. Walau bagaimanapun wang tersebut hanya diterima oleh penentang. Terlalu banyak

⁶⁶ (1976) 1 ACLR 446.

andaian yang perlu dibuat bagi menjustifikasikan wang tersebut sebagai dividen. Ini dapat dilihat apabila Hakim Needham menyifatkan sebagai “fiksyen”.⁶⁷

Penglibatan secara aktif dalam memberikan keputusan tidak perlu dibuktikan bagi maksud persetujuan hakiki. Ianya memadai jika pihak yang mana persetujuannya ingin diperolehi sedar tentang fakta bahawa keputusannya akan dikira sebagai diperolehi secara sebulat suara. Ia tidak mewajibkan pihak yang diminta persetujuannya membuat sebarang pertanyaan apabila diberitahu tentang keputusan ahli yang lain.⁶⁸

Pensyaratannya kepada persetujuan hakiki ini amat berfaedah kepada perlindungan hak semua ahli terutamanya ahli minoriti. Dengan adanya syarat tersebut, pengurusan syarikat mahupun pihak majoriti tidak boleh memandang rendah kepada hak minoriti untuk persetujuan. Mereka tidak boleh mengambil mudah dengan menyatakan ahli minoriti akan bersetuju, sekiranya ditanya dan menggunakan kelebihan konsep ini berdasarkan andaian tersebut.

Kemudahan penyingkatan prosedur untuk mendapatkan resolusi syarikat ini tidak akan sah sekiranya usul yang ingin diluluskan tersebut adalah satu urusan yang *ultra vires*. Dengan kata lain, kemudahan yang ditawarkan oleh undang-undang ini hanya boleh dipakai di dalam urusan yang *intra vires* sahaja. Syarat ini dengan jelas telah ditetapkan di dalam kes-kes yang terdahulu.⁶⁹ Penyekatan ke atas pemakaian prinsip ini di dalam urusan yang *ultra vires* bukanlah sesuatu yang perlu dihairankan.

⁶⁷ *Id.*, hlm. 449.

⁶⁸ Loh Siew Cheang, *op. cit.* no. 2 hlm. 1104.

⁶⁹ *Salomon lwn. Salomon & Co. Ltd.*, *Supra Nota Kaki 57*; *In re George Newman*, *Supra Nota Kaki 55*; *Parker & Cooper Ltd. lwn. Reading*, *Supra Nota Kaki 61*

Ini adalah kerana, sememangnya menjadi asas perundangan bahawa sesebuah syarikat tidak boleh menjalankan sebarang transaksi yang mana di luar bidang kuasanya.

5.6 Minit Mesyuarat

Setiap perkara yang berlaku di dalam mesyuarat hendaklah dicatatkan atau direkodkan. Catatan inilah yang dipanggil minit mesyuarat. Minit mesyuarat ini amat penting bagi membolehkan ahli mahupun pihak ketiga untuk membuat semakan apakah yang berlaku di dalam sesuatu mesyuarat. Seksyen 156 (1)(a) menetapkan bahawa minit mesyuarat yang dicatatkan hendaklah dimasukkan ke dalam buku minit, selewat-lewatnya 14 hari dari tarikh mesyuarat. Peruntukan seksyen ini memberi satu perlindungan dan kebaikan kepada ahli. Ketetapan ini membolehkan ahli yang hadir dan tidak hadir dapat memeriksa minit dengan seberapa segera. Ia juga dapat menghalang pencatat minit (pada kebiasaan minit mesyuarat dicatat oleh setiausaha syarikat) cuba melengah-lengahkan hak ahli untuk memeriksa minit mesyuarat. Di samping itu juga ia dapat mengurangkan risiko ketinggalan fakta penting kerana terlupa akibat mesyuarat yang telah lama diadakan.

Minit hendaklah ditandatangani oleh pengerusi mesyuarat yang mana minit itu direkodkan atau oleh pengerusi mesyuarat yang berikutnya.⁷⁰ Apabila minit telah ditandatangani:-

⁷⁰ Seksyen 156 (1)(b).

- a. mesyuarat hendaklah dianggap sebagai telah dipanggil dan dijalankan dengan sempurna;
- b. semua prosiding di dalam mesyuarat hendaklah dianggap sebagai dijalankan dengan sempurna;
- c. semua perlantikan pegawai-pegawai ataupun pegawai penyelesai, hendaklah dianggap sebagai telah dibuat dengan sempurna.

Minit yang ditandatangani adalah secara *prima facie* dianggap sebagai benar kandungannya. Walau bagaimanapun ianya hanyalah satu bukti *prima facie*⁷¹ sahaja dan masih boleh disangkal sekiranya dapat dibuktikan sebaliknya.⁷² Dengan kata lain, walaupun minit adalah bukti prosiding di dalam mesyuarat, ahli masih boleh menyangkalnya sekiranya mempunyai bukti yang cukup. Ini memberi peluang kepada ahli untuk mendapatkan bantuan daripada mahkamah sekiranya berlaku cubaan untuk memalsukan minit oleh pihak-pihak yang berkepentingan untuk berbuat demikian.

Setelah ditandatangani minit tidak boleh dipinda dengan memadamkan atau menambah mana-mana catatan di dalamnya.⁷³ Perlindungan dan kemudahan yang diberikan di bawah seksyen 156 ini amatlah penting bagi setiap ahli syarikat. Oleh yang demikian syarikat seharusnya mengambil perhatian yang serius untuk pematuhan seksyen ini. Ini adalah kerana kegagalan mematuhi seksyen ini boleh menyebabkan syarikat dan pegawai-pegawainya didenda sehingga RM2,000/- dan Penalti Ingkar. Selain daripada itu, kegagalan untuk mematuhi keperluan seksyen ini

⁷¹ Seksyen 156 (2).

⁷² Schmitthoff, Clive M., Palmer's Company Law, (Ed. 24, 1987), hlm. 862.

⁷³ *In re Cawley & Co.* (1889) 42 Ch.D 209, hlm. 226.

boleh menyebabkan sebarang lantikan pegawai atau penyelesaian yang dibuat di dalam minit yang tidak mematuhi keperluan seksyen ini boleh dianggap sebagai tidak sah.⁷⁴

Seksyen 157 pula memberikan hak kepada ahli untuk memeriksa buku-buku minit. Pemeriksaan itu boleh dibuat di pejabat berdaftar syarikat tanpa sebarang bayaran. Selain daripada itu, ahli juga berhak untuk mendapatkan salinan manapun minit yang disimpan. Salinan tersebut, hendaklah dikemukakan kepada ahli dalam masa 14 hari selepas ianya diminta oleh ahli, dengan bayaran tidak melebihi seringgit bagi setiap seratus perkataan. Kegagalan memenuhi permintaan ahli tersebut adalah agak serius. Syarikat dan pegawai-pegawaiannya adalah melakukan kesalahan terhadap Akta dan boleh didenda sehingga RM5,000/- dan Penalti Ingkar. Pemberian hak di bawah seksyen 157 ini memberikan ahli terutamanya ahli yang tidak hadir di dalam sesbuah mesyuarat meneliti apa yang telah berlaku. Dengan cara ini, ahli yang tidak dapat menghadirkan diri juga dapat memastikan bahawa tidak ada hak mereka yang telah diketepikan.

5.7 Kesimpulan

Baik hak untuk mengedarkan pekeliling di bawah seksyen 151 maupun hak untuk bersuara di bawah seksyen 148 (1), kedua-duanya mempunyai matlamat yang sama iaitu memberi peluang kepada ahli untuk memberikan pandangan terhadap usul yang akan dibentangkan untuk kelulusan. Bezanya hak di bawah seksyen 151 diberikan sebelum hari mesyuarat diadakan sementara hak di bawah seksyen 148 (1) boleh

⁷⁴ *Re LY Swee Co. Sdn. Bhd.* [1970] 2 MLJ 107.

dilaksanakan sebelum pengundian dijalankan. Berbanding dengan seksyen 151, seksyen 148 (1) memberikan satu hak yang lebih sempurna kepada semua ahli. Tanpa mengenakan sebarang syarat kelayakan, semua ahli baik pihak majoriti maupun ahli minoriti mempunyai peluang yang seimbang untuk bersuara dan terlibat di dalam perbahasan usul. Terpulanglah kepada ahli sendiri sama ada mahu memanfaatkannya atau tidak.

Sementara itu kuatkuasa seksyen 151 (1) pula menyaksikan bahawa hanya segolongan ahli sahaja yang berpeluang untuk menggunakan kelebihan yang disediakan. Selain daripada syarat kelayakan yang agak tinggi bagi syarikat-syarikat bersaiz besar, masalah kos menjadi penghalang utama bagi sesetengah ahli untuk menggunakaninya. Kos untuk mengedarkan pekeliling terutama jika bilangan keseluruhan ahli syarikat mencapai angka ratusan orang pastinya amat tinggi dan tidak semua ahli mampu untuk membayainya. Hanya ahli-ahli yang mempunyai kedudukan kewangan yang baik sahaja contohnya perbadanan atau syarikat yang dapat memanfaatkan kelebihan yang diberikan.

Selain daripada itu terdapat kecaburan di dalam beberapa peruntukan yang melibatkan resolusi mesyuarat. Seksyen 152 (2) memperuntukkan bahawa resolusi khas tetap boleh diluluskan walaupun dengan notis yang lebih pendek daripada 21 hari jika mendapat persetujuan daripada ahli yang memegang tidak kurang daripada 95% nilai nominal syer. Persoalannya apakah nilai nominal 95% ini perlu dikira berdasarkan jumlah keseluruhan modal syer syarikat ataupun jumlah keseluruhan syer ahli-ahli yang hadir sahaja? Jika pengiraan majoriti tersebut adalah berdasarkan jumlah keseluruhan modal syer syarikat, apakah bentuk prosedur bagi ahli untuk

memberikan persetujuan mereka terhadap notis pendek itu? Penulis berpendapat bahawa ianya amat berafaedah untuk peruntukan ini diperjelaskan. Pengiraan tersebut sewajarnya dibuat berdasarkan jumlah keseluruhan syer ahli yang hadir sahaja. Cara ini adalah lebih praktikal dan mudah.

Resolusi yang mengikat boleh juga diperolehi tanpa mesyuarat. Pemakaian konsep persetujuan sebulat suara atau Prinsip *Duomatic* adalah lebih menjimatkan masa dan kos. Pujian harus diberikan kepada badan perundangan Malaysia kerana mengambil langkah yang ke hadapan apabila memaktubkan konsep ini di bawah seksyen 152A. Persetujuan ahli dilahirkan dalam bentuk penurunan tandatangan. Jika mana-mana ahli tidak bersetuju dengan usul tersebut, mereka tidak perlu menurunkan tandatangan mereka dan resolusi itupun tidak dianggap sebagai telah diluluskan. Akan tetapi terdapat satu persoalan yang perlu diperjelaskan oleh badan perundangan iaitu mengenai kedudukan pihak-pihak yang tidak berhak untuk hadir dan mengundi di mesyuarat tetapi berhak untuk menerima notis, contohnya pemegang syer keutamaan di dalam kes-kes yang melibatkan seksyen 137. Apakah notis pemberitahuan yang berasingan perlu diberi?

Kesimpulannya Akta Syarikat 1965 memang telah menyediakan beberapa hak tambahan kepada hak utama ahli iaitu hak mengundi, bagi memastikan ahli mengambil bahagian secara aktif dalam menentukan keputusan mesyuarat. Hak-hak ini juga dapat memastikan mesyuarat ahli dapat melahirkan resolusi-resolusi yang baik dan bermutu. Sejauh mana ahli akan memanfaatkannya adalah persoalan yang harus dijawab sendiri oleh setiap ahli syarikat. Di samping itu, terdapat beberapa peruntukan di bawah Akta Syarikat 1965 yang perlu diperbaiki. Ianya adalah untuk

memperjelaskan keadaan dan diharap dapat memperkuatkan lagi kemantapan perundangan syarikat di negara ini.

University of Malaya

BAB 6

HAK AHLI MINORITI UNTUK MEMBAWA TINDAKAN BERKAITAN DENGAN MESYUARAT

6.0 Pendahuluan

Adalah menjadi satu rukun utama di dalam perundangan syarikat bahawa sesebuah syarikat itu adalah dijalankan mengikut hasrat golongan majoriti. Setiap tindakan yang diambil oleh syarikat melalui mesyuarat adalah dengan kelulusan majoriti dan ianya mengikat golongan minoriti. Inilah yang dikenali sebagai “rukun majoriti”. Terma “golongan majoriti” ini tidak semestinya bermaksud ahli yang memegang syer majoriti syarikat. Walaupun pegangan syer adalah salah satu faktor penentuan bahawa seseorang itu adalah majoriti, tetapi ianya lebih merupakan kepada golongan yang memegang kawalan kepada pengundian syarikat. Contohnya, seorang ahli yang memegang sejumlah kecil syer di dalam syarikat, boleh menjadi golongan majoriti jika beliau mempunyai kawalan ke atas undi proksi.¹

Seorang ahli mungkin mempunyai sebab-sebab tersendiri² untuk menjadi ahli minoriti. Walau apapun alasannya dengan aplikasi rukun majoriti, pihak minoriti terpaksa akur dengan keinginan pihak majoriti walaupun ada kalanya ia tidak memberi faedah kepada mereka. Kesulitan mereka ini ditambah pula dengan rukun *Foss lwn. Harbottle* yang menyekat ahli minoriti untuk membawa tindakan ke mahkamah. Tindakan drastik yang boleh diambil oleh pihak minoriti yang tidak

¹ *MacDougall lwn. Gardiner* (1875) 1 Ch.D 13.

² Ahli mungkin memilih untuk menjadi minoriti kerana tidak mempunyai cukup wang, atau tidak sanggup menanggung risiko pelaburan yang lebih besar, atau juga kesukaran untuk mendapatkan ahli yang ingin menjual syer mereka. Sila lihat Chew, Margaret, Minority Shareholder's Rights and Remedies (2000), hlm. 2.

berpuas hati dengan sebarang keputusan majoriti ialah keluar daripada syarikat tersebut. Bagi syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham, penjualan syer adalah lebih mudah iaitu melalui pasaran terbuka. Walau bagaimanapun bagi syarikat-syarikat yang tidak disenaraikan ianya bukanlah semudah yang disangka. Ahli yang ingin keluar tersebut ada kalanya terpaksa menunggu lama. Ini adalah kerana proses mencari pembeli dan prosedur pindahmilik syer akan memakan masa. Sementara hasratnya untuk keluar dari syarikat dapat tercapai, terpaksalah beliau menerima sahaja keputusan majoriti. Adalah tidak adil bagi mereka untuk diketepikan hanya kerana memilih untuk menjadi pihak minoriti di dalam syarikat.

Bagi menjamin keadilan dapat dilaksanakan, mahkamah-mahkamah Inggeris telah memperkenalkan beberapa konsep di bawah *Common Law* yang memberi hak kepada ahli minoriti untuk membawa tindakan atas sebarang ketidakadilan pihak majoriti. Konsep-konsep ini lebih berbentuk pengecualian kepada rukun-rukun di bawah kes *Foss lwn. Harbottle*.³ Di samping itu, badan perundangan juga mengambil inisiatif bagi memelihara keadilan. Beberapa peruntukan di dalam Akta Syarikat 1965 memberikan hak kepada pihak minoriti untuk mencari keadilan.

Sejajar dengan senario di atas, bab ini akan bermula dengan membincangkan mengenai rukun *Foss lwn. Harbottle*. Bab ini seterusnya akan melihat perkembangan di bawah *Common Law* yang mengecualikan beberapa keadaan bagi mewujudkan *locus standi* kepada minoriti untuk membawa tindakan. Bab ini juga akan cuba melihat peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Akta Syarikat 1965 bagi maksud yang sama.

³ (1843) 2 Hane 461.

6.1 Rukun *Foss lwn. Harbottle*

Isu *locus standi* bagi ahli minoriti amat dipengaruhi oleh rukun *Foss lwn. Harbottle*. Rukun yang bersifat prosedur⁴ ini diterangkan dengan jelas oleh Hakim Jenkins LJ di dalam kes *Edwards lwn. Halliwell*.⁵ Penerangan itu yang dianggap sebagai satu “takrifan klasik”⁶ ke atas rukun tersebut, terbahagi kepada dua rukun yang berbeza tetapi berkaitan iaitu:-

- a. Plantif yang wajar dalam satu tindakan yang berkaitan dengan satu dakwaan kesalahan yang dilakukan ke atas syarikat adalah *prima facie* syarikat itu sendiri;
- b. Di mana dakwaan kesalahan itu adalah satu transaksi yang boleh dijadikan mengikat syarikat dan semua ahlinya dengan undi majoriti mudah ahlinya sahaja, maka tidak ada ahli syarikat secara individu dibenarkan untuk membawa tindakan berkaitan dengan transaksi tersebut.

6.1.1 Rukun Plantif Yang Wajar

Rukun plantif yang wajar ini wujud daripada prinsip bahawa syarikat adalah satu entiti yang berasingan daripada ahlinya. Oleh kerana syarikat adalah entiti yang berasingan, ia tidak berkongsi hak untuk membawa tindakan dengan ahlinya atas sebarang kesalahan yang dilakukan ke atas syarikat. Ahli hanya boleh membawa tindakan atas nama syarikat sekiranya mendapat kelulusan mesyuarat syarikat.

⁴ Schmithoff, Clive M, Palmer's Company Law Vol. 1, (Ed. 24, 1987), hlm. 979.

⁵ [1950] 2 All ER 1064.

⁶ *Prudential Assurance Co. Ltd. lwn. Newman Industries Ltd. (No. 2)* [1982] Ch. 204.

6.1.2 Rukun Pengurusan Dalaman

Pelbagai istilah yang diberi kepada rukun *Foss lwn. Harbottle* yang kedua ini.⁷ Berbanding dengan rukun plantif yang wajar, rukun ini adalah lebih relevan apabila memperkatakan mengenai hal-hal mesyuarat syarikat. Ini adalah kerana di bawah rukun ini, ahli tidak berhak membawa tindakan secara individu sekiranya sebarang prosiding luar aturan yang diadukan tersebut boleh disahkan atau dijadikan mengikat dengan hanya undi majoriti mudah di dalam mesyuarat agung.⁸ Alasan mudah bagi rukun ini ialah sekiranya majoriti mudah telahpun memberikan sokongan mereka ke atas sesuatu perkara itu, maka *cadit questio*. Rukun pengurusan dalaman yang menjadi rukun kedua di dalam rukun *Foss lwn. Harbottle* ini diterangkan oleh Hakim Mellish di dalam kes *MacDougall lwn. Gardiner*,⁹ seperti berikut:-

“Pada pendapat saya jika perkara yang diadukan itu adalah perkara yang pada dasarnya majoriti syarikat berhak untuk melakukannya atau jika sesuatu telah dilakukan secara luar aturan yang mana majoriti syarikat berhak untuk melakukannya menurut aturan atau jika sesuatu yang menyalahi undang-undang telah dilakukan yang mana majoriti syarikat mempunyai hak untuk melakukannya mengikut undang-undang, tidak ada gunanya untuk mempunyai litigasi tentangnya, akhirnya yang tinggal hanyalah mesyuarat perlu dipanggil dan akhirnya majoriti mendapat apa yang diinginkannya”¹⁰

Di dalam kes *MacDougall* ini, tindakan telah dibawa oleh seorang pemegang syer bagi pihak dirinya dan pemegang-pemegang syer yang lain kecuali pengarah-pengarah syarikat. Dalam satu mesyuarat agung syarikat, plantif di samping hadir untuk dirinya sendiri juga bertindak sebagai proksi yang mempunyai bilangan syer

⁷ Ada yang memanggilnya sebagai rukun prosedur luar aturan, atau rukun ratifikasi.

⁸ *Prudential Assurance Co. Ltd. lwn. Newman Industries Ltd. (No. 2) op. cit.*, hlm. 210.

⁹ *Supra Nota Kaki 1.*

¹⁰ *Id.*, hlm. 25.

yang besar dan memegang majoriti sekiranya pungutan suara dijalankan. Manakala pihak pengarah pula mempunyai kawalan ke atas bilangan proksi yang ramai dan mempunyai majoriti sekiranya pengundian dibuat secara mengangkat tangan. Usul penangguhan mesyuarat telah dicadangkan. Pengerusi telah menangguhkan mesyuarat tanpa mengambil kira tuntutan beberapa pemegang syer supaya penangguhan mesyuarat ditentukan dengan pungutan suara. Sebaliknya pengundian ditentukan dengan cara mengangkat tangan di mana pengarah mempunyai majoriti. Plantif telah menuntut mahkamah mengeluarkan pengisytiharan bahawa tindakan pengerusi ini sebagai tidak wajar. Mahkamah walau bagaimanapun memutuskan bahawa ianya adalah masalah pengurusan dalaman syarikat dan mahkamah tidak berhak untuk campurtangan.

6.1.3 Kebaikan Dan Keburukan Rukun *Foss lwn. Harbottle*

Rukun *Foss lwn. Harbottle* ini mempunyai sifat-sifatnya tersendiri. Penetapan rukun ini dapat mengelakkan berlakunya pertindihan tindakan guaman. Di samping itu ia dapat mengelakkan lambakan tindakan guaman untuk satu isu yang sama tetapi oleh pihak yang berbeza. Ia juga dapat mengelakkan tindakan yang remeh-temeh terutamanya daripada sesetengah ahli yang suka menimbulkan masalah. Penetapan rukun ini juga dapat mengelakkan pembaziran masa dan wang syarikat untuk perkara-perkara yang tidak perlu dan tidak menguntungkan syarikat. Keprihatinan terhadap pertindihan tindakan tersebut dinyatakan dengan jelas oleh Sir W.M. James LJ di dalam kes *Gray lwn. Lewis*.¹¹ Beliau menyebut bahawa:-

¹¹ (1873) 8 Ch. App. 1035.

“Salah satu daripada tujuan menubuhkan badan jenis ini pada pendapat saya, ialah untuk mengelakkan pertindihan tindakan guaman yang mungkin timbul apabila seorang pemegang syer dibenarkan untuk menfaikan bil bagi pihak dirinya dan sebilangan besar daripada pemegang syer yang lain. Pemegang syer yang pertama menfaikan bilnya mungkin melupakan niatnya dan jika beliau adalah orang yang tidak berkemampuan, defendan tidak akan dapat menuntut kosnya seterusnya seorang lagi akan menfaikan bil dan begitulah seterusnya. Dinyatakan di dalam peringkat penghujahan bahawa walaupun telah melepaskan tindakan ke atas defendan tertentu bil yang baru mungkin akan difaikan. Oleh itu, bilangan bil mungkin akan menjadi sebanyak bilangan pemegang syer dan kemudian didarabkan dengan bilangan defendan. Hasilnya adalah mengerikan dan saya berfikiran bahawa defendan berhak agar kes yang dibawa terhadapnya dibuat oleh badan yang sebenarnya berhak untuk membuat aduan (kepada mahkamah) tentang apa yang telah dilakukan”¹²

Selain daripada itu, bagaimana sesebuah syarikat itu perlu diuruskan adalah hak sesebuah syarikat. Mahkamah tidak harus campurtangan kecuali wujud keadaan-keadaan yang istimewa.

Walau apapun rasionalnya, rukun *Foss Iwn. Harbottle* ini kadangkala tidak memberi keadilan kepada sesetengah golongan ahli terutamanya ahli minoriti. Kedua-dua cabang rukun tersebut hanyalah memberi penekanan bahawa pihak majoriti mempunyai hak *prima facie* untuk menentukan keputusan syarikat.¹³ Dengan kata lain, walaupun syarikatlah yang paling berhak untuk membawa tindakan tetapi di dalam erti kata sebenar, pihak majoritilah yang mempunyai hak tersebut. Ini adalah kerana hak syarikat untuk membawa tindakan mestilah diputuskan oleh lembaga pengarah dan lembaga biasanya berada di bawah kawalan ahli majoriti. Bagaimanakah kita dapat menyandarkan keadilan sekiranya kesalahan yang dipertikaikan itu dilakukan oleh pihak majoriti sendiri. Nasib pihak minoriti

¹² *Id.*, hlm. 1051.

¹³ Chew, Margaret, *op. cit.*, hlm. 6

bertambah tenat apabila mahkamah sendiri mengamalkan dasar tidak mahu campurtangan di dalam urusan dalaman syarikat.¹⁴

Kuasa yang dijalankan tanpa kawalan boleh membawa kepada ketidakadilan kepada sesetengah pihak yang lain. Pihak minoriti bukan sahaja tidak mempunyai *locus standi* untuk membawa pihak majoriti ke mahkamah. Sebarang salah aturan yang boleh diperbaiki oleh majoriti juga tidak akan mengurangkan penderitaan minoriti. Ini adalah kerana salah aturan tersebut boleh diperbetulkan di mesyuarat dan akan disokong oleh majoriti sekali lagi. Akhirnya pihak minoriti ibarat berjalan di dalam bulatan yang tidak ada penghujungnya. Ini mewujudkan “jalan mati” bagi pihak minoriti untuk membawa pihak majoriti ke muka pengadilan.

6.1.4 Kekecualian Kepada Rukun *Foss Iwn. Harbottle*

Sudah menjadi tabiat semula jadi manusia, apabila seseorang itu mempunyai kuasa kawalan ke atas sesuatu perkara, dia akan mudah terdorong untuk mementingkan diri sendiri hingga mengakibatkan ketidakadilan kepada pihak yang lemah. Walaupun rukun *Foss Iwn. Harbottle* memberi kelebihan kepada pihak majoriti tetapi ia tidak bermakna mereka boleh bertindak sewenang-wenangnya. Keadilan adalah alasan yang paling kukuh untuk mahkamah mengetepikan pemakaian rukun ini.¹⁵ Bagi membendung ketidakadilan ke atas pihak minoriti dan bagi membolehkan minoriti mempunyai akses kepada keadilan di mahkamah, rukun *Foss Iwn. Harbottle* mempunyai beberapa kekecualian. Di bawah *Common Law* seperti yang diperakui

¹⁴ *Burland Iwn. Earle* [1902] AC 83, hlm. 93.

¹⁵ *Foss Iwn. Harbottle*, *Supra* Nota Kaki 3, per Sir James Wigram, hlm. 492; *MacDougall Iwn. Gardiner*, *Supra* Nota Kaki 1, per Hakim Mellish LJ, hlm. 25-26.

oleh kes-kes Malaysia seperti *Tan Guan Eng & Anor lwn. Ng Kweng Hee*¹⁶ dan *Abdul Rahim bin Aki lwn. Krubong Industrial Park (Melaka) Sdn. Bhd. & Ors.*,¹⁷ wujud empat kekecualian iaitu:-

- a. Tindakan tersebut adalah *ultra vires*;
- b. Tindakan tersebut adalah fraud terhadap minoriti;
- c. Tindakan tersebut memerlukan kelulusan majoriti khas;
- d. Tindakan tersebut melanggar hak persendirian ahli;

Di Malaysia mungkin wujud kekecualian tambahan iaitu “apabila keadilan kes memerlukan”. Ini adalah mengikut *obiter dicta* di dalam kes *Abdul Rahim bin Aki*.

Di Australia, kekecualian kelima ini telah diiktiraf menerusi kes *Biala Pty. Ltd. & Anor lwn. Mallina Holdings Ltd. & Ors.*¹⁸ Walau bagaimanapun di England kewujudan kekecualian ini telah dinafikan oleh kes *Prudential Assurance Co. Ltd. lwn. Newman Industries Ltd. (No. 2)*. Perbincangan lanjut mengenai hal ini akan dibuat di bawah 6.1.4(e).

6.1.4(a) Tindakan *Ultra Vires*

Sesuatu tindakan itu dikatakan *ultra vires* apabila syarikat melakukan sesuatu tindakan di luar bidang kuasanya sepetimana yang diperuntukkan di dalam perundangan.¹⁹ Skop tindakan *ultra vires* ini juga merangkumi sebarang tindakan

[1992] 1 MLJ 487, hlm. 502-503.

[1995] 3 MLJ 417.

(1993) 11 ACSR 785.

Kaye lwn. Croydon Tramways [1898] 1 Ch. 371.

syarikat yang menyalahi undang-undang.²⁰ Tindakan *ultra vires* dan fraud terhadap minoriti adalah dianggap sebagai pengecualian sebenar ke atas rukun plantif yang wajar.²¹ Ini adalah kerana sekiranya ahli membawa tindakan di bawah kedua-dua kekecualian ini, remedii yang akan diperolehi ialah sesuatu yang secara langsung memberi kesan menambah atau memberi faedah kepada syarikat dan tidak kepada pemegang syer.²² Kita mungkin juga boleh mengatakan bahawa *ultra vires* bukanlah satu kekecualian kepada rukun *Foss lwn. Harbottle* tetapi ia sebenarnya adalah satu tindakan yang telah terkeluar sama sekali dari rukun tersebut. Ini adalah kerana satu transaksi atau tindakan yang *ultra vires* adalah tidak sah secara umumnya. Tindakan yang *ultra vires* tidak boleh dijadikan *intra vires* walaupun dengan persetujuan sebulat suara ahli di dalam mesyuarat agung syarikat.²³ Walau apapun, apabila sesuatu tindakan tersebut telah *ultra vires*, ahli bolehlah membawa tindakan ke mahkamah bagi pihak syarikat.

Walaupun seksyen 20 (1) Akta Syarikat 1965 menyatakan bahawa ia tidak mempunyai sebarang kepentingan apabila melibatkan pihak ketiga tetapi seksyen 20 (2)(a) dan (b) memberikan hak yang jelas kepada ahli untuk membawa tindakan. Di bawah seksyen 20(2) ini, ahli boleh membawa tuntutan sekiranya syarikat akan atau telah memasuki transaksi yang *ultra vires* yang belum dilaksanakan. Ahli juga berhak untuk membawa tuntutan ke atas mana-mana pegawai atau bekas pegawai yang bertindak secara *ultra vires*. Rasional di sebalik hak tersebut adalah

²⁰ Arjunan, Krisnan, Company Law In Malaysia, Cases and Commentary, (1998), hlm 360; *Drown lwn. Gaumont-British Picture Corp Ltd.* [1937] Ch. 405; *Simpson lwn. Westminster Palace Hotel Co.* 1860) 8 HL Cas. 712.

²¹ Woon, Walter, Undang-Undang Syarikat (Terjemahan Aishah Hj. Bidin) (2000), hlm. 273.

²² Chew, Margaret, *op. cit.*, hlm. 22-23.
²³ *The Directors, & C. of The Ashbury Railway Carriage & Iron Co. lwn. Hector* (1875) LR 7 HL 53.

berdasarkan fakta bahawa sesuatu tindakan yang *ultra vires* tidak boleh disahkan oleh apa juga bentuk majoriti.²⁴

6.1.4(b) Fraud Terhadap Minoriti

Kekecualian fraud terhadap minoriti ini memberi kelegaan kepada pihak yang tercedera akibat tindakan pihak majoriti. Pengecualian ini diberikan atas sebab sekiranya ia dinafikan maka kecederaan mereka itu tidak akan dapat didengar oleh mahkamah. Ini adalah kerana pelaku salah tersebut memegang kawalan ke atas syarikat.

Fraud terhadap minoriti adalah sebenar-benarnya pengecualian ke atas rukun di bawah *Foss lwn. Harbottle*. Ini adalah kerana di bawah konsep fraud terhadap minoriti, kesalahan dilakukan terhadap syarikat tetapi ahli diberikan hak untuk membawa tindakan mahkamah bagi pihak syarikat.²⁵ Kekecualian fraud terhadap minoriti amat sinonim dengan tindakan terbitan di bawah *Common Law*. Di bawah tindakan terbitan, pembuktian fraud terhadap minoriti hendaklah memenuhi dua elemen iaitu, perbuatan fraud itu sendiri, dan pelaku salah yang didakwa mempunyai kawalan ke atas syarikat.

1. Prudential Assurance Co. Ltd. lwn. Newman Industries Ltd. (No. 2) *Supra* Nota Kaki 6, hlm. 210-
2. Hanrahan, Pamela(*et al.*), *Commercial Applications of Company Law in Malaysia (2002)*, hlm.

Di Malaysia penghakiman Yang Arif Hakim Gopal Sri Ram di dalam kes *Abdul Rahim bin Aki lwn. Krubong Industrial Park (Melaka) Sdn. Bhd. & Ors.*,²⁶ boleh dijadikan sebagai panduan dalam usaha menakrifkan fraud terhadap minoriti.²⁷ Walter Woon di dalam bukunya *Undang-Undang Syarikat* juga, memberikan pendapat yang boleh dipertimbangkan. Menurut beliau bagi mewujudkan pengecualian kepada rukun *Foss lwn. Harbottle* atas alasan fraud terhadap minoriti, perkara-perkara tertentu mesti dibuktikan. Perkara-perkara tersebut adalah seperti berikut:-²⁸

- a. Bahawa pihak majoriti telah mendapat faedah tertentu
- b. Bahawa faedah diperolehi dengan menjelaskan syarikat ataupun syarikat telah mengalami kerugian ataupun kesusahan; dan
- c. Bahawa pihak majoriti telahpun menggunakan kuasa mengawal mereka untuk menyekat suatu tindakan yang dibawa terhadap mereka oleh syarikat.

Berbagai formula boleh kita andaikan tetapi seperti yang disebut oleh Yang Arif Hakim Gopal Sri Ram bahawa ungkapan “fraud terhadap minoriti” itu adalah satu *term of art*.²⁹ Apa yang dimaksudkan dengan fraud itu amat subjektif. “Fraud” di sini mempunyai maksud yang luas. Ia tidak hanya terikat kepada maksudnya di bawah *Common Law* (contohnya, mengambil aset syarikat atau bertindak tidak jujur kepada pemegang syer). Fraud di dalam konteks ini membawa maksudnya di bawah ekuiti dalam erti kata salah guna kuasa.³⁰ Pihak majoriti tidak boleh menggunakan kuasa

²⁶ [1995] 3 MLJ 417, hlm. 431.

²⁷ *Supra* Bab 3.2.1, untuk perbincangan lanjut.

²⁸ Woon, Walter, (*Terjemahan Aishah Hj. Bidin*), *op. cit.* hlm. 279.

²⁹ *Abdul Rahim bin Aki lwn. Krubong Industrial Park (Melaka) Sdn. Bhd. & Ors. Loc. cit.*

³⁰ *Estmanco (Kilner House) Ltd. lwn. Greater London Council* [1982] 1 WLR 2, per Sir Robert Megarry VC hlm. 12

dan kedudukan mereka di dalam syarikat untuk merampas kepentingan syarikat.³¹

Fraud terhadap minoriti juga telah berlaku apabila pihak majoriti menggunakan kuasa majoriti mengundi mereka untuk menghalang syarikat daripada membawa tindakan terhadap mereka.³² Kecuaian tidaklah termasuk di dalam takrifan fraud terhadap minoriti. Di dalam kes *Pavlides lwn. Jensen*,³³ kecuaian pengarah sehingga menyebabkan lombong syarikat dijual dengan harga yang murah, tidak dianggap sebagai fraud terhadap minoriti. Perbuatan cuai boleh diratifikasi oleh majoriti dalam satu mesyuarat agung. Walau bagaimanapun tindakan pihak minoriti atas dakwaan berlakunya kecuaian boleh berjaya sekiranya pihak majoriti mendapat faedah daripadanya.³⁴

Satu lagi elemen utama di dalam dakwaan fraud terhadap minoriti ini ialah pihak majoriti memegang kawalan yang cukup. Untuk menentukan fakta tersebut ialah dengan menentukan bahawa pelaku salah tersebut adalah berada dalam kedudukan untuk menghalang sebarang cubaan untuk membawa sebarang prosiding terhadap pelaku salah, atas nama syarikat. Situasi yang paling jelas bagi menerangkan fakta tersebut ialah apabila pelaku salah memegang majoriti kuasa mengundi atau memegang kesemua kuasa mengundi.³⁵ Apabila mereka menguasai kawalan mengundi, mereka menggunakan kuasa tersebut untuk menghalang resolusi supaya prosiding terhadap mereka dibuat atas nama syarikat daripada diluluskan. Fakta bahawa pihak majoriti mempunyai kawalan untuk menyekat sebarang prosiding atas nama syarikat mestilah benar-benar berlaku. Ia tidak boleh didakwa atas andaian

³¹ *Cook lwn. GS Deeks & Ors.* [1916] AC 554.

³² *Ibid.*

³³ [1956] 1 Ch. 565.

³⁴ *Daniels lwn. Daniels* [1978] Ch. 406.
³⁵ Contoh dapat dilihat di dalam kes *Estmanco (Kilner House) Ltd. lwn. Greater London Council op. cit.* di mana semua kuasa mengundi dipegang oleh defendant.

semata. Oleh yang demikian pihak minoriti perlulah membuktikan bahawa ada usaha untuk meyakinkan lembaga pengarah mahupun mesyuarat agung supaya syarikat mengambil tindakan berdasarkan bukti-bukti yang dikemukakan.

Kawalan ke atas syarikat tersebut boleh wujud sama ada secara *de facto* atau *de jure*.³⁶ Walaupun pegangan majoriti syer adalah faktor penentu kawalan, mahkamah masih boleh memutuskan bahawa sesuatu pihak itu mempunyai kawalan tanpa pegangan syer majoriti yang jelas. Ini dapat dilihat di dalam kes *Ting Chong Maa lwn. Chor Sek Choon*.³⁷ Di dalam kes ini, plantif dan defendant memegang jumlah syer yang sama rata. Plantif mendakwa bahawa defendant membuat keuntungan secara rahsia dengan memindahkan peluang perniagaan syarikat kepada firma miliknya. Mahkamah telah memutuskan bahawa defendant mempunyai kawalan ke atas syarikat. Ini adalah kerana, walaupun tidak mempunyai majoriti dalam pegangan syer, beliau mempunyai kawalan ke atas pengurusan syarikat.

Sememangnya fraud terhadap minoriti amat luas skop pemakaianya. Ia memberikan hak yang tidak dapat disangkal sekiranya ahli dapat membuktikannya. Walau bagaimanapun ia juga memberi masalah yang agak besar. Penelitian yang lebih terperinci ke atas elemen fraud, seperti mana yang telah dibincangkan di dalam Bab 3 akan menyedarkan kita bahawa pembuktian fraud bukanlah semudah disangka. Takrifan fraud itu sendiri masih kabur. Kesulitan tersebut ditambah pula dengan pembuktian elemen kawalan. Bagi syarikat yang kecil pembuktian elemen kawalan mungkin lebih mudah. Sebaliknya di dalam syarikat yang besar penentuan kawalan adalah lebih rumit. Ini adalah kerana di dalam realiti perniagaan, pegangan

³⁶ *Prudential Assurance Co. Ltd. lwn. Newman Industries (No. 2)*, Supra Nota Kaki 6. hlm. 219 dan 22.
[1989] 1 MLJ 477.

kurang daripada 50% syer syarikat sudah cukup untuk membolehkan seseorang itu mempunyai kawalan. Penentuan siapakah yang mempunyai kawalan *de facto* juga terlalu subjektif. Walau apapun kesukarannya, sekurang-kurangnya kekecualian fraud terhadap minoriti ini memberi harapan kepada ahli minoriti untuk mendapatkan keadilan.

6.1.4(c) Majoriti Khas

Kekecualian ini terpakai apabila statut ataupun artikel-artikel syarikat memperuntukkan sesuatu urusan itu memerlukan undi majoriti khas seperti dua per tiga atau tiga per empat dan keperluan tersebut telah tidak dipenuhi. Contohnya urusan yang memerlukan majoriti khas telah diluluskan dengan majoriti biasa. Kekecualian ini adalah berdasarkan alasan bahawa majoriti mudah seperti yang disarankan untuk pembetulan sesuatu tindakan luar aturan tidak akan dapat mengesahkan transaksi yang memerlukan majoriti yang lebih besar.

Kes *Edwards Iwn. Halliwell*³⁸ mungkin dapat membantu pemahaman mengenai fakta ini. Di dalam kes ini plantif sebagai ahli kepada satu kesatuan sekerja telah membawa tindakan terhadap kesatuan dan ahli-ahli jawatankuasa eksekutifnya. Beliau memohon pengisytiharan bahawa keputusan untuk menaikkan yuran kesatuan yang perlu dibayar oleh ahli adalah tidak sah atas alasan keperluan kepada kelulusan 2/3 ahli seperti yang disyaratkan oleh peraturan kesatuan telah gagal diambil kira. Mahkamah telah memberikan pengisytiharan seperti yang dituntut dan keputusan tersebut telah disahkan oleh Mahkamah Rayuan.

³⁸Supra Nota Kaki 5.

Penetapan kekecualian ini amat penting bagi melindungi hak ahli terutamanya ahli minoriti. Ini adalah kerana kebanyakan perkara-perkara utama di dalam perundangan syarikat yang melibatkan hak ahli memerlukan kelulusan resolusi khas. Oleh itu sebarang cubaan oleh pihak majoriti untuk meratifikasi tanpa luar aturan pada perkara-perkara tersebut, memberikan hak kepada minoriti untuk membawa tindakan mahkamah.

6.1.4(d) Hak Persendirian

Di bawah kekecualian ini, rukun *Foss v. Harbottle* tidak akan terpakai sekiranya hak persendirian ahli tersebut terjejas. Menurut Lord Wedderburn³⁹ hak persendirian terbahagi kepada dua jenis iaitu hak yang lahir dan hak yang tidak lahir dari peruntukan-peruntukan di bawah artikel-artikel syarikat. Hak yang tidak lahir daripada artikel-artikel syarikat termasuklah hak-hak yang diberi oleh statut-statut secara khusus. Contohnya ialah hak untuk melantik proksi seperti yang disebut di bawah seksyen 149, hak untuk menyemak minit dan sebagainya. Ia juga melibatkan hak-hak yang lahir daripada kontrak bebas antara pemegang-pemegang syer atau di antara ahli dengan syarikat.⁴⁰

Bagi hak-hak yang lahir dari peruntukan artikel-artikel syarikat, wujudnya hak persendirian untuk membawa tindakan adalah berdasarkan sama ada artikel-artikel syarikat boleh dianggap sebagai satu kontrak yang mengikat. Seksyen 33 (1) menyebut bahawa memorandum dan artikel syarikat yang telah didaftarkan hendaklah mengikat ahli-ahli syarikat. Sebagaimana kuatkuasa sesuatu kontrak

³⁹ Wedderburn, K.W., Shareholders' Rights And The Rule In *Foss v Harbottle* [1957] Camb. LJ 194, hlm. 209

⁴⁰ Hanrahan, Pamela (*et al.*), *op. cit.* hlm. 338.

biasa, begitulah juga dengan memorandum dan artikel syarikat. Kuatkuasa seksyen ini menjadikan artikel-artikel syarikat sebagai satu jenis kontrak statutori yang mengikat syarikat dan ahli-ahlinya.⁴¹ Ini bermakna sebarang perlanggaran kepada peruntukan-peruntukan di dalam artikel-artikel syarikat, membolehkan ahli membawa tindakan secara persendirian. Contoh hak ahli yang paling klasik dan utama ialah hak untuk mengundi. Di dalam kes *Pender lwn. Lushington*,⁴² Hakim Jessel MR di dalam keputusannya telah keluar dari pemakaian rukun *Foss lwn. Harbottle* apabila ahli telah dinafikan haknya untuk mengundi. Menurut beliau sama ada seorang ahli itu memilih untuk berpihak kepada majoriti ataupun minoriti, undi tersebut mesti direkodkan. Penafian kepada hak tersebut memberikan ahli hak untuk membawa tindakan.

Hak ahli untuk membawa tindakan persendirian di bawah kuatkuasa peruntukan artikel syarikat adalah jelas. Walau bagaimanapun sejauh mana artikel-artikel syarikat dapat dikuatkuasakan masih tidak dapat ditentukan.⁴³ Pendapat ortodoks menyatakan bahawa ahli hanya boleh menguatkuasakan hak-hak keahliannya (*membership rights*) sahaja. Hak untuk hadir ke mesyuarat dan hak untuk mengundi adalah antara contoh hak tersebut. Mahkamah bersedia untuk mengiktiraf hak ahli untuk membawa tindakan secara persendirian atas alasan bahawa hak-hak tersebut adalah berdasarkan kepentingan ke atas harta. Pendapat ini diperkuuhkan lagi dengan penghakiman Hakim Astbury di dalam kes *Hickman lwn. Kent or Romney Marsh Sheep-Breeders' Association*.⁴⁴

⁴¹ Loh Siew Cheang, Corporate Powers, Controls, Remedies and Decision-Making, (1996), hlm. 633.

⁴² (1877) 6 Ch.D 70.

⁴³ Sealy, L.S., Cases and Materials In Company Law, (Ed. 5, 1992), hlm. 471; Loh Siew Cheang, *op. cit.*, hlm. 634.

⁴⁴ [1915] 1 Ch. 881.

Menurut beliau artikel syarikat bukanlah satu kontrak antara syarikat dan pihak ketiga. Oleh yang demikian tidak ada pihak lain selain daripada ahli yang boleh menguatkuasakannya. Dengan kata lain walaupun seorang pengarah itu adalah ahli syarikat, beliau tidak berhak untuk menguatkuasakan artikel syarikat jika tidak bertindak di bawah kapasitinya sebagai ahli.⁴⁵ Kesan daripada prinsip ini menunjukkan bahawa mahkamah hanya akan mengiktiraf hak perundangan yang khusus kepada ahli (*strict legal right*) sahaja.

Pandangan yang lebih liberal pula bersedia untuk mengiktiraf skop pemakaian yang lebih luas. Hak ahli untuk menggunakan kekecualian hak persendirian ini merangkumi juga sebarang luar aturan dalam sebarang prosedur. Menurut pendapat ini, selain menguatkuasakan hak keahlian, ahli juga berhak untuk memaksa syarikat mematuhi semua peruntukan di dalam artikel syarikat walaupun ianya berkaitan dengan hubungan dengan “pihak ketiga”,⁴⁶ selagi tuntutan itu dibawa dalam kapasitinya sebagai ahli.⁴⁷ Akan tetapi pandangan yang liberal ini juga menimbulkan konflik yang agak besar. Ini adalah kerana pendapat liberal ini akan memberi impak yang bertentangan dengan rukun pengurusan dalaman atau rukun ratifikasi sepertimana yang telah dibincangkan terdahulu. Pandangan yang liberal menyarankan ahli mempunyai hak untuk membawa tindakan atas sebarang perlanggaran peruntukan artikel manakala rukun pengurusan dalaman pula menyatakan bahawa ahli tidak berhak membawa tindakan luar aturan yang

⁴⁵ Eley Iwn. *Positive Government Security Life Assurance Co. Ltd.* (1876) 1 Ex D 88.

⁴⁶ “Pihak ketiga” di sini lebih merujuk kepada pengarah syarikat.

⁴⁷ Salmon Iwn. *Quin & Axtens Ltd.* [1909] 1 Ch. 311, di dalam kes ini seorang pemegang syer yang juga pengarah urusan syarikat telah membawa tindakan bagi pihak dirinya dan pemegang-pemegang syer yang lain memohon injunksi untuk menyekat satu urusan syarikat yang tidak dipersetujuinya sedangkan artikel syarikat memperuntukkan bahawa urusan tersebut mesti mendapat persetujuan pengarah urusan syarikat. Mahkamah Rayuan telah menerima permohonannya. (Keputusan ini telah disahkan oleh House of Lords di dalam rayuan [1909] AC 442); Beattie Iwn. *E & F Beattie Ltd.* [1938] Ch. 708, pendirian mahkamah di dalam kes *Salmon* telah diiktiraf walaupun begitu berdasarkan fakta kes ia tidak terpakai di dalam kes ini.

berlaku boleh diratifikasi oleh majoriti mudah. Konflik antara kedua-dua prinsip ini amat rumit dan sukar diselesaikan. Lord Wedderburn mencadangkan supaya pandangan liberal ini diterima pakai tertakluk kepada perkara-perkara yang telah diputuskan oleh mahkamah sebagai “urusan dalaman”.⁴⁸ Sejauh mana saranan ini diterima pakai tidaklah dapat dipastikan tetapi apa yang nyata kekecualian hak persendirian ini bukanlah sesuatu yang mudah difahami.

6.1.4(e) Apabila Keadilan Kes Memerlukan

Kewujudan kekecualian yang kelima ini masih terlalu samar. Mahkamah nampaknya masih belum dapat mencari kata sepakat di dalam hal ini. Di England, kekecualian keadilan ini dianggap sebagai satu ujian yang tidak praktikal.⁴⁹ Walaupun begitu, Sir Robert Megarry di dalam kes *Estmanco (Kilner House) Ltd. lwn. Greater London Council*⁵⁰ berpendapat bahawa walaupun keadilan adalah ujian yang tidak praktikal, tetapi semua kekecualian yang telah sedia ada adalah berlandaskan prinsip keadilan. Di Australia, kewujudan kekecualian kelima ini secara dasarnya diterima,⁵¹ walaupun masih ada keraguan mengenainya.⁵² Di Malaysia, pemakaian kekecualian ini masih belum jelas. Kewujudan kekecualian ini diterima secara tersirat oleh Yang Arif Hakim Efger Joseph Jr. di dalam kes *Tan Guan Eng & Anor lwn. Ng Kweng Hee & Ors.*⁵³ Disebut sebagai penerimaan tersirat kerana tidak ada penjelasan lanjut yang diberikan mengenai pemakaian kekecualian ini. Yang Arif Hakim Gopal Sri

⁴⁸ Wedderburn, K.W., *op. cit.*, hlm. 215.

⁴⁹ *Prudential Assurance Co. Ltd. lwn. Newman Industries Ltd. (No. 2)*, Supra Nota Kaki 6, hlm. 221.

⁵⁰ Supra Nota Kaki 30.

⁵¹ *Biala Pty. Ltd. & Anor lwn. Mallina Holdings Ltd. & Ors.*, (1993) 11 ACSR 785; *Hawkesbury*

Development Company Limited lwn. Landmark Finance Pty. Ltd. [1969] NSW 782

⁵² *Eromanga Hydrocarbons NL lwn. Australis Mining NL & Ors.*, (1988) 14 ACLR 486, per Hakim

Malcolm CJ, hlm. 489.

⁵³ Supra Nota Kaki 16.

Ram, di dalam kes *Abdul Rahim bin Aki* pula menyatakan kecenderungan beliau terhadap pendapat Hakim Ipp di dalam kes *Biala Pty. Ltd. & Anor lwn. Mallina Holdings Ltd. & Ors*,⁵⁴ mengenai perkara ini.

Jikapun kekecualian ini wujud, pemakaianya hanyalah apabila kekecualian-kekecualian yang lain tidak dapat dimanfaatkan. Contohnya di dalam kes *Biala*, mahkamah menerima pakai kekecualian ini kerana pihak minoriti tidak dapat membuktikan kekecualian fraud terhadap minoriti walaupun pihak majoriti memang melakukan fraud. Ini adalah kerana elemen kawalan tidak dapat dibuktikan berikut tindakan pihak majoriti melepaskan syer mereka selepas writ difailkan. Hakim Ipp di dalam kes ini menyatakan alasan mengapa kekecualian kelima ini harus diterima pakai. Menurut beliau, keadaan dunia komersial pada masa ini begitu berbeza dengan keadaan semasa kes *Foss lwn. Harbottle* diputuskan. Struktur pegangan syer masa kini terutamanya di dalam syarikat awam yang besar bilangan keahliannya adalah begitu kompleks dan canggih sehingga sukar untuk menentukan elemen-elemen yang diperlukan oleh kekecualian-kekecualian yang sedia ada. Oleh yang demikian, penerimaan kepada kekecualian “apabila keadilan kes memerlukan” ini amat penting bagi membolehkan ahli minoriti untuk keluar dari rukun *Foss lwn. Harbottle*.⁵⁵

Penulis amat bersetuju dengan saranan Loh Siew Cheang⁵⁶ bahawa adalah lebih baik kekecualian keadilan ini dianggap sebagai sebab untuk keluar dari pemakaian rukun *Foss lwn. Harbottle* dan bukan sebagai satu bentuk ujian. Alasan yang diberikan oleh Hakim Ipp di dalam kes *Biala* di atas sememangnya mempunyai

⁵⁴ *Loc. cit.*

⁵⁵ *Op. cit.*, hlm. 848.

⁵⁶ Loh Siew Cheang, *op. cit.*, hlm. 601.

kebenaran yang tidak dapat disangkal. Suasana komersial kini adalah lebih kompleks berbanding dengan 160 tahun yang lalu, di mana saiz syarikat adalah lebih kecil dan pemikiran ahli lebih mudah dikenal pasti. Kekecualian kelima ini seharusnya diterima sebagai harapan terakhir ahli untuk mendapat keadilan yang benar-benar diperlukan dan pada masa di mana kuasa kekecualian-kekecualian yang lain tidak dapat digunakan.

6.1.5 Perlukah Ada Modifikasi?

Telah ditekankan berulang-kali bahawa kewujudan kekecualian ke atas rukun *Foss Iwn. Harbottle* ini membawa kebaikan terutamanya kepada golongan minoriti. Pemberian hak kepada minoriti untuk membawa tindakan, secara tidak langsung mencipta satu mekanisme pengawasan ke atas kuasa golongan majoriti dan pengurusan syarikat. Dengan pemberian hak menuntut ini, golongan majoriti akan lebih berhati-hati semasa menjalankan hak kawalan mereka terutamanya semasa pengundian dan meluluskan resolusi.

Walaupun membawa manfaat, penetapan kekecualian juga membawa masalah baru akibat kecaburan sifatifikasi sebenar sesetengah kekecualian. Kekecualian yang dimaksudkan ialah kekecualian ketiga, iaitu majoriti khas, (selepas ini disebut sebagai kekecualian no. 3), yang disifatkan oleh Gower⁵⁷ sebagai “sumber utama lumpur di mana kita sekarang berpijak”. Ini adalah kerana jika diamati kita akan mendapati bahawa kekecualian no. 3 tidak relevan langsung

⁵⁷ Gower, LCB, Gower's Principles of Modern Company Law, (Ed. 5, 1992), hlm. 645.

dengan rukun plantif yang wajar. Tambahan pula Gower⁵⁸ berpendapat bahawa, dengan adanya kekecualian fraud terhadap minoriti (selepas ini disebut sebagai kekecualian no. 2), kekecualian no. 3 hilang kepentingannya. Ini adalah kerana elemen “fraud” yang mesti dibuktikan di dalam kekecualian no. 2 tidak boleh disahkan dengan resolusi biasa.

Keperluan kepada kekecualian no. 3 ini tambah dipersoalkan apabila mahkamah di dalam kes *Edwards lwn. Halliwell*⁵⁹ tidak memberi penerangan yang memberangsangkan. Walaupun mahkamah mempunyai peluang baik untuk memperjelaskan operasi kekecualian ini berdasarkan fakta kes yang begitu sesuai tetapi keputusannya menambahkan lagi kekaburan. Hakim Jenkins LJ menyatakan bahawa jika rukun *Foss lwn. Harbottle* terpakai di dalam kes ini, maka kekecualian no. 3 adalah terpakai. Beliau sebaliknya memutuskan bahawa kes tersebut terkeluar keseluruhannya daripada kuasa rukun *Foss lwn. Harbottle* kerana peraturan-peraturan kesatuan telah memberikan hak persendirian kepada ahli. Sekiranya penghakiman ini diambil sebagai *dicta* maka apakah perlunya lagi kekecualian no. 3 diletakkan sebaris dengan kekecualian yang lain?

Adalah menjadi pendapat umum bahawa bukan hanya kekecualian no. 3 yang kelihatan janggal dilabelkan sebagai kekecualian kepada rukun *Foss lwn. Harbottle*. Kekecualian yang dimaksudkan ialah kekecualian keempat iaitu hak persendirian (selepas ini disebut sebagai kekecualian no. 4). Apabila sesuatu tindakan itu menjelaskan hak persendirian seseorang, rukun *Foss lwn. Harbottle* tidak terpakai

⁵⁸ *Id.* hlm. 646.
⁵⁹ *Supra* Nota Kaki 5

sama sekali.⁶⁰ Ini adalah kerana, sebagai pihak yang terjejas di dalam sesuatu kontrak (sama ada kontrak secara nyata ataupun kontrak tersirat sepertimana yang dibincangkan di dalam 6.1.4(d) dan 6.2) ahlihlah yang berhak untuk menentukan sama ada ingin membawa tindakan atau tidak. Begitulah juga dengan kekecualian pertama iaitu tindakan *ultra vires*. Tidak dinasikan ianya satu kekecualian yang jelas tetapi dengan kuatkuasa seksyen 20(2) Akta Syarikat 1965, kekecualian ini tinggal sebagai penyataan semata. Ini adalah kerana peruntukan statut akan sentiasa lebih mendahului pemakaianya.

Secara keseluruhannya antara kesemua kekecualian yang dicipta oleh mahkamah-mahkamah, kekecualian yang benar-benar tulen hanyalah kekecualian no. 2 dan jika diterima pakai kekecualian yang kelima iaitu apabila keadilan kes memerlukan. Penulis berpendapat bahawa salah satu cara yang mungkin boleh diambil untuk memudahkan pemahaman terhadap rukun ini ialah dengan memisahkan dua cabang rukun tersebut. Adalah lebih praktikal jika dikekalkan rukun plantif yang wajar sebagai rukun *Foss lwn. Harbottle*. Sebaliknya rukun pengurusan dalaman atau rukun ratifikasi pula disebut sebagai rukun *Mozley* bersempena dengan nama kes di dalam mana ia pertama kali disebut.⁶¹ Walaupun kedua-dua rukun ini saling berhubungan antara satu sama lain tetapi kedua-duanya adalah prinsip yang berbeza. Oleh yang demikian juga, setiap satu rukun seharusnya tertakluk kepada kekecualian yang tersendiri dan bersesuaian dengan rukun tersebut. Jikapun cadangan pemisahan dua cabang rukun *Foss lwn. Harbottle* ini tidak dapat

⁶⁰ Walter Woon juga berpendapat bahawa hak persendirian bukanlah satu kekecualian tetapi ia adalah tergolong prinsip di luar rukun *Foss lwn. Harbottle* ini. Sila lihat Woon, Company Law, (Ed. 2, 1997), hlm. 329.

⁶¹ *Mozley lwn. Alston* (1847) 1 Ph. 789

diterima sebagai ketetapan perundangan sekurang-kurangnya ia amat berfaedah bagi maksud pemahaman akademik.

6.2 Tindakan Persendirian Ahli

Hak untuk membawa tindakan dalam kapasiti persendirian timbul apabila berlaku perlanggaran hak persendirian seseorang ahli. Ini amat penting kerana hak-hak asas ahli di dalam mesyuarat syarikat seperti hak untuk menghadiri mesyuarat, menerima notis dan mengundi adalah berbentuk hak persendirian. Oleh yang demikian pemberian hak untuk membawa tindakan secara persendirian membolehkan ahli mempertahankan hak yang begitu khusus untuk mereka. Walaupun bersifat peribadi ahli juga boleh membawa tindakan secara wakilan bagi pihak ahli-ahli lain apabila berlaku perlanggaran hak persendirian yang sama.⁶² Ada penulis⁶³ yang berpendapat bahawa bagi menentukan sama ada sesuatu tindakan itu perlu dibawa secara persendirian atau tidak, ialah dengan melihat relif yang ingin diperolehi. Sekiranya remedii yang diperlukan itu bersifat peribadi kepada plantif, seperti meminta supaya undinya direkodkan⁶⁴ atau supaya proksinya diterima,⁶⁵ maka tindakan persendirian adalah tindakan yang paling sesuai.

Hak persendirian seorang ahli wujud hasil daripada keahliannya di dalam syarikat. Hak tersebut wujud sama ada dinyatakan oleh terma-terma di dalam “perjanjian pemegang syer” mahupun statut-statut. Di dalam kes-kes tersebut, ahli-

⁶² Gower, LCB, *op. cit.*, hlm. 329 . ; Rous, Simon, Minority Shareholders, The Legal Background <<http://www.bevan.ashford.co.uk/seminars/presentations/shareholder/sld001.htm>

⁶³ Chew, Margaret, *op. cit.*, hlm. 145.

⁶⁴ Pender Iwn Lushington, *Supra Nota Kaki* 42.

⁶⁵ Lim Hean Pin Iwn. Thean Seng Sdn. Bhd. [1992] 2 MLJ 10.

ahli yang haknya dicabuli tidak perlu lagi terikat dengan rukun *Foss Iwn. Harbottle*.

Dalam erti kata yang lain, tindakan persendirian bolehlah dianggap sebagai salah satu pengecualian kepada rukun plantif yang wajar. Selain daripada itu, hak persendirian juga dinyatakan di dalam artikel-artikel persatuan syarikat. Seksyen 33 Akta Syarikat 1965 menyatakan bahawa memorandum dan artikel persatuan syarikat boleh dianggap sebagai satu kontrak statutori. Ini adalah kerana ahli tidak memasuki kontrak dalam ertikata sebenarnya. Sebaliknya ahli dianggap sebagai memasuki kontrak oleh undang-undang apabila bersetuju dan didaftarkan sebagai ahli. Artikel-artikel adalah mengikat ahli-ahli *inter se* dan dengan syarikat. Terdapat dua pendapat yang berbeza mengenai sejauh manakah peruntukan-peruntukan artikel syarikat boleh dikuatkuasakan. Pendapat yang sempit menyatakan bahawa hanya hak keahlian sahaja yang boleh dikuatkuasakan. Sementara pendapat yang liberal bersedia untuk mengiktiraf hak ahli untuk memaksa syarikat mematuhi semua peruntukan-peruntukan yang ada.⁶⁶

Sungguhpun “terma-terma kontrak” di bawah artikel-artikel syarikat ini boleh dipinda dengan kuatkuasa seksyen 31 tetapi pindaan peruntukan-peruntukan artikel syarikat memerlukan majoriti yang besar. Ini bermakna pindaan hanya boleh dijalankan dengan kerjasama pihak minoriti. Selain daripada itu, sebarang pindaan terhadap artikel syarikat, tidak boleh mengakibatkan ahli-ahli bertanggungan untuk mengambil bilangan syer yang lebih daripada apa yang dipersetujuinya tanpa persetujuan bertulis daripada ahli tersebut sama ada sebelum atau selepas pindaan dibuat.⁶⁷

⁶⁶ *Supra* 6.1.4(d) untuk perbincangan lanjut.
⁶⁷ Seksyen 33 (3).

6.3 Tindakan Terbitan

Tindakan terbitan mempunyai peranan yang penting dalam memelihara hak ahli di dalam hal-hal mesyuarat syarikat. Perbezaan pendapat mengenai skop hak persendirian adalah antara faktor yang menjadikan tindakan terbitan sebagai metod alternatif bagi ahli untuk membawa tindakan. Tambahan pula dalam sesetengah keadaan ketidakadilan berlaku tidak melibatkan perlanggaran sebarang hak persendirian seperti fraud terhadap minoriti. Persoalannya apakah yang dimaksudkan dengan tindakan terbitan?

“Satu tindakan terbitan adalah pengecualian kepada elemen atas rukun bawah A tidak boleh, sebagai peraturan am membawa tindakan terhadap B, untuk mendapatkan pampasan atau memperolehi relif lain bagi pihak C untuk sebarang kecederaan yang dilakukan oleh B terhadap C. C adalah plantif yang wajar kerana C adalah pihak yang tercedera dan dengan yang demikian beliaulah yang mempunyai asas kepada tuntutan”⁶⁸

Sesuatu tindakan itu disebut sebagai “terbitan” apabila tindakan yang dibawa oleh seseorang bukanlah kepunyaannya sendiri tetapi kepunyaan pihak lain. Ciri-ciri tindakan terbitan dapat dilihat di dalam penghakiman Hakim Abdul Malik Ishak di dalam kes *Chio Tan Seng & Ors. lwn. Chong Chai Huat & Ors.*⁶⁹ Menurut beliau tindakan terbitan adalah satu tindakan di mana seorang ahli membuat tuntutan, bukan untuk menguatkuasakan haknya sendiri tetapi hak syarikat. Dengan kata lain, hak untuk membawa tindakan tersebut adalah sebenarnya kepunyaan syarikat. Tindakan terbitan juga dikenali sebagai “tindakan pemegang syer minoriti” dan

⁶⁸ *Prudential Assurance Co. Ltd. lwn. Newman Industries Ltd. (No. 2) Supra* Nota Kaki 6, hlm. 210.
⁶⁹ [1997] 4 CLJ Supp. 116.

merupakan satu bentuk tindakan wakilan.⁷⁰ Perlu ditekankan bahawa ahli yang membawa tindakan terbitan ini tidak boleh mempunyai hak ke atas relif yang lebih besar daripada syarikat.

6.3.1 Prosiding Membawa Tindakan Terbitan

Tidak ada prosedur bagi membawa tindakan ini dinyatakan di dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Tidak terdapat perkataan “tindakan terbitan” di dalamnya.

Walau bagaimanapun ianya bolehlah dianggap sebagai tindakan perwakilan di bawah A 15 k.12. A15 k.12 ini adalah satu kekecualian kepada prinsip am iaitu semua pihak yang berkepentingan di dalam satu tindakan hendaklah dijadikan pihak dalam tindakan tersebut.⁷¹ Walaupun ianya tidak begitu tepat tetapi bolehlah digunakan sebagai asas untuk memulakan proses perundangan.⁷²

Penyata Tuntutan atau pliding lain yang difailkan bagi menyokong proses permulaan mestilah mendedahkan bahawa ianya adalah satu tindakan terbitan dan menyatakan fakta yang membawa kepada tindakan seumpama itu. Pelaku salah yang di dakwa hendaklah dinamakan sebagai defendan bersama-sama dengan syarikat. Syarikat dinamakan sebagai defendan adalah bertujuan untuk mengikat syarikat dengan apa juga keputusan mahkamah. Dengan cara ini syarikat akan menikmati apa-apa relif yang diberikan. Perlu diingatkan di sini, walaupun plantif yang wajar adalah syarikat tetapi ia tidak boleh dinamakan sebagai plantif bersama kerana tidak

⁷⁰ Gower, LCB, *op. cit.*, hlm. 647.

⁷¹ Hamid Sultan b. Abu Backer, Janab's Key To Civil Procedure In Malaysia & Singapore, (Ed. 2, 1995), hlm. 236.

⁷² Chew, Margaret, *op. cit.*, hlm. 73.

mendapat kelulusan untuk membuat prosiding.⁷³ Di dalam penyata tuntutannya, plantif mestilah mengaku bahawa kuasa tindakan mereka terjumlah di dalam satu atau lebih kekecualian kepada rukun *Foss lwn. Harbottle* dan perkara yang diadukannya tersebut sekiranya berjaya di dalam perbicaraan, akan memberikan syarikat relif yang dituntut. Plantif juga mestilah menyatakan bahawa disebabkan pelaku salah memegang kawalan, syarikat tidak akan atau telah enggan untuk membawa tindakan guaman.⁷⁴ Sebarang tindakan yang gagal mematuhi keperluan ini berhak untuk dibatalkan atas alasan remeh dan menyusahkan.⁷⁵

6.3.2 *Locus Standi* Sebagai Isu Permulaan

Persoalan tentang kelayakan seseorang ahli untuk membawa tindakan terbitan akan ditentukan oleh mahkamah berdasarkan pembuktian bahawa perkara yang diadukan tersebut terjumlah di dalam kekecualian *Foss lwn. Harbottle*.⁷⁶ Atas alasan untuk mempercepatkan prosiding, mahkamah Inggeris telah menetapkan bahawa persoalan mengenai *locus standi* ini menjadi isu permulaan. Di dalam kes *Prudential Assurance*⁷⁷ kepentingan isu permulaan ini jelas apabila Hakim Vinelott telah dikritik oleh Mahkamah Rayuan kerana mengetepikan permohonan untuk menentukan *locus standi* sebagai isu permulaan. Pendapat Mahkamah Rayuan tersebut telah disahkan oleh Yang Arif Sir Robert Megarry di dalam kes *Estmanco*.⁷⁸ Beliau berpendapat bahawa persoalan mengenai rukun *Foss lwn. Harbottle*

⁷³ *Id.*, hlm. 74 dan nota kaki.

⁷⁴ Loh Siew Cheang, *op. cit.*, hlm. 616.

⁷⁵ Abdul Rahim bin Aki lwn. Krubong Industrial Park (Melaka) Sdn. Bhd. & Ors., *Supra Nota Kaki*

⁷⁶ 26, per Hakim Mahkamah Persekutuan Gopal Sri Ram, hlm. 427.

⁷⁷ Mohammad Rizal Salim, *The Shareholders' Derivative Action* [2000] 1 *MLJ* xliv di lv.

⁷⁸ *Supra Nota Kaki* 6.

⁷⁸ *Supra Nota Kaki* 30.

seharusnya selagi boleh diselesaikan sebagai isu permulaan dan bukannya dibiarkan untuk diputuskan di dalam perbicaraan penuh.⁷⁹

Penetapan *locus standi* sebagai isu permulaan sebagaimana yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan di dalam *Prudential Assurance* diterima pakai di England. Prinsip tersebut diikuti oleh banyak kes contohnya *Smith lwn. Croft (No. 2)*.⁸⁰ Walau bagaimanapun, terdapat keengganan untuk menerima pakai prinsip tersebut di Australia. Di dalam kes *Hurley & Anor lwn. BGH Nominees Pty. Ltd. & Ors.*⁸¹ Hakim King CJ berpendapat bahawa prosedur yang disarankan oleh *Prudential Assurance* hanya terpakai mengikut keperluan kes sahaja, iaitu berdasarkan apa yang adil dan mudah bagi sesuatu kes. Mahkamah di Malaysia nampaknya sependapat dengan mahkamah Inggeris untuk menerima pakai *locus standi* sebagai isu permulaan. Walau bagaimanapun ianya bukanlah sesuatu yang konklusif.⁸²

Di dalam tindakan terbitan, persoalan mengenai *locus standi* perlu diputuskan dalam isu permulaan kerana ia dapat menghalang syarikat daripada membazirkan masa dan kos untuk menjawab tindakan undang-undang yang tidak berasas. Sepertimana yang dijelaskan oleh Hakim Chong Siew Fai di dalam kes *Huang Ee Hoe & Ors. lwn. Thong Thai King & Ors.*:-⁸³

“.... Untuk mengelakkan syarikat daripada disubjekkan secara tidak adil kepada perbicaraan penuh, bagi mahkamah menentukan sama ada plantif berhak di bawah undang-undang untuk membuat syarikat melalui

⁷⁹ *Id.*, hlm. 14.

⁸⁰ [1988] Ch. 114.

⁸¹ (1982) 1 ACLC 387, hlm. 389 – 390.

⁸² *Alor Janggus Soon Seng Trading Sdn. Bhd. & Ors. lwn. Sey Hoe Sdn. Bhd. & Ors.* [1995] 1 MLJ

⁸³ 41, hlm. 258.

[1991] 2 MLJ 51.

keseluruhan perbicaraan,⁸⁴

Walau bagaimanapun terdapat pendapat yang bertentangan. Menurut pendapat ini penetapan *locus standi* sebagai isu permulaan boleh menghalang ahli untuk mendapatkan remedii yang setimpal atas kesalahan yang dilakukan. Pembuktian *locus standi* ke tahap *prima facie* dalam kebanyakan kes adalah sama seperti membuktikan keseluruhan kes. Di dalam kes-kes fraud terhadap minoriti contohnya, membuktikan berlakunya perbuatan fraud terhadap minoriti tersebut adalah satu beban pembuktian yang berat dan walaupun ianya hanya pembuktian isu permulaan, pembuktian tersebut menyamai pembuktian di dalam perbicaraan penuh. Ini menyebabkan kes akan memakan masa dan menelan kos yang tinggi. Beban sebegini tidak akan sama sekali membantu dan menggalakkan ahli untuk membawa tindakan.

Satu lagi elemen yang diputuskan oleh mahkamah di dalam *Prudential Assurance* yang perlu dibuktikan sebagai isu permulaan ialah “pelaku salah adalah memegang kawalan”. Menurut keputusan-keputusan kes terdahulu terma “kawalan” di dalam konteks ini bermaksud kawalan di dalam mesyuarat agung⁸⁵ ataupun seorang yang dapat menghalang sebarang cubaan untuk memulakan tindakan atas nama syarikat. Cara paling mudah untuk menentukan adanya “kawalan” ialah dengan melihat pegangan syer seseorang tetapi ianya bukanlah satu ketetapan yang onklusif. “Kawalan” boleh wujud secara *de facto* ataupun *de jure*. Untuk empunyai “kawalan” seseorang itu tidak perlu memegang syer yang besar, malah

⁸⁴, hlm. 53.
romanga Hydrocarbons NL lwn. Australis Mining NL , Supra Nota Kaki 52, per Hakim Malcolm
hlm. 489.

tidak perlu memegang syer sama sekali. Seseorang itu boleh mempunyai “kawalan” kerana mempunyai pengaruh yang besar terhadap ahli-ahli lain.⁸⁶

Walaupun begitu penghakiman Hakim Knox di dalam kes *Smith lwn. Croft (No. 2)*⁸⁷ memberikan kesan yang besar kepada konsep “kawalan” apabila beliau memperkenalkan konsep “satu badan pemegang syer yang bebas”. Di dalam kes ini, walaupun pelaku salah secara jelas mempunyai kawalan ke atas undi ahli syarikat, tindakan tersebut telah dibatalkan atas alasan bahawa majoriti pemegang syer bebas daripada plantif dan defendant di dalam kes ini mahu supaya kes ini tidak diteruskan. Menurut Hakim Knox, badan pemegang syer yang bebas ini akan berubah-ubah bentuknya bergantung kepada perlombagaan sesebuah syarikat. Apa yang pasti, sesiapa yang dinamakan sebagai defendant tidak akan terlibat dalam pengundian untuk menentukan sama ada sesuatu tindakan akan diteruskan atau tidak. Menerima pakai konsep “badan bebas” ini mungkin ada kebaikannya. Walau bagaimanapun menurut Gower⁸⁸ ianya praktikal bagi kes-kes yang melibatkan syarikat yang mempunyai ahli yang kecil seperti di dalam kes *Smith* ini di mana pandangan mereka yang berkaitan mudah diperolehi. Sebaliknya konsep ini tidak praktikal untuk diamalkan di dalam syarikat-syarikat awam yang mempunyai bilangan ahli yang ramai.

6.3.3 “Tangan Bersih”

Isu “tangan bersih” ini adalah berasal daripada rukun ekuiti iaitu “orang yang datang ke mahkamah mestilah datang dengan tangan bersih”. Dengan kata yang lain,

⁸⁶ Carkey, Jim, Minority Shareholder's Action [1991] 2 MTC I, di lv.

⁸⁷ *Supra* Nota Kaki 80

⁸⁸ Gower, LCB, *op. cit.*, hlm. 659.

seseorang yang ingin mendapat perlindungan mahkamah mestilah bebas daripada niat jahat selain daripada mendapatkan relif, contohnya sengaja untuk menambah kesusahan defendant. Mahkamah berhak untuk menilai niat sebenar di sebalik tujuan sesuatu tindakan itu dibawa.

Ini ditegaskan oleh Hakim Lawton LJ di dalam kes *Nurcombe* lwn. *Nurcombe*⁸⁹ di mana beliau menyebut seperti berikut:-

“Mahkamah adalah berhak untuk melihat kepada tindak-tanduk plantif dalam tindakan pemegang syer minoriti untuk memuaskan hatinya bahawa beliau adalah orang yang wajar untuk membawa tindakan bagi pihak syarikat dan bahawa syarikat sendiri akan mendapat manfaat. Seorang plantif tertentu mungkin tidak boleh menjadi orang yang wajar kerana tindak-tanduknya tercemar dalam beberapa cara yang mana dibawah rukun ekuiti boleh menghalang relif. Beliau berkemungkinan tidak datang dengan ‘tangan bersih’ atau dia mungkin bersalah kerana melewatkannya⁹⁰,”

Di dalam kes ini, seorang isteri telah membawa tindakan terbitan bagi pihak syarikat dengan mendakwa suaminya sebagai telah mengambil keuntungan syarikat dengan salah. Walau bagaimanapun dalam satu prosiding perkahwinan sebelumnya, si isteri mendakwa bahawa keuntungan yang diambil secara salah tersebut sebagai harta si suami. Dengan cara itu beliau telah diawardkan sejumlah wang pukal padahal beliau sedia maklum tentang salah laku suaminya di dalam syarikat. Berdasarkan fakta tersebut, mahkamah memutuskan bahawa tindakan terbitan yang dibawa telah dibatalkan kerana rukun ‘tangan bersih’ tidak dipenuhi. Keputusan mahkamah ini

⁸⁹ [1985] 1 WLR 370.
⁹⁰ *Id.*, hlm. 377.

sememangnya tepat. Ini adalah kerana sekiranya tindakan terbitan tersebut dibenarkan, si isteri akan mendapat “pemulihan berganda”.

6.3.4 Kos

Satu lagi faktor yang sering menghalang ahli daripada membawa tindakan ke mahkamah ialah faktor kos dan perbelanjaan. Di dalam tindakan terbitan, ahli tidak akan mendapat faedah secara langsung sekiranya tindakan yang dibawa berjaya. Sebaliknya kos membawa tindakan tersebut terpaksa ditanggung oleh ahli. Inilah yang menyebabkan ahli berfikir dua kali sebelum membawa tindakan ke mahkamah. Tambahan pula jika kepentingannya di dalam syarikat tidaklah sebesar mana untuk dibandingkan dengan kos yang akan ditanggungnya. Bagi mengatasi masalah tersebut, Mahkamah Rayuan Inggeris di dalam kes *Wallersteiner lwn. Moir (No. 2)*⁹¹ telah memutuskan bahawa di dalam kes yang melibatkan tindakan oleh ahli minoriti, mahkamah boleh memerintahkan agar kos tindakan tersebut ditanggung oleh syarikat.

Pembentangan kos oleh syarikat memang sepatutnya ditetapkan. Ini adalah kerana sekiranya tindakan tersebut berjaya, syarikatlah yang mendapat faedah. Ahli hanyalah bertindak sebagai ejen kepada syarikat. Pembentangan kos oleh syarikat tidak seharusnya ditanggung hanya jika tindakan itu berjaya. Ahli perlu dibayar bagi inisiatifnya untuk membawa tindakan. Apa yang perlu dibuktikan hanyalah bahawa ahli tersebut mempunyai sebab yang munasabah untuk membawa tindakan.

⁹¹ [1975] 2 WLR 389.

Walaupun pada dasarnya perundangan kes menyokong perlunya pampasan kos diberikan tetapi metod perlaksanaannya tidak pula diuraikan dengan jelas. Lord Denning MR di dalam kes *Wallersteiner* menyarankan ianya dibuat dalam bentuk *common fund basis*.⁹² Hakim Buckley di dalam kes yang sama pula menyarankan jika perlu ianya dibuat dalam bentuk *indemnity basis*.⁹³ Walau bagaimanapun saranan ini hanyalah satu pernyataan yang kabur dan perlaksanaannya juga tidak jelas.

Selain daripada itu ahli juga akan berdepan dengan satu lagi perbicaraan permulaan bagi menentukan kelayakannya untuk dibiaya kos. Jika inilah polisinya, maka terpaksalah ahli berdepan dengan dua perbicaraan permulaan yang melecehkan sebelum perbicaraan penuh dapat dijalankan. Lord Denning MR ada menyarankan agar prosedur bagi penentuan kos ini dibuat secara mudah dan murah. Permohonan untuk arahan boleh dibuat secara *ex parte* beserta dengan pernyataan pendapat peguam sama ada kes wujud atau tidak. Pada pandangan penulis saranan tersebut walaupun sangat dialukan tetapi ianya masih terlalu kabur. Metod perbicaraan yang bagaimakah yang dimaksudkan oleh Lord Denning sebagai mudah dan murah? Sehingga ada kes yang menerangkannya dengan jelas, semua pihak berhak untuk membuat andaian. Apa yang pasti selagi kebuntuan ini tidak selesai, walaupun diberi seribu hak untuk membawa tindakan, ahli tidak akan berminat untuk memanfaatkannya.

⁹² *Id.*, hlm. 396.

⁹³ *Op. cit.*, hlm. 411.

6.4 Hak Di Bawah Statut

Sebelum tahun 1965, ahli yang ingin mendakwa perlu bergantung kepada salah satu daripada kekecualian kepada rukun *Foss lwn. Harbottle*. Jika ahli membawa tindakan terbitan, mereka akan mengalami beberapa kesusahan seperti yang telah diterangkan sebelum ini. Bermula dari tahun 1948, perundangan statut di England telah cuba membantu ahli. Dengan konsep dan matlamat yang sama, Akta Syarikat 1965 juga mempunyai beberapa peruntukan yang dapat membantu melindungi ahli daripada masalah yang timbul kerana mendakwa melalui tindakan terbitan.

6.4.1 Seksyen 181

Salah satu peruntukan yang memberi hak kepada ahli terutamanya pihak minoriti untuk membawa tindakan mahkamah ialah di bawah seksyen 181. Seksyen ini adalah sumber utama yang diberikan oleh statut bertujuan untuk memeriksa sebarang salah guna kuasa.⁹⁴ Walaupun seksyen ini didasarkan kepada seksyen 210 Akta Syarikat 1948 (UK) tetapi ia tidak mempunyai impak yang sama. Seksyen 181 adalah lebih luas pemakaianya terutamanya dari segi relif yang ditawarkan.

Disebut sebagai sumber kuasa utama bagi minoriti untuk membawa tindakan adalah bersandarkan kepada penggunaan perkataan “mana-mana” di permulaan seksyen 181 ini. Penggunaan frasa “mana-mana” ini menunjukkan bahawa tidak ada syarat yang dikenakan ke atas ahli untuk mendapatkan perlindungan mahkamah. Selain daripada ahli, seksyen ini juga boleh dimanfaatkan oleh pemegang debentur

⁹⁴ Loh Siew Cheang *op. cit.*, hlm. 124.

atau Menteri⁹⁵ di dalam kes-kes di mana syarikat sedang di dalam proses siasatan menurut Bahagian IX Akta Syarikat 1965. Mereka yang layak untuk membuat permohonan ini mestilah dapat membuktikan salah satu daripada alasan-alasan di bawah seksyen 181(1) untuk mendapatkan remedи-remedi yang tersedia di bawah seksyen 181 (2).

6.4.1(a) Alasan-alasan Tuntutan

Alasan-alasan yang memberikan hak kepada ahli untuk membawa tindakan dijelaskan dengan panjang lebar di dalam seksyen 181 (1)(a) dan 181 (1)(b), (kaitan di antara seksyen 181 dan hal-hal mesyuarat syarikat akan dibincangkan di 6.4.1(b)). Berdasarkan seksyen 181 (2), ahli tidak perlu membuktikan kesemuanya, memadai jika dapat membuktikan berlaku salah satu daripadanya. Terdapat empat keadaan di mana hak untuk membawa tindakan wujud iaitu:-

- a. Kuasa pengarah atau hal-ehwal syarikat dilaksanakan secara menindas satu atau lebih ahli atau pemegang debentur termasuklah dirinya sendiri;
- b. Kuasa pengarah atau hal-ehwal syarikat dilaksanakan dengan mengetepikan kepentingan dirinya atau mereka yang lain sebagai ahli, pemegang syer atau pemegang debentur syarikat;
- c. Beberapa tindakan syarikat telah dilakukan atau akan dilakukan atau resolusi syarikat diluluskan atau akan diluluskan yang menyebabkan diskriminasi yang tidak adil terhadap satu atau lebih ahli atau pemegang debentur (termasuklah dirinya sendiri);

⁹⁵ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna.

- d. Beberapa tindakan yang diambil oleh syarikat atau akan diambil oleh syarikat atau resolusi yang diluluskan atau akan diluluskan menyebabkan prejudis ke atas satu atau lebih ahli atau pemegang debentur (termasuk dirinya sendiri).

Alasan pertama yang memberi hak kepada ahli di bawah seksyen 181 ini yang juga merupakan alasan termasyhurnya ialah “penindasan”. Di dalam *Jaya Medical Consultants Sdn. Bhd. lwn. Island & Peninsular Bhd. & Ors.*⁹⁶ Hakim Siti Norma Yaakob menyebut bahawa “penindasan” tidak semestinya satu perbuatan menyalahi undang-undang atau berlaku penipuan.⁹⁷ Di dalam kes *Scotish Co-operative Wholesale Society Ltd. lwn. Meyer*⁹⁸ penindasan diberi maksud kamusnya iaitu membebankan, kasar dan tidak adil. Takrifan yang lebih jelas dinyatakan di dalam kes *Re Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn. Bhd.*⁹⁹ Lord Wilberforce menyebut bahawa sesuatu perkara itu dapat diputuskan sebagai penindasan jika terdapat pemisahan yang nyata daripada undang-undang wajar yang seragam atau perlanggaran kepada syarat-syarat keadilan yang mana pemegang-pemegang syer berhak untuk mengharapkannya.

Menurut Hakim Buckley di dalam kes *Re Jermyn Street Turkish Bank Ltd.*¹⁰⁰ penindasan berlaku apabila pemegang syer mempunyai kuasa dominasi dalam sesebuah syarikat sama ada beliau menggunakan kuasa tersebut untuk memperolehi sesuatu atau tidak melakukan sesuatu perkara dalam hal-ehwal syarikat. Penindasan juga boleh berlaku apabila seseorang itu memperolehi kuasa dominasi tersebut dan

⁹⁶ [1994] 1 MLJ 520.

⁹⁷ *Id.*, hlm. 536.

⁹⁸ [1959] AC 324.

⁹⁹ [[1978] 2 MLJ 227.

¹⁰⁰ [1971] 3 All ER 184.

mengugut secara nyata atau tersirat untuk menggunakannya dalam hal-hal syarikat.¹⁰¹ Penindasan berlaku bukan hanya apabila seseorang itu melakukan sesuatu yang menjelaskan kepentingan ahli tetapi juga jika ia tidak melakukan apa yang perlu dilakukan untuk melindunginya.¹⁰² Fakta bahawa satu atau lebih orang yang mempunyai kuasa untuk menguruskan syarikat mempunyai majoriti undi dan berdasarkan kuasa tersebut, membuat polisi dan keputusan eksekutif dan ianya tidak disenangi oleh pengadu semata-mata adalah tidak memadai untuk membuktikan penindasan. Tiadanya kejujuran adalah faktor yang menentukan berlakunya penindasan¹⁰³ walaupun kewujudannya tidaklah wajib.¹⁰⁴

Tidak ada konsep statutori untuk “tindakan yang mengetepikan” di England, Australia mahupun New Zealand.¹⁰⁵ “Mengetepikan kepentingan”, mestikah sesuatu yang melibatkan lebih dari kegagalan untuk mengambil kira kepentingan minoriti. Kesedaran tentang kepentingan tersebut mesti wujud. Di samping itu, terdapat keputusan yang nyata untuk menolak atau mengetepikannya. Ini termasuklah adanya keputusan yang nyata untuk tidak mematuhi prosedur syarikat yang betul.¹⁰⁶

“Diskriminasi” pula dalam maksud kamusnya adalah membuat perbezaan. “Diskriminasi” merujuk kepada layanan berbeza hasil daripada keputusan majoriti.¹⁰⁷ Diskriminasi adalah apabila sekumpulan ahli menikmati faedah tertentu sementara yang lain tidak menikmatinya. Begitu juga jika sekumpulan ahli

¹⁰¹ *Id.*, hlm.199.

¹⁰² *Scotish Co-operative Wholesale Society Ltd.* Iwn. Meyer,*Supra* Nota Kaki 98

¹⁰³ *Re Chi Ling & Sons Ltd.* [1968] 1 MLJ 97, per Hakim Gill, hlm. 102.

¹⁰⁴ *Re M. Dalley Pty. Ltd.* (1968) 1 ACLR 489.

¹⁰⁵ Loh Siew Cheang, *op. cit.*, hlm. 132.

¹⁰⁶ *Re Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn. Bhd.* *Supra* Nota Kaki 99

¹⁰⁷ Abu Bakar Munir, Pemegang Syer Minoriti; Perlindungan Di Bawah Seksyen 181 Akta Syarikat 1965 (1990) Kanun 17 hlm 21.

menanggung kerugian sedangkan yang lain tidak menanggungnya.¹⁰⁸ Persoalan yang timbul ialah apabila perkataan diskriminasi ini digunakan di dalam seksyen 181 dalam frasa “diskriminasi yang tidak adil”. Adakah terdapat konsep diskriminasi yang adil? Menurut pendapat Hakim Brenn, penggunaan perkataan “tidak adil” adalah digunakan bagi membezakan kuasa budi bicara yang diberikan untuk membuat keputusan yang mendiskriminasikan sesetengah pihak.¹⁰⁹ Dengan kata lain terdapat sesetengah perbuatan diskriminasi yang sah di sisi undang-undang. Contohnya ialah perbezaan hak bagi kelas syer yang berbeza. Istilah prejudis telah ditakrifkan oleh mahkamah-mahkamah Inggeris dengan maksud yang sama iaitu menyebabkan prasangka, keraguan terhadap hak atau kepentingan.¹¹⁰ Elemen prejudis terkandung di dalam tindakan diskriminasi tetapi tindakan yang prejudis tidak semestinya melibatkan diskriminasi sama sekali.¹¹¹ Ujian untuk menentukan sama ada sesuatu tindakan itu prejudis atau tidak adalah satu ujian yang objektif iaitu sama ada seorang yang munasabah akan menganggap kerosakan daripada sesuatu perbuatan itu sebagai sesuatu yang tidak wajar.¹¹²

6.4.1(b) Seksyen 181 Dan Hal-hal Mesyuarat Syarikat

Secara mata kasarnya jika kita ingin mengaitkan hak untuk membawa tindakan di bawah seksyen 181 dan hak-hak ahli berkaitan dengan mesyuarat syarikat, kita pasti secara spontan akan mengatakan bahawa ia hanya akan melibatkan seksyen 181 (1)(b) sahaja. Ini adalah kerana di bawah peruntukan tersebut dinyatakan dengan jelas bahawa ahli berhak membawa tindakan jika resolusi yang telah atau akan

¹⁰⁸ Woon, Walter, (Terjemahan Aishah Hj. Bidin), *op. cit.*, hlm. 144.

¹⁰⁹ Wayde & Anor lwn. New South Wales Rugby League Ltd. (1985) 3 ACLC 799.

¹¹⁰ *In re A Co.* [1983] Ch. 178.

¹¹¹ Loh Siew Cheang, *op. cit.*, hlm. 152.

¹¹² *Ibid.*

diluluskan akan mendiskriminasikan atau menyebabkan prejedis secara tidak adil. Walau bagaimanapun sekiranya takrifan “hal-ehwal syarikat” yang dibuat di dalam kes *Re Cumberland Holdings Ltd.*¹¹³ diambil kira, maka kita akan dapat bahawa keseluruhan seksyen 181 adalah relevan bagi perbincangan mengenai mesyuarat syarikat. Ini adalah kerana menurut kes tersebut, hal-ehwal syarikat tidak hanya berkaitan dengan hal-hal perniagaan semata tetapi juga meliputi hak pengundian dan lain-lain.

Bukti pemakaian dapat dilihat di dalam kes *Guan Seng Co. Sdn. Bhd. & Ors. lwn. Tan Hock Chan & Ors.*¹¹⁴ Di dalam kes ini, Hakim Abdul Malik memutuskan bahawa, kegagalan pengarah untuk memanggil Mesyuarat Agung Tahunan dan membentangkan akaun beraudit syarikat sebagai satu tindakan yang “mengetepikan kepentingan ahli” iaitu elemen kedua di dalam seksyen 181 (1)(a). Di dalam kes *Re a Co. (No. 00789 of 1987) ex parte Shooter*¹¹⁵ pula, kegagalan pengarah memanggil mesyuarat agung dan membentangkan akaun dianggap sebagai tindakan yang menyebabkan prejedis kepada ahli.

Selain daripada pemanggilan mesyuarat dan pembentangan akaun, hak mengundi ahli juga mendapat perhatian yang serius di bawah seksyen 181 ini. Hak paling utama bagi setiap ahli ini, jika cuba disekat oleh mana-mana pihak akan dianggap sebagai satu penindasan. Di dalam kes *Shears & Anor lwn. Phosphate Co-operative Co of Aust. Ltd.*¹¹⁶ satu resolusi telah diluluskan di mana ianya menjelaskan hak ahli untuk mengundi. Melalui kelulusan tersebut juga pengarah

¹¹³ (1976) 1 ACLR 361.

¹¹⁴ (1990) MSCLC 90,551.

¹¹⁵ (1990) BCLC 384.

¹¹⁶ (1988) 14 ACLR 747.

diberi kuasa yang melampau untuk menghalang ahli daripada mengundi sekiranya gagal memberikan bukti yang memuaskan bahawa ahli yang mengundi itu adalah pihak yang sebenar-benarnya berkepentingan ke atas syer tersebut. Mahkamah telah memutuskan bahawa resolusi tersebut adalah tidak adil, menindas dan menyebabkan prejudis terhadap ahli. Hak mengundi yang dilindungi tersebut termasuklah hak proksi untuk mengundi.¹¹⁷

Menurut Krishnan Arjunan¹¹⁸ pemakaian seksyen 181 ini meliputi skop tindakan yang begitu luas. Ia merangkumi tindakan fraud terhadap minoriti di bawah *Common Law* contohnya apabila satu resolusi itu diluluskan untuk merampas harta atau syer ahli. Penulis berpendapat bahawa kes sebegini dengan jelas membuktikan berlakunya penindasan. Seksyen 181 juga merangkumi konsep “adil dan berekuiti” yang menjadi alasan kepada perintah penggulungan syarikat di bawah seksyen 218 (1)(i).

Hak ahli minoriti untuk membawa tindakan di bawah seksyen 181 ini memang dialu-alukan. Walaupun terdapat perbezaan pendapat dalam menkategorikan sesuatu perlanggaran hak tersebut, sekurang-kurangnya ia tetap diremedikan. Dengan pemberian hak di bawah seksyen 181 ini juga, ahli minoriti tidaklah lagi perlu bergantung sepenuhnya kepada *Common Law*. Peruntukan seksyen 181 yang lebih fleksibel akan memberi peluang kepada ahli untuk membuktikan dakwaannya. Keperluan untuk membuktikan hanya salah satu daripada alasan yang dikemukakan tersebut meringankan beban pembuktian ahli. Ahli yang ingin membawa tindakan dengan ini dapat mengelakkan diri daripada

¹¹⁷ Lim Hian Pin lwn. Thian Seng Co. Sdn. Bhd., *Supra* Nota Kaki 65

¹¹⁸ Arjunan, Krishnan *op. cit.*, hlm. 376.

prosedur yang rumit di bawah tindakan terbitan. Segala kelebihan yang ada pada seksyen 181 memberikan peluang yang lebih tinggi kepada ahli untuk mempertahankan hak-hak mereka berkaitan dengan mesyuarat syarikat. Selain daripada itu seksyen 181 (2) juga memberikan mahkamah kuasa budi bicara untuk menentukan remedii yang paling sesuai untuk setiap kes contohnya membatalkan atau mengubah apa-apa resolusi yang telah diluluskan. Malah jika perlu mahkamah juga mempunyai kuasa untuk memerintahkan syarikat digulung.

6.4.2 Penggulungan Syarikat

Salah satu remedii yang tersedia untuk ahli yang terjejas ialah penggulungan syarikat. Ia boleh diperolehi sama ada sebagai remedii penindasan di bawah seksyen 181 (2) atau atas permohonan ahli di bawah seksyen 218. Sama ada menerusi seksyen 181 ataupun seksyen 218, penggulungan syarikat adalah tindakan paling drastik dan jalan terakhir untuk menyelesaikan masalah. Apabila kita memperkatakan tentang hak ahli dan perlindungan di dalam mesyuarat syarikat, daripada pengamatan penulis kebarangkalian untuk mahkamah mengeluarkan “perintah bunuh” ini, walaupun ada tetapi hanya sebagai jalan terakhir. Tambahan pula jika syarikat tersebut membuat keuntungan dan mempunyai masa hadapan yang cerah. Di antara dua belas alasan permohonan yang disenaraikan oleh seksyen 218 (1) terdapat dua alasan yang boleh digunakan oleh ahli yang mengadu berkaitan dengan hal-hal mesyuarat syarikat iaitu seksyen 218 (1)(f) dan (i).

Alasan penggulungan syarikat di bawah peruntukan ini meliputi dua situasi iaitu:-

- a. apabila pengarah bertindak dengan mengutamakan kepentingan diri sendiri melebihi kepentingan ahli secara keseluruhan;
- b. apabila tindakan pengarah atau hal-ehwal syarikat mengakibatkan ketidakadilan atau ketidak wajaran.¹¹⁹

Susun kata peruntukan ini hampir sama dengan peruntukan di bawah seksyen 181 (1)(a).

Menurut Hakim Peh Swee Chin di dalam kes *Foo Yin Shung & Ors. lwn. Foo Nyit Tse & Brothers Sdn. Bhd.*¹²⁰ skop seksyen 218 (1)(f) ini sangat luas. Ia boleh meliputi pelbagai situasi termasuklah yang berkaitan dengan “penindasan” ataupun “mengetepikan” di bawah seksyen 181. Peruntukan ini mungkin kelihatan tidak relevan dengan perbincangan mengenai hak dan perlindungan ahli di dalam mesyuarat syarikat. Walau bagaimanapun hal-hal mesyuarat syarikat bolehlah dianggap termasuk di dalam takrifan frasa “hal-ehwal syarikat”. Ini adalah berdasarkan takrifan yang dibuat oleh Hakim Bowen CJ di dalam kes *Re Cumberland Holdings Ltd.*¹²¹.

“Perkataan ‘hal-ehwal syarikat’ adalah seluas mana seseorang itu dapat perolehi. Ia tidak hanya terhad kepada perkara-perkara perniagaan atau perdagangan tetapi juga merangkumi penstrukturran modal, polisi dividen, hak-hak mengundi, balasan bagi tawaran pengambil alihan dan sesungguhnya merangkumi semua perkara yang boleh menjadi

¹¹⁹ Padmanabha Rau, K.V., Winding Up of Companies (Cases and Comentaries), (2001), hlm. 95.

¹²⁰ [1989] 2 MLJ 369.
¹²¹ Supra Nota Kaki 113.

pertimbangan lembaga pengarah .”¹²²

6.4.2(b) Seksyen 218 (1)(i)

Di bawah peruntukan ini perintah penggulungan syarikat boleh dikeluarkan sekiranya mahkamah berpendapat ianya adalah adil dan berekuiti untuk berbuat demikian. Konsep “adil dan berekuiti” ini mempunyai bidangkuasa yang amat luas. Ia berpotensi untuk merangkumi pelbagai situasi dan keadaan yang tidak terbatas.

Menurut K.V. Padmanabha Rau¹²³ di dalam bukunya Winding Up of Companies (Cases and Comentaries), konsep ini mampu bertindak sebagai pedang dan perisai dalam masa yang sama. Ini adalah kerana peruntukan ini selain digunakan untuk menggulung syarikat, ia juga mampu melindungi syarikat daripada perintah seumpama itu mengikut keperluan fakta kes.

Konsep “adil dan berekuiti” ini tidak tertakluk kepada rukun *ejusdem genesi*. Sebarang cubaan untuk menkategorikannya adalah salah sepihama yang ditekankan oleh Lord Wilberforce:-

“.... telah terdapat kecenderungan untuk mengkategorikan atau mencipta tajuk di bawah mana kes-kes mesti dibawa sekiranya klausa ini terpakai. Ini adalah salah. Ilustrasi mungkin boleh digunakan tetapi ungkapan-ungkapan am harus dikekalkan sebagai am, tidak boleh diturunkan dalam beberapa contoh tertentu”¹²⁴,

¹²² *Id.*, hlm. 374 – 375.

¹²³ Padmanabha Rau, K.V., *Supra Nota Kaki 119*, hlm. 102.

¹²⁴ Ebrahim lwn. Westbourne Galleries Ltd. & Ors. [1973] AC 360, hlm. 374-375.

Walaupun telah diberi amaran oleh Lord Wilberforce, untuk kemudahan akademik beberapa tajuk di dalam mana konsep “adil dan berekuiti” ini boleh tergolong telah dibuat. Menurut Loh Siew Cheang, pemakaian konsep ini terbahagi kepada dua kategori. Kategori pertama melibatkan kes-kes di mana objek penubuhan syarikat adalah tidak sah seperti syarikat ditubuhkan untuk menipu orang awam. Kategori ini juga melibatkan kes-kes di mana objek di mana syarikat ditubuhkan tidak dapat dicapai. Kategori yang kedua pula melibatkan tindak-tanduk yang berkaitan dengan pengurusan syarikat. Kategori yang kedua ini adalah lebih relevan bagi hal-hal mesyuarat syarikat. Ini adalah kerana kes-kes yang tergolong dalam kategori ini termasuklah apabila seorang ahli itu diketepikan daripada pengurusan syarikat. Contoh yang paling jelas ialah kes *Ebrahim lwn. Westbourne Galleries Ltd. & Ors.* di mana penghakiman Lord Wilberforce seperti yang dinyatakan di atas. Kes-kes yang boleh tergolong di dalam kategori ini ialah apabila pengurusan tidak lagi mencapai kata sepakat.

Penggulungan di bawah konsep “adil dan berekuiti” ini adalah bergantung kepada fakta kes dan ianya adalah kuasa budi bicara mahkamah. Di dalam kes *Loch lwn. John Blackwood Ltd.*¹²⁵ pengarah telah gagal untuk memanggil mesyuarat agung. Pemegang syer juga tidak dibekalkan dengan laporan kewangan syarikat. Tujuan pemegang syer tidak diberikan laporan kewangan adalah kerana pihak majoriti berharap dapat membeli syer ahli minoriti dengan harga yang rendah daripada nilai sebenar syer. Berdasarkan fakta tersebut mahkamah telah mengeluarkan perintah penggulungan syarikat atas sebab ianya adil dan berekuiti untuk berbuat demikian.

¹²⁵ [1924] AC 783.

Adalah menjadi pendapat penulis bahawa walaupun isu mengenai perlanggaran hak di dalam mesyuarat agung ditimbulkan di dalam kes ini, ianya lebih merupakan fakta sokongan kepada isu bahawa pengarah mempunyai niat tidak jujur. Terdapat beberapa lagi kes yang mana isu perlanggaran hak ahli di dalam mesyuarat digunakan. Walau bagaimanapun seperti di dalam kes *Loch* ini, ianya hanyalah sebagai fakta yang menyokong sahaja dan seringkali menemui kegagalan.¹²⁶ Hakikatnya penggulungan syarikat bukanlah remedi yang begitu sesuai untuk sebarang perlanggaran hak ahli di dalam mesyuarat kecuali di dalam kes-kes yang istimewa.

6.5 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, hak ahli untuk membawa tindakan mahkamah terhadap pihak majoriti di dalam hal-hal mesyuarat syarikat terbahagi kepada dua iaitu hak di bawah *Common Law* dan hak di bawah Akta Syarikat 1965. Hak di bawah *Common Law* lahir daripada kekecualian-kekecualian ke atas rukun *Foss lwn. Harbottle*. Manakala hak di bawah statut pula terkandung di dalam beberapa peruntukan. Peruntukan yang paling utama ialah seksyen 181. Pemberian hak membawa tuntutan ini, memberikan ahli terutamanya ahli minoriti asas yang kukuh untuk mempertahankan hak-hak mereka berkaitan dengan mesyuarat syarikat. Ia juga adalah sebagai satu amaran kepada pihak majoriti bahawa undang-undang tetap berhak untuk campurtangan sekiranya berlaku ketidakadilan akibat daripada sebarang tindak-tanduk mereka.

¹²⁶ *Re Semantan Estate (1952) Ltd.* (1962) 28 MLJ 285; *Indrani a/p C Rajaratnam & Ors. lwn. Fairview Schools Bhd.* [1997] 5 MLJ 267.

Walau bagaimanapun kos masih menjadi masalah utama. Kebanyakan ahli terutamanya ahli minoriti akan berfikir dua kali untuk membawa tindakan mahkamah apabila memikirkan kos yang diperlukan. Tidak dinafikan bahawa dengan keputusan kes *Wallersteiner*, mahkamah telah menetapkan bahawa syarikat hendaklah membayai kos yang ditanggung oleh ahli. Namun begitu, ia tidak pula merumuskan satu formula yang nyata tentang bagaimanakah ianya akan dilaksanakan. Cadangan yang dikemukakan oleh Lord Denning MR juga kurang jelas. Tanpa garis panduan yang nyata, masalah ini tetap tidak akan selesai.

Hak ahli untuk membawa tindakan di bawah *Common Law* pula terlalu kompleks. Adalah satu kerugian bagi perundungan syarikat apabila salah satu sumber utamanya penuh dengan persoalan yang tidak ada jawapan yang khusus. Terlalu banyak keraguan melibatkan konsep dan prosedur untuk membawa tindakan. Contoh yang paling ketara ialah membawa tindakan terbitan untuk kekecualian fraud terhadap minoriti. Tidak seperti Akta Syarikat di Singapura, yang memperuntukkan tindakan terbitan statutori di bawah seksyen 216Anya, Akta Syarikat 1965 tidak mempunyai peruntukan yang sama. Oleh yang demikian ahli yang membawa tindakan terbitan perlu bergantung kepada ketetapan *Common Law*. Penetapan *locus standi* sebagai persoalan isu permulaan juga tambah merumitkan keadaan. Kelemahan ini sedikit sebanyak menjadi faktor mengapa ahli minoriti enggan membawa tindakan.

Pilihan alternatif yang paling baik kepada ahli minoriti ialah dengan menggunakan peruntukan seksyen 181. Sememangnya seksyen 181 ini lebih fleksibel dan mudah. Ahli hanya perlu membuktikan salah satu daripada alasan-

alasan yang ditetapkan. Akan tetapi seksyen ini lebih bersifat hak persendirian. Ini adalah kerana seksyen ini melibatkan kesalahan-kesalahan terhadap ahli dan bukannya syarikat. Dengan kata lain, kewujudan seksyen 181 ini tidak dapat sepenuhnya menyelesaikan masalah kerumitan membawa tindakan terbitan di bawah *Common Law*.

Walau apapun kekurangan atau kerumitan yang terpaksa dilalui oleh ahli, apa yang lebih penting ialah *Common Law* mahupun Akta Syarikat 1965 telah menyediakan asas untuk ahli membawa tindakan. Apa juga masalah yang dihadapi pasti ada jalan penyelesaiannya. Perundangan syarikat di Malaysia masih dalam proses pengukuhan dan penulis optimis segala kelemahan di dalam mana-mana peruntukan Akta Syarikat 1965 berkaitan dengan hak ahli minoriti untuk membawa tindakan akan diperbaiki secara beransur-ansur. Walaupun jalan penyelesaian akan memakan masa, ahli tidak harus menjadikannya alasan untuk membiarkan diri mereka teraniaya tanpa keadilan.

BAB 7

KESIMPULAN

Kepentingan mesyuarat ahli syarikat yang disebut sebagai mesyuarat agung di dalam perundangan syarikat adalah jelas dan tidak perlu dipertikaikan lagi. Sebagai pengimbang kepada kuasa pengarah beberapa keputusan syarikat masih dikekalkan di bawah kuasa mutlak mesyuarat agung untuk meluluskannya termasuklah penentuan kedudukan kerusi pengarah syarikat. Sejajar dengan kepentingannya, perundangan syarikat telah membuat beberapa ketetapan berkaitan dengan hak, perlindungan dan tidak ketinggalan pemeliharaan hak ahli bagi memastikan keberkesanan dan kelancaran mekanisme *check and balance* ini.

7.1 Hak Dan Perlindungan Ahli Di Dalam Hal-hal Mesyuarat Syarikat Serta Kepentingannya

Apabila kita memperkatakan tentang “hak” ahli, adalah menjadi pendapat penulis bahawa ianya tertumpu kepada hubungan ahli dan pihak syarikat, lembaga pengarah dan pihak ketiga yang lain. Terma “perlindungan” pula lebih merupakan pemeliharaan hak ahli minoriti daripada sebarang ketidakadilan yang mungkin timbul hasil daripada operasi rukun majoriti. Hak dan perlindungan yang berkaitan dengan hal-hal mesyuarat syarikat ini mempunyai tujuan utama untuk memastikan kehendak ahli digambarkan di dalam perjalanan sesebuah syarikat dan ahli mempunyai peluang tertentu untuk mendapatkan maklumat tentang hal ehwal

syarikat.¹ Selain daripada peruntukan statut, hak-hak ahli juga ada dinyatakan di dalam artikel-artikel persatuan sesebuah syarikat. Walau bagaimanapun hal-hal yang dinyatakan lebih bersifat perkara-perkara urusan dalaman syarikat iaitu berkaitan dengan pemanggilan dan tatacara mesyuarat diadakan. Peruntukan ini lebih bersifat peribadi bagi setiap syarikat.

Hak ahli yang paling asas berkaitan dengan hal-hal mesyuarat syarikat bermula dengan hak kehadiran di mesyuarat seperti yang ditetapkan oleh seksyen 148 (1). Walau bagaimanapun hak kehadiran ini tidak memberi sebarang sifnifikasi terhadap ahli tanpa adanya mesyuarat. Ini adalah kerana secara amnya pemanggilan mesyuarat agung adalah di dalam tanggungjawab dan budi bicara pengarah. Dengan kata lain perlaksanaan hak ahli adalah bergantung kepada ihsan lembaga pengarah. Bagi mengatasi situasi tersebut, seksyen 144 (1) memberikan hak kepada ahli untuk membuat rekusi agar mesyuarat agung luar biasa dipanggil. Akta Syarikat 1965 juga memberikan hak kepada ahli di dalam keadaan-keadaan tertentu untuk memanggil sendiri mesyuarat tersebut. Pemberian hak memanggil mesyuarat itu wujud apabila berlaku "keingkaran"² oleh pengarah untuk memanggil mesyuarat. Hak ahli untuk memanggil mesyuarat agung, sama ada dengan inisiatif sendiri (seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 144 (3) dan seksyen 145) mahupun dengan bantuan mahkamah (seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 143 (4)(b) dan seksyen 150) membolehkan ahli mengatasi sebarang cubaan oleh pihak pengarah untuk menafikan hak ahli sekaligus menafikan fungsi mesyuarat agung.

¹ Arjunan, Krishnan dan Low Chee Keong, Lipton & Herzberg's Understanding Company Law In Malaysia, (1995), hlm. 275.

² Elemen "keingkaran" menurut kes *Re NBN Ltd.* [1982] 1 ACLC 31 adalah elemen yang penting bagi pemanggilan Mesyuarat Agung Tahunan di bawah seksyen 143 (4)(b). Adalah menjadi pendapat penulis bahawa elemen tersebut juga penting untuk pemanggilan mesyuarat-mesyuarat agung yang lain oleh ahli.

Apa yang lebih menarik ialah ahli minoriti turut sama dapat memanfaatkan hak-hak tersebut.

Hak ahli untuk hadir ini juga memberikan mereka hak untuk menerima notis, sebagai pemberitahuan bahawa satu mesyuarat agung akan diadakan. Kecuali berlaku ketinggalan yang benar-benar tidak disengajakan sepetimana yang disebut oleh seksyen 145 (3), kegagalan untuk menghantar notis secara *prima facie* dapat mentaksahkan prosiding mesyuarat. Walaupun notis hanya satu bentuk pemberitahuan mesyuarat tetapi beberapa keperluan undang-undang perlu diikuti bagi menjamin kesahan prosiding mesyuarat. Tempoh, cara penyampaian dan isi kandungan notis memainkan peranan yang tersendiri bagi memastikan ahli memahami tujuan mesyuarat dan mempunyai masa yang cukup untuk membuat keputusan sama ada untuk hadir atau sebaliknya ke mesyuarat. Notis yang pendek memerlukan kelulusan majoriti ahli yang besar untuk mengesahkannya. Dengan cara tersebut pengarah tidak akan bertindak sambil lewa dalam memberitahu ahli tentang mesyuarat yang akan diadakan. Ia juga dapat menghalang sebarang cubaan daripada pengarah atau pihak majoriti untuk menyekat kehadiran ahli lain dengan memberi notis yang pendek.

Keistimewaan kehadiran pemegang syer di mesyuarat agung terletak pada hak mengundinya. Mengundi dapat memastikan pendapat ahli diambil kira. Ada penulis yang menggambarkan hak mengundi sebagai satu hak asasi ahli.³ Tambahan pula seksyen 148 (1) sudah memberikan jaminan terhadap hak tersebut. Walau bagaimanapun kebebasan ahli untuk mengundi tanpa sebarang kewajipan

³ Woon, Walter Undang-Undang Syarikat, (Terjemahan Aishah Hj. Bidin) ,(2000), hlm. 135.

sepertimana yang ditegaskan oleh Hakim Jessel MR di dalam kes *Pender lwn. Lushington*⁴ membuka jalan bahaya kepada ahli-ahli minoriti. Sama ada dengan cara mengangkat tangan, pungutan suara atau apa carapun yang ditetapkan oleh artikel syarikat untuk mengundi, pihak majoriti sentiasa mempunyai kelebihan dan peluang untuk bertindak tidak adil terhadap golongan minoriti. Berasaskan kepada kerisauan itulah yang menyebabkan terciptanya konsep fraud terhadap minoriti yang bertujuan untuk melindungi ahli minoriti daripada diketepikan dan sebarang ketidakadilan. Atas sebab kecaburan pada konsep tersebut dan sejauh manakah pemakaianya, maka terciptalah pula seksyen 181 yang memberikan *locus standi* secara statutori kepada ahli minoriti untuk mendapatkan relif mahkamah seandainya berlaku penindasan.

Kehadiran ahli di mesyuarat hendaklah secara sendiri atau dengan melantik wakil yang dikenali di bawah perundangan syarikat dengan terma “proksi”. Hak untuk melantik proksi ini adalah bagi membolehkan pemegang syer yang tidak dapat hadir tetap mempunyai suara di dalam keputusan resolusi yang dicapai. Ini adalah kerana proksi yang dilantik sama ada dari kalangan ahli atau tidak mempunyai kuasa yang sama seperti ahli dalam bersuara, mengundi dan meminta pungutan suara dan sebagai ejen kepada prinsipalnya, bertanggungjawab kepada ahli. Hak untuk bersuara seorang ahli pula bukan hanya terhad kepada berosal-jawab semasa di dalam mesyuarat. Ianya juga merangkumi pendapat dalam bentuk tulisan sebelum mesyuarat iaitu dalam bentuk pekeliling di bawah seksyen 151. Pemberian hak ini walaupun mempunyai had bilangan perkataan, sekurang-kurangnya memberi peluang kepada ahli yang tidak bersetuju dengan cadangan pengarah untuk

⁴ (1877) 6 Ch D 70.

menyatakan pendapat mereka dan membolehkan ahli lain berfikir semasa-kmasaknya sebelum hadir ke mesyuarat. Ia juga membolehkan masa mesyuarat tidak dibazirkan untuk perkara-perkara yang kurang penting, sebaliknya dapat diteruskan kepada perdebatan yang lebih produktif.

Usul dan cadangan yang dikemukakan di dalam sesebuah syarikat hanya akan menjadi satu resolusi yang mengikat dengan kelulusan majoriti ahli. Ciri-ciri sesuatu resolusi sama ada dari segi tempoh notis dan keperluan majoriti untuk meluluskannya adalah bergantung kepada kepentingan sesuatu urusan. Resolusi khas yang melibatkan urusan berkaitan dengan dasar penubuhan sesebuah syarikat memerlukan majoriti yang lebih besar daripada resolusi biasa atas sebab tersebut. Keluar daripada prinsip asas tersebut, terdapat dua keistimewaan yang dinikmati oleh ahli di mana keputusan penting syarikat hanya memerlukan majoriti mudah. Dua keadaan tersebut ialah pemecatan pengarah syarikat awam di bawah seksyen 128(1) dan pemecatan juruaudit di bawah seksyen 172 (4). Peruntukan-peruntukan ini membuktikan seriusnya fungsi mesyuarat agung sebagai kawalan ke atas pengarah. Selain daripada resolusi melalui mesyuarat formal, pemakaian rukun *Duomatic* di Malaysia⁵ juga amat menarik. Keputusan sebulat suara tanpa mesyuarat ini sememangnya amat praktikal dan menjimatkan masa. Walau bagaimanapun adalah menjadi pendapat penulis bahawa amalannya perlu diberikan pemantauan yang serius. Walaupun ianya praktikal tetapi ianya tidak sama sekali dapat menandingi fungsi mesyuarat sebenar. Darjah kefahaman dan pengetahuan ahli mengenai resolusi yang akan diluluskan tidak akan setanding dengan menghadiri mesyuarat sebenar. Apakah jaminan yang dapat diberikan bahawa

⁵ Seksyen 152A.

maklumat yang disebarluaskan kepada setiap ahli adalah maklumat yang sama dan telus?

Mungkin bagi syarikat yang kecil ianya boleh menjadi amalan tetapi tidak sebaliknya.

Akta Syarikat 1965 secara keseluruhannya menetapkan hak ahli, manakala cara bagaimana ianya harus dijalankan adalah bergantung kepada peruntukan di dalam artikel syarikat. Jaminan perundangan ke atas segala hak dan perlindungan terhadap ahli di dalam hal-hal mesyuarat syarikat sudah nyata. Akhirnya ahli-lah yang perlu dipersalahkan kerana tidak berminat untuk menghadiri mesyuarat sekaligus gagal memanfaatkannya. Sebenarnya masalah ini bukan hanya berlaku di negara ini tetapi juga di negara yang mana perundangan syarikatnya lebih maju.⁶ Apa silapnya? Penulis berpendapat bahawa kurangnya sambutan terhadap kehadiran di mesyuarat agung ini disebabkan oleh masalah “tidak celik undang-undang”. Kurangnya pengetahuan mengenai kepentingan mesyuarat agung dan peranan pemegang-pemegang syer di dalam keputusan syarikat menyebabkan mereka mengamalkan budaya “pak turut” dan “tak apa”. Tambahan pula kebiasaan mereka yang menduduki kerusi kepengarahan merupakan juga pemegang syer majoriti atau setidak-tidaknya pemegang kawalan ke atas undi syarikat. Bagi sesetengah ahli peranan pemegang syer tidak lebih daripada menyumbangkan laburan dan mendapat keuntungan di kemudian hari. Bagaimanakah pelaburan mereka boleh mendapat keuntungan adalah terserah kepada lembaga pengarah untuk menguruskannya.

⁶ Brooks, Albie, (*et al.*), Issues Associated with Chief Executive Officer Remuneration: Shareholders' Prospective (1999) 17 CSLJ 360; Kajian di Australia ini menunjukkan lebih 62.7% responden tidak pernah menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan dan 38.3% daripada jumlah tersebut tidak langsung memberikan undi proksi.

Secara keseluruhannya Akta Syarikat 1965 telah memberikan jaminan dan perlindungan ke atas hak ahli di dalam mesyuarat agung secara munasabah dan bolehlah dianggap setanding dengan perundangan syarikat yang lebih maju. Mungkin pengetahuan pemegang-pemegang syer di negara ini masih terlalu cetek untuk memanfaatkannya. Walau bagaimanapun adalah menjadi pendapat penulis bahawa ruang untuk kemajuan tetap cerah dan penulis percaya bahawa pengetahuan pemegang syer atau ahli tentang peranan mereka akan bertambah baik di masa akan datang. Adalah diharapkan para penulis undang-undang akan mengambil langkah yang lebih aktif dalam memperbanyakkan penulisan mudah mengenai hak dan tanggungjawab ahli syarikat di akhbar-akhbar dan bahan bacaan umum yang lain dan tidak hanya terikat dengan jurnal dan makalah perundangan yang hanya akan dibaca oleh golongan tertentu sahaja. Dengan cara ini adalah diharapkan pengetahuan dan maklumat mengenai kepentingan dan peranan mesyuarat agung akan lebih tersebar luas di kalangan masyarakat umum.

7.2 Kelemahan Hak Dan Perlindungan

Meletakkan kesalahan kepada ahli semata-mata kerana gagal memanipulasikan segala hak yang diberi adalah tidak adil. Walaupun Akta Syarikat 1965 telah memberikan peruntukan sebaik mungkin tetapi terdapat beberapa kelemahan yang mungkin menyumbang kepada sikap ahli tersebut. Syarat kelayakan untuk menguatkuasakan hak dan kos merupakan antara faktor-faktor yang boleh menyumbang kepada sikap ahli tersebut.

Beberapa peruntukan di bawah Akta Syarikat 1965 yang memberikan hak kepada ahli, pada masa yang sama menetapkan syarat untuk menggunakannya. Badan perundangan mungkin mempunyai alasan untuk mengenakan syarat pegangan syer 10% di bawah seksyen 144 (1), 145 dan seksyen 146 (1)(a) mahupun pegangan 5% di bawah seksyen 151 (2). Bagi syarikat-syarikat yang mempunyai modal dan bilangan ahli yang kecil, syarat tersebut mungkin tidak memberi sebarang beban kepada ahli. Walau bagaimanapun bagi syarikat-syarikat yang besar modal dan bilangan ahlinya terutamanya syarikat awam, angka 5% dan 10% ini memberi impak yang berbeza. 5% atau 10% daripada modal syer yang menjangkau angka juta adalah satu jumlah yang besar. Di dalam kes-kes sebegini menjadikan hanya segolongan ahli sahaja yang layak untuk memanfaatkan peruntukan yang disediakan. Apakah ini yang ingin dicapai oleh badan perundangan?

Sememangnya badan perundangan bukan sahaja bertindak untuk melindungi hak ahli tetapi pada masa yang sama untuk melindungi syarikat dari mengadakan mesyuarat untuk perkara yang remeh-temeh. Ia juga mungkin bertujuan untuk memastikan sebarang usul daripada ahli mempunyai sokongan. Dengan cara ini syarikat tidak akan membazirkan wang dan masa untuk memanggil mesyuarat yang tentu tidak akan mendapat sokongan ahli yang lain. Persoalannya, bagaimana pula dengan jaminan asal perundangan bahawa setiap ahli mempunyai hak untuk bersuara. Pengenaan syarat tersebut membawa kepada kefahaman bahawa hanya ahli-ahli yang memenuhi kriteria-kriteria tertentu sahaja yang berhak untuk bersuara dalam semua keadaan. Ahli-ahli lain terpaksa salah menunggu belas ihsan lembaga pengarah untuk memanggil mesyuarat.

Mungkin juga fokus utama Akta Syarikat 1965 ialah untuk melindungi ahli-ahli di dalam syarikat sendirian berhad. Ini adalah kerana ahli syarikat awam yang disenaraikan sekiranya tidak berpuas hati dengan pengurusan syarikat, dengan mudah dapat keluar daripada syarikat melalui penjualan syer mereka di pasaran terbuka. Namun begitu kita juga perlu ingat bahawa di dalam dunia korporat yang semakin maju ini, tidak semua syarikat yang mempunyai modal berjuta ringgit adalah syarikat awam. Kita juga perlu ingat bahawa tidak semua syarikat awam disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Bagaimana pula nasib ahli-ahli syarikat ini? Mungkin telah tiba masanya penetapan syarat kelayakan pegangan syer ini dikaji semula. *Corporation Law* di Australia di dalam peruntukan yang setara dengan seksyen 144 (1), hanya menetapkan 5% pegangan syer atau 100 bilangan ahli. Walaupun masih berbentuk hak bersyarat, sekurang-kurangnya ia lebih rendah dan fleksibel.

Selain daripada hak bersyarat, perlaksanaan hak ahli juga melibatkan kos. Ahli yang ingin mengedarkan pekeliling di bawah seksyen 151 perlu bersedia untuk membelanjakan sejumlah wang untuk tujuan tersebut. Bayangkanlah jumlah wang yang diperlukan oleh ahli untuk mengedarkan pekeliling di dalam syarikat-syarikat yang mempunyai bilangan ahli yang ramai. Tambahan pula setakat ini belum ada kes yang memutuskan bahawa syarikat perlu menanggung kos tersebut. Sekali lagi garisan telah dibuat antara ahli yang berkemampuan dan tidak dalam memanfaatkan peruntukan tersebut. Begitu juga halnya dengan hak ahli untuk mendapatkan bantuan mahkamah untuk memanggil mesyuarat agung di bawah seksyen 150. Kos untuk membuat permohonan di mahkamah agak tinggi. Ini membuatkan ahli tidak

berminat untuk memanfaatkannya. Tambahan pula jika syarikat tidak membuat sebarang keuntungan dan ahli juga tidak menikmati sebarang pembayaran dividen.

Perlantikan proksi dari kalangan bukan ahli seperti yang ditetapkan oleh seksyen 149 (1)(b) juga memerlukan kemampuan dari segi kewangan. Tidak dinafikan bahawa tujuan penetapan tersebut adalah untuk memelihara kepentingan ahli. Ini adalah kerana peguam mahupun juruaudit adalah ahli badan profesional yang mahir dan terikat tingkah laku mereka dengan etika kerja. Namun begitu dari aspek lain ia dalam masa yang sama tidak menggalakkan ahli untuk melantik proksi sama sekali. Ini adalah kerana perlantikan ahli badan profesional sebagai proksi memerlukan bayaran yuran yang tinggi. Kos ini dianggap sebagai tidak setimpal dengan syer yang mereka ada tambahan pula kuasa mengundi proksi adalah terhad kepada pungutan suara sahaja (kecuali artikel syarikat menyatakan sebaliknya). Walaupun proksi mempunyai kuasa untuk meminta supaya pungutan suara diadakan tetapi ianya tidak akan memberikan sebarang keuntungan kepada ahli jika jumlah syer ahli hanya sekadar 1,000 atau 2,000 unit sahaja sedangkan jumlah keseluruhan syer syarikat berjumlah beratus ribu unit. Di dalam keadaan sebegini pastinya tidak berbaloi bagi ahli membelanjakan kos yang tinggi untuk melantik proksi dari kalangan ahli badan professional.

Bagi mengetepikan syarat yang dikenakan oleh seksyen 149 (1)(b) ini artikel-artikel persatuan sesebuah syarikat harus memperuntukkan dengan jelas bahawa syarat proksi dari bukan ahli tersebut tidak terpakai. Untuk mencapai maksud tersebut sesebuah syarikat tidak boleh menerima pakai artikel 59 Jadual ke 4 sebagai salah satu peruntukkan di dalam artikel syarikat. Ini adalah kerana kesan daripada

keputusan *Tan Guan Eng lwn. BH Low Holdings Sdn. Bhd. & Ors.*⁷ menetapkan bahawa peruntukan artikel 59 Jadual ke 4 yang ada pada masa ini tidak cukup untuk mengetepikan seksyen 149 (1)(b).

Justeru itu adalah disarankan dua alternatif bagi mengatasi masalah proksi ini. Pertamanya ialah meminda Jadual ke 4 ataupun keduanya, memansuhkan seksyen 149 (1)(b). Mungkin telah tiba masanya Jadual ke 4 perlu dipinda bagi disesuaikan dengan arus pembangunan. Ini adalah kerana kebanyakan syarikat terutamanya syarikat kecil menerima pakai Jadual ke 4 sebagai artikel syarikat mereka. Jikapun terdapat modifikasi, artikel 59 ini bukanlah termasuk di dalam senarai peruntukan yang sering dipinda. Pindaan ke atas artikel 59 seharusnya dengan jelas dapat mengatasi seksyen 149 (1)(b). Penulis mencadangkan agar frasa “tanpa mengambil kira sebarang syarat kelayakan di bawah Akta” ditambah pada artikel 59 yang sedia ada. Dengan cara ini, sekiranya syarikat ingin menguatkuasakan syarat tersebut, satu mesyuarat agung perlu dipanggil. Jikapun ahli tidak hadir, sekurang-kurangnya ahli telahpun diberikan notis pemberitahuan tentang sekatan ke atas pilihan proksi dari kalangan bukan ahli yang akan dikenakan ke atas mereka.

Penulis berpendapat bahawa saranan alternatif kedua iaitu pemansuhan seksyen 149 (1)(b) pula bukanlah sesuatu yang keterlaluan. Ini adalah kerana, adalah lebih baik bagi ahli melantik orang yang bukan dari kalangan badan profesional daripada tidak mempunyai wakil sama sekali. Sekurang-kurangnya ahli akan mengetahui apa yang berlaku di dalam mesyuarat. Bagi memastikan proksi tidak

⁷ [1992] 1 MLJ 105.

mengundi mengikut seleranya sendiri, adalah disarankan supaya pemakaian borang proksi dua cara diwajibkan di dalam semua keadaan. Penulis juga berpendapat bahawa penggunaan borang proksi dua cara ini juga adalah satu cara bagi menghapuskan sekatan kepada proksi untuk mengundi secara mengangkat tangan. Borang proksi yang menyatakan dengan jelas undi seseorang ahli seharusnya dapat memudahkan kiraan undi dibuat. Apa yang perlu dilakukan bagi memastikan kesahihan kiraan undi ialah dengan melantik pemeriksa atau penilai.

Satu lagi persoalan yang menarik untuk direnungi bersama ialah wajarkah semua perkara yang berkaitan dengan cara penyampaian notis diletakkan sepenuhnya kepada artikel setiap syarikat untuk menentukannya. Kebebasan yang diberikan kepada setiap syarikat untuk memilih metod penghantaran notis ada kebaikan dan keburukannya. Dengan perkembangan teknologi maklumat yang ada pada masa kini seharusnya syarikat tidak terikat dengan cara yang kuno untuk penghantaran notis. Penggunaan metod yang lebih canggih seperti mesin faks dan mel elektronik (*e-mail*), tidak harus disekat. Di sebalik kemudahan yang ditawarkan, perlu diingatkan bahawa tidak semua masyarakat di negara ini yang mempunyai akses kepada metod-metod ini. Oleh yang demikian penulis berpendapat bahawa apa juga metod yang dimasukkan oleh sesebuah syarikat sebagai cara penghantaran notis, ia mestilah tetap mengekalkan metod penghantaran secara pos atau serahan sendiri.

Kekurangan dan kelemahan yang terdapat di dalam undang-undang yang terpakai ketika ini mungkin tidaklah begitu mempengaruhi sikap ahli yang malas hadir ke mesyuarat. Akan tetapi zaman telah berubah dan tahap pendidikan dan

pengetahuan masyarakat Malaysia juga telah meningkat. Sewajarnya segala usaha yang mungkin dapat merangsang ahli untuk bergiat lebih aktif di dalam pelaburan mereka perlu diambil. Kajian semula penetapan syarat kelayakan bagi peruntukan yang menetapkan 10% pegangan syer sebagai syarat adalah perlu. Adalah menjadi pendapat penulis bahawa telah tiba masanya untuk undang-undang kita bebas daripada sebarang pengaruh undang-undang Inggeris untuk disesuaikan dengan suasana korporat tempatan. Tambahan pula usaha ke arah perubahan tersebut telah ada contohnya seksyen 152A yang memperuntukkan mengenai resolusi pekeliling. Di samping itu peruntukan yang agak kabur maksudnya seperti pengiraan 95% majoriti bagi mengesahkan notis pendek seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 152 (2) perlu dinyatakan dengan lebih jelas supaya tidak berlaku kekeliruan. Segala usaha untuk memperbaiki apa-apa kelemahan diharapkan dapat mewujudkan perundangan syarikat yang lebih jelas terutama di dalam hal-hal mesyuarat agung sejajar dengan kepentingan fungsi mesyuarat itu sendiri.

7.3 Operasi Seksyen 355

Apabila memperkatakan tentang hal-hal mesyuarat syarikat, salah satu peruntukan yang tidak boleh ditinggalkan ialah seksyen 355. Seksyen 355 digubal bagi membolehkan keputusan tertentu dikekalkan tanpa mengambil kira kegagalan syarikat, pengarah-pengarahnnya atau ahli-ahlinya untuk mematuhi keperluan ketat undang-undang.⁸ Peruntukan yang disebut sebagai “peruntukan luar aturan” ini

⁸ Hanrahan, Pamela (*et al.*), Commercial Applications of Company Law In Malaysia, (2002), hlm. 189.

mempunyai dua bahagian yang boleh memberi impak besar kepada hal-ehwal mesyuarat syarikat.

Seksyen 355 (1) adalah lebih merupakan peruntukan umum berkaitan dengan perkara-perkara luar aturan tersebut. Walaupun tidak menyebut secara langsung tentang mesyuarat syarikat, perkataan “prosiding” di awal peruntukan tidak hanya membawa maksud prosiding perundangan sahaja tetapi merangkumi semua perkara yang perlu dilaksanakan oleh sesebuah syarikat termasuklah mesyuarat ahli.⁹ Rukun kedua yang perlu jelas ialah maksud sebenar frasa “kecacatan, luar aturan atau kekurangan notis atau masa”. Secara literalnya kita mungkin akan beranggapan bahawa seksyen 355 (1) hanya terpakai untuk pemberian notis bagi semua prosiding syarikat. Walau bagaimanapun keputusan kes telah memperjelaskan bahawa perkataan “kecacatan”, “luar aturan” dan “kekurangan notis” hendaklah dibaca secara berasingan.¹⁰ Rukun ketiga yang perlu ditekankan ialah pemakaian seksyen 355 (1) ini terpaksa bergantung kepada wujudnya prosiding di hadapan mahkamah.

Sebaliknya seksyen 355 (3) adalah lebih mengkhusus. Seksyen ini terpakai untuk apa-apa ketinggalan, kecacatan, kesilapan atau luar aturan dalam pengurusan atau pentadbiran syarikat akibat daripada kemungkiran Akta atau keingkaran dalam amalan memorandum atau artikel syarikat. Frasa “pengurusan atau pentadbiran” di dalam seksyen 355 (3) ini tidak bermakna bahawa seksyen ini hanya melibatkan Bahagian V Akta Syarikat 1965.¹¹ Frasa ini juga merangkumi semua perkara yang dimulakan oleh Akta mahupun artikel persatuan syarikat dan umumnya ia merangkumi perkara-perkara yang berhak dikendalikan oleh pemegang syer di

⁹ *Lim Hean Pin lwn. Thean Seng Co. Sdn. Bhd. & Ors.* [1992] 2 MLJ 10.

¹⁰ *Re Testro Bross. Consolidated Ltd.* [1965] VR 18 per Hakim Sholl, hlm. 24.

¹¹ Loh Siew Cheang, Corporate Powers- Control, Remedies and Decision-making, (1996), hlm. 572.

dalam mesyuarat agung.¹² Relevannya seksyen ini dengan hal-hal mesyuarat syarikat diperkuatkan lagi dengan frasa “berkaitan dengan apa-apa mesyuarat syarikat” yang disebut di dalam peruntukan tersebut. Tidak seperti seksyen 355 (1) yang hanya memberikan kuasa mahkamah untuk membuat pengisytiharan, seksyen 355 (3) sebaliknya memberi kuasa untuk memohon relif.

Walau apapun perbezaannya, kedua-dua peruntukan ini memberi kesan yang sama. Sebarang kecacatan atau luar aturan dalam pemanggilan mahupun pengendalian mesyuarat syarikat, tidak menjaskannya kesahan prosiding tersebut. Ketetapan di bawah seksyen ini dapat melindungi syarikat dari sebarang tindakan remeh-temeh akibat kesilapan-kesilapan kecil yang tidak merugikan mana-mana pihak. Dengan cara ini, kelancaran perjalanan syarikat tidak akan diganggu. Penggubalan kedua-dua peruntukan ini tidaklah bermakna pihak pengarah boleh bertindak sambil lewa dalam melaksanakan tugas mereka. Walaupun seksyen 355 boleh mengetepikan fakta bahawa kecacatan, luar aturan mahupun ketinggalan telah berlaku, seksyen ini juga pada masa yang sama memberi kuasa kawalan kepada mahkamah untuk memerintahkan sebaliknya jika ketidak adilan yang substansial telah diakibatkan oleh kecacatan, luar aturan ataupun ketinggalan tersebut.

Elemen “ketidakadilan yang substansial” inilah yang perlu dipegang oleh ahli minoriti untuk melindungi hak mereka dari diketepikan oleh pengarah. Ketidak adilan yang substansial boleh berlaku apabila berlaku penafian hak ahli di dalam mesyuarat agung sama ada yang ditetapkan oleh Akta ataupun hak-hak yang

¹² *Re Compaction Systems Pty. Ltd.* (1976) 2 NSWLR 477.

diberikan kepada ahli oleh artikel syarikat.¹³ Ketetapan ini memberikan keleaan bahawa dalam operasi seksyen 355 yang memihak kepada pengarah dan golongan majoriti ini, hak-hak semua ahli tetap akan dipelihara.

Apa yang masih diragukan ialah bagaimanakah operasi pengesahan prosiding luar aturan ini berlaku? Keputusan dua kes di Australia menyarankan bahawa pengesahan berlaku secara otomatik.¹⁴ Sekiranya inilah prinsip yang diterima pakai di Malaysia, ianya akan menimbulkan kekeliruan mengenai perlunya kuasa mahkamah untuk membuat perintah pengesahan sepertimana yang disebut di bawah seksyen 355 (2). Menurut Loh Siew Cheang selain daripada kekeliruan tersebut, prinsip kes-kes ini mencipta dua kesukaran.¹⁵ Pertamanya, prinsip ini mengakibatkan semua tindakan luar aturan disahkan secara statut tanpa campurtangan dan pendapat mahkamah. Keduanya, pengesahan secara otomatik ini memberi kelebihan yang besar kepada pihak yang tidak mengikut aturan tersebut. Ini adalah kerana mereka tidak perlu memohon pengesahan mahkamah. Ini bermakna mereka tidak perlu menanggung beban pembuktian. Sebaliknya ahli yang menanggung kesan perbuatan luar aturan itu pula yang terpaksa membuktikan berlakunya “ketidakadilan yang substansial”. Bukankah ianya sesuatu yang tidak adil? Selagi tidak ada keputusan yang kukuh mengenai perkara ini, adalah menjadi pendapat penulis bahawa adalah lebih munasabah dan adil jika pihak yang melakukan luar aturan itulah yang patut membuktikan yang perbuatan mereka itu tidak memberikan ketidakadilan yang substansial. Justeru itu penulis berpendapat

¹³ Loh Siew Cheang, *op. cit.*, hlm. 579.

¹⁴ *Langton Iwn. Forsayth Mineral Exploration NL* (1975) 1 ACLR 227; *Re Compaction Systems Pty Ltd*, *op. cit.*

¹⁵ Loh Siew Cheang, *op. cit.*, hlm. 582-583.

bahawa “pengesahan otomatik” harus ditolak dan pihak yang melakukan perbuatan luar aturan tersebut perlu memohon kepada mahkamah untuk pengesahan.

7.4 Hak Ahli Untuk Membawa Tindakan Berkaitan Dengan Mesyuarat

Perundangan syarikat boleh menyediakan beribu hak berkaitan dengan mesyuarat syarikat tetapi satu hak yang paling penting untuk memeliharanya ialah hak untuk membawa tindakan. Apabila menyebut tentang hak membawa tindakan bagi hal-hal mesyuarat syarikat, ia lebih merupakan hak ahli minoriti untuk berbuat demikian. Ini adalah kerana untuk membawa tindakan atas nama syarikat, kelulusan lembaga pengarah hendaklah diperolehi. Bagi golongan majoriti ianya bukanlah satu masalah kerana mereka biasanya mengawal lembaga pengarah. Persoalannya ialah, bagaimanakah keadilan dapat disandarkan sekiranya pelaku salah itu adalah dari kalangan golongan majoriti sendiri? Pemakaian rukun *Foss lwn. Harbottle* yang diperkembangkan oleh Hakim Mellish¹⁶ tambah merumitkan kedudukan pihak minoriti. Rukun plantif yang wajar dan rukun urusan dalaman yang membentuk rukun *Foss lwn. Harbottle*, meletakkan lagi kuasa penentuan untuk membawa tindakan di tangan lembaga pengarah yang mana pihak majoriti mempunyai kawalan.

Di bawah *Common Law* hak ahli untuk membawa tindakan sama ada secara persendirian ataupun dalam bentuk tindakan terbitan, adalah lebih merupakan kekecualian-kekecualian kepada rukun *Foss lwn. Harbottle*. Kesalahan yang

¹⁶ *MacDougall lwn. Gardiner* (1875) 1 Ch.D 13, hlm. 25.

melibatkan tindakan *ultra vires*, hak persendirian, fraud terhadap minoriti dan majoriti khas adalah empat alasan yang diperkuuhkan oleh mahkamah-mahkamah Inggeris dan diterima pakai di Malaysia, membolehkan ahli membawa tindakan. Walaupun konsep rukun ini beserta dengan kekecualian-kekecualiannya agak mengelirukan¹⁷ tetapi pemakaianya telah digunakan secara meluas. Terdapat satu lagi kekecualian iaitu “apabila keadilan kes memerlukan” yang mungkin boleh disandarkan oleh ahli. Walau bagaimanapun pemakaian kekecualian kelima ini masih belum kukuh. Di England, kewujudan kekecualian ini telah ditolak.¹⁸ Di Malaysia pula penerimaannya hanyalah secara tersirat.¹⁹ Jikapun wujud kekecualian ini ia hanya akan terpakai di dalam keadaan-keadaan di mana kekecualian lain tidak dapat digunakan.²⁰ Walau bagaimanapun, adalah menjadi pendapat penulis supaya kekecualian keadilan ini diterima pemakaianya demi melindungi kepentingan ahli minoriti. Ini adalah kerana kewujudannya amat perlu terutama di dalam kes-kes di mana kekecualian-kekecualian yang lain tidak dapat dibuktikan tetapi kesalahan jelas telah berlaku. Contohnya kes-kes yang melibatkan kecuaian yang keterlaluan atau kes-kes fraud terhadap minoriti yang mana elemen “kawalan” telah gagal dibuktikan.

Selain daripada membawa tuntutan di bawah *Common Law*, ahli minoriti juga boleh menyandarkan harapan mereka kepada peruntukan seksyen 181. Seksyen ini cukup luas untuk meliputi situasi yang membenarkan tindakan terbitan di bawah

¹⁷ *Supra* 6.1.5.

¹⁸ *Prudential Assurance Co. Ltd. lwn. Newman Industries Ltd. (No. 2)* [1982] 1 All ER 354; *Estmanco (Kilner House) Ltd. lwn. Greater London Council, Loc. cit.*

¹⁹ *Tan Guan Eng & Anor lwn. Ng Kweng Hee* [1992] 1 MLJ 487; *Abdul Rahim bin Aki lwn. Krubong Industrial Park (Melaka) Sdn. Bhd. & Ors.* [1995] 3 MLJ 417.

²⁰ *Biala Pty. Ltd. & Anor lwn. Mallina Holdings Ltd. & Ors.* (1993) 11 ACSR 785.

*Common Law.*²¹ Paling istimewanya, seksyen ini tidak mengenakan sebarang syarat pegangan syer untuk membawa tindakan. Di bawah seksyen ini, “penindasan”, “penafian hak”, “diskriminasi yang tidak adil” dan “prejudis” adalah alasan-alasan bagi ahli untuk mendapat relif daripada mahkamah. Takrifan “hal-ehwal syarikat” yang luas menjadikan seksyen 181 ini bukan sahaja meliputi aktiviti komersialnya tetapi juga hal-hal mesyuarat syarikat.²² Bagi hal-hal mesyuarat syarikat, keempat-empat alasan ini tidak terpakai hanya kepada resolusi mesyuarat sahaja, tetapi juga merangkumi penafian hak ahli kepada mesyuarat itu sendiri.²³

Pemberian hak kepada ahli untuk membawa tuntutan, baik di bawah *Common Law* maupun statut memberikan ahli terutamanya ahli minoriti hak untuk mendapatkan perlindungan mahkamah dari sebarang tindakan yang tidak adil. Ia juga sebagai peringatan kepada golongan majoriti bahawa walau sebesar manapun hak mereka untuk menentukan keputusan syarikat, ada pihak lain juga yang perlu dipertimbangkan. Tambahan pula terdapat satu lagi peruntukan yang lebih dahsyat dapat diminta oleh ahli minoriti yang ditindas iaitu “hukuman mati mandatori” di bawah seksyen 218 iaitu penggulungan syarikat. Oleh yang demikian pemberian hak membawa tuntutan ini ibarat meletakkan tanda “AWAS” kepada pemegang-pemegang kawalan syarikat.

²¹ Woon, Walter (Terjemahan Aishah Hj. Bidin), *op. cit.*, hlm. 285; Komen ini dibuat terhadap seksyen 216 Akta Syarikat (Singapura) yang *pari materia* dengan seksyen 181 Akta Syarikat 1965.

²² *Re Cumberland Holdings Ltd.* (1976) 1 ACLR 361.

²³ *Guan Seng Co. Sdn. Bhd. & Ors. lwn. Tan Hock Chan & Ors.* (1990) MSCLC 90,551; *Re a Co. (No. 00789 of 1987) ex parte Shooter* (1990) BCLC 384.

7.5 Kelemahan Hak Membawa Tindakan

Secara keseluruhannya sistem untuk membawa tuntutan bagi ahli yang tidak berpuas hati dengan sebarang hal yang berkaitan dengan mesyuarat syarikat bolehlah dianggap sebagai munasabah. Walau bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan baik dari segi prosedur maupun peruntukan dan pemakaian undang-undang yang sedia ada.

Tidak dinafikan bahawa hak membawa tindakan di bawah *Common Law* memberi manfaat yang besar kepada ahli. Masalahnya ialah konsep rukun *Foss Iwn. Harbottle* itu sendiri begitu mengelirukan. Terlalu banyak kekaburan dan persoalan yang belum terjawab mengenai rukun *Foss Iwn. Harbottle*. Di antara keempat-empat kekecualian ke atas rukun tersebut, kekecualian majoriti khas lebih bersifat khusus kepada satu cabang rukun sahaja. Hak persendirian pula sepatutnya tidak dianggap sebagai kekecualian kerana ia dikira sebagai telah terkeluar sama sekali daripada konsep rukun *Foss Iwn. Harbottle*. Kekeliruan ini mungkin perlu diperbetulkan bagi pemahaman yang lebih jelas tentang skop sebenar rukun tersebut.

Tindakan di bawah *Common Law* juga bermasalah dari segi prosedur. Penetapan *locus standi* sebagai isu permulaan di dalam tindakan terbitan mungkin menyelamatkan syarikat daripada melalui perbicaraan yang panjang tetapi ia tidak memudahkan ahli yang ingin membawa tindakan. Penetapan beban pembuktian ke tahap *prima facie* juga tidak membantu keadaan. Dalam keadaan tertentu pembuktian *locus standi* itu sendiri seolah melalui perbicaraan penuh. Ini menjadikan tindakan terbitan terlalu kompleks dan rumit. Oleh yang demikian

pendekatan yang diambil oleh mahkamah di Australia harus diberi perhatian dengan serius. Perlu atau tidaknya penetapan *locus standi* sebagai isu permulaan seharusnya bergantung kepada kemudahan sesuatu kes. Sekiranya ia perlu untuk kecepatan kes tersebut, maka ia harus dijalankan. Begitulah sebaliknya. Dengan cara yang demikian, masa dapat dijimatkan dan kos membawa tindakan akan dapat dikurangkan.

Selain daripada itu, isu kos masih menjadi isu yang kritikal. Ramai ahli akan berfikir dua kali apabila mengambil kira kos yang terpaksa ditanggung. Tidak dinafikan bahawa keputusan kes *Wallersteiner lwn. Moir (No. 2)*²⁴ memberikan nafas baru kepada masalah ini. Akan tetapi sejauh manakah ianya diterima pakai di Malaysia masih menjadi tanda tanya. Ini adalah kerana setakat ini, belum ada kes yang memutuskan mengenainya. Tambahan pula kes tersebut hanya menekankan bahawa syarikat hendaklah menanggung kos yang ditanggung oleh ahli tanpa menyatakan bagaimana ianya harus dijalankan. Faktor ini jugalah yang menjadikan tindakan terbitan di bawah *Common Law* tidak begitu memberi kebaikan kepada ahli minoriti. Tanpa satu formula yang jelas, ahli minoriti pasti keberatan untuk membawa tindakan. Ini adalah kerana di dalam tindakan terbitan syarikatlah yang akan mendapat sebarang faedah dari kejayaan tindakan.

Masalah-masalah tersebut menjadikan tindakan terbitan di bawah *Common Law* tidak begitu memberangsangkan. Pemakaian rukun ini telah semakin menyekat peluang ahli untuk membawa tindakan. Menurut Professor Sealy, hanya peguam yang sama ada sangat berani atau sangat bodoh sahaja yang akan menasihati anak

²⁴ [1975] 2 WLR389.

guamnya untuk memulakan tindakan terbitan.²⁵ Adalah menjadi pendapat penulis bahawa termaktubnya seksyen 181 ini adalah untuk lari dari kerumitan membawa tindakan di bawah *Common Law*. Pada mata kasarnya, seksyen ini adalah lebih fleksibel kerana ahli hanya perlu membuktikan salah satu dari empat alasan yang diperuntukkan. Apa yang kurang pada seksyen ini berbanding dengan beberapa perundangan syarikat di negara-negara lain ialah kewujudan seksyen ini tidak dapat mengatasi masalah membawa tindakan terbitan di bawah *Common Law*. Ini adalah kerana seksyen 181 hanya melibatkan kesalahan yang dilakukan terhadap pemegang syer dan bukannya syarikat.²⁶

Akta Syarikat Singapura umpamanya, mempunyai peruntukan tambahan yang memberikan ahli hak untuk membawa tindakan terbitan statutori.²⁷ Di bawah peruntukan-peruntukan tersebut, ahli yang ingin membawa tindakan atas nama syarikat boleh berbuat demikian dengan kebenaran mahkamah. Tanpa perlu membuktikan elemen fraud, kecuaian atau sebagainya, pemohon hanya perlu memenuhi tiga syarat iaitu, notis niat telah diberikan, tindakan dibuat dengan suci hati dan ianya untuk kepentingan syarikat. Apa yang paling menariknya di bawah peruntukan tersebut, mahkamah boleh pada bila masa memerintahkan syarikat membayar kos interim termasuklah yuran guaman dan segala perbelanjaan lain.

²⁵ Sealy, Len, Shareholders' Remedies in the Common Law World [1997] *CfLR* 172, hlm. 179, dipetik oleh Mohammad Rizal Salim, The Shareholders' Derivative Action [2000] *1 MLJ* xiiv

²⁶ Mohammad Rizal Salim, *Id.* xivi.

²⁷ Seksyen 216A dan seksyen 216B (Canadian Business Corporations Act di Kanada dan Corporation Law di Australia juga mempunyai peruntukan yang sama); Seksyen 216A di katakan sila rujuk Low Kee Yang, Minority Shareholder Protection: Major Changes Under Singapore Law(1984) 3 *ABLR* 90.

Walaupun begitu, ini tidak bermakna Akta Syarikat 1965 harus membuat modifikasi bagi mengikut trend sezaman. Ini adalah kerana pemaktuban peruntukan yang setara, tidak menjanjikan sebarang kejayaan. Di Kanada, tindakan terbitan statutori ini dikatakan gagal memberikan impak yang dramatik.²⁸ Mereka yang membawa tindakan lebih gemar menggunakan peruntukan remedii bagi penindasan berbanding dengan tindakan terbitan statutori. Fenomena ini dikatakan mungkin berpunca dari faktor prosedur. Ini adalah kerana tindakan di bawah peruntukan penindasan tidak memerlukan mereka melalui prosedur mendapatkan kebenaran mahkamah. Tambahan pula pembuktian elemen penindasan mungkin lebih mudah daripada pembuktian tiga elemen untuk mendapatkan kebenaran mahkamah. Oleh yang demikian sebarang hasrat untuk membuat tambahan peruntukan tindakan terbitan statutori perlu dibuat pemantauan dan kajian akan keberkesanannya terlebih dahulu.

Hak ahli minoriti untuk membawa tindakan sememangnya telah disediakan oleh undang-undang. Walaupun ada beberapa kelemahan, ia seharusnya tidak dijadikan alasan untuk membiarkan diri ditindas. Mungkin koslah merupakan faktor yang paling berpengaruh dalam menentukan sikap ahli. Oleh yang demikian jalan keluar harus dicari. Penggubalan seksyen untuk tindakan terbitan diberi kuasa statutori tidak harus dibuat secara terburu-buru. Berdasarkan contoh dari negara lain yang telah membuat peruntukan tersebut, tindakan terbitan secara statutori bukanlah penyelesaian yang sempurna. Oleh yang demikian kajian terperinci perlu dijalankan terlebih dahulu.

²⁸ Cheffins, Brian R, Shareholder Remedies: Lessons from Canada, 13 Co. Law 89, hlm. 94.

BIBLIOGRAFI

Buku Teks

Aiman Nariman Mohd. Sulaiman, *Directors' Duties and Corporate Governance*, 2001, Sweet & Maxwell Asia.

Aishah Bidin, *Undang-Undang Syarikat Di Malaysia*, 2000, DBP, Kuala Lumpur.

Anandarajah, Kala, *Corporate Governance, A Practical Approach*, 2001, Butterworths Asia, Singapura.

Arjunan, Krishnan dan Low Chee Keong, *Lipton & Herzberg's Understanding Company Law In Malaysia*, 1995, LBC Information Services.

Arjunan, Krisnan, *Company Law In Malaysia, Cases and Commentary*, 1998, MLJ, Kuala Lumpur.

Chew, Margaret, *Minority Shareholder's Rights and Remedies*, 2000, Butterworths, Asia, Singapura.

Dr. Wong Kim Fatt, *Company Resolution*, 2001, Sweet & Maxwell Asia, Singapura.

Farrar John H dan Brenda Hannigan, *Farrar's Company Law*, (Edisi 4), 1998, Butterworths, London.

Ford, H.A.J., *Principles of Company Law* (Edisi 5), 1990, Butterworths, Sydney.

Gower, LCB, (et al.), *Gower's Principles of Modern Company Law* (Edisi 4), 1979, Stevens & Sons, London.

Gower, LCB, *Gower's Principles of Modern Company Law*, (Edisi 5), 1992, Sweet & Maxwell Ltd., London.

Halsbury's Law of England, Vol. 3(2), (Edisi 4 Terbitan Semula), 1989, Butterworths, London.

Hamid Sultan b. Abu Backer, *Janab's Key To Civil Procedure In Malaysia & Singapore*, (Edisi 2), 1995, Janab (M) Sdn. Bhd., Petaling Jaya.

Hanrahan, Pamela, (et al.) , *Commercial Applications of Company Law In Malaysia*, 2002, CCH Asia Pte. Ltd., Singapura.

Hicks, Andrew & Walter Woon, *The Companies Act Of Singapore, An Amolation*, 1989, Butterworths, Singapura.

Kang Shew Meng, *Directors' & Shareholders' Guide on Annual General Meeting*, 2000, MLJ, Kuala Lumpur.

Kang Shew Meng, *Handbook on Company Secretarial Practice*, (Edisi 3), LexisNexis Business Solutions.

Lawton, Philip & Eric R. Rigby, *Meetings: Their Law And Practice* (Edisi 5) 1992, M&E Handbook Series, London.

Lewis, J.R. & Edward Chan, *Law And Procedure Company Meeting In Malaysia*, Asia Centre For Professional Development, Malaysia.

Lipton, P dan A. Herzberg, *Understanding Company Law* (Edisi 5), 1993, The Law Book Co. Ltd.

Loh Siew Cheang, *Corporate Power, Controls, Remedies and Decision-Making*, 1996, MLJ, Kuala Lumpur.

Loh Siew Cheang, *Corporate Power, Accountability*, (Edisi 2), 2002, Butterworths, Kuala Lumpur.

Magnus, S., W. dan M. Estrin, *Companies Law and Practice* (Edisi 5), 1978, Butterworths, London.

Mayson, Stephen W. Derek French & Christopher L. Ryan, *Mayson, French & Ryan On Company Law*, (Edisi 1996-97), Black Stone Press Ltd.

Morse, Geoffrey, *Charlesworth & Morse Company Law*, (Edisi 16), 1999, Sweet & Maxwell, London.

Nik Safiah Karim (*et al.*), *Tatabahasa Dewan*, (Edisi Baru), 2003, DBP, Kuala Lumpur.

Padmanabha Rau, K.V., *Company Law Of Malaysia [Incorporation and Management]*, 2003, ILBS, Petaling Jaya.

Padmanabha Rau, K.V., *Company Law Of Malaysia [Shares, Meetings, Receivers And Managers]*, 2003, ILBS, Petaling Jaya.

Padmanabha Rau, K.V., *Winding-Up of Companies (Cases and Commentaries)*, 2001, ILBS, Kuala Lumpur.

Pennington, Robert R., *Company Law*, (Edisi 6), 1990, Butterworths, London.

Pennington, Robert R, *Pennington's Company Law*, (Edisi 8), 2001, Butterworths, London.

Pillai, Philip N., *Sourcebook of Singapore and Malaysian Company Law* (Edisi 2) 1986, Butterworths, Singapura.

Rachagan, Shanty, Janine Pasce & Anil Joshi, *Principles Of Company Law In Malaysia*, 2002, MLJ, Kuala Lumpur.

Rashidan Hakkam, Mukhtar Kaur & Devindar Chall, *Citation Style for Legal Works*, 1995, Perpustakaan Undang-Undang, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Schmithoff, Clive M, *Palmer's Company Law Vol. 1* (Edisi 24), 1987, Stevens & Sons, London.

Sealy, LS, *Cases and Materials In Company Law*, (Edisi 4), 1989, Butterworths, London.

Sealy, L.S., *Cases and Materials In Company Law* (Edisi 5), 1992, Butterworrths, London.

Shearman, Ian, *Shackleton On The Law And Practice Of Meetings*, (Edisi 7), 1983, Sweet & Maxwell, London.

Welling, Bruce, *Corporate Law In Canada*, (Edisi 2), 19911, Butterworths, Toronto

Willcocks, Peter G., *Shareholders' Rights and Remedies*, 1991, The Federation Press

Woon, Walter, *Company Law*, (Edisi 2), 1998, FT Law & Tax, Singapura.

Woon, Walter, *Undang-Undang Syarikat*, (Terjemahan Aishah Hj. Bidin), 2000, DBP, Kuala Lumpur

Xuereb, Peter G, *The Rights of Shareholders*, 1989, BSP Professional Books, London.

Yap, Priscillia P. Y., *Company Meetings, Law and Practice In Malaysia*, 2001, CCH Asia Pte. Ltd., Singapura.

Artikel-Artikel

Abu Bakar Munir, *Pemegang Syer Minoriti; Perlindungan Di Bawah Seksyen 181 Akta Syarikat 1965*, (1990) Kanun 17.

Aiman Nariman Mohd. Sulaiman, *How Should The Proxy Vote? On Instruction From Member?*, (Sept. – Oktober 2002) the Company Secretary, 5.

Baxter, Colin, *The Role Of The Judge In Enforcing Shareholder Rights*, 1983 Camb. LJ 96.

Brooks, Albie, (et al.), *Issues Associated with Chief Executive Officer Remuneration: Shareholders' Perspective*, (1999) 17 CSLJ 360.

- Carkey, Jim, *Minority Shareholder's Action* [1991] 2 MTC 1.
- Cheffins, Brian R, *Shareholder Remedies: Lessons from Canada*, 13 Co. Law 89.
- Chin, Christian, *Minority Shareholders and Derivative Action*, (2000) Law Gazette 19.
- Edgton, Verdun, *Appointment of Proxies By Electronic Communication: Do companies have to wait for enabling legislation?*, (2000) Co. Law 294.
- Grantham, Ross, *The Unanimous Consent Rule In Company Law*, [1993] Camb. LJ 245.
- Low Kee Yang, *Minority Shareholder Protection: Major Changes Under Singapore Law*, (1984) 3 ABLR 90.
- Mayes, Abla, *Power Of The Court To Convene A Meeting Of Shareholders*, Co. Law 12 Vol. 1.
- Mohammad Rizal Salim, *The Shareholders' Derivative Action* [2000] 1 MLJ xliv.
- Pillai, P.N., *Oppression Of Minority Shareholders: The Singapore And Malaysia Experience*, (1979) 21 Mal. LR 241.
- Rider, B.A.K., *Amiable Lunatics And The Rule In Foss v Harbottle*, (1978) Camb. LJ 270.
- Samsar Kamar Latif, *Legal & Practical Implications of Circular Resolutions*, (March-Apr. 2000) The Company Secretary 3.
- Sealy, L.S., *More Break News For The Minority Shareholder*, (1987) Camb. LJ 398.
- Sealy, Len, *Shareholders' Remedies in the Common Law World* [1997] CfLR 17.
- Sealy, LS, *Shareholders' Agreement – An Endorsement And A Warning From The House of Lords* (1992) Camb. LJ 437.
- Sullivan, G.R., *Restating The Scope Of Derivative Action*, [11085] Camb. LJ 236.
- Tun Haji Razak, *Shareholders' Control Of Directors' Powers: A Judicial Innovation?*, (1967) 330 MLR 77.
- Wedderburn, K.W., *Shareholders' Rights And The Rule In Foss v Harbottle* [1957] CLJ 194.
- Wedderburn, K.W., *Minority Shareholders And Directors' Duties*, (11978) 41 MLR 569.

Kertas-kertas Seminar

Rohatgi, K.B., *Protection Of Minority Shareholders*, 17th. Malaysian Law Conference, 31 Oktober - 2 November 1983, Kuala Lumpur.

Tommy, Thomas, *Protection Of Minority Shareholders*, 17th. Malaysian Law Conference, 31 Oktober - 2 November 1983, Kuala Lumpur.

Zulkifli bin Mahmood, *Protection Of Minority Shareholders*, 17th. Malaysian Law Conference, 31 Oktober - 2 November 1983, Kuala Lumpur.

Seminar Dihadiri

Company Directors' Training Programme, 3 - 4 Jun 2002, Ipoh, Perak.

Law And Best Practice For Meetings, 4 April 2003, Ipoh, Perak.

Daftar-daftar Istilah

Daftar Istilah Undang-Undang, 1990, Bahagian Penyelidikan Dan Sekretariat Bahasa Malaysia, Mahkamah Agung Malaysia.

Istilah Undang-Undang (Edisi Semakan), 1986, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Jaques, Rachel (et al.), *Istilah Undang-Undang* (Edisi 4), 2003, Sweet & Maxwell, Kuala Lumpur.

Tesis / Disertasi

Athinathan, M., *Minority Protection And Section 118(1) of The Companies Act 1965*, (Disertasi, UM), 1998, K668 Ath.

Laman web

Bursa Saham Kuala Lumpur, Listing Requirements of Kuala Lumpur Stock Exchange<<http://www.klse.com.my>

Rous, Simon, Minority Shareholders, The Legal Background
<<http://www.bevan.ashford.co.uk/seminars/presentations/shareholder/sld001.htm>

Suruhanjaya Sekuriti, Shareholders' Rights And Responsibilities In General Meeting
<<http://www.sc.gov.my>

Tapley, Mark, How Many Shareholders Should It Take To Call A Meeting?
<<http://www.aph.gov.au/libraary/pubss/n/2001-022rrm.118htm>.

Keratan Akhbar

Utusan Malaysia, 27hb. Jun, 2002.